BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

KEPERLUAN BERKANUN

Mengikut seksyen 13 Akta Bank Negara Malaysia 2009, Bank Negara Malaysia dengan ini menerbitkan dan telah mengemukakan kepada Menteri Kewangan satu naskhah Laporan Tahunan ini berserta dengan satu salinan Penyata Kewangan Tahunannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2011, yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Penyata Kewangan Tahunan ini akan juga diterbitkan di dalam Warta.

Bagi maksud seksyen 115 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, laporan tahunan berhubung dengan pentadbiran Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 2011 dimasukkan ke dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2011 yang merupakan satu bahagian penting Laporan Tahunan 2011.



Zeti Akhtar Aziz
Pengerusi
Lembaga Pengarah

21 Mac 2012

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
D.K. (Johor), P.S.M., S.S.A.P., S.U.M.W., D.P.M.J.
Gabenor dan Pengerusi

Dato' Mohd Razif bin Abd Kadir (sehingga Ogos 2011)*
D.P.M.S., D.I.M.P., D.P.M.P.
Timbalan Gabenor

Dato' Muhammad bin Ibrahim
D.P.M.S.
Timbalan Gabenor

Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus
P.M.W.
Timbalan Gabenor

Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
P.S.M., S.P.S.K., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P.S.K., P.N.B.S., S.M.W., A.M.N.

Datuk Oh Siew Nam
P.J.N.

Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang bin Mohd. Nor
P.S.M., D.A., P.N.B.S., J.S.M., J.B.S., A.M.N., P.B.J., P.P.D.(Emas)

Dato' N. Sadasivan
D.P.M.P., J.S.M., K.M.N.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman bin Mahbob
P.S.M., P.J.N., S.S.A.P., D.J.B.S., J.S.M., S.M.J., P.M.P., K.M.N., A.M.N.

Encik Chin Kwai Yoong

** Allahyarham Dato' Mohd Razif bin Abd Kadir telah kembali ke rahmatullah pada 8 Ogos 2011*

Gabenor	Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Timbalan Gabenor	Dato' Muhammad bin Ibrahim
Timbalan Gabenor	Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus
Setiausaha Lembaga Pengarah	Abu Hassan Alshari bin Yahaya
Penolong Gabenor	Dr. Sukhdave Singh
Penolong Gabenor	Bakarudin bin Ishak
Penolong Gabenor	Norzila binti Abdul Aziz
Penolong Gabenor	Jessica Chew Cheng Lian
Penolong Gabenor	Donald Joshua Jaganathan
Penolong Gabenor	Abu Hassan Alshari bin Yahaya
Penolong Gabenor	Marzunisham bin Omar
Pengarah	
Pejabat Gabenor	Vivienne Leong Sook Leng
Komunikasi Strategik	Shariffuddin bin Khalid
Audit Dalam	Tan Nyat Chuan
Ekonomi	
Ekonomi	Fraziali bin Ismail
Analisis dan Strategi Monetari	Dr. Norhana binti Endut
Antarabangsa	Nazrul Hisyam bin Mohd Noh
Perkhidmatan Statistik	Toh Hock Chai
Pengawalan	
Pembangunan Sektor Kewangan	S. Abd. Rasheed bin S. Abd Ghafur
Perbankan Islam dan Takaful	Wan Mohd Nazri bin Wan Osman
Pemantauan dan Pengawasan Kewangan	Madelena binti Mohamed
Dasar Kewangan Pruden	Mohd Zabidi bin Md Nor
Kewangan Pembangunan dan Enterpris	Kamari Zaman bin Juhari
Dasar Sistem Pembayaran	Cheah Kim Ling
Konsumer dan Amalan Pasaran	Suhaimi bin Ali
Pengawalan Perkhidmatan Perniagaan Wang	Shahariah binti Othman
Penyeliaan	
Penyeliaan Konglomerat Kewangan	Che Zakiah binti Che Din
Penyeliaan Insurans dan Takaful	Yap Lai Kuen
Penyeliaan Perbankan	Marina binti Abdul Kahar
Unit Pakar Risiko	Charles Sandanasamy*
Penyiasatan Khas	Jeremy Lee Eng Huat
Perisikan Kewangan	Aznan bin Abdul Aziz
Pelaburan dan Operasi	
Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan	Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid
Pentadbiran Pertukaran Asing	Shamsuddin bin Mohd Mahayidin
Pengurusan dan Operasi Matawang	Azman bin Mat Ali
Pembangunan Organisasi	
Pengurusan Strategik dan Risiko	Mohd. Adhari bin Belal Din
Modal Insan Strategik	Jennora Bahari
Kewangan	Eugene Hon Kah Weng
Undang-Undang	—
Pusat Pembangunan Modal Insan	Arlina binti Ariff
LINK dan Pejabat Wilayah	Wan Hanisah binti Wan Ibrahim
Perkhidmatan IT	Alizah binti Ali
Perkhidmatan Perbankan Pusat	Thomas Tan Koon Peng
Unit Promosi MIFC	Nik Mohamed Din bin Nik Musa
Perkhidmatan Sokongan Berpusat	
Pengurus Besar	Dato' Mohd Nor bin Mashor
Timbalan Pengurus Besar	Myrzela binti Sabtu
Pengurusan Fasiliti	Azmi bin Abd Hamid
Perkhidmatan Korporat	Lim Foo Thai
Keselamatan	Mior Mohd Zain bin Mior Mohd Tahir
Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia	Lucien de Guise
Ketua Perwakilan	
Pejabat Perwakilan Beijing	Albert See Choon Kwang
Pejabat Perwakilan London	—
Pejabat Perwakilan New York	Khairuzin bin Mohd Arif
Pejabat Wilayah	
Johor Bahru	Raman a/l Krishnan
Pulau Pinang	Zambre bin Ismail
Pengurus Cawangan	
Kota Kinabalu	Ishak bin Musa
Kuching	Rosnani binti Mahamad Zain
Shah Alam	Yusoff bin Yahaya
Kuala Terengganu	Omar bin Moin

*Ketua (secara pentadbiran)

Kandungan

PERUTUSAN GABENOR

RINGKASAN EKSEKUTIF

PERKEMBANGAN EKONOMI PADA TAHUN 2011

13 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
18 Ekonomi Malaysia
19 Keadaan Permintaan Dalam Negeri
20 *Rencana: Dinamik Pendapatan Isi Rumah dan Hubungannya dengan Penggunaan Swasta*
26 *Rencana: Evolusi Stok Modal di Malaysia*
30 Kajian Mengikut Sektor
36 Sektor Luar Negeri
37 *Rencana: Perubahan Struktur Eksport Malaysia*
51 Perkembangan Pasaran Pekerja
53 Perkembangan Harga
57 *Rencana: Penularan Harga Komoditi Dunia terhadap Inflasi di Malaysia*
61 *Rencana: Liberalisasi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing untuk Meningkatkan Daya Saing Ekonomi Malaysia*

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN

67 Keadaan Monetari dan Kewangan Antarabangsa
71 Keadaan Monetari dan Kewangan Dalam Negeri
78 Pembiayaan Ekonomi
81 *Rencana: Mata Wang Malaysia Siri Baharu*

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2011

87 Dasar Monetari
91 Operasi Monetari

PROSPEK DAN DASAR PADA TAHUN 2012

97 Prospek Ekonomi Antarabangsa
100 *Rencana: Kesan Krisis Hutang Kerajaan di Eropah kepada Malaysia*
104 Ekonomi Malaysia
105 *Rencana: Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia*
115 Dasar Monetari
117 *Rencana: Kesan Penambahan Nilai Ringgit Terhadap Harga Import dan Inflasi*
122 Dasar Fiskal

TADBIR URUS, KOMUNIKASI DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

127 Tadbir Urus
132 Pembangunan Organisasi
134 *Rencana: Pelan Urusan Bank Negara Malaysia 2009-2011*
139 Komunikasi
143 Struktur Organisasi

PENYATA KEWANGAN TAHUNAN

150 Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2011
151 Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011
152 Nota-nota bagi Penyata Kewangan

TAMBAHAN

PERUTUSAN GABENOR

Sambil melangkah masuk ke tahun 2012, ekonomi dunia berhadapan dengan cabaran untuk menguruskan pemulihan ekonomi yang berterusan dalam persekitaran global yang sangat mencabar. Reformasi kewangan antarabangsa dan pelarasan struktur yang diperlukan dalam beberapa ekonomi utama dijangka bukan sahaja menyumbang kepada ketidaktentuan yang semakin ketara dalam pasaran kewangan antarabangsa bahkan mungkin mempunyai implikasi negatif terhadap pertumbuhan ekonomi global keseluruhan dalam jangka masa terdekat. Walaupun terdapat tanda-tanda positif bahawa keadaan pasaran kewangan antarabangsa dan ekonomi utama telah bertambah baik dalam bulan-bulan kebelakangan ini, pelaksanaan fiskal yang berhemat, pengurangan hutang yang berterusan oleh sektor awam dan swasta, serta penstrukturan semula ekonomi dan kesan buruk terhadap ekonomi dalam jangka pendek, dijangka boleh menghalang potensi pemulihan ekonomi.

Sebagai ekonomi yang sangat terbuka, Malaysia tidak terlindung daripada perkembangan-perkembangan ini. Prestasi ekonomi keseluruhan akan terjejas oleh kelemahan dalam permintaan luar negeri, manakala tahap mudah tunai global yang tinggi juga boleh menimbulkan risiko yang berpunca daripada aliran modal merentas sempadan yang besar yang mempunyai implikasi terhadap pasaran kewangan domestik dan ekonomi. Dalam persekitaran ini, pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah semakin disokong oleh kekukuhan permintaan dalam negeri. Asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh adalah hasil pelaksanaan dasar-dasar yang wajar sejak sedekad yang lalu, yang diambil semasa tempoh kestabilan dan pertumbuhan yang secara relatif baik, untuk menyusun semula ekonomi serta membuat perubahan dan memperkukuh sistem kewangan negara.

Struktur ekonomi negara ternyata telah menjadi lebih pelbagai, dengan permintaan dalam negeri kini menjadi pemacu pertumbuhan yang penting manakala struktur eksport juga telah dipelbagaikan dengan nyata susulan hubungan perdagangan yang lebih meluas dengan ekonomi sedang pesat membangun. Sistem kewangan Malaysia juga telah menjadi lebih maju, berdaya saing dan berdaya tahan, melalui pembinaan institusi, pembangunan infrastruktur kewangan serta pengurangan tahap pengawalseliaan dan liberalisasi yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Paras tabungan yang tinggi, pengangguran yang rendah, kedudukan luar yang kukuh dan hutang luar negeri yang rendah serta paras rizab antarabangsa yang tinggi, juga telah mengukuhkan keupayaan ekonomi dalam negeri dan keupayaannya untuk menghadapi kesan ketidakstabilan ekoran perkembangan luaran.

Meskipun kesemua ini telah menyediakan asas yang kukuh untuk menyokong pertumbuhan negara pada masa hadapan, faktor yang sama penting ialah peranan dasar-dasar makroekonomi. Sejak bermulanya krisis kewangan global, penggubal dasar di seluruh dunia telah mengkaji semula rangka kerja dasar makroekonomi yang sesuai, meliputi aspek dasar monetari dan kemampanan fiskal hinggalah dasar kehematan makro untuk menggalakkan kestabilan kewangan. Pendekatan yang digunakan dalam pengurusan makroekonomi sentiasa berteraskan matlamat yang hendak dicapai, dan mempunyai kuasa dan instrumen yang diperlukan untuk mencapai hasil yang dikehendaki. Juga penting ialah sistem kewangan yang berfungsi dengan cekap dan dengan itu juga mekanisme transmisi bagi dasar-dasar. Sebagai langkah awalan dan antisipatori, Bank telah terus memperkukuh keupayaan pengawasannya dan pemahaman mengenai persekitaran operasi dan risikonya. Juga penting ialah mempunyai fokus jangka panjang yang melangkaui kitaran perniagaan, khususnya yang berkaitan dengan perkembangan yang berubah-ubah dan perubahan struktur yang menjejaskan ekonomi.

Sementara fokus dasar monetari akan terus diberikan pada usaha memelihara kestabilan harga dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi yang mampan, pertimbangan yang penting adalah untuk mengekang pembentukan ketidakstabilan kewangan. Meskipun inflasi pada tahun 2011 dan pada awal tahun 2012 telah menunjukkan trend yang semakin sederhana, risiko kenaikan harga komoditi dan harga tenaga tidak boleh disangkal. Walau bagaimanapun, kemungkinan risiko pertumbuhan yang lebih perlahan juga masih wujud. Walaupun tahap akomodasi monetari telah diselaraskan pada tahun 2011 bagi menaikkan kadar faedah secara beransur-ansur daripada 2% kepada 3%, pendirian dasar monetari masih lagi akomodatif. Langkah mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar adalah terutamanya untuk mengelakkan daripada pembentukan ketidakseimbangan kewangan. Pada tahun 2011, cabaran juga timbul daripada aliran modal yang besar dan tidak menentu. Bagi menangani risiko yang berkaitan dengan pembentukan lebihan mudah tunai dalam sistem kewangan domestik, operasi pensterilan telah diperkukuh melalui kenaikan dalam Keperluan Rizab Berkanun dan pelaksanaan pelbagai langkah kehematan makro.

Dasar fiskal juga merupakan komponen penting dalam dasar makroekonomi dalam negeri. Seperti negara-negara lain, cabarannya adalah untuk mencapai kemampanan fiskal dan mengawal defisit fiskal dan keberhutangan sektor awam sambil menyokong pertumbuhan ekonomi dalam negeri dan memudahkan transformasi ekonomi jangka panjang. Di Malaysia, trend yang ada ialah pengurangan ketidakseimbangan fiskal secara beransur-ansur. Proses pengurangan secara beransur-ansur ini dapat dilaksanakan memandangkan paras keberhutangan yang secara relatifnya lebih rendah, terutamanya paras peminjaman luaran yang rendah oleh sektor awam. Sejajar dengan langkah Kerajaan mengurangkan peranannya dalam ekonomi, peranan sektor swasta dengan itu akan menjadi semakin penting. Oleh itu, peranan Kerajaan dalam ekonomi akan berubah ke arah mempermudah persekitaran yang menyokong aktiviti ekonomi sektor swasta. Meskipun perbelanjaan awam perlu lebih berhemat, sumbangan sektor awam kepada pertumbuhan adalah melalui peningkatan kecekapan dan keberkesanannya sambil juga terus menyokong kesejahteraan sosioekonomi dan pelaburan sektor awam yang seterusnya meningkatkan potensi pertumbuhan ekonomi negara.

Perhatian sedang diberikan kepada transformasi ekonomi untuk mengekalkan kerelevanan dan daya saing ekonomi Malaysia pada jangka panjang. Malaysia beraspirasi untuk maju ke hadapan ke arah menjadi ekonomi yang berpendapatan tinggi, serta bernilai tambah tinggi pada dekad

yang akan datang. Pertumbuhan ini perlu disokong oleh inovasi yang lebih tinggi, serta produktiviti dan kecekapan yang dipertingkat. Dalam hal ini, inisiatif telah pun dilaksanakan untuk menghapus kekangan yang mungkin menghalang transformasi ekonomi ini. Inisiatif utama untuk mengatasi masalah ini adalah dalam bidang pembangunan modal insan, membangunkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan berdaya saing, dan mewujudkan infrastruktur yang bersesuaian untuk sebuah ekonomi moden. Melangkah ke hadapan, Pelan Sektor Kewangan yang dirumuskan oleh Bank telah dilancarkan pada akhir tahun 2011, menggariskan hala tuju untuk pembangunan sektor kewangan pada dekad yang akan datang. Khususnya, Pelan ini memberi tumpuan pada memperkukuh keberkesanan pengantaraan kewangan dalam persekitaran yang baharu ini, terutamanya dalam bidang-bidang pertumbuhan baharu dan untuk menyokong kesalinghubungan ekonomi dan kewangan yang lebih meluas dengan ekonomi di rantau ini serta antarabangsa.

Pada tahun 2011, langkah-langkah terus dilaksanakan oleh Bank untuk meliberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing bagi membolehkan pengurusan pertukaran asing yang lebih baik oleh sektor swasta dalam persekitaran kewangan dan ekonomi yang hubungannya dengan negara-negara lain semakin kukuh. Liberalisasi ini juga bertujuan untuk mengurangkan kos urus niaga pertukaran asing dan meningkatkan daya saing ekonomi negara. Melangkah ke hadapan, usaha akan diteruskan untuk membangunkan pasaran pertukaran asing dan infrastruktur pembayaran bagi membolehkan penyelesaian dalam pelbagai mata wang. Dalam persekitaran aliran modal yang tidak menentu ini, pasaran wang, bon, ekuiti dan pertukaran asing Malaysia telah menunjukkan keupayaan untuk mengantara aliran-aliran tersebut dan terus menyokong aliran perdagangan dan kewangan dua hala dari dan kepada negara-negara lain.

Tahun 2011 juga telah menyaksikan kemajuan selanjutnya dalam usaha ke arah integrasi kewangan serantau yang lebih mendalam. Dorongan utama adalah untuk mengantara dengan lebih berkesan lebihan dana dari dalam rantau ke pelaburan yang produktif di rantau itu sendiri. Bagi rantau ASEAN, Rangka Kerja Integrasi Kewangan ASEAN sedang diperkenalkan dengan tujuan untuk mempercepat proses integrasi kewangan dan pengukuhan platform untuk berhubung dengan negara-negara lain. Dalam tempoh yang menyaksikan kestabilan dan pertumbuhan rantau ASEAN secara relatif, peluang juga diambil untuk mengukuhkan pengaturan serantau bagi kestabilan kewangan. Bank adalah komited dan aktif dalam menyertai usaha ini. Bank telah menyertai pengaturan bilateral yang dimulakan oleh bank-bank pusat EMEAP untuk menggalakkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan yang lebih berkesan. Pengaturan cagaran merentas sempadan ini juga disokong oleh usaha pengawasan serantau yang aktif, yang diperkukuh oleh usaha untuk membangunkan rangka kerja pengurusan krisis yang bersepadu untuk rantau ini.

Dari segi organisasi, Bank telah memasuki fasa ketiga transformasi organisasi pada dekad ini. Perubahan telah dibuat kepada struktur dan amalan tadbir urus serta pengurusan dan pembangunan modal insan. Ini telah diperkukuh oleh rangka kerja ganjaran dan struktur pentadbiran korporat dalaman yang baharu. Secara terkumpul, ini bertujuan untuk mengukuhkan keberkesanan, kecekapan dan kesepaduan Bank. Akta Bank Negara Malaysia 2009, yang terus beroperasi pada tahun ini, memberi tumpuan yang lebih kepada tadbir urus dan kebertanggungjawaban di Bank. Pada tahun 2011, peranan Lembaga Pengarah telah dipertingkat lagi untuk menyediakan pengawasan selanjutnya, khususnya terhadap pengurusan risiko oleh Bank,

penggunaan sumber-sumber untuk melaksanakan mandat, dan mewujudkan langkah-langkah kawalan yang perlu dan Pelan Kesinambungan Perniagaan bagi memastikan tahap kesediaan Bank untuk menghadapi pelbagai kemungkinan.

Dengan mandat yang lebih jelas terkandung dalam Akta, pelaksanaan Pelan Urusan untuk tempoh tiga tahun yang berakhir pada tahun 2011, telah diperkukuh lagi. Pelan ini memberi fokus yang strategik dan penanda aras untuk menilai pencapaian Bank dalam tempoh ini. Pelan Urusan 2012 - 2014 baharu yang diperkenalkan awal tahun ini telah menetapkan matlamat dan hasil serta struktur laporan. Dalam pengurusan modal insan, satu rangka kerja baharu sedang diperkenalkan untuk mengiktiraf pengkhususan peranan melalui kumpulan kerja dan ganjaran yang dibezakan. Pembangunan yang disasarkan akan melengkapi rangka kerja pembangunan semasa ini untuk mempercepat kesediaan tenaga mahir di Bank. Sama penting di Bank ialah nilai-nilai budaya korporat yang kita dukung. Pada tahun ini, kita juga telah menambah baik Kod Tata Kelakuan (Code of Conduct) kepada Kod Etika (Code of Ethics) yang baharu berikutan persekitaran operasi Bank yang lebih kompleks dan berubah-ubah dengan ketara. Dalam Bank melaksanakan fungsi pengeluaran mata wang, pencapaian penting pada tahun ini ialah pelancaran wang kertas dan duit syiling baharu dengan ciri keselamatan yang terkini. Pada tahun 2011, Sasana Kijang telah dibuka sebagai pusat untuk menggalakkan kerjasama serantau dan antarabangsa yang lebih rapat dalam bidang perbankan pusat dan kewangan. Bangunan ini juga menempatkan Galeri Seni dan Muzium Numismatik Bank.

Pada dasarnya, di tengah-tengah persekitaran yang semakin mencabar dan berubah-ubah, keberkesanan organisasi adalah amat penting untuk memastikan keupayaan Bank memenuhi tanggungjawabnya dengan cemerlang pada peringkat tertinggi. Tenaga kerja yang padu dan berdedikasi terhadap prestasi adalah antara pencapaian penting Bank. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan penghargaan kami kepada semua kakitangan Bank atas usaha gigih, dedikasi dan komitmen mereka untuk memastikan Bank terus berkhidmat demi kepentingan negara. Saya juga berterima kasih kepada Lembaga Pengarah, yang merupakan bahagian penting dalam tadbir urus Bank, atas sokongan yang diberikan. Melangkah ke hadapan, Bank akan terus berusaha untuk mencapai tahap kecemerlangan tertinggi dalam memenuhi tanggungjawab dan untuk melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada Bank.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
21 Mac 2012

2021

RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Ekonomi global berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada tahun 2011 selepas pemulihan yang kukuh pada tahun 2010. Momentum pertumbuhan telah terjejas akibat kelemahan struktur dan isu fiskal yang berterusan dalam ekonomi maju, perkembangan geopolitik di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara serta impak bencana alam yang mengakibatkan gangguan terhadap pengeluaran perkilangan global. Perkembangan ini telah tersebar luas dalam pasaran kewangan antarabangsa dan menyumbang kepada ketidaktentuan yang ketara sepanjang tahun itu. Meskipun persekitaran luar yang kurang menggalakkan, ekonomi-ekonomi yang sedang pesat membangun terus mencatat pertumbuhan kukuh yang didorong oleh aktiviti dalam negeri. Pada masa yang sama, ekonomi sedang pesat membangun menghadapi cabaran turun naik aliran modal dan tekanan inflasi yang semakin meningkat. Dalam persekitaran ini, ekonomi Malaysia terus mencatat pertumbuhan yang stabil, disokong oleh peningkatan aktiviti dalam negeri dan permintaan serantau yang teguh. Laporan Tahunan ini memberikan analisis terperinci mengenai perkembangan dalam ekonomi Malaysia dan dasar yang dilaksanakan oleh Bank sepanjang tahun 2011, serta penilaian terhadap prospek ekonomi yang berlatarkan perkembangan yang sedang berlaku dalam landskap ekonomi dan kewangan global, serta cabaran utama pada masa hadapan. Laporan ini juga memaparkan perubahan organisasi yang berlaku dalam Bank untuk mengukuhkan tadbir urus dan keupayaan organisasi melalui peningkatan dalam pengurusan strategik, pengurusan risiko dan pembangunan tenaga mahir.

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2011

Ekonomi Malaysia mencatat kadar pertumbuhan yang stabil sebanyak 5.1% pada tahun 2011 (2010: 7.2%), walaupun terdapat persekitaran ekonomi antarabangsa yang mencabar. Pertumbuhan lebih sederhana pada separuh tahun pertama, terutama sekali pada suku kedua, disebabkan ekonomi terjejas oleh kelemahan yang menyeluruh dalam ekonomi maju dan gangguan dalam rantaian bekalan perkilangan global yang disebabkan oleh bencana di Jepun. Walaupun persekitaran ekonomi global menjadi semakin mencabar dan tidak menentu pada separuh tahun kedua, pertumbuhan ekonomi Malaysia bertambah baik disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh.

Permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.2% pada tahun 2011 (2010: 6.3%), didorong oleh perbelanjaan sektor isi rumah dan perniagaan serta penggunaan sektor awam yang lebih tinggi. Penggunaan swasta semakin kukuh pada tahun 2011, dengan mencatat peningkatan sebanyak 6.9% (2010: 6.5%), yang disokong oleh pertumbuhan yang menyeluruh dalam pendapatan berikutan keadaan pasaran pekerja yang secara keseluruhannya bertambah baik dan harga komoditi yang lebih tinggi.

Pelaburan swasta berkembang sebanyak 14.4% pada tahun 2011 (2010: 17.7%). Perbelanjaan modal yang lebih tinggi adalah ketara dalam semua sektor, terutamanya pada separuh tahun pertama, didorong sebahagian besarnya oleh permintaan dalam negeri yang kukuh. Walau bagaimanapun, momentum pelaburan yang kukuh mula menjadi sederhana sedikit menjelang separuh tahun kedua, terutama sekali dalam sektor perkilangan, berikutan ketidakpastian yang meningkat dalam persekitaran ekonomi global.

Sektor awam terus menyokong pertumbuhan pada tahun itu. Penggunaan sektor awam berkembang sebanyak 16.8% pada tahun 2011 (2010: 0.5%), berikutan perbelanjaan awam yang lebih tinggi bagi emolumen, bekalan dan perkhidmatan, serta pembayaran bonus sebulan gaji pada tahun itu. Pelaburan awam, bagaimanapun, menguncup sebanyak 2.4% pada tahun 2011 (2010: 2.8%) ekoran pakej rangsangan kedua yang luput pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, perbelanjaan modal oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK) kekal kukuh, sekali gus memberikan sokongan kepada pelaburan awam secara keseluruhan.

Dari segi penawaran, pertumbuhan secara keseluruhannya mampan pada tahun 2011 disebabkan oleh aktiviti yang kukuh dalam

sektor berorientasikan dalam negeri. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan dalam keadaan permintaan dalam negeri yang kukuh sepanjang tahun itu. Sektor tersebut mencatat pertumbuhan yang mampan sebanyak 6.8% pada tahun 2011 (2010: 6.8%) untuk menyumbang 3.9 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan. Subsektor borong dan runcit terus mencatat prestasi yang stabil, disokong oleh penggunaan swasta yang kukuh. Sementara itu, subsektor kewangan dan insurans mencatat peningkatan yang mantap berikutan prestasi kukuh dalam pemberian pinjaman dan kutipan premium insurans yang meningkat.

Sektor perkilangan terus berkembang, meskipun pada kadar yang lebih sederhana (2011: 4.5%; 2010: 11.4%) disebabkan oleh pertumbuhan dalam industri berorientasikan dalam negeri yang lebih daripada mengatasi kelemahan dalam industri berorientasikan eksport. Permintaan luar negeri yang lemah, terutamanya dari ekonomi maju telah menjejaskan prestasi industri berorientasikan eksport. Gangguan bekalan turut menyumbang kepada prestasi sektor perkilangan yang lebih rendah. Namun, industri berorientasikan dalam negeri kekal berdaya tahan, disokong oleh keadaan permintaan dalam negeri yang menggalakkan.

Sektor pembinaan berkembang pada kadar yang sederhana sebanyak 3.5% pada tahun 2011 (2010: 5.1%) disebabkan oleh aktiviti yang lebih perlahan dalam subsektor kejuruteraan awam dan bukan kediaman. Subsektor kejuruteraan awam dan perdagangan khas mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan berikutan penyiapan projek-projek lebuh raya utama serta kerja-kerja penyelenggaraan dan penaikan taraf di bawah pakej rangsangan kedua. Pertumbuhan dalam subsektor bukan kediaman juga menjadi sederhana selepas pertumbuhan dua angka yang kukuh pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan terjejas oleh kebimbangan terhadap lebihan dalam bekalan ruang pejabat, khususnya di Lembah Klang. Prestasi subsektor kediaman nyata bertambah baik, dengan pertumbuhan kembali meningkat. Purata harga rumah negara meningkat pada kadar yang lebih pesat sebanyak 8.6% pada tiga suku pertama tahun 2011 (2010: 6.7%), jauh lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan purata 3.7% antara tahun 2000 hingga 2010.

Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan berkembang pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 5.6% pada tahun 2011, disokong oleh pemulihan dalam pengeluaran minyak sawit mentah (MSM). Pengeluaran MSM meningkat sebanyak 11.3% kepada 18.9 juta tan metrik kerana keadaan cuaca yang baik dan harga yang kukuh. Pengeluaran tanaman utama lain seperti getah dan tanaman makanan kekal teguh, didorong oleh permintaan serantau dan dalam negeri yang kukuh.

Nilai ditambah dalam sektor perlombongan menguncup sebanyak 5.7% pada tahun 2011, mencerminkan penurunan dalam pengeluaran minyak mentah dan kondensat. Penurunan ini disebabkan oleh penutupan beberapa loji pengeluaran untuk tujuan penyelenggaraan, kemerosotan pengeluaran medan minyak yang telah matang, dan pengeluaran lebih rendah daripada yang dijangkakan daripada medan minyak baharu. Walaupun permintaan dari Jepun lebih tinggi berikutan bencana alam pada bulan Mac, pengeluaran gas asli hanya meningkat sedikit, disebabkan pengeluaran yang terjejas akibat penutupan kemudahan pemprosesan gas di Semenanjung Malaysia.

Keadaan pasaran pekerja secara keseluruhannya bertambah baik pada tahun 2011, seperti yang ditunjukkan oleh pertambahan dalam guna tenaga dan jumlah jawatan kosong yang lebih tinggi. Kadar pengangguran menurun kepada 3.1% daripada tenaga kerja pada tahun 2011, daripada 3.3% pada tahun sebelumnya. Ini merupakan kadar tahunan terendah yang dicatat sejak tahun 2000.

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), berpurata pada 3.2% pada tahun 2011 (2010: 1.7%). Inflasi yang meningkat pada separuh tahun pertama disebabkan terutamanya oleh faktor penawaran yang berpunca daripada harga makanan yang lebih tinggi dan pelarasan menaik ke atas harga ditadbir. Inflasi memuncak sebanyak 3.5% pada bulan Jun dan kemudiannya stabil pada separuh kedua tahun 2011 apabila impak daripada pelarasan naik terhadap harga produk petroleum dan gula berkurang secara beransur-ansur. Inflasi teras, iaitu penunjuk tekanan harga berasaskan permintaan, meningkat kepada 2.7% pada tahun 2011 (2010: 1.5%).

Kedudukan luaran Malaysia menjadi lebih kukuh pada tahun 2011 meskipun persekitaran luaran adalah sukar. Imbangan pembayaran secara

keseluruhannya kembali pulih dan mencatat kedudukan lebihan yang tinggi dengan akaun semasa sekali lagi mencatat lebihan yang besar, sementara akaun kewangan bertukar arah untuk mencatat kedudukan aliran masuk bersih. Prestasi akaun semasa yang positif disokong oleh lebihan perdagangan yang lebih besar, disebabkan terutamanya oleh eksport komoditi yang kukuh berikutan harga komoditi yang lebih tinggi, dan aliran keluar pendapatan bersih yang lebih rendah. Pemulihan dalam akaun kewangan sebahagian besarnya disebabkan oleh pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) yang berterusan dan aliran masuk dana portfolio, berikutan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh.

Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM97.9 bilion atau 11.8% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) daripada RM88.1 bilion atau 11.9% daripada PNK pada tahun 2010. Ini mencerminkan lebihan perdagangan yang lebih tinggi hasil daripada pengembangan yang berterusan dalam eksport komoditi dan keluaran perkilangan bukan elektronik dan elektrik (E&E). Namun, sejajar dengan pertumbuhan yang sederhana dalam ekonomi maju dan ketidakpastian yang meningkat dalam pasaran kewangan global, eksport kasar berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 8.7% pada tahun 2011 (2010: 15.6%). Penyederhanaan dalam eksport kasar adalah disebabkan terutamanya oleh penguncupan dalam eksport keluaran E&E. Pertumbuhan yang lebih rendah dalam eksport perkilangan terutamanya mencerminkan permintaan luar negeri yang lebih lemah. Walau bagaimanapun, permintaan serantau yang teguh dan harga komoditi yang menggalakkan telah memberi sokongan yang diperlukan kepada eksport komoditi serta keluaran berasaskan sumber bukan E&E.

Pada tahun 2011, akaun kewangan telah bertukar arah daripada mencatat kedudukan aliran keluar bersih kepada aliran masuk bersih sebanyak RM15.5 bilion (2010: -RM19.9 bilion), sebahagian besarnya disebabkan oleh aliran masuk FDI dan dana portfolio yang berterusan. Walaupun ketidakpastian yang makin ketara dalam pasaran kewangan global, aliran masuk portfolio terus disokong oleh prospek pertumbuhan yang kukuh di rantau ini, serta jangkaan penambahan nilai mata wang serantau. Yang penting, aliran masuk FDI juga adalah lebih tinggi berikutan keadaan ekonomi dalam negeri yang kukuh dan keberuntungan korporat yang lebih tinggi. Begitu juga, pelaburan langsung luar negeri (direct investment abroad, DIA) oleh syarikat-syarikat Malaysia adalah lebih tinggi terutamanya hasil daripada pengembangan operasi perniagaan yang sedia ada di luar negeri. Aliran keluar pelaburan lain, yang sebahagian besarnya mencerminkan aliran sektor swasta, menjadi sederhana dengan ketara pada tahun itu.

Pada 31 Disember 2011, rizab antarabangsa bersih berjumlah RM423.3 bilion (bersamaan dengan USD133.6 bilion), yang memadai untuk membiayai 9.6 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar jangka pendek. Pada 29 Februari 2012, paras rizab berjumlah RM426.7 bilion (bersamaan dengan USD134.7 bilion), yang memadai untuk membiayai 9.4 bulan import tertangguh dan merupakan 4.1 kali hutang luar jangka pendek. Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank tetap boleh digunakan dan tiada halangan untuk menggunakannya.

Jumlah hutang luar negeri Malaysia meningkat kepada RM257.2 bilion (atau USD80.4 bilion), bersamaan dengan 31% daripada PNK pada akhir tahun 2011 (2010: RM227.1 bilion). Paras ini mencerminkan peningkatan dalam hutang jangka sederhana dan panjang serta jangka pendek. Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang yang meningkat mencerminkan terutamanya ambilan bersih pinjaman luar negeri oleh Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta. Pada bulan Julai 2011, Kerajaan Persekutuan telah berjaya menerbitkan Sukuk Wakala Global dua tranche (5 tahun dan 10 tahun) berjumlah USD2 bilion. Terbitan ini merupakan terbitan sukuk berdaulat dalam denominasi dolar AS yang ketiga bagi Malaysia, selepas Terbitan Sukuk Global terdahulu pada tahun 2010. Pada tahun 2011, hutang luar negeri jangka pendek terkumpul meningkat kepada RM103.9 bilion (2010: RM79.4 bilion), disebabkan terutamanya oleh pinjaman antara bank yang meningkat. Walau bagaimanapun, dedahan hutang luar negeri jangka pendek masih agak kecil, mencakupi hanya 12.5% daripada PNK, 24.5% daripada rizab antarabangsa dan 12.9% daripada eksport barangan dan perkhidmatan. Penambahan nilai beberapa mata wang utama berbanding ringgit pada tahun itu juga telah menyumbang kepada peningkatan paras hutang luar negeri secara keseluruhan. Pada akhir tahun, profil hutang luar negeri Malaysia terus tertumpu pada struktur kematangan yang lebih panjang dengan hutang jangka sederhana dan jangka panjang mencakupi 59.6% daripada jumlah hutang luar negeri.

Keadaan Monetari dan Kewangan Domestik pada Tahun 2011

Dasar monetari pada tahun 2011 memberikan tumpuan pada usaha untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi, sambil membendung risiko kepada inflasi dan mencegah ketidakseimbangan kewangan daripada berlaku. Dengan mengekalkan momentum pertumbuhan tahun 2010, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang mampan pada separuh pertama tahun 2011. Inflasi dijangka lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya, didorong terutamanya oleh faktor penawaran dan sebahagian kecilnya, tekanan permintaan dalam negeri. Oleh itu, dasar monetari pada separuh tahun pertama ditumpukan pada keperluan untuk terus mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar. Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas pada 5 Mei 2011 kepada 3.00%. Namun, pada separuh tahun kedua, risiko pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang lebih rendah semakin ketara akibat kemerosotan dalam keadaan ekonomi dan kewangan global, manakala risiko kenaikan inflasi mula menjadi sederhana. Berdasarkan imbangan risiko kepada pertumbuhan dan inflasi, MPC berpandangan paras OPR semasa adalah wajar dan telah mengekalkan kadar dasar untuk tempoh seterusnya bagi tahun itu.

Cabaran utama terhadap pengendalian dasar monetari pada tahun itu ialah aliran masuk portfolio yang besar dan tidak menentu. Aliran masuk modal dan penambahan mudah tunai susulan dalam sistem kewangan domestik jika tidak diurus, boleh membawa kepada ketidakseimbangan kewangan dan mewujudkan risiko ke atas kestabilan makroekonomi dan kewangan. Oleh itu, sebagai tindak balas pencegahan awal terhadap risiko-risiko ini, Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) dinaikkan sebanyak 1 mata peratusan setiap kali pada bulan Mac, Mei dan Julai hingga 4.00% untuk mengurangkan saiz lebihan mudah tunai dalam sistem perbankan.

Prestasi ringgit pada tahun itu dipengaruhi oleh ketidaktentuan dalam pasaran kewangan antarabangsa yang berpunca terutamanya daripada perkembangan luar negeri. Antara awal bulan Januari dan Julai 2011, ringgit menjadi kukuh disebabkan oleh aliran masuk portfolio yang ketara. Asas-asas yang kukuh dan sentimen pelabur yang positif terus menarik aliran modal ke arah pasaran serantau. Walau bagaimanapun, trend penambahan nilai ringgit dan mata wang serantau lain, bertukar arah pada bulan Ogos dan September disebabkan peningkatan penghindaran risiko dengan mendadak di kalangan pelabur berikutan ketidakpastian yang makin ketara terhadap prospek pertumbuhan global dan meningkatnya kebimbangan terhadap krisis hutang kerajaan di Eropah. Keadaan yang lega berikutan hasil positif sidang kemuncak Kesatuan Eropah pada bulan Oktober hanya bertahan untuk tempoh singkat kerana aliran keluar modal dan turun naik ringgit meningkat menjelang akhir tahun 2011 apabila kebimbangan pasaran terhadap krisis Eropah diperbaharui. Ringgit mengakhiri tahun itu pada RM3.1770 berbanding dengan dolar AS, iaitu penyusutan nilai sebanyak 2.9%.

Pasaran Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dipengaruhi dengan nyata oleh faktor luaran. Walaupun kadar hasil MGS meningkat pada tempoh empat bulan pertama tahun itu, kadar hasil tersebut kemudiannya menurun berikutan aliran masuk bukan pemastautin yang kukuh. Keadaan dalam pasaran domestik sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) juga berkembang baik disebabkan oleh keadaan mudah tunai pasaran dan kredit yang memberangsangkan.

Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) meningkat 0.8% pada tahun 2011 dan ditutup pada 1,530.7 (2010: 19.3%). Harga ekuiti dalam negeri meningkat pada separuh pertama tahun 2011 disebabkan asas-asas dalam negeri yang kukuh, tetapi mengalami pembetulan pada separuh tahun kedua. FBM KLCI menjadi stabil pada akhir bulan September dan beransur-ansur pulih apabila para pelabur memberi reaksi positif terhadap prospek pertumbuhan global yang bertambah baik susulan langkah-langkah yang diambil oleh ekonomi maju untuk menstabilkan pasaran.

Keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi sepanjang tahun 2011. Mudah tunai sektor swasta berkembang dengan kukuh disebabkan oleh aliran masuk modal yang agak besar pada separuh pertama tahun 2011. Meskipun berlaku episod aliran keluar modal yang besar pada separuh kedua tahun 2011, pengembangan mudah tunai bersih dicatatkan pada tahun itu secara keseluruhannya.

Operasi pensterilan Bank memainkan peranan penting dalam mengimbangi kesan aliran tersebut ke atas mudah tunai dalam negeri dan mengekalkan keadaan monetari dalam negeri yang secara relatifnya stabil.

Keadaan pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi. Kos peminjaman yang berpatutan dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan mengekalkan pembiayaan kepada semua segmen ekonomi. Pembiayaan bersih yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berkembang sebanyak 12.5% (2010: 10.9%) dengan permintaan terhadap pembiayaan yang kukuh daripada sektor perniagaan dan isi rumah.

Prospek Ekonomi Malaysia pada Tahun 2012

Dalam persekitaran luaran yang lebih mencabar, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan yang stabil sebanyak 4 - 5% pada tahun 2012. Permintaan dalam negeri dijangka kekal berdaya tahan dan terus menjadi tonggak pertumbuhan. Beberapa langkah yang diumumkan dalam Bajet 2012 dijangka memberi sokongan kepada penggunaan swasta. Ini termasuk semakan naik ke atas gaji sektor awam dan bantuan kewangan sekali sahaja kepada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Pelaburan swasta akan disokong oleh industri berorientasikan dalam negeri dan pelaksanaan berterusan projek-projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme, ETP). Sektor awam akan terus menyokong pertumbuhan pada tahun 2012, dengan perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan dan PABK. Pelaksanaan Pakej Rangsangan Khas melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta yang diumumkan dalam Bajet 2012 akan memberi dorongan selanjutnya kepada aktiviti benar pada tahun ini.

Dari segi penawaran, kebanyakan sektor akan terus berkembang pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang lebih perlahan dalam permintaan global boleh menjejaskan industri berorientasikan eksport dalam sektor perkilangan serta industri berkaitan perdagangan dalam sektor perkhidmatan. Sebaliknya, prestasi industri berorientasikan dalam negeri dijangka kekal kukuh, kerana mendapat manfaat daripada keadaan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Secara khususnya, sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh, disokong oleh pelaksanaan projek infrastruktur utama dan Pakej Rangsangan Khas. Pertumbuhan dalam sektor perlombongan juga dijangka pulih. Walau bagaimanapun, sektor pertanian dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana disebabkan pertumbuhan yang lebih rendah daripada minyak sawit dan getah asli selepas mencatat prestasi kukuh pada tahun 2011, dan harga komoditi yang dijangka menjadi sederhana.

Bagi sektor luar, lebihan akaun semasa diunjurkan kekal besar pada RM109.5 bilion atau 12.2% daripada PNK. Walaupun eksport kasar dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan pada tahun 2012, lebihan akaun dagangan akan kekal besar. Lebihan dagangan ini akan disokong terutamanya oleh eksport komoditi dan keluaran perkilangan bukan E&E. Lebihan dagangan ini juga mencerminkan jangkaan bahawa pertumbuhan import kasar akan lebih perlahan sejajar dengan permintaan yang lebih rendah terhadap eksport perkilangan dan pertumbuhan permintaan dalam negeri swasta yang lebih sederhana. Defisit dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan juga diunjurkan terus mengecil pada tahun 2012. Bagi akaun kewangan, aliran modal jangka panjang dijangka menjadi sederhana tetapi aliran modal jangka pendek mungkin lebih tinggi dan semakin tidak menentu dalam keadaan ketidakpastian global yang meningkat.

Unjuran pertumbuhan KDNK antara 4 - 5% pada tahun 2012 adalah berdasarkan jangkaan pertumbuhan global yang menjadi sederhana dan pelaksanaan sepenuhnya dan tepat pada masanya langkah-langkah yang diumumkan dalam Bajet 2012. Walau bagaimanapun, beberapa risiko masih wujud. Risiko-risiko ini termasuk krisis hutang kerajaan kawasan euro yang bertambah buruk dan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam ekonomi rakan-rakan dagangan utama kita. Namun, jika pertumbuhan dalam ekonomi maju menjadi lebih kukuh daripada jangkaan, terdapat kemungkinan pertumbuhan dalam negeri yang lebih tinggi pada tahun 2012. Perhatian juga perlu diberi bahawa pihak berkuasa mempunyai fleksibiliti dasar yang mencukupi untuk menyokong ekonomi dalam negeri dan bertindak balas kepada perkembangan global.

Keadaan pasaran pekerja dijangka lemah pada tahun 2012 dalam keadaan aktiviti ekonomi yang lebih perlahan. Kadar pengangguran diunjurkan meningkat kepada 3.2% daripada tenaga kerja

pada tahun 2012 (2011: 3.1%). Pewujudan pekerjaan diunjurkan tertumpu dalam sektor berorientasikan dalam negeri, terutamanya sektor perkhidmatan dan pembinaan, memandangkan permintaan dalam negeri dijangka kekal kukuh. Guna tenaga dalam sektor berorientasikan eksport mungkin terjejas akibat permintaan luar yang semakin lemah.

Inflasi keseluruhan dijangka menjadi sederhana pada tahun 2012, berpurata antara 2.5-3.0%. Unjuran inflasi yang lebih rendah mencerminkan harga komoditi global yang menjadi sederhana dan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana. Walau bagaimanapun, risiko inflasi yang lebih tinggi masih kekal, dan mungkin berpunca daripada harga komoditi global yang lebih tinggi daripada jangkaan, gangguan bekalan dalam negeri dan kemungkinan berlaku pelarasan pada harga ditadbir.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2012

Berdepan dengan persekitaran ekonomi global yang mencabar, fokus dasar oleh Kerajaan dan Bank adalah menyokong ekonomi Malaysia untuk berkembang pada tahap yang mampan sambil mengurus risiko kepada inflasi. Dasar fiskal akan ditumpukan ke arah merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri dan memberi sokongan kepada ETP. Cabaran utama Kerajaan pada tahun 2012 adalah untuk terus memberikan sokongan kepada permintaan dalam negeri dalam keadaan sektor luar yang semakin lemah di samping memastikan kedudukan fiskal kekal mampan. Dalam hal ini, penekanan yang lebih telah diberikan dalam Bajet 2012 untuk menjana pertumbuhan melalui pelaburan dan penggunaan sektor swasta. Ini termasuk langkah-langkah untuk menggiatkan pelaburan, terus membangunkan modal insan dan mempertingkatkan lagi pembangunan luar bandar, serta melaksanakan program untuk meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi rakyat Malaysia.

Dasar monetari akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi sambil mengurus risiko kepada inflasi dan pembentukan ketidakseimbangan kewangan. Keadaan monetari semasa kekal menyokong aktiviti ekonomi. Sekiranya ekonomi global memasuki fasa baharu pertumbuhan yang lebih lemah pada tahun 2012 dan menjejaskan prospek ekonomi Malaysia, MPC di Bank Negara Malaysia mempunyai fleksibiliti untuk membuat pelarasan pada tahap akomodatif monetari. Asas-asas yang kukuh, fleksibiliti dasar yang lebih besar dan kerjasama yang lebih rapat dengan bank-bank pusat di rantau ini juga meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang kukuh untuk menghadapi cabaran-cabaran akibat pergerakan aliran modal yang besar dan tidak menentu.

Pembangunan Organisasi dan Tadbir Urus

Pada tahun 2011, Bank memperkukuh lagi usaha dalam pembangunan organisasi dan menggalakkan tadbir urus yang lebih berkesan. Pada tahun 2011, Lembaga Pengarah bertemu untuk berbincang pelbagai aspek operasi Bank termasuk prestasi Bank dalam mempengaruhi kestabilan monetari dan kewangan, penyediaan Pelan Sektor Kewangan dan kajian semula undang-undang pengawalseliaan yang mentadbir institusi kewangan. Pada masa yang sama, beberapa inisiatif telah dilaksanakan secara dalaman di bawah pengawasan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, Jawatankuasa Risiko Lembaga dan Jawatankuasa Audit Lembaga dengan tujuan untuk menyelaraskan dengan lebih baik inisiatif Bank dengan mandatnya, memastikan keberkesanan fungsi audit dalaman dalam memberikan penilaian dan pengawasan yang bebas, serta menggalakkan budaya pengurusan risiko yang kukuh dan mengurus secara pencegahan awal semua risiko yang boleh menghalang pencapaian matlamat Bank. Tahun 2011 juga menandakan berakhirnya Pelan Urusan Bank 2009-2011, yang telah menyumbang dengan ketara kepada proses transformasi Bank untuk menjadi organisasi yang berfokuskan strategi dan berprestasi tinggi. Pada tahun itu, Bank telah melancarkan Sasana Kijang, iaitu, pusat kecemerlangan untuk perbankan pusat dan perkhidmatan kewangan yang dijangka memainkan peranan penting dalam menggalakkan kerjasama serantau dan antarabangsa.

Fungsi komunikasi Bank terus penting dalam memupuk keyakinan pihak berkepentingan, terutamanya dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global yang tidak menentu pada tahun 2011. Perbincangan dan interaksi yang lebih kerap telah dilakukan tentang penilaian Bank ke atas kesan perkembangan luaran terhadap ekonomi dan sektor kewangan Malaysia serta untuk menunjukkan kekukuhan yang mendasari asas-asas ekonomi dalam negeri bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia. Program jangkauan awam yang bertujuan untuk meningkatkan celik kewangan, rangkuman

kewangan, pendidikan kewangan dan akses kepada pembiayaan terus menjadi bahagian penting dalam agenda pembangunan Bank. Dengan pelancaran mata wang Malaysia siri baharu pada bulan Disember 2011, Bank juga telah berbincang dan berinteraksi dengan institusi kewangan, perniagaan dan vendor pengendalian wang tunai untuk memastikan peralihan yang lancar kepada duit syiling dan wang kertas baharu yang akan berada dalam edaran pada tahun 2012.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kerjasama serantau dan antarabangsa, Bank terus terlibat dalam kerjasama teknikal dengan agensi luar dan bank-bank pusat daripada ekonomi-ekonomi sedang pesat membangun yang lain, terutamanya dalam bidang kewangan Islam, pembangunan organisasi, rangkuman kewangan, perlindungan pengguna dan pendidikan kewangan.

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi Tahun 2011

Kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia, seperti yang telah diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara, kekal kukuh pada tahun 2011. Aset Bank Negara Malaysia berjumlah RM473 bilion dengan keuntungan bersih sebanyak RM4.7 bilion bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2011. Bank Negara Malaysia mengumumkan pembayaran dividen sebanyak RM2 bilion kepada Kerajaan bagi tahun 2011.

1 2010

PERKEMBANGAN EKONOMI PADA TAHUN 2011

13 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

18 Ekonomi Malaysia

19 Keadaan Permintaan Dalam Negeri

20 *Rencana: Dinamik Pendapatan Isi Rumah dan Hubungannya dengan Penggunaan Swasta*

26 *Rencana: Evolusi Stok Modal di Malaysia*

30 Kajian Menurut Sektor

36 Sektor Luar Negeri

37 *Rencana: Perubahan Struktur Eksport Malaysia*

51 Perkembangan Pasaran Pekerja

53 Perkembangan Harga

57 *Rencana: Penularan Harga Komoditi Dunia terhadap Inflasi di Malaysia*

61 *Rencana: Liberalisasi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing untuk Meningkatkan Daya Saing Ekonomi Malaysia*

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pada tahun 2011, landskap ekonomi dan kewangan global bercirikan lima trend utama. Pertama, momentum pertumbuhan global menjadi sederhana selepas pemulihan kukuh pada tahun 2010, kerana terjejas oleh ketidakpastian yang semakin meningkat berhubung isu fiskal dalam ekonomi maju, ketegangan geopolitik dan bencana alam. Kedua, ketidakpastian ini menyumbang kepada ketidaktentuan yang lebih ketara dalam pasaran kewangan antarabangsa, sementara tindakan penghindaran risiko global yang meningkat menambah tekanan menaik terhadap mata wang selamat (safe-haven currencies). Ketiga, kenaikan harga komoditi yang sangat tinggi ekoran gangguan penawaran dan keadaan cuaca buruk dalam keadaan permintaan yang mampan. Keempat, tekanan inflasi kekal tinggi hampir sepanjang tahun, berpunca daripada faktor penawaran dan permintaan. Khususnya, harga komoditi yang meningkat merupakan penyumbang utama kepada tekanan inflasi. Kelima, ekoran persekitaran ekonomi yang makin mencabar, pendirian dasar monetari dalam beberapa negara beralih daripada usaha mengembalikan dasar kepada kedudukan wajar atau melaksanakan dasar yang ketat kepada dasar akomodatif untuk menyokong pertumbuhan.

Pertumbuhan global menjadi sederhana pada tahun 2011 dalam keadaan terdapatnya peningkatan risiko pertumbuhan akan menjadi perlahan sementara risiko tekanan inflasi kekal tinggi

Pertumbuhan global lebih sederhana

Ekonomi dunia memulakan tahun 2011 dengan jangkaan bahawa pertumbuhan ekonomi adalah baik pada tahun itu disokong oleh sikap optimis ekoran prestasi pertumbuhan yang menggalakkan pada suku keempat 2010. Namun, perkembangan tidak menggalakkan dalam beberapa ekonomi maju menyebabkan jangkaan pertumbuhan global terus merosot sepanjang tahun 2011.

Pada suku pertama 2011, momentum pertumbuhan dalam kebanyakan ekonomi adalah positif. Ekonomi di Asia khususnya, mencatat pertumbuhan lebih baik daripada jangkaan, disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dan perdagangan antara rantau yang teguh. Walau bagaimanapun, pada bulan Mac, bencana alam dan krisis nuklear di Jepun bukan sahaja mencetuskan gangguan bekalan tenaga dan kerosakan infrastruktur di Jepun, malah turut menyebabkan ketidakpastian yang ketara dalam pengeluaran perkilangan di seluruh dunia, memandangkan peranan penting negara itu dalam rantaian pengeluaran global bagi keluaran E&E dan pengeluaran kereta. Impak Jepun ke atas ekonomi dunia makin nyata pada suku kedua, seperti dicerminkan oleh penyederhanaan aktiviti perdagangan dan pengeluaran merentas Asia dan pertumbuhan global yang makin perlahan selepas itu. Bagi ekonomi maju, impak gangguan rantaian bekalan yang berpunca dari Jepun diburukkan lagi oleh peningkatan keadaan pasaran pekerja yang lebih perlahan, harga bahan api yang tinggi dan kebimbangan yang meningkat terhadap kemampanan fiskal.

Rajah 1.1

Perubahan Ramalan KDNK tahun 2011
Negara Maju Terpilih



Sumber: Ramalan Bulanan

Rajah 1.2

Semakan Bawah Terhadap Statistik KDNK Benar AS



Sumber: *US Bureau of Economic Analysis*

Jadual 1.1

Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	Pertumbuhan KDNK Benar (%)		Inflasi (%)	
	2010	2011*a*	2010	2011*a*
Pertumbuhan Dunia	**5.2**	**3.8**	**-**	**-**
Perdagangan Dunia	**12.7**	**6.9**	**-**	**-**
Ekonomi Maju				
Amerika Syarikat	3.0	1.7	1.6	3.1
Jepun	4.4	-0.7	-1.0	-0.3
Kawasan euro	1.9	1.4	1.6	2.7
United Kingdom	2.1	0.8	3.3	4.5
Asia Pesat Membangun	**9.5**	**7.9**	**-**	**-**
NIE Asia[1]	**8.4**	**4.0**	**2.3**	**3.5**
Korea	6.2	3.6	2.9	4.0
China Taipei	10.7	4.0	1.0	1.4
Singapura	14.8	4.9	2.8	5.2
Hong Kong SAR[2]	7.0	5.0	2.3	5.3
Republik Rakyat China	**10.4**	**9.2**	**3.3**	**5.4**
ASEAN-4	**7.0**	**4.3**	**3.9**	**4.5**
Malaysia	7.2	5.1	1.7	3.2
Thailand	7.8	0.1	3.3	3.8
Indonesia	6.2	6.5	5.1	5.4
Filipina	7.6	3.7	4.1	4.8
India[3]	**10.4**	**7.3**	**9.6**	**9.5**

[1] Ekonomi perindustrian baharu
[2] Inflasi merujuk kepada indeks harga komposit
[3] Inflasi merujuk kepada indeks harga borong
a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pihak Berkuasa Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

Meskipun gangguan penawaran mula reda dan harga minyak menjadi lebih sederhana pada separuh kedua tahun 2011, persekitaran global menjadi makin mencabar. Krisis hutang kerajaan yang meruncing di kawasan euro dan penurunan penarafan kredit berdaulat AS pada bulan Ogos telah menambah tekanan fiskal dan kewangan dalam ekonomi maju dan melembapkan sentimen pengguna dan perniagaan. Kebimbangan tentang kemelesetan dua kali di AS makin meningkat, terutamanya kerana langkah mengkaji semula data pertumbuhan menunjukkan bahawa pemulihan daripada kemelesetan akan menjadi lebih perlahan daripada yang dijangkakan sebelum ini. Selain itu, pertumbuhan penggunaan masih kecil, dikekang oleh kadar pemulihan yang perlahan dalam pewujudan peluang pekerjaan, kemerosotan berterusan dalam pasaran perumahan, dan kemewahan kewangan yang lebih rendah. Berikutan itu, unjuran pertumbuhan AS telah diturunkan dengan nyata. Di kawasan euro, pertumbuhan juga makin sederhana ekoran keadaan permintaan dalam negeri yang lemah memandangkan sentimen sektor swasta dalam ekonomi utama dan ekonomi lebih kecil jelas terjejas oleh krisis hutang kerajaan yang bertambah buruk. Sementara itu, ekonomi Asia mencatat pertumbuhan lebih perlahan dalam eksport dan pengeluaran perindustrian. Namun demikian, pertumbuhan terus disokong oleh permintaan dalam negeri yang mampan di rantau ini. Penggunaan didorong terutamanya oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, akses berterusan kepada kredit, pendapatan yang meningkat serta harga komoditi yang tinggi. Walau bagaimanapun, kebimbangan mengenai pertumbuhan timbul pada bulan Oktober di China susulan penerbitan data yang buat kali pertamanya menunjukkan kejatuhan harga rumah kediaman pada asas bulanan. Ini seterusnya meningkatkan risiko pertumbuhan China yang lebih perlahan kerana pelaburan harta tanah mencakupi 10%–15% daripada ekonomi negara itu. Menjelang akhir tahun 2011, pertumbuhan AS bertambah baik, disokong oleh aktiviti penggunaan dan pengeluaran yang meningkat, meskipun pada paras sederhana dan mudah terjejas oleh risiko yang bertambah tinggi dalam ekonomi global. Pengembangan ekonomi di Asia juga menurun kerana pertumbuhan eksport terus sederhana akibat kelembapan ekonomi global yang lebih menyeluruh.

Pasaran kewangan antarabangsa mengalami ketidaktentuan ketara

Pada separuh pertama tahun 2011, **pasaran kewangan antarabangsa** begitu

memberangsangkan ekoran prospek ekonomi global yang menggalakkan. Ini digambarkan melalui pertumbuhan positif yang dicatat dalam pasaran ekuiti ekonomi utama dan serantau, dengan pasaran sedang pesat membangun terus menerima aliran masuk modal yang besar. Namun, terdapat episod ketidaktentuan berkala berikutan ketegangan geopolitik yang meruncing di rantau Timur Tengah dan wilayah Afrika Utara (MENA), serta bencana alam di Jepun dan kebimbangan yang muncul kembali mengenai krisis hutang kerajaan, khususnya yang berkaitan dengan penstrukturan semula hutang kerajaan di Greece. Krisis hutang kerajaan di Greece juga menambah risiko penularan ke negara lain di kawasan euro yang mempunyai kedudukan fiskal yang secara relatifnya lebih lemah, iaitu Portugal, Itali dan Sepanyol. Tekanan pasaran yang berterusan ke atas negara-negara tersebut dicerminkan oleh kadar hasil bon jangka panjang yang terus tinggi, yang akhirnya menyebabkan EU dan IMF memberikan pakej bantuan kewangan sebanyak €78 bilion kepada Portugal pada bulan Mei.

Keadaan pasaran kewangan bertambah buruk pada separuh kedua tahun 2011. Ketidakpastian fiskal yang makin tinggi di AS ekoran perbahasan tentang had hutang dan penurunan penarafan kredit berdaulat AS pada 5 Ogos, telah meningkatkan kegiatan penghindaran risiko dalam kalangan pelabur. Krisis hutang kerajaan di kawasan euro terus merebak dalam keadaan wujudnya kebimbangan tentang penularannya ke ekonomi utama. Itali dan Sepanyol mengalami penurunan penarafan berdaulat pada bulan Oktober dan seterusnya kadar hasil bon jangka panjang kedua-dua negara itu mencatat kadar tertinggi dalam sejarah meskipun pengumuman dibuat mengenai langkah penjimatan fiskal selanjutnya oleh pihak berkuasa. Bank di Eropah yang banyak terdedah kepada hutang berdaulat yang bermasalah kemudiannya berdepan dengan tekanan pendanaan baharu pada bulan-bulan terakhir tahun itu. Keadaan ini lantas membangkitkan kebimbangan tentang kemungkinan berlakunya gangguan kredit dengan risiko penularan yang ketara terhadap pasaran kewangan global.

Pemimpin Eropah bertindak balas terhadap krisis dengan rancangan pakej bantuan kedua untuk Greece pada bulan Julai, yang meliputi bantuan kewangan selanjutnya dan penglibatan secara sukarela sektor swasta dalam penstrukturan semula hutang Greece. Rancangan ini dikaji semula pada bulan Oktober agar merangkumi peranan sektor swasta yang lebih besar dan pertambahan Kemudahan Kestabilan Kewangan Eropah (European Financial Stability Facility, EFSF) daripada €440 bilion kepada €1 trilion, sebahagiannya melalui langkah pengambilan hutang (leveraging). Walau bagaimanapun, pengumuman ini hanya membawa kesan sementara kerana sentimen menjadi bertambah buruk ekoran ketidakpastian tentang pelaksanaan rancangan tersebut. Pada bulan November, enam bank pusat utama mengumumkan langkah terselaras untuk menyediakan sokongan mudah tunai kepada sistem kewangan global dan meredakan tekanan terhadap bekalan kredit, termasuk menurunkan kadar faedah terhadap perjanjian swap dolar AS sedia ada. Pemimpin Eropah mencapai persetujuan tentang perjanjian fiskal antara kerajaan pada bulan Disember, bertujuan memperbaiki disiplin fiskal di rantau tersebut. Meskipun langkah ini menghasilkan sedikit pembaikan, keadaan pasaran kewangan antarabangsa masih tidak menentu menjelang hujung tahun kerana diburukkan lagi oleh amaran oleh sebuah agensi penarafan kredit utama tentang penurunan penarafan berdaulat terhadap lima belas ekonomi kawasan euro, termasuk Jerman dan Perancis. Pada bulan Februari 2012, berikutan kebimbangan pelabur yang meningkat terhadap penebusan bon pada bulan Mac, pemimpin Eropah mencapai persetujuan berhubung dengan pakej kewangan kedua untuk Greece, yang meliputi bantuan kewangan sebanyak €130 bilion dan penyertaan sektor swasta yang lebih giat. Namun, pasaran kewangan terus berhati-hati mengenai kecukupan langkah terkini yang diambil untuk menyelesaikan krisis.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, pergerakan mata wang kekal tidak menentu ekoran penghindaran risiko yang meningkat dalam pasaran kewangan antarabangsa dalam keadaan wujudnya kebimbangan fiskal dalam ekonomi maju. Pada separuh tahun pertama, kebanyakan mata wang utama menambah nilai berbanding dengan dolar AS. Euro dan paun sterling bertambah kukuh berbanding dengan dolar AS, disokong oleh jangkaan pasaran bahawa European Central Bank (ECB) dan Bank of England (BOE) akan meningkatkan kadar dasar berikutan terdapat inflasi keseluruhan yang lebih tinggi dalam ekonomi masing-masing. Euro juga mendapat manfaat daripada keyakinan pelabur terhadap prospek pertumbuhan ekonomi utama di kawasan euro, terutamanya Jerman.

Namun, trend ini bertukar arah pada bulan Mei kerana penghindaran risiko global makin meningkat ekoran kebimbangan baharu tentang krisis hutang kerajaan yang meruncing dan munculnya tanda-tanda pertumbuhan global yang lebih lemah. Yen terus kukuh berbanding dengan dolar AS, dan mencatat kadar tertinggi pada ¥76.25 pada bulan Mac, apabila peserta pasaran menaikkan nilai yen kerana menjangka penghantaran balik dana yang banyak ke Jepun berikutan bencana alam dan nuklear di negara tersebut. Lonjakan dalam aliran spekulatif seterusnya menyebabkan campur tangan pertukaran asing yang terselaras oleh ekonomi G7 pada 18 Mac. Langkah ini bagi membendung ketidaktentuan yang keterlaluan dalam pasaran pertukaran asing yang mungkin menimbulkan kesan buruk terhadap kestabilan kewangan global. Kebanyakan mata wang Asia juga makin kukuh berbanding dengan dolar AS pada separuh tahun pertama ekoran aliran masuk modal yang berterusan kerana tarikan prospek pertumbuhan rantau Asia yang secara relatif menggalakkan. Pada separuh tahun kedua, ketidakstabilan dalam pasaran pertukaran asing menjadi bertambah nyata. Sentimen pelabur yang lemah berikutan kebimbangan yang berpanjangan mengenai kemampanan fiskal dalam ekonomi maju telah menyebabkan tekanan menaik kepada mata wang selamat (safe-haven currencies), lantas mencetuskan campur tangan oleh beberapa pihak berkuasa negara. Dolar AS menambah nilai berbanding dengan euro, paun sterling dan beberapa mata wang Asia ekoran kebimbangan tentang kemampanan pertumbuhan global dan juga kekhuatiran tentang krisis hutang yang bertambah buruk di Eropah. Yen juga terus bertambah kukuh berbanding dengan dolar, meskipun terdapat dua campur tangan sehala oleh pihak berkuasa di Jepun pada bulan Ogos dan Oktober. Franc Switzerland juga menambah nilai dengan ketara berbanding dengan dolar AS dan euro, lantas mendorong Swiss National Bank untuk melaksanakan operasi campur tangan dan menetapkan kadar pertukaran minimum bagi mata wang tersebut pada CHF1.20 bagi setiap euro pada bulan September. Sebaliknya, penghindaran risiko yang meningkat telah mewujudkan permintaan lebih kukuh terhadap aset lebih cair oleh pelabur dan menyebabkan aliran modal bertukar arah serta penyusutan nilai mata wang Asia. Rupee India mencatat penyusutan nilai terbesar dalam kalangan mata wang Asia pada tahun 2011, apabila menyusut sebanyak 15.6%.

Harga komoditi meningkat ke paras tertinggi baharu

Harga komoditi naik lagi pada tahun 2011 dan mencecah paras tertinggi baharu pada bulan April, disebabkan oleh kebimbangan tentang penawaran dan permintaan yang kukuh di tengah-tengah kegiatan spekulatif yang berterusan. Yang ketara, purata harga minyak mentah Brent adalah pada USD111 setong pada tahun 2011, iaitu kenaikan sebanyak 38% berbanding tahun 2010. Harga minyak mentah pada awal tahun 2011 meneruskan trend kenaikan sejak separuh kedua tahun 2010, ekoran sokongan pertumbuhan kukuh ekonomi sedang pesat membangun. Harga hadapan satu bulan Brent melepasi paras harga USD100 setong pada awal bulan Februari, paras tertinggi sejak bulan September 2008, apabila kebimbangan bertambah meningkat mengenai kemungkinan gangguan penawaran ekoran pergolakan politik di wilayah MENA. Gangguan terhadap pengeluaran minyak di Libya khususnya, mengurangkan penawaran minyak mentah bermutu tinggi jenis *sweet*, yang digunakan dalam pengeluaran gasolin, diesel dan bahan api jet. Dalam usaha untuk mengatasi masalah ini, International Energy Agency (IEA) mengumumkan pengeluaran 60 juta tong (atau 2 juta tong sehari) daripada simpanan stok kecemasan negara anggota pada bulan Jun, iaitu kali ketiga langkah ini diambil dalam tempoh lebih tiga dekad. Namun, trend kenaikan harga minyak mentah ini bertukar arah pada bulan Ogos apabila pengeluaran minyak di Libya pulih kembali. Walau bagaimanapun, ketegangan politik yang berterusan di rantau MENA menjelang akhir tahun 2011 mengekalkan harga minyak mentah pada paras yang tinggi. Harga bukan tenaga mengatasi paras tertinggi yang dicatat pada tahun 2008, seperti yang dilihat pada

Rajah 1.3

Indeks Harga Komoditi Utama



Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

harga makanan dan logam yang tertinggi dalam sejarah. Kenaikan harga makanan sebahagian besarnya dicetuskan oleh kekurangan pengeluaran disebabkan oleh keadaan cuaca, dengan harga memuncak pada bulan April.

Tekanan inflasi global kekal tinggi

Pada tahun 2011, **tekanan inflasi meningkat** dalam ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun, didorong oleh harga makanan dan tenaga yang lebih tinggi. Trend meningkat ini dicerminkan dalam inflasi teras dengan faktor khusus sesebuah negara memainkan peranan dalam trend ini. Di AS, peningkatan inflasi teras disebabkan terutamanya oleh kos sewa dan pakaian yang semakin meningkat. Di UK, inflasi keseluruhan kekal melebihi sasaran BOE pada 2%, manakala peningkatan inflasi teras sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan VAT dan sedikit sebanyak oleh penyusutan nilai paun sterling. Namun demikian, tekanan inflasi yang terdapat dalam ekonomi maju kekal rendah dan jangkaan inflasi jangka panjang adalah stabil, lantas memperlihatkan paras penggunaan sumber yang rendah dan permintaan dalam negeri yang lemah. Kenaikan harga adalah lebih ketara dalam ekonomi sedang pesat membangun kerana keluaran berkaitan komoditi mencakupi bahagian yang lebih besar dalam kumpulan penggunaan mereka. Di Asia, wajaran bagi makanan dalam kumpulan IHP adalah antara 14% hingga 39%. Inflasi teras turut meningkat dalam beberapa ekonomi serantau, mencerminkan tekanan permintaan yang meningkat kerana keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan upah yang meningkat. Menjelang akhir tahun, momentum kenaikan harga lebih perlahan, dan kadar inflasi keseluruhan mulai stabil dalam ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun. Ini sebahagiannya mencerminkan kenaikan yang lebih perlahan dalam harga komoditi. Walau bagaimanapun, inflasi teras meningkat lagi dalam beberapa ekonomi Asia memandangkan permintaan kekal teguh. Di Thailand, inflasi teras naik sepanjang bulan November hingga mencecah had tertinggi dalam julat sasaran bank pusat iaitu 0.5%-3.0% berikutan permintaan dalam negeri yang terus berkembang hasil pelaksanaan rangsangan fiskal oleh kerajaan yang baru dipilih.

Tumpuan dasar monetari beralih daripada inflasi kepada pertumbuhan

Pendirian **dasar monetari** dalam ekonomi maju dan Asia tertumpu pada kebimbangan mengenai inflasi, tetapi pendirian ini kemudian beralih ke arah menyokong pertumbuhan seiring dengan peredaran tahun itu. Di AS, dengan terdapatnya peningkatan risiko yang menunjukkan pertumbuhan akan menjadi semakin rendah pada masa hadapan, Federal Reserve (Fed) membayangkan pada bulan Ogos bahawa kadar dana persekutuan akan dikekalkan pada paras yang luar biasa rendah sehingga pertengahan tahun 2013. Namun pada bulan Jan 2012, tempoh ini kemudiannya dilanjutkan hingga akhir tahun 2014. Pada bulan September, Fed mengumumkan program pelanjutan tempoh matang, yang merangkumi langkah pembelian sekuriti Perbendaharaan jangka lebih panjang sebanyak USD400 bilion, sambil pada masa yang sama menjual sekuriti jangka pendek dalam jumlah yang bersamaan. Ini bagi memastikan kadar faedah jangka panjang kekal rendah dan lantas menyokong kadar pemulihan yang lebih kukuh. Di UK, berikutan pemulihan ekonomi yang lemah, BOE mengekalkan kadar dasarnya pada 0.5%, tetapi menambah program pembelian asetnya sebanyak £75 bilion pada bulan Oktober, dan £50 bilion lagi pada bulan Februari 2012 untuk menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak £325 bilion.

Sebaliknya, tekanan inflasi yang meningkat di kawasan euro telah menyebabkan ECB meningkatkan kadar pembiayaan semulanya sebanyak 50 mata asas kepada 1.5% menjelang bulan Julai. Namun, dalam keadaan tekanan yang bertambah dalam pasaran kewangan dan peningkatan risiko prospek ekonomi yang lebih lembap pada separuh tahun kedua, ECB menurunkan kadar pembiayaan semulanya kepada 1% menjelang bulan Disember. Di samping itu, ECB memulakan langkah sokongan kredit tambahan, meliputi pengenalan operasi pembiayaan semula tiga tahun dan program pembelian bon terlindung berjumlah €40 bilion untuk menambah mudah tunai kepada sektor perbankan dan menyokong aktiviti pemberian pinjaman di kawasan euro.

Bank of Japan (BOJ) mengambil langkah-langkah melonggarkan dasar monetarinya secara menyeluruh untuk menyokong ekonomi Jepun. Ini termasuk memperluas program pembelian asetnya sebanyak ¥20 trilion pada tahun 2011, dan ¥10 trilion lagi pada bulan Februari 2012. Ini dibuat terutamanya menerusi pembelian bon kerajaan Jepun. Sebagai respons kepada bencana yang melanda Fukushima, BOJ turut mewujudkan program pinjaman sebanyak ¥1 trilion untuk institusi kewangan dalam kawasan yang dilanda gempa bumi dan tsunami.

Rajah 1.4

Pergerakan Terkumpul Kadar Faedah Rasmi Sejak Tahun 2011



Nota: Kadar faedah semasa dalam kurungan adalah pertengahan bulan Mac 2012

* Bangko Sentral ng Pilipinas menaikkan kadar dasar tanda aras mereka sebanyak 50 mata asas pada tahun 2011 dan menurunkannya sebanyak 50 mata asas pada tahun 2012

Sumber: Pihak Berkuasa Negara

Di rantau Asia, tumpuan bank pusat lebih menjurus kepada usaha mengembalikan dasar monetari ke paras wajar atau melaksanakan dasar monetari yang ketat, khususnya pada separuh pertama tahun 2011. Tekanan inflasi yang makin meningkat telah mendorong kebanyakan bank pusat serantau (Thailand, Indonesia, India, RR China, Korea, Filipina dan China Taipei) menaikkan kadar faedah tanda aras secara kumulatif sebanyak antara 12.5 hingga 125 mata asas pada separuh pertama tahun 2011. Beberapa pihak berkuasa monetari turut menerima pakai langkah kehematan makro untuk mengurangkan kesan buruk ke atas harga aset dalam negeri akibat aliran masuk modal portfolio yang besar. Walau bagaimanapun, menjelang suku terakhir 2011, bank pusat di rantau ini mula mengalih tumpuan ke arah usaha menyokong pertumbuhan dalam keadaan ketidakpastian yang makin meningkat dalam ekonomi global. Indonesia dan Filipina melonggarkan keadaan monetari mereka ekoran makin jelasnya tanda-tanda kelembapan ekonomi global dan penyederhanaan inflasi dalam negeri. Thailand juga menurunkan kadar dasar utamanya untuk mengurangkan kesan bencana banjir yang amat buruk. The People's Bank of China mengurangkan nisbah rizab berkanun sebanyak 100 mata asas kepada 20.5% pada bulan November 2011 dan Februari 2012. Bank pusat lain di rantau ini juga mengambil sikap lebih berhati-hati dalam pengumuman keputusan dasar. Ini berikutan pandangan pesimistik terhadap penilaian bank pusat mengenai prospek pertumbuhan negara, sambil pada masa yang sama mengekalkan kadar dasar semasa memandangkan inflasi yang tinggi.

EKONOMI MALAYSIA

Meskipun persekitaran ekonomi antarabangsa pada tahun 2011 adalah mencabar, ekonomi Malaysia mencatat kadar pertumbuhan yang stabil sebanyak 5.1% (2010: 7.2%). Pertumbuhan pada separuh pertama tahun itu adalah lebih sederhana, terutamanya pada suku kedua, berikutan ekonomi telah terjejas oleh kelemahan yang menyeluruh di ekonomi-ekonomi maju dan gangguan dalam rantaian bekalan perkilangan global yang disebabkan oleh bencana di Jepun. Walaupun persekitaran ekonomi global menjadi semakin mencabar dan tidak menentu pada separuh tahun kedua, pertumbuhan ekonomi Malaysia bertambah baik disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2011, didorong oleh perbelanjaan sektor isi rumah dan perniagaan, serta penggunaan sektor awam yang lebih tinggi. Penggunaan swasta bertambah kukuh pada tahun 2011, disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang menyeluruh, berikutan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik secara keseluruhan.

Ekonomi Malaysia mencatat kadar pertumbuhan yang stabil sebanyak 5.1% pada tahun 2011, meskipun persekitaran luaran lebih mencabar

Selain itu, kakitangan awam juga memperoleh manfaat daripada dua pembayaran bonus setengah bulan gaji pada separuh kedua tahun tersebut, manakala isi rumah di kawasan luar bandar mendapat manfaat daripada harga getah dan minyak sawit yang lebih tinggi. Pelaburan swasta kekal kukuh, walaupun pertumbuhan menjadi sederhana sedikit pada separuh tahun kedua, disebabkan oleh persekitaran luaran menjadi semakin tidak menentu. Penggunaan awam juga mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2011, sejajar dengan usaha Kerajaan untuk menambah baik perkhidmatan penyampaian awam. Walau bagaimanapun, pelaburan awam menguncup pada tahun itu berikutan pembayaran perbelanjaan

pembangunan yang lebih rendah oleh Kerajaan Persekutuan. Namun, pelaburan oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK) kekal kukuh pada tahun 2011. Walaupun permintaan luar negeri untuk keluaran elektronik dan elektrik (E&E) dipengaruhi oleh perdagangan global yang lebih lemah, eksport komoditi dan keluaran bukan E&E kekal kukuh pada tahun itu, lantas memberikan sokongan tambahan kepada pertumbuhan.

Pengembangan yang kukuh dalam permintaan dalam negeri adalah faktor utama dalam memacu pertumbuhan keseluruhan sektor berorientasikan dalam negeri, manakala permintaan serantau yang kukuh memberi sokongan kepada industri perkilangan berkaitan komoditi dan sektor pertanian. Sektor perkhidmatan berkembang dengan kukuh pada tahun 2011 dan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada pertumbuhan. Pengembangan teguh penggunaan swasta telah memberikan sokongan kepada subsektor perdagangan borong dan runcit serta penginapan dan restoran. Sektor perkilangan berkembang pada kadar yang lebih perlahan dalam keadaan prestasi yang lemah dalam industri berorientasikan eksport dan dalam negeri. Industri berorientasikan eksport dipengaruhi terutamanya oleh permintaan luaran yang lebih lemah dan gangguan dalam rantaian bekalan global E&E, manakala industri berorientasikan dalam negeri pula dipengaruhi terutamanya oleh penguncupan industri peralatan pengangkutan berikutan gangguan pada bekalan rantaian. Pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi telah menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih kukuh dalam sektor pertanian, sementara sektor pembinaan menjadi sederhana berikutan beberapa projek utama telah disiapkan. Sektor perlombongan menguncup pada tahun 2011 kerana pengeluaran minyak mentah dan kondensat telah terjejas oleh penutupan beberapa buah loji pengeluaran.

Inflasi keseluruhan berpurata pada 3.2% pada tahun 2011 (2010: 1.7%). Peningkatan inflasi, khususnya pada separuh pertama tahun 2011, disebabkan terutamanya oleh faktor penawaran yang berpunca daripada harga makanan yang lebih tinggi dan pelarasan yang lebih tinggi terhadap harga ditadbir. Inflasi mencatat paras tertinggi pada 3.5% pada bulan Jun dan menurun pada separuh kedua tahun itu disebabkan kesan daripada pelarasan lebih tinggi bagi harga keluaran petroleum dan gula pada bulan Julai dan Disember 2010 telah luput. Inflasi teras, iaitu penunjuk tekanan harga berasaskan permintaan, meningkat kepada 2.6% pada tahun 2011 (2010: 1.5%).

Kedudukan luaran Malaysia bertambah baik pada tahun 2011. Imbangan pembayaran secara keseluruhan kembali pulih untuk mencatat lebihan yang kukuh kerana lebihan akaun semasa telah meningkat dan akaun kewangan kembali positif. Lebihan yang lebih besar dalam akaun perdagangan, yang berpunca terutamanya daripada eksport komoditi yang kukuh yang sebahagian besarnya mendapat manfaat daripada harga yang lebih tinggi, dan defisit yang lebih rendah dalam akaun pendapatan, telah menyumbang kepada peningkatan lebihan dalam akaun semasa. Imbangan yang positif dalam akaun kewangan sebahagian besar disebabkan oleh aliran masuk dana portfolio dan pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI). Pelaburan langsung di luar negeri mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi berikutan syarikat-syarikat Malaysia terus mengembangkan perniagaan ke luar negeri. Aliran keluar pelaburan lain, yang terdiri terutamanya daripada aliran kredit perdagangan dan perbankan, menjadi sederhana dengan ketara pada tahun 2011. Selepas pelarasan bagi kesilapan dan ketinggalan, imbangan pembayaran secara keseluruhan mencatat lebihan yang besar sebanyak RM94.7 bilion. Dengan itu, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM423.3 bilion, bersamaan dengan USD133.6 bilion, pada 31 Disember 2011.

KEADAAN PERMINTAAN DALAM NEGERI

Permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.2% pada tahun 2011 (2010: 6.3%), didorong oleh perbelanjaan sektor isi rumah dan perniagaan serta penggunaan sektor awam yang lebih tinggi.

Penggunaan swasta kukuh pada tahun 2011, berkembang sebanyak 6.9% berbanding dengan 6.5% pada tahun 2010. Ini terbukti oleh prestasi penunjuk penggunaan utama yang kukuh seperti import barangan penggunaan, jualan runcit dan perbelanjaan kad kredit. Perbelanjaan pengguna didorong oleh pertumbuhan pendapatan yang menyeluruh berikutan keadaan pasaran pekerja yang secara keseluruhannya bertambah baik dengan kadar pengangguran yang menurun dan kekosongan jawatan yang meningkat. Tinjauan oleh Bank Negara Malaysia menunjukkan purata

Jadual 1.2a

Malaysia - Penunjuk Ekonomi Utama

	2009	2010	2011*a*	2012*r*
Penduduk (juta orang)	27.9	28.3	28.6	28.9
Tenaga kerja (juta orang)	12.1	12.4	12.6	12.9
Guna tenaga (juta orang)	11.6	12.0	12.2	12.5
Pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.7	3.3	3.1	3.2
Pendapatan Per Kapita (RM)	23,850	26,175	29,094	31,097
(USD)	6,767	8,126	9,508	10,134[6]
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar pada harga tahun 2000[1]	-1.6	7.2	5.1	4.0 ~ 5.0
(RM bilion)	522.0	559.6	588.3	614.5
Pertanian, perhutanan dan perikanan	0.6	2.1	5.6	3.8
Perlombongan dan kuari	-6.3	0.2	-5.7	0.6
Perkilangan	-9.3	11.4	4.5	3.9
Pembinaan	5.9	5.1	3.5	6.6
Perkhidmatan	3.1	6.8	6.8	5.1
PNK nominal	-7.5	11.1	12.3	8.0
(RM bilion)	665.3	739.5	830.7	897.4
PNK benar	0.6	3.9	4.7	5.7
(RM bilion)	497.4	516.8	540.9	571.5
Agregat permintaan dalam negeri benar[2]	-0.4	6.3	8.2	6.6
Perbelanjaan swasta[2]	-2.6	8.3	8.2	6.6
Penggunaan	0.7	6.5	6.9	6.2
Pelaburan	-17.0	17.7	14.4	8.3
Perbelanjaan awam[2]	5.4	1.5	8.2	6.7
Penggunaan	3.9	0.5	16.8	0.2
Pelaburan	7.5	2.8	-2.4	16.2
Tabungan negara kasar (% daripada PNK)	31.6	34.1	34.6	34.4
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Imbangan barangan	141.7	134.7	149.4	155.6
Eksport (f.o.b.)	554.1	640.0	696.1	717.8
Import (f.o.b.)	412.3	505.3	546.7	562.2
Imbangan perkhidmatan	4.7	1.7	-8.4	-6.2
(% daripada PNK)	0.7	0.2	-1.0	-0.7
Pendapatan, bersih	-14.6	-26.5	-22.0	-19.4
(% daripada PNK)	-2.2	-3.6	-2.7	-2.2
Pindahan semasa, bersih	-19.6	-21.8	-21.1	-20.5
Imbangan akaun semasa	112.1	88.1	97.9	109.5
(% daripada PNK)	16.9	11.9	11.8	12.2
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[3]	331.3	328.6	423.3	-
(dalam bilangan bulan import tertangguh)	9.7	8.6	9.6	-
HARGA (% perubahan)				
IHP (2010=100)[4]	0.6	1.7	3.2	2.5 ~ 3.0
IHPR (2005=100)[5]	-7.1	5.6	9.0	-
Upah benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan	1.9	6.4	0.6	-

[1] Mulai tahun 2007, KDNK benar telah diubah kepada harga tahun 2000, daripada harga tahun 1987 sebelum ini
[2] Tidak termasuk stok
[3] Semua aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai juga ditunjukkan dengan sewajarnya dalam akaun Bank
[4] Bermula tahun 2011, Indeks Harga Pengguna merujuk kepada tahun asas baharu 2010=100 daripada tahun asas 2005=100 sebelum ini
[5] Bermula tahun 2010, Indeks Harga Pengeluar merujuk kepada tahun asas baharu 2005=100 daripada tahun asas 2000=100 sebelum ini
[6] Berdasarkan kadar pertukaran purata dolar AS bagi tempoh Januari-Februari 2012
a Awalan
r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual 1.3a

Malaysia - Penunjuk Kewangan dan Monetari

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)	2009	2010	2011*a*
Hasil	158.6	159.7	185.4
Perbelanjaan mengurus	157.1	151.6	182.6
Perbelanjaan pembangunan bersih	49.0	51.3	45.3
Imbangan keseluruhan	-47.4	-43.3	-42.5
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	-7.0	-5.6	-5.0
Jumlah pembelanjaan pembangunan bersih sektor awam	112.2	104.4	132.5
Imbangan keseluruhan sektor awam (% daripada KDNK)	-7.6	2.1	-10.5
HUTANG LUAR NEGERI[1]			
Jumlah hutang (RM bilion)	232.7	227.1	257.2
Hutang jangka sederhana dan panjang	155.3	147.7	153.4
Hutang jangka pendek[2]	77.4	79.4	103.9
Nisbah khidmat bayaran hutang (% daripada eksport barangan dan perkhidmatan)			
Jumlah hutang	6.5	7.6	10.3
Hutang jangka sederhana dan panjang	6.4	7.6	10.3

	Perubahan 2009		Perubahan 2010		Perubahan 2011	
WANG DAN PERBANKAN	**RM bilion**	**%**	**RM bilion**	**%**	**RM bilion**	**%**
Bekalan wang M1	17.9	9.8	23.5	11.7	33.8	15.1
M3	85.4	9.2	68.8	6.8	155.8	14.3
Deposit sistem perbankan	90.7	9.3	75.0	7.1	161.3	14.2
Pinjaman sistem perbankan[3]	57.0	7.8	99.8	12.7	120.2	13.6
Nisbah pinjaman-deposit (pada akhir tahun)[4]	77.9		81.5		80.9	
Nisbah pembiayaan-deposit[4, 5]	84.6		88.0		86.7	

KADAR FAEDAH (PADA AKHIR TAHUN)	2009	2010	2011
	%	%	%
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.00	2.75	3.00
Kadar Antara Bank 1 bulan*	2.06	2.79	3.06
Bank Perdagangan			
Deposit tetap 3 bulan	2.03	2.74	2.99
12 bulan	2.50	2.97	3.22
Deposit tabungan*	0.86	1.00	1.15
Kadar pinjaman asas (BLR)	5.51	6.27	6.53
Bil Perbendaharaan (3 bulan)	1.97	2.83	3.00
Sekuriti Kerajaan Malaysia (1 tahun)	2.12	2.85	2.82
Sekuriti Kerajaan Malaysia (5 tahun)	3.79	3.39	3.23

KADAR PERTUKARAN MATA WANG ASING	2009	2010	2011
Pergerakan Ringgit (pada akhir tahun)	%	%	%
Perubahan berbanding dengan SDR	0.2	13.1	-2.8
Perubahan berbanding dengan USD[6]	1.2	11.1	-2.9

[1] Mulai suku pertama 2008, data hutang luar negeri Malaysia telah ditakrifkan semula untuk mengambil kira entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin
[2] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[3] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[4] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan
[5] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan PDS oleh sistem perbankan kepada deposit sistem perbankan
[6] Ringgit telah ditetapkan pada kadar RM3.80=USD1 pada 2 September 1998 dan beralih kepada apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang pada 21 Julai 2005
a Awalan
* Merujuk kepada kadar purata pada bulan Disember

Dinamik Pendapatan Isi Rumah dan Hubungannya dengan Penggunaan Swasta

Penggunaan swasta menjadi pemacu pertumbuhan yang semakin penting dalam ekonomi Malaysia. Ini dicerminkan oleh peningkatan sumbangan penggunaan swasta dalam KDNK apabila pertumbuhan penggunaan mengatasi pertumbuhan KDNK keseluruhan pada dekad yang lalu (Rajah 1). Dapatan bersifat teori dan empirik di seluruh negara secara konsisten menunjukkan pentingnya pendapatan dalam menentukan penggunaan swasta[1]. Rencana ini meninjau dinamik pendapatan isi rumah dan hubungannya dengan penggunaan swasta bagi Malaysia. Analisis yang dibuat menunjukkan dua pemerhatian utama. Pertama, sektor perkhidmatan memainkan peranan yang cukup besar dalam memacu pendapatan keseluruhan, manakala pendapatan daripada komoditi juga penting, terutamanya semasa tempoh kenaikan ketara dalam harga komoditi. Kedua, bukti ekonometrik menunjukkan bahawa pendapatan mempunyai hubungan yang kuat dan positif dengan penggunaan swasta. Kejutan terhadap pendapatan didapati memberikan kesan yang cukup besar dan berpanjangan terhadap penggunaan swasta.

Menganggarkan Pendapatan Isi Rumah: Melalui Pendekatan Dari Bawah Ke Atas (A Bottom-Up Approach)

Langkah pertama dalam analisis ini ialah menghasilkan anggaran pendapatan yang merangkumi semua sektor ekonomi. Analisis terhadap pendapatan isi rumah sedia ada dikekang oleh liputan data dan kekerapan berkala. Sebagai contoh, pendapatan dalam sektor pembinaan dan beberapa subsektor perkhidmatan hanya boleh didapati pada asas tahunan dan tidak boleh di dapati pada asas suku tahunan. Proksi pendapatan yang lazim digunakan ialah upah sektor perkilangan kerana ketersediaannya yang kerap. Bagaimanapun, upah sektor perkilangan bukanlah proksi yang paling sempurna bagi pendapatan keseluruhan dalam ekonomi memandangkan upah bagi sektor berlainan cenderung dipengaruhi oleh faktor-faktor khusus sektor berkenaan. Sebagai contoh, upah dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan lebih cenderung dipengaruhi oleh pertimbangan permintaan domestik sementara upah perkilangan pula banyak dipengaruhi oleh faktor luaran.

Rajah 1

Penggunaan Swasta dan KDNK



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi menghasilkan anggaran pendapatan isi rumah yang lebih tepat, siri upah suku tahunan dianggarkan untuk setiap sektor yang tidak mempunyai data upah. Kaedah ini melibatkan penganggaran hubungan jangka panjang antara upah dengan produktiviti pekerja sektor tersebut, dan berdasarkan pandangan bahawa upah terutamanya mencerminkan produktiviti pekerja[2]. Pertama, nisbah antara upah setiap pekerja dengan nilai ditambah setiap pekerja sektor tersebut ditentukan menggunakan data kekerapan tahunan atau dwitahunan daripada kaji selidik terhadap

[1] Antara contoh yang bersifat teori ialah Carroll (2001) bagi analisis keseimbangan separa terhadap fungsi penggunaan agregat serta Kydland dan Prescott (1980) dalam rangka kerja keseimbangan am. Bacchetta dan Gerlach (1997) serta Case, Quigley dan Shiller (2006) dalam kertas kerja terbaharu secara empirik mendapati bahawa pendapatan memberikan impak terbesar terhadap penggunaan dalam sebilangan negara yang dijadikan sampel.

[2] Upah dalam sektor tertentu didapati sekali-sekala menyimpang daripada paras produktivitinya yang berkaitan. Namun, penyimpangan ini didapati hanya sementara.

syarikat yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan daripada Akaun Negara. Kaedah ini dibuat untuk mengetahui variasi mengikut sektor dalam profil upah dan produktiviti. Kedua, nisbah tahunan/dwitahunan disisipkan untuk membentuk siri suku tahunan. Siri ini kemudiannya didarab dengan nilai ditambah sektor berkenaan untuk mendapatkan anggaran suku tahunan bagi

Rajah 2

Hubungan Harga dan Pendapatan dalam Sektor Getah dan Minyak Sawit Mentah



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia

pendapatan kasar sektor. Pendekatan ini digunakan bagi semua sektor, kecuali sektor minyak sawit mentah. Ini kerana upah dalam sektor komoditi utama didapati lebih banyak ditentukan oleh harga berbanding dengan produktiviti pekerja berikutan kekangan kadar hasil (Rajah 2). Oleh yang demikian, pemerhatian terhadap hubungan harga dan pendapatan pada kekerapan tahunan digunakan untuk menganggarkan siri suku tahunan bagi pendapatan kasar sektor minyak sawit.

Akhir sekali, siri pendapatan yang diperhatikan dan dianggarkan bagi semua sektor kemudiannya dijumlahkan untuk mendapatkan anggaran pendapatan isi rumah keseluruhan. Kelebihan pendekatan ini ialah anggaran yang diperoleh akan mencerminkan pendapatan isi rumah pada tahap keseluruhan dari perspektif sektor.

Evolusi Pendapatan Isi Rumah

Rajah 3 menunjukkan pertumbuhan pendapatan nominal dan pecahannya bagi semua sektor utama dari tahun 2002 hingga tahun 2011. Pendapatan isi rumah keseluruhan meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan purata 7.4% setiap suku tahun dalam tempoh ini. Pendapatan isi rumah mencatat peningkatan yang stabil dalam tempoh tahun 2005 hingga 2008, dengan catatan pertumbuhan tertinggi sebanyak 16.1% pada suku pertama 2008, iaitu menjelang tercetusnya krisis dalam ekonomi maju.

Dua trend utama pendapatan isi rumah dapat dilihat. Pertama, komponen besar dalam

Rajah 3

Pertumbuhan Pendapatan Nominal dalam Sektor-sektor Utama



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pertumbuhan pendapatan keseluruhan ialah pendapatan sektor perkhidmatan, yang sumbangannya kepada jumlah pendapatan meningkat dengan stabil daripada 55.7% pada suku pertama 2001 kepada 64.6% pada suku ketiga 2011. Rajah 3 khususnya menunjukkan bahawa kenaikan pendapatan yang teguh dalam tempoh tahun 2005 hingga 2008, dan pemulihan kembali pendapatan selepas krisis dalam ekonomi maju, disebabkan oleh sektor perkhidmatan. Perkembangan ini boleh dijelaskan melalui peningkatan bahagian guna tenaga dalam sektor perkhidmatan daripada jumlah guna tenaga negara dan oleh kenaikan upah yang lebih tinggi dalam sektor tersebut. Bahagian guna tenaga dalam sektor perkhidmatan meningkat daripada 51.1% pada suku pertama 2001 kepada 61.5% pada suku ketiga 2011, manakala upah dalam subsektor perkhidmatan utama mengatasi pertumbuhan pendapatan keseluruhan. Sebagai contoh, upah dalam subsektor borong dan runcit, dan subsektor pengantaraan kewangan, masing-masing meningkat pada kadar purata 11.1% dan 7.7% setiap suku tahun, lebih tinggi daripada pertumbuhan purata pendapatan negara pada 7.4%.

Dapatan penting kedua ialah pendapatan daripada sektor komoditi utama memainkan peranan yang cukup penting dalam memacu pertumbuhan pendapatan keseluruhan meskipun bahagiannya kepada jumlah guna tenaga negara secara relatifnya kecil. Keadaan ini adalah kerana pendapatan daripada komoditi didorong terutamanya oleh harga, memandangkan penawaran komoditi lazimnya dikekang dalam tempoh jangka pendek hingga sederhana. Memandangkan turun naik harga komoditi adalah ketara dalam tahun-tahun kebelakangan ini, pendapatan daripada sektor tersebut juga memperlihatkan corak yang sama. Corak pendapatan sebegini jelas kelihatan semasa kitaran harga komoditi semasa tempoh tahun 2008-2009. Semasa kitaran tersebut mencapai kemuncaknya pada separuh pertama tahun 2008, harga minyak sawit meningkat sebanyak 64.5% setiap tahun, dan merupakan 48.9% daripada pertumbuhan 13.8% dalam pendapatan keseluruhan. Sebaliknya, harga yang kemudiannya jatuh secara mendadak, pada kadar purata -37% pada separuh pertama tahun 2009, menyumbangkan lebih 44.1% kepada penurunan sebanyak 3.5% dalam pendapatan keseluruhan.

Hubungan antara Pendapatan Isi Rumah dengan Penggunaan Swasta

Rajah 4 menunjukkan hubungan antara penggunaan swasta benar dengan pendapatan isi rumah benar. Pendapatan nominal dijadikan mendatar dengan menggunakan pendeflasi penggunaan tersirat untuk membolehkan perbandingan dengan penggunaan swasta benar dibuat dengan sewajarnya. Ternyata bahawa pertumbuhan pendapatan merupakan penunjuk pertumbuhan penggunaan swasta yang berkebetulan (coincident) dan sangat berhubung kait, dengan pekali korelasi antara kedua-dua siri sebanyak 0.6. Pertumbuhan pendapatan juga mengalami turun naik yang lebih besar berbanding dengan penggunaan swasta, masing-masing dengan sisihan piawai 4.1 dan 3.1.

Rajah 4

Hubungan Antara Pendapatan Benar dan Penggunaan Swasta



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pergerakan bersama antara pertumbuhan penggunaan swasta dengan pertumbuhan pendapatan benar-benar ketara sejak tahun 2006, apabila penggunaan swasta meningkat seiring dengan pertumbuhan pendapatan yang teguh dari tahun 2006 hingga 2008. Apabila pendapatan keseluruhan menguncup seketika pada tahun 2009 apabila pendapatan daripada komoditi dan eksport menurun bersama dengan harga dan eksport komoditi, penggunaan swasta turut menjadi

sederhana walaupun pada magnitud yang lebih kecil. Penggunaan swasta kemudiannya meningkat kembali pada separuh kedua tahun 2009 seiring dengan pemulihan pendapatan.

Auto regresi vektor (Vector Auto-regression, VAR) telah dianggarkan untuk mengkaji selanjutnya hubungan bersebab (causal link) antara pendapatan dengan penggunaan swasta[3]. Kredit isi rumah juga dimasukkan sebagai pemboleh ubah untuk membezakan saluran pendapatan dengan saluran kredit. Pertama, ujian penyebab multivariat Granger dijalankan untuk menguji sama ada pendapatan dan kredit membantu meramalkan pergerakan akan datang penggunaan swasta. Keputusan ujian ini menunjukkan bahawa dari segi statistik pendapatan mempunyai hubungan bersebab positif yang ketara dengan penggunaan swasta. Sebaliknya, kredit didapati tidak mempunyai perhubungan ekonometrik dengan penggunaan meskipun pekali terhadap sela kredit (coefficient on the lag of credit) menunjukkan tanda positif yang dijangkakan. Analisis gerak balas impuls juga dijalankan untuk menganggarkan profil gerak balas penggunaan swasta berikutan berlakunya kejutan terhadap pendapatan dan kredit isi rumah (Rajah 5). Dalam kedua-dua kes, kesannya terhadap penggunaan swasta adalah positif dan dari segi statistik ia amat ketara, terutamanya pada tahun pertama selepas berlakunya kejutan.

Keputusan-keputusan tersebut menunjukkan bahawa pendapatan dan kredit mempunyai hubungan yang berbeza dengan penggunaan swasta. Keputusan ujian penyebab Granger menunjukkan bahawa isi rumah cenderung untuk lebih bergantung pada pendapatan mereka daripada mengambil pinjaman untuk membeli barangan penggunaan. Namun, analisis gerak balas impuls menunjukkan bahawa pinjaman juga memberikan impak yang positif kepada perbelanjaan isi rumah. Dapatan ini menyarankan bahawa isi rumah mengakses pasaran kredit bukan hanya untuk memudahkan perbelanjaan barangan tahan lama bahkan kredit juga digunakan untuk menyokong perbelanjaan buat sementara waktu apabila mereka mengalami kejutan pendapatan yang teruk. Keadaan ini berlaku pada tahun 2009. Penggunaan swasta terus mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 0.7% meskipun pendapatan dianggarkan menguncup pada -1.3%. Kredit isi rumah meningkat

Rajah 5

Respon Penggunaan Swasta Kepada Perubahan Mendadak Pendapatan dan Kredit Isi Rumah



Sumber: Bank Negara Malaysia

[3] Sela suku tahun digunakan sebagai pilihan oleh kriteria Schwartz. Pemboleh ubah itu diubah kepada bentuk peratusan tahunan. Tempoh anggaran adalah dari 2002-2011.

sebanyak 9.3% (2008: 9.1%) berikutan pengambilan kredit oleh sektor ini untuk mengimbangi sebahagian daripada kehilangan dalam pendapatan sepanjang tempoh tersebut.

Rujukan

Kydland, F. and Prescott, E.C. (1980) "Time to Build and the Persistence of Unemployment," Discussion Papers 453, Northwestern University, Center for Mathematical Studies in Economics and Management Science.

Carroll, C.D. (2001) "A Theory of the Consumption Function, With and Without Liquidity Constraints," Journal of Economic Perspectives, v15 (3, Summer), 23-45.

Case, K.E., Quigley, J.M. and Shiller, R.J. (2006) "Comparing Wealth Effects: The Stock Market Versus the Housing Market," Advances in Macroeconomics. Cowles Foundation Paper No. 1181.

Bacchetta, P. and Gerlach, S. (1997) "Consumption and Credit Constraints: International Evidence," Journal of Monetary Economics, Elsevier, vol. 40(2), pages 207-238, October.

Rajah 1.5

Agregat Permintaan Dalam Negeri Benar



a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.6

PNK per Kapita dan Penggunaan Swasta



a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

gaji dalam sektor swasta meningkat sebanyak 4% pada tahun 2011 (2010: 4.5%). Pendapatan di kawasan luar bandar juga mencatat pertumbuhan kukuh, disebabkan oleh harga getah dan minyak sawit masing-masing meningkat sebanyak 27.8% dan 19.1%. Maklum balas daripada perbincangan dan interaksi dengan industri menunjukkan bahawa perbelanjaan runcit yang lebih tinggi di kawasan luar bandar juga telah mendorong kepada peningkatan upah dan pekerjaan dalam sektor-sektor ini. Perbelanjaan pengguna, terutamanya untuk barangan pilihan sendiri (discretionary items), juga disokong oleh keyakinan pengguna yang berterusan, dengan Indeks Sentimen Pengguna MIER kekal melebihi paras ambang 100 mata. Dua pembayaran bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan awam pada suku ketiga dan keempat tahun 2011 turut menyokong perbelanjaan pengguna.

Permintaan dalam negeri menjadi kukuh didorong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta dan disokong oleh penggunaan sektor awam

Keadaan pembiayaan untuk sektor isi rumah terus menyokong perbelanjaan pengguna, dengan kadar pinjaman kekal rendah pada kadar purata sebanyak 5.1% (2010: 5.0%). Pengeluaran pinjaman untuk pembelian kereta penumpang dan penggunaan peribadi berkembang sebanyak 9% (2010: 12.6%). Keberhutangan isi rumah secara keseluruhan meningkat lebih tinggi kepada 76.6% daripada KDNK pada akhir tahun 2011 (akhir tahun 2010: 75.8%). Meskipun paras hutang lebih tinggi, kedudukan kewangan sektor isi rumah kekal kukuh dengan nisbah hutang sektor isi rumah kepada aset kewangan kekal pada paras yang berhemat iaitu 43.5% (2010: 42.0%).

Pelaburan swasta berkembang dengan kukuh sebanyak 14.4% pada tahun 2011 (2010: 17.7%). Perbelanjaan modal yang lebih tinggi dicatat dalam semua sektor, terutamanya sektor perkilangan, perlombongan dan perkhidmatan, didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan keadaan luaran yang menggalakkan pada separuh pertama tahun 2011. Pelaksanaan beberapa projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme, ETP) juga telah menyokong kekukuhan prestasi pelaburan swasta. Syarikat berorientasikan dalam negeri terus meningkatkan kapasiti, mendapat manfaat terutamanya daripada perbelanjaan penggunaan swasta yang berterusan pada tahun 2011. Pelaburan oleh syarikat berorientasikan eksport juga kukuh, walaupun menjadi sederhana menjelang akhir tahun disebabkan oleh ketidakpastian yang meningkat dalam persekitaran ekonomi global.

Evolusi Stok Modal di Malaysia

Pengenalan

Stok modal sesebuah negara ialah jumlah kuantiti aset modal yang tersedia untuk pengeluaran barangan dan perkhidmatan. Saiz dan pertumbuhan stok modal tersebut mempunyai kesan yang penting terhadap keupayaan pengeluaran sesebuah ekonomi. Berdasarkan penerbitan terbaharu perangkaan stok modal oleh Jabatan Perangkaan Malaysia[1], rencana ini menggunakan Stok Modal Bersih (SMB)[2] untuk menganalisis trend stok modal di Malaysia dan juga perubahan dalam keamatan (intensity) dan produktiviti daripada penggunaan stok modal, dalam beberapa dekad yang lalu.

Trend Stok Modal

Sepanjang empat dekad yang lalu, SMB meningkat dengan nyata daripada RM38 bilion pada tahun 1970 kepada RM1,008 bilion pada tahun 2010 berdasarkan harga malar tahun 2000. Trend ini mencerminkan magnitud pelaburan modal yang besar dalam empat dekad yang lalu. Jadual 1 menunjukkan gambaran sepintas lalu SMB dalam ekonomi Malaysia mengikut jenis aktiviti ekonomi dan kelas aset pada tahun 2010.

Jadual 1

SMB Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi dan Kelas Aset Tahun 2010 pada Harga Malar Tahun 2000

SMB (RM bilion)	Pertanian	Perlombongan	Perkilangan	Pembinaan	Perkhidmatan	**Jumlah**
Struktur	7.1	14.3	65.2	4.2	566.8	**657.5**
Kelengkapan pengangkutan	0.5	0.0	8.1	1.4	40.7	**50.6**
Jentera dan kelengkapan	1.0	27.8	115.9	1.8	49.4	**195.9**
Aset lain	8.6	94.3	0.0	0.0	0.9	**103.7**
Jumlah	**17.2**	**136.4**	**189.1**	**7.4**	**657.7**	**1,007.8**

Nota: "Aset lain" termasuk ternakan, tanaman modal dan aktiviti cari gali mineral
Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi jenis aktiviti ekonomi (Rajah 1), sektor perkilangan dan perkhidmatan mencakupi 84% daripada jumlah SMB pada tahun 2010. SMB sektor perkilangan berkembang paling pesat sejak tahun 1970 dengan pertumbuhan tahunan purata pada 12.7%. Ini sebahagiannya mencerminkan pengembangan pesat sektor perkilangan sepanjang tempoh ini, khususnya antara tahun 1980 hingga 1990. Semasa tempoh tahun 1970-an hingga tahun 2000-an, dasar seperti Pengindustrian Berorientasikan Eksport dan Pelan Induk Perindustrian Pertama (1986-1995), serta penyediaan insentif melalui perundangan seperti Akta Penggalakan Pelaburan (1986), telah berperanan untuk mempergiat lagi galakan pelaburan dalam sektor perkilangan. Pembangunan pesat sektor perkilangan negara terus menyokong pengembangan aset modal dalam bentuk jentera dan kelengkapan (Rajah 2). Pelaburan dalam jenis aset modal ini adalah penting untuk meningkatkan penerapan teknologi dan menambah kapasiti produktif perniagaan dalam sektor perkilangan.

Pelaburan dalam sektor perkhidmatan juga berkembang dalam beberapa dekad yang lalu, seperti yang ditunjukkan oleh bahagian SMB sektor ini yang sentiasa melebihi 60% daripada jumlah SMB keseluruhan (Rajah 1). Ini disokong oleh pengukuhan perbelanjaan dalam negeri, khususnya dalam subsektor perkhidmatan berorientasikan dalam negeri seperti perdagangan borong dan runcit,

[1] Butiran teknikal anggaran stok modal Malaysia boleh didapati dalam *Akaun Negara: Perangkaan Stok Modal* (1955-2006 dan 2000-2010) yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

[2] SMB merujuk kepada nilai pasaran semasa aset modal sesebuah ekonomi yang masih beroperasi, dengan mengambil kira susut nilai dalam nilai aset tersebut.

Rajah 1

Bahagian SMB Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (2000=100)



Nota: "Lain-lain" terdiri daripada sektor pertanian, perlombongan dan pembinaan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 2

Bahagian SMB Mengikut Jenis Kelas Aset (2000=100)



Nota: "Aset lain" termasuk ternakan, tanaman modal dan aktiviti cari gali mineral
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

penginapan dan restoran; dan kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Tambahan pula, proses pengindustrian sektor perkilangan lazimnya merangsang pertumbuhan pelaburan dalam perkhidmatan berkaitan dengan perkilangan seperti pengeluaran rangkaian maya ICT, penyelidikan dan pembangunan (R & D), pensijilan kualiti dan piawaian, pembungkusan, pengangkutan dan perkhidmatan eksport.

Sebaliknya, aset modal dalam struktur mencakupi 69% daripada jumlah SMB secara purata (Rajah 2) dan kekal sebagai kelas aset modal terbesar khususnya dalam sektor berkaitan dengan pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; kewangan, harta tanah dan perniagaan; dan perkhidmatan kerajaan. Kenaikan dalam stok modal berkaitan struktur mencerminkan perbelanjaan modal dalam harta kediaman dan bangunan pejabat komersial, loji dan kilang perindustrian, serta infrastruktur fizikal. Proses pembandaran yang pesat dan pembangunan pusat pertumbuhan baharu antara tahun 1970-an hingga 2000-an memperkukuh lagi pelaburan dalam aset modal jenis ini.

Analisis Awal Mengenai Keamatan dan Produktiviti Modal

Antara tahun 1980-an hingga 2000-an, ekonomi negara menjadi lebih berintensif modal yang merentas kebanyakan sektor ekonomi, seperti yang dicerminkan oleh peningkatan bahagian aset modal kepada bilangan pekerja yang digaji[3] (Jadual 2).

Sektor perlombongan dan kuari merupakan sektor yang paling berintensif modal, diikuti oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pengumpulan aset modal dalam sektor perlombongan adalah terutamanya untuk aktiviti cari gali mineral, sejajar dengan pembangunan industri minyak dan gas dalam negara. Keamatan modal dalam sektor perkhidmatan meningkat hampir dua kali ganda, apabila dasar liberalisasi dan modenisasi yang dilaksanakan untuk menggalakkan perkembangan sektor perkhidmatan sebagai bidang pertumbuhan baharu dalam tahun 2000-an telah memainkan peranan sokongan dalam menggalakkan kegiatan pelaburan yang lebih tinggi. Keamatan modal dalam sektor perkilangan juga meningkat dengan ketara, sejajar dengan proses perindustrian dan inisiatif yang diambil untuk menggerakkan ekonomi ke arah aktiviti perkilangan yang mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi.

[3] Keamatan modal dianggarkan sebagai nisbah stok modal bersih kepada jumlah guna tenaga (jumlah orang yang bekerja) di negara ini.

Pada tempoh yang sama, produktiviti modal keseluruhan, seperti yang diukur oleh nisbah peningkatan modal dan keluaran (incremental capital-output ratio, ICOR)[4], juga bertambah baik. Namun, kajian yang lebih lanjut perlu dijalankan untuk menganalisis trend produktiviti modal dari perspektif yang lebih holistik dengan mengkaji kecekapan modal insan dan modal fizikal (iaitu produktiviti faktor menyeluruh).

Jadual 2

Keamatan dan Produktiviti Modal

Tempoh	1981-1990	2001-2010
Keamatan Modal (RM/pekerja)	RM42,788	RM86,899
Pertanian	*RM8,028*	*RM12,573*
Perlombongan	*RM754,983*	*RM2,273,546*
Perkilangan	*RM25,205*	*RM78,317*
Pembinaan	*RM16,914*	*RM8,900*
Perkhidmatan	*RM64,402*	*RM105,893*
Produktiviti Modal (ICOR)*	2.6	1.2

* ICOR yang lebih rendah menunjukkan produktiviti yang lebih baik kerana modal yang lebih rendah diperlukan untuk menghasilkan jumlah output yang sama

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Kesimpulan

Stok modal bersih ekonomi Malaysia telah berkembang dengan pesat dalam tempoh empat dekad yang lalu. Dari segi sektor, kebanyakan aset modal digunakan oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Struktur bangunan serta jentera dan kelengkapan merupakan jenis stok modal yang paling lazim. Analisis awalan ke atas data stok modal menunjukkan bahawa ekonomi juga telah menjadi lebih berintensif modal dan yang lebih penting ialah produktiviti modal keseluruhan telah bertambah baik sepanjang beberapa dekad yang lalu.

Melangkah ke hadapan, ketika ekonomi sedang melalui transformasi ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi, usaha untuk meningkatkan kualiti stok modal dan kecekapan penggunaannya merupakan faktor kejayaan yang amat penting. Malah, penambahbaikan dalam kecekapan modal dan produktiviti merupakan elemen penting dalam memastikan projek pelaburan baharu di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) merangsang pertumbuhan ekonomi dan merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi.

[4] ICOR dianggarkan sebagai nisbah perubahan tahunan dalam stok modal bersih kepada perubahan tahunan dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tempoh yang sama.

Pengembangan yang berterusan dalam aktiviti pelaburan swasta telah dicerminkan dalam penunjuk pelaburan utama. Import barangan modal mencatat pertumbuhan kukuh 9.7% (2010: 12.2%), jualan bahan-bahan berkaitan pembinaan meningkat sebanyak 12.1% (2010: 11.2%), manakala pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan lebih tinggi sebanyak 12.5% (2010: 9.8%). Walau bagaimanapun, momentum pelaburan yang kukuh mula menjadi sederhana sedikit menjelang separuh kedua tahun 2011, terutamanya dalam sektor perkilangan berikutan persekitaran global yang bertambah buruk. Ini dicerminkan oleh import jentera untuk perkilangan yang mencatat pertumbuhan lebih rendah sebanyak 0.7% pada separuh kedua tahun itu berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 7.4% pada separuh tahun pertama. Pertumbuhan jualan kenderaan perdagangan juga menjadi sederhana kepada 2.7% pada separuh tahun kedua daripada 8% pada separuh tahun pertama (2010: 21.8%). Ini juga telah dicerminkan oleh sentimen pelabur, yang merosot menjelang akhir tahun 2011. Indeks Keadaan Perniagaan MIER, yang kekal berada melebihi paras ambang 100 mata pada tiga suku pertama tahun 2011, menyusut kepada 96.6 mata pada suku keempat, dengan sektor perniagaan mendapati jualan dan pesanan baharu ketara lebih rendah.

Dalam sektor perkilangan, perbelanjaan modal untuk peningkatan kapasiti oleh syarikat berorientasikan dalam negeri dan eksport adalah lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pelaburan dalam sektor perkilangan menjadi sederhana pada separuh tahun kedua, terutamanya oleh syarikat berorientasikan eksport. Ini dicerminkan oleh tahap penggunaan kapasiti yang lebih rendah yang dilihat pada akhir tahun 2011 (77%; akhir tahun 2010: 80%), lantas mendorong syarikat untuk mengurangkan operasi dan menangguhkan peningkatan kapasiti baharu. Walau bagaimanapun, perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan disokong oleh pelaksanaan berterusan projek-projek perkilangan yang diluluskan, pelaburan dalam bidang pertumbuhan baharu, iaitu sumber tenaga boleh diperbaharui, industri E&E dan industri kelengkapan perubatan yang lebih maju, dan kepelbagaian produk.

Rajah 1.7

Penggunaan Kapasiti Sektor Perkilangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pelaburan dalam sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan teguh, terutamanya dalam kalangan subsektor berorientasikan dalam negeri seperti komunikasi serta perdagangan borong dan runcit yang disebabkan oleh perbelanjaan pengguna yang terus tinggi. Perbelanjaan modal dalam subsektor komunikasi telah ditumpukan kepada penambahbaikan infrastruktur jalur lebar mudah alih dan peningkatan liputan rangkaian. Perbelanjaan modal yang lebih tinggi juga dicatat untuk penambahan saluran dagang dalam subsektor perdagangan edaran dan restoran serta penambahan bilangan kapal terbang dalam subsektor pengangkutan udara.

Dalam sektor perlombongan, perbelanjaan modal adalah lebih tinggi terutamanya untuk aktiviti penerokaan dan pembangunan dalam sektor minyak dan gas, disebabkan oleh harga tenaga yang kekal tinggi. Tambahan lagi, perbelanjaan modal yang lebih tinggi dalam bidang ini juga disokong oleh insentif cukai untuk pembangunan di laut dalam dan medan minyak yang kecil.

Kemajuan dalam pelaksanaan projek-projek ETP terpilih terutamanya dalam sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan penginapan, serta minyak dan gas turut menyokong pertumbuhan kukuh dalam aktiviti pelaburan secara keseluruhan.

Penggunaan awam mengembang 16.8% pada tahun 2011 (2010: 0.5%), berikutan perbelanjaan awam yang lebih tinggi terhadap emolumen, bekalan dan perkhidmatan, serta pembayaran satu bulan bonus pada tahun 2011. Peningkatan perbelanjaan terhadap bekalan dan perkhidmatan mencerminkan usaha berterusan Kerajaan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan awam.

Pelaburan awam menguncup 2.4% pada tahun 2011 (2010: 2.8%) berikutan luputnya pakej rangsangan kedua pada tahun 2010 dan pelaksanaan yang lebih perlahan projek-projek baharu di bawah Rancangan Malaysia ke-10. Sementara itu, perbelanjaan modal oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK) kekal kukuh, sekali gus menyokong pelaburan awam secara keseluruhan.

Perbelanjaan pembangunan Kerajaan dalam sektor ekonomi telah ditumpukan ke arah penambahbaikan infrastruktur pengangkutan dan kemudahan awam di kawasan bandar dan luar bandar, dan meningkatkan daya saing perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan sosial bertujuan untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan tinggi serta latihan kemahiran selain meningkatkan keupayaan penjagaan kesihatan negara.

Bagi PABK, perbelanjaan modal meningkat terutamanya dalam sektor perlombongan, pengangkutan, utiliti dan komunikasi. Pelaburan dalam sektor perlombongan mencerminkan terutamanya penerokaan dan pembangunan medan minyak dan gas, manakala penambahbaikan jalan, rel dan infrastruktur udara merupakan pelaburan utama dalam sektor pengangkutan. Perbelanjaan modal dalam sektor utiliti dan komunikasi masing-masing ditumpukan terutamanya kepada mempertingkat kapasiti penjanaan kuasa dan memperluas liputan perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi negara.

Tabungan sektor swasta meningkat kepada RM242.1 bilion atau 29.1% daripada pendapatan negara kasar (PNK) pada tahun 2011 (2010: 22.2%), secara umumnya mencerminkan kedudukan kewangan sektor isi rumah dan sektor korporat yang kukuh. Deposit sektor perbankan yang dimiliki oleh individu dan perniagaan meningkat kepada RM943.9 bilion pada tahun 2011 (2010: RM821.8 bilion). Walau bagaimanapun, tabungan sektor awam merosot kepada RM45 bilion atau 5.4% daripada PNK (2010: 11.9%), disebabkan oleh lebihan operasi PABK yang lebih rendah pada tahun 2011. Secara keseluruhan, **tabungan negara kasar (TNK)** meningkat sebanyak 13.9% kepada RM287.1 bilion, yang seterusnya menghasilkan lebihan tabungan-pelaburan yang lebih besar sebanyak RM97.9 bilion atau 11.8% daripada PNK pada tahun 2011. Lebihan tabungan ini membolehkan Malaysia membiayai perbelanjaan pelaburan jangka panjang terutamanya daripada sumber dalam negeri.

KAJIAN MENGIKUT SEKTOR

Dari segi penawaran, pertumbuhan keseluruhan yang mampan pada tahun 2011 disebabkan oleh aktiviti yang kukuh dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan dalam keadaan permintaan dalam negeri yang kukuh sepanjang tahun. Dalam sektor perkilangan, pertumbuhan dalam industri berorientasikan dalam negeri telah mengatasi prestasi dalam industri berorientasikan eksport yang lebih lemah dalam keadaan

Rajah 1.8

Tabungan Negara Kasar dan Jurang Tabungan-Pelaburan



a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Kementerian Kewangan Malaysia
Bank Negara Malaysia

Jadual 1.2

KDNK Benar Mengikut Sektor (2000=100)

	2010	2011*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	2.1	5.6
Perlombongan dan kuari	0.2	-5.7
Perkilangan	11.4	4.5
Pembinaan	5.1	3.5
Perkhidmatan	6.8	6.8
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**7.2**	**5.1**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

Jadual 1.3

Prestasi Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar Tahun 2000

	2010	2011*a*	2010	2011*a*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada KDNK (%)	
Perkhidmatan	**6.8**	**6.8**	**57.7**	**58.6**
Perkhidmatan pengantara	7.2	6.2	25.2	25.5
Kewangan dan insurans	6.4	5.9	11.7	11.8
Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	7.8	6.3	5.5	5.5
Pengangkutan dan penyimpanan	6.9	5.3	3.8	3.8
Komunikasi	8.5	7.6	4.2	4.3
Perkhidmatan akhir	6.5	7.3	32.4	33.1
Perdagangan borong dan runcit	8.0	7.6	13.6	13.9
Penginapan dan restoran	5.0	5.2	2.4	2.4
Utiliti	8.2	3.0	3.0	3.0
Perkhidmatan Kerajaan	5.8	11.6	7.5	8.0
Perkhidmatan lain	4.0	4.1	5.9	5.8

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kelembapan permintaan luaran. Pengeluaran perkilangan turut terjejas teruk oleh gangguan bekalan berikutan bencana alam di Jepun dan Thailand. Permintaan serantau yang kukuh terus memberikan sokongan kepada industri perkilangan berasaskan sumber meskipun harga komoditi kekal tinggi. Walau bagaimanapun, sektor perlombongan terjejas teruk disebabkan oleh penutupan beberapa kemudahan pengeluaran, sementara pertumbuhan dalam sektor pembinaan menjadi sederhana berikutan beberapa projek utama telah disiapkan.

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 6.8% pada tahun 2011 (2010: 6.8%), dalam keadaan permintaan dalam negeri yang kukuh. Sektor ini kekal sebagai penyumbang terbesar kepada pertumbuhan ekonomi, mencakupi 3.9 mata peratusan daripada pertumbuhan KDNK keseluruhan.

Subsektor **perdagangan borong dan runcit** telah memperoleh manfaat daripada pertumbuhan penggunaan swasta yang teguh. Segmen runcit mencatat prestasi yang kukuh, didorong oleh perbelanjaan pengguna yang positif pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, segmen perdagangan edaran kenderaan bermotor terjejas disebabkan oleh gangguan pada rantaian bekalan berikutan bencana Fukushima, terutamanya pada suku kedua 2011. Daya tahan penggunaan swasta juga memberi sokongan kepada pertumbuhan berterusan dalam subsektor **penginapan dan restoran**. Ini lebih daripada mengimbangi aktiviti berkaitan pelancongan yang lebih perlahan dalam subsektor tersebut, berikutan ketibaan pelancong yang lebih rendah dalam keadaan ketidakpastian ekonomi global.

Sektor perkhidmatan terus menjadi pemacu pertumbuhan yang utama

Dalam subsektor **komunikasi**, pertumbuhan diterajui terutamanya oleh pengembangan yang berterusan dalam segmen jalur lebar. Kadar penembusan jalur lebar meningkat kepada 62.3% daripada isi rumah pada akhir tahun 2011 (akhir tahun 2010: 55.6%), hasil daripada liputan rangkaian yang lebih baik dan lebih luas oleh pemberi khidmat utama industri. Inisiatif untuk meningkatkan perkhidmatan jalur lebar, termasuk penyediaan kemudahan jalur lebar di kawasan luar bandar, juga telah menyumbang kepada kadar penembusan jalur lebar yang lebih tinggi.

Subsektor **kewangan dan insurans** meningkat sebanyak 5.9% (2010: 6.4%), berikutan prestasi kukuh dalam pinjaman bank dan kutipan premium insurans yang meningkat. Jumlah pinjaman terkumpul dalam sistem perbankan adalah lebih tinggi sebanyak 13.6% pada tahun 2011 (2010: 12.7%) mencerminkan permintaan terhadap pembiayaan yang kukuh oleh sektor isi rumah dan perniagaan.

Subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** mencatat pertumbuhan kukuh pada separuh pertama tahun 2011, tetapi lebih sederhana menjelang akhir tahun kerana ketidakpastian yang meningkat dalam pasaran kewangan global telah menjejaskan segmen perkhidmatan perniagaan berkaitan pasaran modal. Sejajar dengan aktiviti berkaitan perdagangan dan perkilangan yang sederhana, subsektor **pengangkutan dan penyimpanan**

Jadual 1.4

Penunjuk Terpilih bagi Sektor Perkhidmatan

	2010	2011*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Utiliti		
Indeks pengeluaran elektrik	8.8	2.0
Perdagangan Borong & Runcit dan Penginapan & Restoran		
Kredit penggunaan yang dikeluarkan	13.7	7.1
Ketibaan pelancong	4.4	0.1
Jumlah jualan kenderaan bermotor	12.8	-0.9
Kewangan & Insurans dan Harta Tanah & Perkhidmatan Perniagaan		
Pinjaman yang terkumpul dalam sistem perbankan	12.7	13.6
Premium insurans	11.4	3.2
Urus niaga Bursa Malaysia (jumlah unit)	2.1	29.9
Pengangkutan & Penyimpanan dan Komunikasi		
Jumlah kontena dikendalikan di Pelabuhan Klang dan PTP (TEUs)	15.6	11.3
Jumlah penumpang di lapangan terbang	12.2	10.6
Kargo udara yang dikendalikan	14.2	-2.1
Trafik SMS	8.3	-3.8
	%	
Kadar penembusan:		
- Jalur lebar[1]	55.6	62.3
- Telefon selular[2]	119.2	127.7
- Talian tetap[1]	42.5	37.3

[1] daripada isi rumah
[2] daripada populasi
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; Persatuan Automotif Malaysia; Bursa Malaysia Berhad; Lembaga Pelabuhan Klang; Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd; Malaysia Airports Holdings Berhad; Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd; Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia; dan Bank Negara Malaysia.

serta **utiliti** mencatat pengembangan yang lebih sederhana. Permintaan terhadap perkhidmatan pengangkutan berkaitan kargo dan pengeluaran elektrik adalah lebih rendah dalam keadaan permintaan luar negeri yang lemah.

Secara keseluruhannya, **sektor perkilangan** terus berkembang meskipun pada kadar yang lebih sederhana (2011: 4.5%; 2010:

Rajah 1.9

Sektor Perkilangan: Nilai ditambah, Pengeluaran, Jualan dan Eksport



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

11.4%), kerana pertumbuhan dalam industri berorientasikan dalam negeri mengatasi kelemahan dalam industri berorientasikan eksport. Permintaan luaran yang lemah, terutamanya daripada ekonomi maju, telah menjejaskan prestasi industri berorientasikan eksport. Gangguan bekalan juga menjadi faktor penyumbang kepada prestasi sektor yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, industri berorientasikan dalam negeri kekal berdaya tahan, disokong oleh keadaan permintaan dalam negeri yang menggalakkan.

Pertumbuhan sektor perkilangan lebih sederhana

Pada tahun 2011, industri berorientasikan eksport berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.4% (2010: 9.7%), berikutan penguncupan dalam **kelompok produk elektronik dan elektrik (E&E)** telah mengimbangi pertumbuhan dalam kelompok berkaitan sumber. Pertumbuhan keluaran E&E lemah pada tahun 2011 kerana terjejas oleh permintaan luaran yang lemah dan gangguan dalam rantaian bekalan E&E global. Walau bagaimanapun, permintaan serantau yang kukuh terhadap **kelompok berkaitan sumber** terus menyokong pertumbuhan industri berorientasikan eksport, dipacu terutamanya oleh keluaran petroleum bertapis serta industri kimia dan keluaran berkaitan kimia.

Rajah 1.10

Kelompok E&E: Nilai ditambah, Pengeluaran, Jualan dan Eksport



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.12

Kelompok Keluaran Berkaitan Pengguna: Nilai ditambah, Pengeluaran dan Jualan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Industri berorientasikan dalam negeri terus mencatat pertumbuhan kukuh pada tahun 2011, disokong terutamanya oleh prestasi teguh **kelompok berkaitan pembinaan**. Prestasi yang teguh bagi kelompok ini disokong oleh aktiviti pembinaan dalam negeri yang kukuh, yang memanfaatkan industri logam yang direka dan industri keluaran mineral bukan logam. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam **kelompok berkaitan pengguna** menjadi sederhana dengan mendadak. Ini disebabkan oleh penguncupan dalam pengeluaran kelengkapan pengangkutan yang terjejas teruk oleh gangguan dalam rantaian bekalan pada suku kedua tahun 2011. Penguncupan ini telah mengatasi pengembangan dalam industri makanan, minuman dan tembakau pada tahun itu.

Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan **(sektor pertanian)** berkembang pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 5.6% pada tahun 2011 disokong oleh pemulihan dalam pengeluaran minyak sawit mentah. Pengeluaran **minyak sawit mentah** meningkat 11.3% kepada 18.9 juta tan, disokong oleh faktor seperti keadaan cuaca yang baik dan harga yang kukuh. Pengeluaran tanaman utama yang lain seperti getah dan tanaman makanan kekal

Rajah 1.11

Kelompok Keluaran Berkaitan Sumber: Nilai ditambah, Pengeluaran, Jualan dan Eksport



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.13

Kelompok Berkaitan Pembinaan: Nilai ditambah, Pengeluaran dan Jualan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.5

Prestasi Sektor Perkilangan

	2010	2011
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 2000)	**11.4**	**4.5**
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**11.1**	**4.7**
Industri berorientasikan eksport	**9.7**	**3.4**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**17.4**	**-3.6**
antaranya:		
Elektronik	3.1	-11.7
Keluaran elektrik	47.8	8.4
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**5.7**	**7.4**
antaranya:		
Kimia dan keluaran kimia	11.5	8.8
Keluaran petroleum	-2.4	6.2
Keluaran getah	20.8	13.9
Pemprosesan di luar estet	-2.3	8.7
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**15.6**	**8.9**
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**13.4**	**2.6**
antaranya:		
Kelengkapan pengangkutan	29.7	-1.0
Makanan, minuman & keluaran tembakau	8.8	5.9
Kelompok berkaitan pembinaan	**18.9**	**17.6**
antaranya:		
Keluaran berkaitan pembinaan	21.9	13.0
Keluaran logam yang direka	15.0	23.8
Eksport	**12.6**	**3.4**

[1] Data pengeluaran adalah berdasarkan kepada Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100) baharu

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kukuh, didorong oleh permintaan serantau dan dalam negeri yang teguh.

Sektor pertanian memperoleh manfaat daripada keadaan permintaan dan penawaran yang menggalakkan. Harga purata getah SMR 20 naik kepada RM13.67 sekilogram (2010: RM10.70 sekilogram). Begitu juga, harga minyak sawit mentah meningkat kepada purata RM3,279 setan

Jadual 1.6

Sektor Pertanian: Nilai Ditambah dan Pengeluaran

	2010	2011*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah	**2.1**	**5.6**
Tanaman industri	**-2.3**	**5.3**
Pengeluaran antaranya:		
Minyak sawit mentah	-3.3	11.3
Getah	9.6	6.1
Kayu balak	-2.9	-7.7
Biji koko	-13.8	-70.6
Tanaman makanan	**7.4**	**5.8**
Pengeluaran antaranya:		
Ikan	2.7	1.3
Ternakan[1]	2.4	4.4
Sayur-sayuran	-17.6	10.5
Buah-buahan	8.3	2.8

[1] Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Lembaga Getah Malaysia
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
Jabatan Pertanian Malaysia

(2010: RM2,752 setan). Selain tempoh cuaca buruk yang singkat yang telah menyebabkan banjir di kawasan pengeluaran utama, keadaan cuaca pada keseluruhannya adalah kondusif untuk hasil tanaman industri yang lebih tinggi pada tahun 2011.

Pertumbuhan yang lebih kukuh dalam sektor pertanian disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih tinggi

Nilai ditambah **sektor perlombongan** menguncup sebanyak 5.7% pada tahun 2011, mencerminkan penurunan dalam pengeluaran minyak mentah dan kondensat. Penurunan ini disebabkan oleh penutupan beberapa kemudahan pengeluaran untuk tujuan penyelenggaraan,

Jadual 1.7

Sektor Perlombongan: Nilai Ditambah dan Pengeluaran

	2010	2011*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah	**0.2**	**-5.7**
Pengeluaran		
antaranya:		
Minyak mentah dan kondensat	-3.1	-10.2
Gas asli	2.1	0.4

a Awalan

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

penurunan pengeluaran medan minyak yang matang, dan pengeluaran medan baharu yang lebih rendah daripada jangkaan. Walaupun permintaan dari Jepun lebih tinggi berikutan bencana alam pada bulan Mac, pengeluaran gas asli hanya meningkat 0.4% kerana pengeluaran telah dijejaskan oleh penutupan kemudahan pemprosesan gas di Semenanjung Malaysia.

Pengeluaran sektor perlombongan menguncup berikutan penurunan dalam pengeluaran minyak mentah dan kondensat

Sektor pembinaan berkembang pada kadar yang sederhana sebanyak 3.5% pada tahun 2011 (2010: 5.1%), berikutan aktiviti subsektor kejuruteraan awam dan bukan kediaman yang lebih perlahan. Subsektor kejuruteraan awam dan perdagangan khas mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan, terutamanya pada suku kedua, berikutan penyiapan projek lebuh raya utama, serta penyelenggaraan dan kerja menaik taraf di bawah pakej rangsangan kedua.

Subsektor harta kediaman mencatat prestasi yang lebih baik dengan pertumbuhan yang kembali meningkat. Pembinaan harta kediaman, khususnya dalam segmen mewah, meningkat dengan ketara berikutan pemulihan dalam kelulusan pembinaan pada tahun 2010.

Rajah 1.14

Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor Pembinaan Berbanding dengan Pertumbuhan Pelaburan Awam dan Swasta



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 1.8

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2010	2011*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah sektor pembinaan	**5.1**	**3.5**
Jumlah transaksi harta tanah		
Nilai	32.5	27.9
Bilangan	11.4	14.1
Pinjaman untuk pembelian harta kediaman		
Kelulusan pinjaman	19.5	12.8
Pinjaman terkumpul	13.2	13.2
Pinjaman untuk sektor pembinaan		
Kelulusan pinjaman	53.6	25.7
Pinjaman terkumpul	4.7	3.8
Kelulusan perumahan	23.6	32.2
Permit jualan dan iklan baharu	16.0	16.1
Import bahan berkaitan pembinaan	27.5	14.0
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	18.9	18.2
Indeks Harga Rumah Malaysia	6.7	8.6[1]

[1] Jan-Sept 2011
a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).

Gabungan permintaan yang kukuh, bilangan tidak terjual yang lebih rendah, serta kos tanah dan bahan binaan yang lebih tinggi menyebabkan harga rumah lebih tinggi pada tahun 2011. Purata bagi harga rumah negara meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 8.6% pada tiga suku pertama tahun 2011 (2010: 6.7%), jauh melebihi kadar pertumbuhan purata sebanyak 3.7% antara tahun 2000 dengan 2010.

Pertumbuhan sektor pembinaan sederhana

Dalam subsektor bukan kediaman, pertumbuhan menjadi sederhana selepas mencatat pertumbuhan kukuh dua angka pada tahun sebelumnya. Kebimbangan terhadap lebihan bekalan ruang pejabat, khususnya di Lembah Klang, telah menjejaskan prestasi subsektor ini pada separuh kedua tahun 2011.

SEKTOR LUAR NEGERI

Imbangan Pembayaran

Sektor luar negeri Malaysia bertambah kukuh pada tahun 2011

Meskipun persekitaran luar mencabar, kedudukan luaran Malaysia menjadi bertambah kukuh pada tahun 2011. Imbangan pembayaran secara keseluruhan pulih kembali untuk mencatat kedudukan lebihan yang kukuh, dengan akaun semasa sekali lagi mencatat lebihan yang besar sementara kedudukan akaun kewangan pula bertukar arah untuk mencatat kedudukan aliran masuk bersih. Lebihan akaun semasa disokong

Jadual 1.9

Imbangan Pembayaran

Butiran	2010			2011*a*		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM bilion					
Barangan	640.0	505.3	134.7	696.1	546.7	149.4
Akaun perdagangan	*638.8*	*528.8*	*110.0*	*694.5*	*574.2*	*120.3*
Perkhidmatan	105.3	103.6	1.7	107.1	115.5	-8.4
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**745.3**	**608.9**	**136.4**	**803.2**	**662.2**	**141.0**
Pendapatan	38.3	64.8	-26.5	52.0	74.1	-22.0
Pindahan semasa	1.9	23.7	-21.8	4.7	25.8	-21.1
Imbangan akaun semasa	**785.5**	**697.4**	**88.1**	**859.9**	**762.0**	**97.9**
% daripada PNK			**11.9**			**11.8**
Akaun modal			-0.2			-0.2
Akaun kewangan			-19.8			15.5
Pelaburan langsung			-13.6			-12.4
Pelaburan portfolio			48.5			30.3
Derivatif kewangan			-0.7			-0.1
Pelaburan lain			-54.0			-2.4
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-20.0**			**15.3**
Kesilapan dan ketinggalan			-70.7			-18.5
antaranya:						
Penambahan (+) atau pengurangan (-) nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing			*-32.6*			*7.6*
Imbangan keseluruhan			**-2.6**			**94.7**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih			**328.6**			**423.3**
Nilai bersamaan dengan USD bilion			**106.5**			**133.6**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perubahan Struktur Eksport Malaysia

PENGENALAN

Sektor eksport Malaysia telah melalui perubahan penting sepanjang lima dekad yang lalu. Sejajar dengan perindustrian ekonomi negara, komposisi eksport beransur-ansur beralih daripada sebahagian besarnya berasaskan keluaran pertanian dan perlombongan pada tahun 1960-an, kepada barangan perkilangan pada tahun 1980-an. Pembangunan dan perkembangan sektor perkilangan adalah begitu pesat sehinggakan menjelang akhir tahun 1990-an, sektor ini mencakupi lebih 80% daripada jumlah eksport negara. Malah, barangan perkilangan kekal sebagai komponen terbesar eksport negara (Rajah 1).

Sejak tahun 2000, dua trend yang nyata dilihat dalam struktur eksport Malaysia. Pertama, tumpuan utama yang telah diberikan kepada eksport keluaran elektrik dan elektronik (E&E) beransur-ansur beralih kepada barangan perkilangan bukan E&E dan komoditi. Trend penting kedua ialah kepelbagaian pasaran eksport Malaysia. Rencana ini mengupas mengenai perubahan dalam struktur eksport Malaysia sejak tahun 2000, mengenal pasti faktor pendorong kepada kewujudan trend ini dan menggariskan secara am cabaran utama yang akan dihadapi oleh sektor eksport pada masa yang akan datang.

Rajah 1

Malaysia telah berkembang maju daripada pengeksport komoditi utama kepada terutamanya pengeksport barangan perkilangan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

PERUBAHAN STRUKTUR SEKTOR EKSPORT MALAYSIA SEJAK TAHUN 2000

Komposisi keluaran eksport lebih pelbagai

Meskipun E&E terus mencakupi sebahagian besar daripada jumlah eksport Malaysia (42.4% pada tahun 2010), bahagian eksport perkilangan bukan E&E meningkat dengan stabil daripada 23.4% kepada 33.8% pada dekad yang lalu. Dalam tempoh yang sama, bahagian komoditi dalam jumlah eksport juga lebih tinggi, daripada 13.3% kepada 22.2% (Rajah 2).

Rajah 2

Bahagian perkilangan bukan E&E dan komoditi semakin meningkat sejak sedekad lalu



Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Peralihan komposisi eksport ini mencerminkan beberapa faktor. Pertama, **permintaan dunia terhadap bahan mentah yang semakin meningkat**. Sebagai negara yang kaya dengan sumber asli dalam sektor seperti pertanian dan perlombongan, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk meraih manfaat daripada pertambahan permintaan dunia terhadap bahan mentah, khususnya daripada ekonomi yang pesat membangun di Asia. Faktor ini telah menyumbang kepada peningkatan bahagian eksport komoditi Malaysia dalam dekad yang lalu. Empat komoditi utama – minyak sawit, gas asli cecair (LNG), minyak mentah dan getah asli – mencakupi sebahagian besar daripada peningkatan bahagian komoditi dalam eksport kasar pada tempoh tersebut (Rajah 3).

Rajah 3

Peningkatan bahagian komoditi dalam eksport kasar Malaysia didorong terutamanya oleh empat komoditi utama



Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Faktor kedua yang menyumbang kepada perubahan dalam komposisi eksport ialah tumpuan yang lebih mendalam terhadap **aktiviti perkilangan hiliran bernilai tambah lebih tinggi**. Ini dicerminkan dalam corak pelaburan yang semakin berintensif modal dalam sektor perkilangan, dengan pelaburan modal bagi setiap pekerja dalam projek perkilangan yang diluluskan meningkat daripada RM381,450 pada tahun 2000 kepada RM557,894 pada tahun 2011. Sepanjang dekad yang lalu, Malaysia telah muncul sebagai pengeksport utama dalam industri bukan E&E penting seperti kimia dan keluaran berkaitan kimia, keluaran petroleum bertapis dan keluaran getah, berikutan terdapatnya bahan mentah dalam negara selain usaha berterusan untuk menaikkan kedudukan sektor bukan E&E dalam rantaian nilai. Industri-industri tersebut mencatat pertumbuhan yang begitu pesat sehingga menjadi penyumbang utama kepada peningkatan bahagian keluaran perkilangan bukan E&E dalam eksport kasar Malaysia (Rajah 4). Peranan sektor bukan E&E yang semakin penting turut dicerminkan dalam perubahan corak pelaburan dalam sektor perkilangan Malaysia. Berbanding dengan sektor E&E, pelaburan langsung asing dalam sektor bukan E&E telah menjadi semakin penting sejak beberapa tahun yang lalu (Rajah 5).

Rajah 4

Peningkatan bahagian bukan E&E dalam eksport kasar Malaysia didorong terutamanya oleh enam industri pertumbuhan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 5

Bahagian bukan E&E dalam jumlah pelaburan asing yang diluluskan meningkat sejak sedekad lalu



Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Rajah 6

Pertumbuhan pesat segmen E&E menyokong prestasi eksport E&E Malaysia



Sumber: World Trade Atlas, UN Comtrade dan pengiraan Bank Negara Malaysia

Perubahan dalam komposisi eksport turut mencerminkan **pergantungan yang semakin berkurang terhadap keluaran E&E** disebabkan oleh trend yang bertukar daripada komputer peribadi kepada peranti elektronik mudah alih lebih terkini seperti *tablet* dan telefon pintar – segmen pertumbuhan baharu yang penglibatan Malaysia masih lagi kecil. Namun begitu, sektor E&E terus menjadi penyumbang penting kepada pertumbuhan eksport Malaysia, dengan segmen seperti pemacu cakera keras dan keluaran elektrik pengguna seperti televisyen mencatat prestasi yang kukuh (Rajah 6). Prestasi sektor E&E juga terus disokong oleh keupayaannya untuk terus berkembang dalam bidang kelebihan berbanding baharu seperti industri solar dan diod pancaran cahaya (LED).

Destinasi pasaran eksport Malaysia lebih pelbagai

Satu lagi trend yang semakin ketara ialah **destinasi eksport Malaysia yang lebih pelbagai**. Meskipun bahagian eksport Malaysia ke pasaran tradisional seperti AS, Jepun dan Kesatuan Eropah (EU) masih tinggi, permintaan daripada ekonomi serantau, terutamanya Asia Timur, telah meningkat dengan nyata sejak tahun 2000 (Rajah 7). ASEAN[1] kekal sebagai pasaran eksport utama dengan mencakupi kira-kira 25% daripada jumlah eksport Malaysia. Paling ketara ialah hubungan perdagangan yang semakin erat dengan negara Asia lain, khususnya Republik Rakyat China (RR China) dan India. Bahagian eksport Malaysia ke RR China naik empat kali ganda daripada 3.1% pada tahun 2000 kepada 12.5% pada tahun 2010. Selaras dengan peningkatan eksport tersebut, import Malaysia dari RR China juga meningkat, lantas menjadikan negara itu sebagai rakan perdagangan terbesar Malaysia. Hubungan perdagangan dua hala yang semakin meningkat dengan RR China juga telah menjadikan Malaysia sebagai rakan perdagangan terbesar negara itu di Asia Tenggara. Melangkaui sempadan Asia, perdagangan Malaysia dengan Australia dan New Zealand, serta pasaran baharu di Timur Tengah dan Amerika Latin juga meningkat.

Struktur eksport Malaysia yang berubah sepanjang dekad yang lalu juga perlu dilihat dalam konteks **pertumbuhan serentak ekonomi sedang pesat membangun**. Kumpulan ekonomi ini dijangka mencatat pertumbuhan dua kali lebih pantas berbanding dengan ekonomi maju dan akan mencakupi lebih separuh daripada pertumbuhan global keseluruhan menjelang tahun 2025[2]. Selaras dengan perkembangan ini, kelas pertengahan global baharu kini muncul dalam negara-negara tersebut lantas membawa perubahan kepada corak penggunaan global dengan meningkatnya kepentingan

[1] ASEAN merujuk kepada Singapura, Thailand, Indonesia, Vietnam, Filipina, Brunei Darussalam, Myanmar, Kemboja dan Laos.
[2] World Bank 2011, *Global Development Horizons 2011: Multipolarity: The new global economy,* Washington DC.

Rajah 7

Asia Timur merupakan destinasi eksport utama Malaysia yang semakin penting



* ASEAN-3 merujuk kepada Thailand, Indonesia dan Filipina
* NIEs merujuk kepada Singapura, Hong Kong SAR, China Taipei dan Korea

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

perbelanjaan penggunaan dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun. Peralihan dalam kelompok pengguna global dari sudut geografi ini turut mengubah corak perdagangan global, dengan aliran perdagangan bukan sahaja daripada ekonomi maju kepada ekonomi sedang pesat membangun, malah dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun itu sendiri. Sejajar dengan perkembangan tersebut, komposisi produk dan destinasi eksport Malaysia juga berubah, dengan fokus yang lebih besar terhadap ekonomi sedang pesat membangun. Perubahan ini dijangka mengurangkan pendedahan Malaysia terhadap kejutan luaran memandangkan eksport negara tidak lagi terlalu bergantung pada sesuatu produk ataupun ekonomi tertentu.

CABARAN UTAMA PADA MASA HADAPAN

Meskipun Malaysia berjaya mencapai kemajuan yang nyata dalam usaha mempelbagaikan komposisi dan pasaran eksportnya sepanjang dekad yang lalu, dua cabaran utama masih perlu dihadapi dalam usaha berterusan untuk memastikan prestasi eksport terus mampan pada masa hadapan. Pertama, dalam jangka masa terdekat ini, permintaan eksport khususnya daripada ekonomi maju dijangka kurang memberangsangkan berikutan ketidakpastian yang meningkat terhadap prospek pertumbuhan global. Risiko permintaan luar negeri yang lebih perlahan boleh menjejaskan prestasi sektor eksport Malaysia secara keseluruhan, khususnya dalam industri yang lebih bergantung pada ekonomi maju, seperti sektor E&E. Kedua, kebangkitan beberapa ekonomi sedang pesat membangun yang utama, terutamanya di Asia, akan menjadikan persaingan lebih sengit dalam pasaran dunia bagi keluaran perkilangan, khususnya dalam eksport keluaran perkilangan berkos rendah dan yang intensif pekerja. Trend ini dijangka mencabar daya saing sektor eksport Malaysia, lantas meningkatkan lagi keperluan bagi syarikat di Malaysia untuk beralih kepada aktiviti bernilai tambah lebih tinggi.

oleh lebihan dagangan yang lebih besar, disumbangkan terutamanya oleh eksport komoditi yang kukuh berikutan harga komoditi yang lebih tinggi dan aliran keluar pendapatan bersih yang lebih rendah. Akaun kewangan bertukar arah disebabkan terutamanya oleh aliran masuk dana portfolio dan pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) yang berterusan, dalam keadaan prospek ekonomi dalam negeri yang kukuh. Aliran keluar pelaburan langsung luar negeri yang lebih tinggi mencerminkan usaha berterusan syarikat-syarikat Malaysia untuk terus mengembangkan perniagaan ke luar negeri. Aliran keluar pelaburan lain, yang terdiri terutamanya daripada aliran sektor swasta, menjadi sederhana dengan ketara pada tahun 2011.

Pada tahun 2011, kesilapan dan ketinggalan (errors and omissions, E&O) tidak termasuk perolehan daripada penilaian semula pertukaran asing kumulatif mencatat aliran keluar berjumlah RM26.1 bilion. Ini merupakan 2.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia, dan berada pada paras selesa yang diterima pada peringkat antarabangsa iaitu 5% daripada jumlah perdagangan. Sebagai salah sebuah ekonomi paling terbuka dengan jumlah aliran perdagangan dan kewangan merentas sempadan yang secara relatif besar, kesilapan statistik dan urus niaga yang tidak direkodkan memang tidak dapat dielakkan ketika merekodkan maklumat tersebut. Memandangkan saiz aliran adalah besar, pihak berkuasa telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menambah baik proses merekodkan transaksi tersebut. Pada 1 Disember 2011, Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 telah digubal untuk mengukuhkan pengawalan dan penyeliaan industri perniagaan perkhidmatan wang yang terdiri daripada perniagaan pengurupan wang, perniagaan pengiriman wang dan perniagaan wang borong. Bagi meningkatkan usaha untuk mengumpul maklumat risikan dan bukti urus niaga merentas sempadan, kerjasama antarabangsa dan perkongsian maklumat dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang asing juga telah diperhebat.

Selepas pelarasan bagi kesilapan dan ketinggalan, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat kedudukan lebihan yang besar sebanyak RM94.7 bilion. Dengan itu, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM423.3 bilion, bersamaan dengan USD133.6 bilion, pada 31 Disember 2011. Pada 29 Februari 2012, rizab kekal tinggi pada RM426.7 bilion (bersamaan dengan USD134.7 bilion). Paras rizab ini adalah memadai untuk membiayai 9.4 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab luar Malaysia tetap boleh guna dan tiada halangan untuk menggunakannya.

AKAUN SEMASA

Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM97.9 bilion atau 11.8% daripada PNK pada tahun 2011 (2010: RM88.1 bilion atau 11.9% daripada PNK), mencerminkan lebihan dagangan yang lebih tinggi disebabkan oleh pengembangan yang berterusan dalam eksport komoditi dan keluaran perkilangan elektronik dan elektrik (E&E). Lebihan yang lebih besar dalam akaun barangan adalah lebih daripada mencukupi untuk membiayai defisit dalam akaun perkhidmatan, pendapatan dan pindahan semasa.

Lebihan akaun semasa meningkat, disokong terutamanya oleh lebihan dagangan yang lebih besar

Sejajar dengan pertumbuhan yang sederhana di ekonomi maju dan ketidakpastian yang meningkat dalam pasaran kewangan global, **eksport kasar** berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 8.7% (2010: 15.6%) pada tahun 2011. Eksport kasar yang sederhana disebabkan terutamanya oleh penguncupan eksport keluaran E&E di tengah-tengah pertumbuhan yang berterusan dalam eksport komoditi dan keluaran bukan E&E.

Rajah 1.15

Akaun Semasa



a Awalan

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.10

Prestasi Perdagangan Luar Negeri

	2010	2011*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Eksport kasar	**15.6**	**8.7**
Perkilangan	**12.6**	**3.4**
Elektronik dan elektrik (E&E)	8.9	-4.1
Bukan E&E	17.7	12.8
Komoditi	**28.8**	**26.4**
Pertanian	28.8	32.9
Mineral	28.9	20.3
Import kasar	**21.7**	**8.6**
Barangan modal	12.2	9.7
Barangan pengantara	23.0	5.4
Barangan penggunaan	9.7	19.0

a Awalan

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan dalam eksport perkilangan yang lebih rendah mencerminkan terutamanya permintaan luar negeri yang lemah. Walau bagaimanapun, permintaan serantau yang kukuh dan harga komoditi yang menggalakkan memberikan sokongan penting untuk eksport keluaran komoditi dan berasaskan sumber, bukan E&E.

Permintaan luar negeri terhadap keluaran perkilangan terjejas disebabkan oleh pertumbuhan global yang sederhana

Pertumbuhan dalam **eksport perkilangan** menjadi sederhana kepada 3.4%, daripada pertumbuhan kukuh 12.6% pada tahun 2010. Penurunan dalam eksport E&E disebabkan terutamanya

Rajah 1.16

Eksport Separa Konduktor serta Komputer dan Komponen



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.17

Prestasi Eksport Produk Elektronik & Eletrik (E&E) dan Bukan E&E



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

oleh penguncupan eksport komputer dan alat ganti manakala eksport separa konduktor terus berkembang. Eksport komputer dan alat ganti kekal lemah sepanjang tahun. Pada separuh pertama tahun 2011, eksport E&E mencatat pertumbuhan negatif berikutan permintaan yang lemah daripada ekonomi maju telah diburukkan lagi oleh gangguan bekalan global berikutan bencana di Jepun. Walau bagaimanapun, penguncupan eksport E&E menjadi sederhana pada separuh kedua tahun itu kerana permintaan terhadap keluaran elektronik yang bertambah baik, sementara kesan daripada gangguan rantaian bekalan global telah berkurang. Walaupun prestasi eksport E&E lembap, eksport bukan E&E terus mencatat pertumbuhan kukuh pada tahun 2011, didorong terutamanya oleh permintaan serantau terhadap produk berkaitan pembinaan seperti besi dan keluli, keluaran perkilangan logam dan produk mineral bukan logam.

Permintaan serantau yang teguh dan harga komoditi yang kukuh merangsang pertumbuhan eksport

Pertumbuhan eksport komoditi kekal pada 26.4% (2010: 28.8%), dalam keadaan permintaan serantau yang teguh dan harga komoditi yang tinggi. Eksport pertanian berkembang pada kadar yang kukuh sepanjang tahun 2011, disebabkan terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang teguh di rantau ini, dan harga minyak sawit mentah dan getah asli yang kukuh. Eksport mineral meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 20.3% (2010: 28.9%), disokong oleh harga minyak mentah dan gas asli yang tinggi. Selain itu, jumlah eksport gas asli

Jadual 1.11

Haluan Perdagangan Luar Negeri

	2011*a*				
	Eksport		Import		Imbangan perdagangan
	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion
Jumlah	**694.5**	**8.7**	**574.2**	**8.6**	**120.3**
antaranya:					
Amerika Syarikat	**57.6**	**-5.5**	**55.4**	**-1.5**	**2.2**
Kesatuan Eropah (EU)	**71.9**	**4.7**	**60.0**	**10.8**	**12.0**
Negara ASEAN terpilih[1]	**169.0**	**5.4**	**158.4**	**11.2**	**10.6**
Negara-negara Timur Laut Asia terpilih	**171.0**	**8.9**	**139.4**	**5.9**	**31.6**
Republik Rakyat China	*91.2*	*13.9*	*75.6*	*13.8*	*15.6*
Hong Kong SAR	*31.2*	*-3.6*	*13.6*	*7.2*	*17.7*
China Taipei	*22.7*	*12.4*	*27.1*	*13.6*	*-4.4*
Korea	*25.8*	*6.1*	*23.2*	*-19.2*	*2.6*
Asia Barat	**25.0**	**12.1**	**27.3**	**44.7**	**-2.4**
Jepun	**80.0**	**19.8**	**65.3**	**-1.8**	**14.6**
India	**28.2**	**34.6**	**10.2**	**27.6**	**18.0**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.18

Prestasi Eksport Komoditi



a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia and Bank Negara Malaysia

meningkat dengan ketara berikutan permintaan yang lebih tinggi untuk penjanaan elektrik berkuasa gas di Jepun.

Eksport berasaskan sumber bukan E&E juga mendapat manfaat daripada harga komoditi yang tinggi dan permintaan serantau yang teguh, khususnya eksport kimia, keluaran berkaitan petroleum dan keluaran getah. Selain itu, usaha-usaha pembangunan dan pembinaan semula di Jepun telah meningkatkan lagi permintaan terhadap eksport produk kayu dan produk mineral bukan logam.

Permintaan dalam negeri yang kukuh mendorong pertumbuhan import barangan penggunaan yang lebih tinggi

Import kasar meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 8.6% (2010: 21.7%), mencerminkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam eksport kasar dan disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang berterusan. Pertumbuhan import barangan pengantara jauh lebih rendah (5.4%; 2010: 23%), sejajar dengan aktiviti perkilangan yang sederhana. Yang ketara, import barangan pengantara seperti bahagian dan komponen jentera terjejas teruk disebabkan oleh bencana di Jepun pada separuh pertama tahun 2011. Rantaian bekalan global telah terganggu

Rajah 1.19

Kesan Gangguan Rantaian Bekalan Global terhadap Eksport Perkilangan dan Import Barangan Pengantara



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

sekali lagi pada suku tahun keempat akibat banjir besar di Thailand, yang telah memberi kesan kepada import bahagian dan komponen keluaran komputer ke Malaysia.

Import barangan modal kekal kukuh, meskipun mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana sebanyak 9.7% (2010: 12.2%), didorong terutamanya oleh pelaksanaan projek-projek ETP yang berintensif modal dalam sektor perkilangan dan perlombongan. Pertumbuhan import barangan penggunaan meningkat lebih daripada dua kali ganda kepada 19% (2010: 9.7%) disebabkan terutamanya oleh harga makanan dan minuman yang lebih tinggi, yang meningkat sejajar dengan harga komoditi global. Keadaan pasaran pekerja dalam negeri dan perbelanjaan pengguna yang bertambah baik juga telah meningkatkan import kenderaan bermotor dan barangan pengguna yang tahan lama.

Pada tahun 2011, **akaun perkhidmatan** bertukar arah untuk mencatat defisit sebanyak RM8.4 bilion. Defisit ini berpunca terutamanya daripada pendapatan bersih yang lebih rendah daripada akaun perjalanan dan pembayaran bersih yang lebih tinggi untuk perkhidmatan pengangkutan.

Lebihan bersih dalam akaun **perjalanan** menjadi sederhana kepada RM24.3 bilion (2010: RM33.3 bilion) disebabkan oleh perolehan pelancongan yang lebih rendah dan aliran keluar perjalanan yang lebih tinggi. Perolehan pelancongan yang sederhana mencerminkan terutamanya peningkatan kecil dalam ketibaan pelancong iaitu 24.7 juta orang (2010: 24.6 juta orang) dan perolehan yang lebih rendah daripada pelawat harian disebabkan terutamanya oleh persekitaran luaran yang tidak menentu. Walau bagaimanapun, perjalanan kekal menjadi penyumbang tunggal terbesar kepada perolehan perkhidmatan kasar. Aliran keluar perjalanan yang lebih besar disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih tinggi yang ditanggung oleh rakyat Malaysia yang ke luar negara, terutamanya untuk perniagaan, melancong dan mendapatkan rawatan perubatan. Peningkatan jumlah rakyat Malaysia beragama Islam yang menunaikan ibadah haji pada tahun 2011 juga merupakan faktor penyumbang.

Defisit dalam akaun **pengangkutan** meningkat kepada RM25.2 bilion (2010: -RM23.2 bilion), sebahagian besarnya mencerminkan peningkatan caj pengangkutan oleh syarikat perkapalan antarabangsa berikutan kos bahan api yang lebih tinggi. Perolehan kasar adalah lebih rendah disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah daripada tambang penumpang dan perkhidmatan kargo yang disediakan oleh syarikat-syarikat perkapalan dalam negeri.

Jadual 1.12

Akaun Perkhidmatan dan Pendapatan

	2010	2011*a*		
	RM bilion			
	Bersih	+	-	Bersih
Akaun Perkhidmatan	**1.7**	**107.1**	**115.5**	**-8.4**
Pengangkutan	-23.2	14.8	40.0	-25.2
Perjalanan	33.3	55.9	31.6	24.3
Perkhidmatan lain	-8.0	36.1	43.2	-7.0
Urus niaga Kerajaan t.d.t.l.	-0.5	0.3	0.7	-0.5
Akaun Pendapatan	**-26.5**	**52.0**	**74.1**	**-22.0**
Pampasan pekerja	-2.1	3.6	6.0	-2.4
Pendapatan pelaburan	-24.4	48.4	68.1	-19.7
Pelaburan langsung	-30.8	28.7	55.7	-27.0
Pelaburan portfolio	-6.9	2.4	11.0	-8.6
Pelaburan lain	13.2	17.4	1.4	16.0

t.d.t.l. Tidak dicatat di tempat lain
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun **perkhidmatan lain** terus mencatat aliran keluar bersih yang besar sebanyak RM7 bilion (2010: -RM8 bilion), berikutan perolehan yang lebih tinggi daripada penyediaan perkhidmatan yang sebahagian besarnya telah diimbangi oleh pembayaran yang lebih tinggi untuk perkhidmatan yang diimport, terutamanya untuk bayaran royalti dan fi lesen, komunikasi, pembinaan serta perkhidmatan insurans dan kewangan. Perkhidmatan komputer dan maklumat terus mencatat lebihan bersih.

Defisit **akaun pendapatan** mengecil kepada RM22 bilion disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan pelaburan yang terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri yang telah mengatasi peningkatan dalam pendapatan pelaburan yang terakru kepada pelabur asing. Keuntungan dan dividen terakru yang lebih tinggi kepada syarikat Malaysia daripada pelaburan di luar negeri mencakupi terutamanya sektor perlombongan, kewangan dan insurans serta pertanian. Pendapatan pelaburan yang terakru kepada pelabur asing juga meningkat berikutan aliran masuk FDI dan dana portfolio yang lebih tinggi ke Malaysia pada tahun 2011.

AKAUN KEWANGAN

Pada tahun 2011, akaun kewangan berubah arah daripada kedudukan aliran keluar bersih dengan aliran masuk bersih sebanyak RM15.5 bilion (2010: -RM19.8 bilion), mencerminkan terutamanya aliran masuk dana portfolio dan pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) yang berterusan. Meskipun, ketidakpastian dalam pasaran kewangan global makin ketara, ia tidak menjejaskan aliran masuk portfolio yang terus didorong oleh prospek pertumbuhan kukuh di rantau ini, termasuk Malaysia, serta jangkaan penambahan nilai mata wang serantau yang lebih kukuh. Paling ketara, aliran masuk FDI juga meningkat ekoran keadaan ekonomi dalam negeri yang teguh dan keberuntungan korporat yang lebih tinggi. Pelaburan langsung luar negeri (direct investment abroad, DIA) syarikat Malaysia juga meningkat, terutamanya berikutan pengembangan perniagaan yang sedia ada di luar negeri. Aliran keluar pelaburan lain yang sebahagian besarnya terdiri daripada aliran sektor swasta, turun dengan mendadak pada tahun 2011.

Jadual 1.13

Imbangan Pembayaran: Akaun Kewangan

	2010	2011*a*
	RM bilion	
Akaun Kewangan	**-19.8**	**15.5**
Pelaburan Langsung	**-13.6**	**-12.4**
Di luar negeri	-42.9	-45.3
Di Malaysia	29.3	32.9
Pelaburan Portfolio	**48.5**	**30.3**
Derivatif Kewangan	**-0.7**	**-0.1**
Pelaburan Lain	**-54.0**	**-2.4**
Sektor awam[1]	0.2	-1.3
Kerajaan Persekutuan	*-0.4*	*-0.2*
PABK	*0.6*	*-1.1*
Sektor swasta	-54.2	-1.1

[1] Tidak termasuk bon dan nota yang diterbitkan di luar negeri oleh Kerajaan Persekutuan dan PABK

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada tahun 2011 secara keseluruhan, **pelaburan portfolio** terus mencatat aliran masuk bersih yang kukuh, walaupun dalam jumlah yang lebih kecil, iaitu RM30.3 bilion (2010: +RM48.5 bilion). Aliran masuk dana portfolio asing disalurkan ke dalam pasaran ekuiti dan sekuriti hutang, dengan sebahagian besar dana adalah dalam sekuriti hutang jangka panjang, khususnya kertas Kerajaan. Pada separuh pertama tahun 2011, pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang kukuh sebanyak RM56.4 bilion, melebihi jumlah aliran pada tahun 2010.

Rajah 1.20

Akaun Kewangan



a Awalan

Sumber: Jabatan perangkaan Malaysia

Aliran masuk ini mencerminkan prospek ekonomi yang menggalakkan bagi rantau ini, khususnya prospek pertumbuhan yang kukuh dan asas-asas ekonomi yang teguh dalam keadaan kadar faedah yang rendah dan pertumbuhan lebih sederhana di negara maju. Namun, ketidakpastian fiskal yang makin ketara di AS dan krisis hutang kerajaan yang meruncing di Eropah menyebabkan kemerosotan yang nyata dalam pasaran kewangan global. Pada separuh tahun kedua, aliran keluar adalah tinggi sebanyak RM26.1 bilion. Aliran modal yang bertukar arah ini mencerminkan langkah pembayaran balik hutang aset oleh pelabur antarabangsa berikutan kegiatan penghindaran risiko yang lebih nyata dalam pasaran kewangan, dan keadaan kredit global yang semakin ketat.

Akaun kewangan mencatat aliran masuk bersih hasil daripada aliran masuk pelaburan portfolio yang berterusan dan pelaburan langsung asing yang lebih tinggi

Malaysia mempunyai keupayaan dasar yang lebih daripada mencukupi selain berada pada kedudukan yang kukuh untuk menguruskan aliran modal yang tidak menentu tanpa mengakibatkan herotan dalam sistem kewangan domestik. Pasaran kewangan negara yang sudah mantap, khususnya pasaran bon yang mendalam dan pelbagai, memudahkan pengantaraan aliran modal yang cekap. Impak aliran keluar dana asing diredakan oleh peranan lebih besar oleh peserta institusi domestik dalam pasaran modal, manakala rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia yang tinggi menanamkan keyakinan pasaran terhadap keupayaan Malaysia untuk menguruskan aliran modal asing yang bertukar arah. Yang penting, rangkaian pelbagai instrumen monetari yang tersedia buat Bank membantu pengurusan mudah tunai dalam negeri yang cekap, manakala rejim kadar pertukaran apungan terurus memberikan fleksibiliti yang diperlukan untuk membolehkan kadar pertukaran disesuaikan dengan keadaan luaran. Oleh itu, peningkatan aliran dana asing kasar didapati tidak menyebabkan tekanan yang keterlaluan terhadap sistem kewangan domestik.

Rajah 1.21

Pelaburan Langsung Asing



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aliran masuk **FDI** kasar terus tinggi pada RM98.9 bilion, mencakupi 11.9% daripada PNK pada tahun 2011, seiring dengan prospek pelaburan dalam negeri keseluruhan yang kukuh dan pemulihan pendapatan korporat. Keadaan ini nyata dari segi aliran masuk modal ekuiti dan pemberian pinjaman antara syarikat yang lebih besar, di tengah-tengah jumlah perolehan yang agak besar yang dikekalkan oleh syarikat multinasional (MNC) bagi tujuan pelaburan semula. Prospek pertumbuhan Malaysia merupakan faktor utama yang menyokong trend ini. Iklim pelaburan dalam negeri terus dirangsang oleh pelbagai inisiatif ekonomi yang didorong oleh Kerajaan.

Rajah 1.22

Aliran Masuk Pelaburan Langsung Asing Kasar Mengikut Sektor



Nota: *Merujuk kepada sektor pertanian dan pembinaan
a: Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sepanjang tahun 2011, beberapa Projek Permulaan (Entry Point Project, EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme, ETP) berjaya menarik pelaburan asing yang besar. Tambahan lagi, kedudukan Malaysia yang bertambah kukuh dalam pelbagai penarafan ekonomi merentas negara meningkatkan prospek pelaburan di negara ini. Paling ketara, Malaysia mencapai kemajuan dalam penarafan bagi daya saing globalnya, kemudahan menjalankan perniagaan, dan keyakinan FDI, seperti laporan-laporan yang dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Dunia, Bank Dunia dan perunding pengurusan global, AT Kearney. Selepas mengambil kira pelarasan bagi aliran keluar yang sebahagian besarnya untuk tujuan pembayaran balik pinjaman kepada syarikat induk, aliran masuk bersih FDI adalah lebih tinggi pada RM32.9 bilion atau 4.0% daripada PNK.

FDI di Malaysia terus menyeluruh. Aliran masuk ke dalam sektor perkilangan mencakupi kebanyakan daripada FDI (bahagian sebanyak 59.2%), diikuti sektor perkhidmatan (30.3%) dan sektor minyak dan gas (9.6%). Dalam sektor perkilangan, FDI disalurkan terutamanya ke dalam industri E&E, sebahagian besarnya oleh MNC sedia ada untuk menambah baik peralatan dan teknologi pengeluaran. Pelaburan lain dalam sektor perkilangan dibuat dalam industri penapisan minyak dan keluaran berkaitan petroleum, yang terus mencakupi bahagian FDI yang agak besar di Malaysia. Pada masa yang sama, pelaburan oleh syarikat dalam industri tenaga suria semakin meningkat pada tahun 2011. Pelaburan ini akan merangsang pengembangan rantaian nilai tenaga suria di Malaysia.

Rajah 1.23

Pelaburan Langsung Luar Negeri



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam sektor perkhidmatan, aliran masuk FDI disalurkan terutamanya ke dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, dan subsektor kewangan dan insurans. Yang ketara, sebahagian besar pelaburan dalam subsektor kewangan dan insurans adalah oleh institusi kewangan asing, terutamanya dalam bentuk perolehan syarikat yang dikekalkan untuk pelaburan semula. Dalam subsektor borong dan runcit, aliran masuk FDI sebahagian besarnya adalah daripada peruncit am asing, pengedar kenderaan bermotor, dan syarikat pengedaran yang berkaitan dengan keluaran telekomunikasi dan elektronik.

Pelaburan dalam sektor minyak dan gas kebanyakannya adalah untuk operasi pengekstrakan (extraction) dan aktiviti pengeluaran. Dari segi negara asal FDI, penyumbang utama aliran masuk FDI pada tahun 2011 ialah ekonomi maju, khususnya AS, Jepun dan Jerman. Penting diberi perhatian ialah FDI daripada negara serantau telah bertambah sejak kebelakangan ini, mencakupi 32.3% daripada jumlah FDI ke Malaysia pada tahun 2011, berbanding hanya 10.1% pada tahun 2003.

Pada tahun 2011, syarikat Malaysia terus meninjau peluang perniagaan di luar negeri, khususnya di rantau Asia dan ekonomi sedang pesat membangun, seperti ditunjukkan oleh aliran keluar **DIA** yang meningkat. Aliran keluar kasar DIA oleh syarikat Malaysia lebih tinggi pada RM81.3 bilion atau 9.8% daripada PNK. Perkembangan ini mencerminkan keupayaan yang makin tinggi dan minat syarikat Malaysia yang bertambah untuk mempelbagaikan operasi mereka di luar negeri melalui pengembangan operasi sedia ada. Selepas mengambil kira aliran masuk kasar yang disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman syarikat subsidiari di luar negeri dan pengukuhan operasi perniagaan di luar negeri, aliran keluar DIA bersih berjumlah RM45.3 bilion atau 5.5% daripada PNK.

DIA oleh syarikat Malaysia sebahagian besarnya disalurkan ke dalam sektor perkhidmatan (bahagian sebanyak 56.5%) dan minyak dan gas (31.1%), manakala pelaburan dalam sektor perkilangan kekal agak besar (6.6%). Yang penting, pelaburan dalam sektor perkhidmatan dipacu oleh institusi kewangan domestik, syarikat utiliti dan syarikat telekomunikasi yang

Rajah 1.24

Aliran Keluar Pelaburan Langsung Luar Negeri Kasar Mengikut Sektor



Nota: *Merujuk kepada sektor pertanian dan pembinaan
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

memperluas operasi mereka ke luar negeri untuk terus merebut peluang perniagaan di rantau ini dan kekal berdaya saing pada peringkat serantau.

Dalam sektor minyak dan gas, DIA terus dipacu oleh syarikat minyak Malaysia, terutamanya dalam kegiatan cari gali dan pengeluaran serta aktiviti pemprosesan hiliran. Pelaburan di luar negeri dalam sektor perkilangan mencerminkan terutamanya perluasan operasi yang berterusan ke luar negeri oleh syarikat dalam industri berasaskan sumber. Yang penting, sebahagian besar DIA pada tahun 2011 adalah dalam rantau Asia, khususnya di ASEAN, Negara Perindustrian Baharu (Newly Industrialised Economies, NIE) dan negara Asia Barat. Terdapat juga pelaburan yang agak besar dalam ekonomi maju oleh syarikat Malaysia, terutamanya di Australia dan United Kingdom.

Pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih yang nyata lebih kecil sebanyak RM2.4 bilion pada tahun 2011 ekoran penurunan mendadak dalam aliran keluar sektor swasta. Yang ketara, sektor perbankan bertukar arah daripada kedudukan aliran keluar bersih kepada aliran masuk bersih, sebahagiannya mencerminkan pembayaran balik hutang aset di luar negeri oleh institusi kewangan domestik, dalam persekitaran penghindaran risiko dan ketidakpastian ekonomi global yang makin ketara. Aliran keluar bersih kredit perdagangan juga lebih kecil pada tahun itu, sejajar dengan perdagangan antarabangsa yang lebih lembap. Sektor awam turut mencatat kedudukan aliran keluar bersih, yang sebahagian besarnya mencerminkan pembayaran balik pinjaman luar oleh Kerajaan Persekutuan dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan.

RIZAB ANTARABANGSA

Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia terdiri daripada pemegangan emas dan pertukaran asing, kedudukan rizab dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) dan pemegangan Hak Pengeluaran Khas (Special Drawing Rights, SDR). Pada tahun 2011, rizab antarabangsa bersih bertambah sebanyak RM94.7 bilion kepada RM423.3 bilion (bersamaan dengan USD133.6 bilion) pada 31 Disember 2011.

Rizab antarabangsa meningkat sebanyak RM94.7 bilion kepada RM423.3 bilion pada tahun 2011, disokong terutamanya oleh lebihan yang berterusan dalam akaun semasa serta aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio

Peningkatan rizab antarabangsa pada tahun 2011 disokong terutamanya oleh lebihan akaun semasa yang berterusan, yang disebabkan oleh lebihan yang lebih tinggi dalam akaun perdagangan. Keadaan ini didorong oleh eksport komoditi dan bukan E&E yang teguh. Rizab antarabangsa yang lebih tinggi juga mencerminkan aliran masuk pelaburan portfolio dan FDI. Rizab antarabangsa mencatat peningkatan ketara pada suku kedua, sebahagian besarnya disebabkan oleh aliran masuk pelaburan portfolio yang agak besar. Namun demikian, rizab antarabangsa terkumpul menurun pada separuh tahun kedua ekoran aliran pelaburan portfolio yang bertukar arah berikutan pasaran kewangan global yang makin tidak menentu. Penambahan rizab antarabangsa juga sebahagiannya telah diimbangi oleh pelaburan langsung di luar negeri yang lebih tinggi pada tahun 2011. Keuntungan kumulatif daripada penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasikan adalah sebanyak RM7.6 bilion ekoran pengukuhan beberapa

Jadual 1.14

Rizab Antarabangsa Bersih

	Pada akhir tahun		Perubahan
	2010	2011	2011
	RM juta		
Milikan SDR	6,442.5	6,253.0	-189.5
Kedudukan rizab dengan IMF	1,453.5	2,672.2	1,218.7
Emas dan pertukaran wang asing	320,774.5	414,432.5	93,658.0
Rizab Antarabangsa Kasar	**328,670.5**	**423,357.7**	**94,687.2**
Tolak Tanggungan luar negeri Bank Negara Malaysia	21.4	26.7	5.3
Rizab Antarabangsa Bersih	**328,649.1**	**423,331.0**	**94,681.9**
Nilai bersamaan dengan USD juta	106,518.2	133,609.8	27,091.6
Bulan import tertangguh	8.6	9.6	
Rizab/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	4.1	4.1	

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.25

Rizab Antarabangsa Bersih (akhir bulan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

mata wang utama berbanding dengan ringgit pada tahun 2011.

Malaysia kekal sebagai peserta dalam Pelan Transaksi Kewangan IMF. Di bawah pelan ini, setiap negara peserta akan menyediakan sumber kewangan kepada negara anggota yang menghadapi masalah imbangan pembayaran jangka pendek. Peningkatan **kedudukan rizab Malaysia dengan IMF** pada tahun 2011 mencerminkan terutamanya pembelian bersih mata wang oleh pelbagai negara anggota IMF di bawah Pelan Transaksi Kewangan. Penurunan rizab antarabangsa yang dipegang dalam bentuk **SDR** terutamanya disebabkan oleh pembayaran untuk kuota Malaysia yang lebih tinggi di bawah pelaksanaan Kenaikan Kuota Ad Hoc IMF 2008.

Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia terus dilaburkan dalam pasaran dan kelas aset pelbagai yang mempunyai kualiti kredit yang kukuh. Dalam menguruskan pasaran kewangan yang makin tidak menentu ekoran krisis hutang kerajaan di Eropah yang berlarutan dan pertumbuhan global yang lebih rendah, pelaburan telah diselaraskan untuk menguruskan dedahan kepada kawasan euro secara yang wajar dan untuk mempelbagaikan lagi pelaburan dalam pasaran Asia. Oleh itu, meskipun penurunan penarafan kredit adalah meluas di kawasan euro, kualiti kredit pelaburan rizab antarabangsa Malaysia kekal tinggi. Skop dan tahap pengawasan yang terperinci serta pengurusan risiko dalam pelaburan rizab antarabangsa, juga telah ditingkatkan pada tahun 2011. Proses tadbir urus yang ditambah baik memastikan semua peristiwa dan risiko penting didedahkan secara yang wajar dan tepat pada masanya, kepada Jawatankuasa Pengurusan Rizab dan Lembaga Pengarah Bank.

Pada 29 Februari 2012, rizab berjumlah RM426.7 bilion (bersamaan dengan USD134.7 bilion), memadai untuk membiayai 9.4 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank tetap boleh guna dan tiada halangan untuk menggunakannya. Rizab tersebut tidak mempunyai sebarang pinjaman mata wang asing yang berserta opsyen dan tidak terdapat kemudahan kredit belum digunakan dan kemudahan kredit tanpa syarat yang diberikan oleh atau kepada bank pusat lain, pertubuhan antarabangsa, bank dan institusi kewangan lain. Bank Negara Malaysia juga tidak terbabit dalam aktiviti opsyen berkaitan dengan ringgit dalam pasaran mata wang asing.

HUTANG LUAR NEGERI

Bagi menambah kecekapan pengurusan kewangan syarikat dan meningkatkan akses kepada pembiayaan yang lebih kompetitif, fleksibiliti telah diberikan kepada syarikat pemastautin untuk bebas meminjam dalam ringgit atau mata wang

asing dalam kumpulan syarikat yang sama di Malaysia dan luar negeri. Selaras dengan fleksibiliti yang diberikan untuk mendapatkan peminjaman luar pesisir, syarikat pemastautin juga boleh melaksanakan pengurusan aset dan liabiliti yang berkesan menerusi pasaran kewangan yang teguh. Mekanisme pengesanan awal risiko yang mungkin timbul terhadap kestabilan monetari dan kewangan telah pun diwujudkan. Sejajar dengan ini, penekanan terus diberi kepada usaha untuk mewujudkan sistem pemantauan hutang yang baik dan teguh, yang merangkumi keseluruhan paras hutang, struktur, tempoh matang dan obligasi khidmat bayaran hutang.

Pada akhir tahun 2011, jumlah hutang luar negeri Malaysia adalah RM257.2 bilion (atau USD80.4 bilion), yang bersamaan dengan 31% daripada PNK (2010: RM227.1 bilion). Jumlah ini mencerminkan kenaikan hutang jangka sederhana dan panjang serta hutang jangka pendek. Penambahan nilai beberapa mata wang utama berbanding dengan ringgit pada tahun 2011 turut menyumbang kepada kenaikan paras hutang luar negeri keseluruhan. Pada akhir tahun 2011, profil hutang luar negeri Malaysia terus menjurus kepada struktur tempoh matang yang lebih panjang, dengan hutang jangka sederhana dan panjang mencakupi 59.6% daripada jumlah hutang luar negeri.

Jadual 1.15

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2010	2011*a*	2010	2011*a*
	RM bilion	RM bilion	USD bilion	USD bilion
Jumlah hutang	**227.1**	**257.2**	**72.8**	**80.4**
Jangka sederhana dan panjang	147.7	153.4	47.4	47.9
Jangka pendek[1]	79.4	103.9	25.5	32.5
% daripada jumlah hutang	*35.0*	*40.4*		
% daripada rizab antarabangsa bersih	*24.2*	*24.5*		
% daripada PNK				
Jumlah hutang	30.7	31.0		
Hutang jangka sederhana dan panjang	20.0	18.5		
% daripada eksport barangan dan perkhidmatan				
Jumlah hutang	30.5	32.0		
Hutang jangka sederhana dan panjang	19.8	19.1		
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)[2]	**7.6**	**10.3**		

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Termasuk prabayaran hutang jangka sederhana dan panjang
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri Malaysia kekal rendah pada 31% daripada PNK

Penambahan **hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** sebahagiannya mencerminkan ambilan bersih peminjaman luar negeri oleh Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta. Pada bulan Julai 2011, **Kerajaan Persekutuan** telah menerbitkan Sukuk Global Wakala dua tranche (dual tranche) (5 tahun dan 10 tahun) bernilai USD2 bilion. Ini merupakan terbitan bagi sukuk berdaulat ketiga Malaysia yang didenominasi dalam dolar AS, selepas terbitan Sukuk Global terdahulu pada tahun 2010. Pada akhir tahun 2011, hutang luar negeri terkumpul Kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM18.1 bilion (2010: RM16.7 bilion), ekoran peminjaman kasar yang lebih tinggi dan penambahan nilai hutang luar negeri berikutan penilaian semula kadar pertukaran asing yang telah lebih daripada mengimbangi pembayaran balik pada tahun itu. Hutang luar negeri **PABK** bagaimanapun menyusut kepada RM65 bilion pada tahun 2011 (2010: RM66.6 bilion). Kedudukan yang bertambah baik ini terutamanya disebabkan oleh pembayaran balik hutang luar negeri yang besar susulan matangnya beberapa bon, di samping pembayaran balik pinjaman yang berterusan sepanjang tahun itu.

Hutang jangka sederhana dan panjang **sektor swasta** pula meningkat kepada RM70.3 bilion (2010: RM64.3 bilion), berikutan ambilan bersih peminjaman luar negeri oleh sektor perbankan yang melebihi pembayaran balik bersih sektor bukan bank.

Pada tahun 2011, **hutang luar negeri jangka pendek** terkumpul meningkat kepada RM103.9 bilion (2010: RM79.4 bilion), disebabkan terutamanya oleh peminjaman antara bank yang lebih tinggi. Sebahagian besar hutang jangka pendek terus dipegang oleh sektor perbankan

(bahagian sebanyak 88.9%), manakala hutang luar negeri jangka pendek sektor swasta bukan bank, yang terdiri terutamanya daripada pinjaman bertempoh, kekal rendah. Pada akhir tahun 2011, hutang luar negeri jangka pendek kekal rendah dan hanya mencakupi 12.5% daripada PNK, 24.5% daripada rizab antarabangsa dan 12.9% daripada eksport barangan dan perkhidmatan.

PERKEMBANGAN PASARAN PEKERJA

Secara keseluruhan, keadaan pasaran pekerja bertambah baik pada tahun 2011, seperti dicerminkan oleh peningkatan dalam guna tenaga dan jumlah jawatan kosong. Kadar pengangguran menurun kepada 3.1% daripada tenaga kerja pada tahun 2011 daripada 3.3% pada tahun sebelumnya, iaitu kadar tahunan terendah sejak tahun 2000.

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik pada tahun 2011

Pada tahun 2011, **guna tenaga** meningkat sebanyak 2.4% bersamaan dengan penambahan bersih sebanyak 291,500 pekerjaan. Penambahan guna tenaga dicatat dalam kesemua sektor utama. Sektor perkhidmatan dan perkilangan masih merupakan sumber utama pekerjaan, dengan masing-masing mencatat penambahan bersih sebanyak 174,300 dan 117,500 pekerjaan. Peningkatan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan dicatat terutamanya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit (107,100 pekerjaan); dan pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi (23,600 pekerjaan).

Pemberhentian pekerja bertambah kepada 9,450 orang berbanding 7,085 orang pada tahun 2010, terutamanya disebabkan oleh pemberhentian lebih ramai pekerja dalam sektor perkilangan (5,635 orang; 2010: 3,854 orang) dan perkhidmatan (3,329 orang; 2010: 2,073 orang). Namun, paras pemberhentian pekerja ini masih rendah berbanding dengan pemberhentian pekerja tahunan purata bagi tempoh tahun 2002 hingga 2007 iaitu 18,853 orang. Lebih satu pertiga daripada pemberhentian pekerja dalam sektor perkilangan berlaku pada bulan Ogos, apabila 2,056 pekerja diberhentikan akibat penutupan beberapa syarikat pengeluar perabot dan E&E bawahan. Pemberhentian pekerja dalam sektor pertanian dan perlombongan menurun, dengan sektor pertanian mencatatkan pemberhentian pekerja 80% lebih rendah berbanding dengan tahun 2010. Jumlah **kekosongan jawatan** yang dipaparkan dalam Portal JobsMalaysia meningkat kepada 2.3 juta jawatan (2010: 1.8 juta jawatan), ekoran peluang pekerjaan yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan (34% daripada jumlah jawatan) dan perkilangan (31% daripada jumlah jawatan). Pengambilan pekerja dalam sektor pembinaan adalah lebih ketara terutamanya pada separuh tahun kedua, berikutan aktiviti pembinaan yang lebih giat semasa tempoh tersebut.

Pada bulan Julai 2011, Kerajaan memulakan Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (6P) untuk

Rajah 1.26

Keluaran dan Guna Tenaga



a Anggaran

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.27

Pemberhentian Pekerja dalam Sektor Terpilih



Sumber : Kementerian Sumber Manusia

Jadual 1.16

Penunjuk Pasaran Pekerja Terpilih

	2007	2008	2009	2010	2011*a*
Guna tenaga[1] ('000 orang)	11,398.0	11,576.5	11,632.1	11,956.0	12,247.5
Perubahan tahunan (%)	2.1	1.6	0.5	2.8	2.4
Tenaga kerja[1] ('000 orang)	11,775.1	11,967.5	12,083.0	12,361.3	12,645.7
Perubahan tahunan (%)	2.0	1.6	1.0	2.3	2.3
Pemberhentian pekerja (bil. orang)	14,035.0	16,469.0	25,064.0	7,085.0	9,450.0
Kadar pengangguran[1] (% daripada tenaga kerja)	3.2	3.3	3.7	3.3	3.1
Pertumbuhan produktiviti pekerja benar[2] (%)	4.2	3.1	-2.2	4.5	2.6

[1] Berdasarkan anggaran oleh Unit Perancang Ekonomi
[2] Berdasarkan anggaran oleh Bank Negara Malaysia
a Anggaran

Sumber: Bank Negara Malaysia
Unit Perancang Ekonomi
Kementerian Sumber Manusia

mendaftar dan memutihkan pendatang asing tanpa izin bagi menambah baik pengurusan dan pemantauan **pekerja asing**. Di bawah program ini, sebanyak 2.3 juta pendatang, terdiri daripada 1 juta pekerja sah dan 1.3 juta pekerja tanpa izin telah didaftarkan pada akhir bulan Ogos 2011. Sehingga 13 Februari 2012, sebanyak 379,020 pekerja tanpa izin telah diputihkan, manakala 94,856 pekerja tanpa izin diberikan pengampunan dan pulang ke negara masing-masing. Tidak termasuk pekerja yang diputihkan menerusi program 6P, jumlah pekerja asing berdaftar (termasuk ekspatriat) di Malaysia bertambah sebanyak 3.6% kepada 1.9 juta pekerja pada akhir tahun 2011 (2010: 1.8 juta). Paling ketara, ekspatriat berkemahiran tinggi yang merangkumi 2.4% daripada tenaga kerja asing di negara ini, bertambah sebanyak 40% kepada 45,619 orang. Secara keseluruhan, pekerja asing mencakupi 15.4% daripada guna tenaga di Malaysia dan bekerja terutamanya dalam sektor perkilangan (38%), pertanian (27.4%) dan pembantu rumah (12%).

Produktiviti pekerja, seperti yang diukur oleh nilai ditambah benar bagi setiap pekerja, mencatat pertumbuhan positif lebih rendah pada 2.6% pada tahun 2011, berbanding dengan 4.5% pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan lebih rendah ini mencerminkan peningkatan produktiviti yang sederhana dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan pembinaan, serta penurunan produktiviti dalam sektor perlombongan. Ini kebanyakannya disebabkan pertumbuhan nilai ditambah sektor-sektor ini yang lebih rendah pada tahun itu.

Menurut kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia, **gaji** purata sektor swasta naik sebanyak 4.0% pada tahun 2011 (2010: 4.5%), dengan kenaikan gaji purata masing-masing pada 2.2% dan 4.5% dalam sektor perkilangan dan bukan perkilangan (2010: masing-masing 3.8% dan 5.5%). Kenaikan gaji pekerja eksekutif adalah lebih perlahan sebanyak 3.7% (2010: 4.3%), manakala pekerja bukan eksekutif pula sebanyak 3.9% pada tahun 2011 (2010: 4.4%).

Rajah 1.28

Trend Produktiviti Pekerja



a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

PERKEMBANGAN HARGA

Harga pengguna

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat purata 3.2% pada tahun 2011 (2010: 1.7%). Inflasi pada tahun 2011 berada dalam julat ramalan Bank iaitu 2.5-3.5%. Peningkatan inflasi, khususnya pada separuh tahun pertama, adalah disebabkan oleh faktor penawaran yang berpunca daripada kenaikan harga makanan dan pelarasan menaik ke atas harga ditadbir. Inflasi memuncak kepada 3.5% pada bulan Jun sebelum stabil pada separuh kedua tahun 2011, memandangkan kesan daripada pelarasan menaik terhadap harga produk petroleum dan gula pada bulan Julai dan Disember 2010 luput. Inflasi teras, iaitu penunjuk tekanan harga berasaskan permintaan, naik kepada 2.7% pada tahun 2011 (2010: 1.5%).

Penyumbang utama kepada inflasi pada tahun 2011 ialah kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* dan *pengangkutan*, yang mencakupi 67.1% daripada kenaikan keseluruhan harga dalam negeri pada tahun itu. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* berpurata 4.8% (2010: 2.4%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga yang lebih tinggi dalam subkategori *daging, ikan dan makanan laut, sayur-sayuran* dan *buah-buahan*. Inflasi dalam kategori pengangkutan naik dengan ketara kepada 4.4% pada tahun 2011 daripada 1.6% pada tahun 2010, berikutan pelarasan harga petrol RON97 dan kos penyelenggaraan kenderaan persendirian yang lebih tinggi. Namun, kenaikan inflasi pada tahun 2011 sebahagiannya dikurangkan oleh penurunan harga bagi kategori *pakaian dan kasut*, dan *komunikasi*, masing-masing pada purata -0.2% dan -0.3% (2010: masing-masing -1.4% dan -0.2%).

Faktor penawaran luaran dan dalam negeri merupakan penyebab utama inflasi pada tahun 2011. Di luar negeri, trend kenaikan inflasi amat ketara dalam ekonomi sedang pesat membangun, didorong oleh harga komoditi dunia yang lebih tinggi dan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh, khususnya pada separuh tahun pertama. Namun, faktor ini reda pada separuh tahun kedua, berikutan kebimbangan terhadap kekukuhan pertumbuhan global. Harga makanan global yang meningkat sejak separuh kedua tahun 2010, naik lagi pada tahun 2011. Harga bijirin global, terutamanya gandum, jagung dan beras, meningkat ekoran keadaan cuaca yang buruk dan simpanan stok yang rendah di negara pengeluar utama. Suhu panas yang melampau di Russia dan Amerika Syarikat telah menyebabkan penurunan bekalan gandum dan jagung, lantas menaikkan harga bijirin tersebut, sementara banjir di Thailand dan Vietnam telah menyebabkan harga beras dunia meningkat. Ini telah menyebabkan penurunan dalam simpanan stok jagung dan beras. Harga beras dunia telah pun meningkat ekoran langkah baharu yang diumumkan oleh Kerajaan Thailand untuk membeli beras terus daripada petani pada kadar 50% di atas harga pasaran.

Rajah 1.29

Inflasi Harga Pengguna



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.30

Sumbangan kepada Inflasi



Nota: Lain-lain merujuk kepada *komunikasi; pakaian dan kasut; kesihatan; perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan; hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah; minimum alkohol dan tembakau; pendidikan* dan *pelbagai barangan dan perkhidmatan*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Harga tenaga global juga lebih tinggi. Harga minyak mentah dunia naik dengan ketara dalam tempoh empat bulan pertama tahun 2011 berikutan kebimbangan mengenai bekalan minyak mentah ekoran ketegangan politik di rantau Timur Tengah dan wilayah Afrika Utara (MENA). Kenaikan harga diburukkan lagi oleh aktiviti pencarian kadar hasil yang lebih giat oleh pelabur berikutan mudah tunai global yang tinggi dan persekitaran kadar faedah yang rendah. Walau bagaimanapun, lonjakan harga minyak mentah dunia menjadi reda pada bulan Mei 2011 dan berlanjutan kepada separuh tahun kedua, apabila kebimbangan tentang keadaan penawaran semakin berkurang. Bekalan dijangka bertambah baik berikutan komitmen oleh Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (Organisation of the Petroleum Exporting Countries, OPEC) untuk menambah pengeluaran minyak dan pengumuman pelepasan 60 juta tong minyak mentah daripada simpanan stok kecemasan oleh negara anggota Agensi Tenaga Antarabangsa (International Energy Agency, IEA).

Harga komoditi dunia yang tinggi, terutamanya harga minyak mentah dan makanan, juga menyebabkan inflasi yang lebih tinggi di negara rakan import utama Malaysia. Di samping tekanan faktor penawaran, beberapa rakan import juga mengalami inflasi lebih tinggi disebabkan pertumbuhan dalam permintaan dalam negeri yang lebih kukuh daripada jangkaan awal. Ini menyebabkan harga import lebih tinggi dan kemudiannya meningkatkan harga runcit tempatan di Malaysia. Tekanan kenaikan harga daripada harga komoditi dunia yang lebih tinggi dan inflasi yang dialami rakan import utama Malaysia dikurangkan sedikit oleh penambahan nilai ringgit pada separuh pertama tahun 2011. Namun, peranan penambahan nilai ringgit dalam mengurangkan kesan inflasi diimport yang lebih tinggi terhadap inflasi dalam negeri adalah agak kecil (*Rujuk Rencana: Kesan Penambahan Nilai Ringgit Terhadap Harga Import dan Inflasi*).

Berbanding dengan tahun 2010, kesan faktor penawaran luaran terhadap harga dalam negeri adalah lebih ketara pada tahun 2011. Sebagai contoh, harga jagung dan gandum meningkat lantas menyebabkan kenaikan harga makanan untuk ayam, yang lantas menaikkan harga ayam di Malaysia. Walau bagaimanapun, kenaikan harga beras dunia membawa kesan yang kecil kepada harga beras dalam negeri, kerana sebahagian besar beras yang digunakan adalah dari sumber dalam negeri dan kontrak import beras telah ditandatangani sehingga tahun 2012. Susulan kenaikan harga tenaga dunia pada tahun 2011, harga ditadbir dinaikkan beberapa kali pada tahun itu. Harga petrol RON97, yang ditentukan di bawah mekanisme apungan terurus, dinaikkan sebanyak 50 sen seliter antara bulan Januari hingga Julai 2011, dan menyumbangkan 0.25 mata peratusan kepada inflasi keseluruhan pada tahun itu. Tarif bekalan elektrik juga dinaikkan secara purata sebanyak 7.1% daripada 31.31 sen/kWj kepada 33.54 sen/kWj disebabkan harga gas asli yang meningkat. Di samping itu, Kerajaan menaikkan harga minyak tanah sebanyak 10 sen seliter, daripada RM2.40 seliter kepada RM2.50 seliter pada bulan Januari 2011, dan menaikkan harga runcit gula sebanyak 20 sen sekilogram, sejajar dengan langkah rasionalisasi subsidi oleh Kerajaan.

Di samping kesan harga luar, gangguan terhadap bekalan dalam negeri yang disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu dan kekurangan tenaga kerja juga menyebabkan peningkatan inflasi makanan pada tahun 2011. Hujan lebat semasa musim tengkujuh menyebabkan harga ikan dan makanan laut terus naik sepanjang tahun itu. Keadaan ini diburukkan lagi oleh pemansuhan subsidi tambahan diesel bagi kapal pukat tunda pada bulan Mei. Bagi sayur-sayuran dan buah-buahan, kekurangan pekerja asing memburukkan lagi gangguan bekalan akibat cuaca buruk, dan seterusnya memberikan tekanan kenaikan harga.

Memandangkan inflasi pada tahun 2011 dipacu terutamanya oleh faktor penawaran, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif, yang terdiri daripada langkah-langkah jangka pendek dan panjang untuk menangani kos sara hidup yang meningkat dan membendung kenaikan harga dalam negeri. Bagi membendung kenaikan harga yang mendadak, Kerajaan telah dalam jangka pendek, melaksanakan program rasionalisasi subsidi secara beransur-ansur dan menumpukan pada penguatkuasaan yang ketat terhadap skim kawalan harga pada musim perayaan. Di samping itu, Kerajaan turut menyelaraskan bekalan dan permintaan terhadap barangan makanan asas bagi memastikan bekalan adalah mencukupi.

Ini dilaksanakan dengan mengeluarkan lebih banyak permit import (approved permits, AP) untuk menambah import makanan, untuk membendung kenaikan harga makanan dalam pasaran tempatan.

Berhubung dengan langkah jangka panjang pula, Kerajaan berusaha dengan gigih untuk mengekalkan taraf hidup dan menyediakan pilihan yang lebih banyak kepada pengguna. Bagi tujuan ini, Kerajaan memulakan kempen bagi menggalakkan penentuan harga yang adil, contohnya menerusi pelancaran Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Menu Rakyat 1Malaysia. Portal Pengguna Bijak 1Malaysia juga diwujudkan untuk melindungi kepentingan pengguna dan menggalakkan kesedaran dalam kalangan pengguna. Seterusnya, dua perundangan baharu telah digubal, iaitu Akta Anti Pencatutan (Profiteering) (2011) dan Akta Persaingan (2010). Bagi memastikan bekalan makanan adalah berterusan dan bagi mengurangkan kebergantungan kepada import makanan, Kerajaan memperkenalkan Dasar Agro Makanan Negara (National Agri-food Policy, NAP) Keempat 2011-2020 yang bertujuan untuk menjamin bekalan makanan mencukupi. Kerajaan juga melaksanakan langkah-langkah untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di Malaysia, termasuk menyambung laluan bagi Transit Aliran Ringan (Light Rail Transit, LRT) sedia ada dan melancarkan projek Aliran Transit Massa (Mass Rapid Transit, MRT) yang baharu.

Tekanan faktor permintaan adalah lebih kuat pada tahun 2011. Terdapat beberapa tanda bahawa permintaan dalam negeri yang kukuh telah meningkatkan lagi *inflasi tolakan kos*. Penggunaan swasta meningkat pada tahun 2011 apabila perbelanjaan isi rumah pada tahun itu disokong keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan kenaikan upah yang berterusan. Kenaikan pendapatan hasil daripada harga komoditi yang tinggi juga terus menggalakkan penggunaan di kawasan luar bandar. Di samping itu, ruang untuk menambah pengeluaran dalam ekonomi juga terhad kerana pengeluaran hampir mencapai paras potensinya. Pada tahun 2011, syarikat mencatat penggunaan kapasiti lebih tinggi yang hampir pada 80% (2010: 76%). Memandangkan keadaan permintaan yang kukuh, syarikat dapat memindahkan kenaikan kos daripada harga komoditi yang tinggi dengan menaikkan harga runcit. Berikutan itu, inflasi teras meningkat pada tahun 2011 dengan kenaikan inflasi yang lebih meluas dalam komponen IHP. Paling ketara, bahagian subkategori IHP yang mencatat kadar inflasi melebihi 2% meningkat daripada 35% pada bulan Januari kepada 49.6% pada bulan September. Kenaikan harga yang meluas berlaku terutamanya dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol*, dengan 65% daripada komponen makanan mencatat inflasi melebihi 2% pada sembilan bulan pertama 2011 (2010: 43%). Menjelang akhir tahun 2011, terdapat tanda-tanda bahawa kenaikan inflasi yang lebih meluas telah dibendung.

Rajah 1.31

Peratusan Komponen IHP dan Komponen IHP Makanan Melebihi Paras Ambang Tertentu



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.32

Inflasi Harga Pengeluar dan Harga Komoditi Utama IMF



Nota:
1. Komponen komoditi dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merangkumi *bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan; bahan api galian, pelincir, dll.* dan *minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran*
2. Komponen bukan komoditi dalam IHPR merangkumi *makanan; minuman dan tembakau; bahan kimia; barang-barang keluaran kilang; jentera dan kelengkapan pengangkutan; pelbagai barang keluaran kilang* dan *pelbagai urus niaga dan barangan*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Negara Malaysia

Peratus subkategori IHP yang mencatat inflasi melebihi 2% menjadi stabil sejak bulan Oktober 2011. Tekanan bekalan yang semakin reda dan ketidakpastian yang lebih ketara terhadap prospek pertumbuhan menjelang suku keempat 2011 juga membantu membendung tekanan terhadap inflasi.

Harga pengeluar

Inflasi harga pengeluar, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR), naik kepada 9.0% pada tahun 2011 (2010: 5.6%) dipacu oleh kenaikan harga komoditi dunia. Pertumbuhan tahunan IHPR meningkat sejak awal tahun sebelum menjadi sederhana mulai bulan Oktober, apabila harga komoditi dunia menurun.

Dari segi komposisi, komponen IHPR berkaitan komoditi naik dengan ketara sebanyak 23.6% (2010: 15.4%). Kenaikan harga komoditi dunia pada tahun 2011 menyebabkan inflasi lebih tinggi, masing-masing pada 24.2% dan 23.2% dalam subkategori *bahan api galian, pelincir dll.*, serta *bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan* pada tahun 2011 (2010: 12.8% dan 22.4%). Namun, komponen IHPR bukan komoditi meningkat dengan lebih perlahan sebanyak 2.1% pada tahun 2011 (2010: 1.6%). Komponen IHPR tempatan dan komponen yang diimport mencatat inflasi lebih tinggi pada tahun itu. Pertumbuhan tahunan IHPR bagi komponen tempatan meningkat kepada 12.0% (2010: 7.7%), manakala bagi komponen yang diimport pula, kenaikan tahunan ialah sebanyak 2.3% (2010: 1.4%).

Penularan Harga Komoditi Dunia Terhadap Inflasi di Malaysia

Pengenalan

Harga komoditi dunia telah meningkat dengan ketara sejak awal tahun 2007 dan kekal pada paras yang tinggi, kecuali penurunan mendadak yang singkat pada tahun 2009 susulan penguncupan pertumbuhan global. Dalam tempoh ini, harga komoditi utama juga mengalami turun naik yang ketara, terutamanya harga minyak mentah. Harga komoditi dunia yang tinggi dan turun naik harga yang tidak menentu sejak kebelakangan ini disebabkan oleh permintaan global yang meningkat, gangguan bekalan dunia, dan pasaran komoditi yang lebih bercirikan pasaran kewangan dalam keadaan mudah tunai global yang berlebihan. Situasi ini dijangka berterusan bagi tempoh yang berpanjangan kerana faktor tersebut dijangka terus wujud.

Kenaikan harga komoditi dunia mempunyai impak yang berbeza-beza terhadap inflasi bagi negara yang berbeza. Magnitud kesan pindahan daripada harga dunia kepada inflasi domestik ditentukan dari segi struktur, antara lainnya, sumbangan komoditi ini sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada barangan dalam kumpulan Indeks Harga Pengguna (IHP), sejauh mana harga domestik komoditi tersebut disubsidi oleh Kerajaan, sama ada negara tersebut adalah pengeksport atau pengimport bersih komoditi, serta pergerakan kadar pertukaran. Rencana ini meneliti saluran penularan harga komoditi dunia terhadap inflasi domestik di Malaysia berdasarkan episod kenaikan ketara harga komoditi pada tahun 2008 dan 2011.

Penularan Kejutan Harga Komoditi Dunia di Malaysia

Bagi Malaysia, harga komoditi dunia merupakan salah satu penyumbang utama inflasi domestik. Namun, pindahan harga komoditi dunia kepada inflasi dipengaruhi oleh mekanisme harga ditadbir Kerajaan. Harga dalam negeri bagi komoditi asasi, misalnya beras, gula dan bahan api, adalah ditadbir atau disubsidi oleh Kerajaan[1]. Oleh itu, tahap pelarasan ke atas harga ditadbir yang bertindak balas terhadap perubahan pada harga komoditi dunia merupakan penentu utama bagi kesan muktamad terhadap inflasi.

Perubahan pada harga komoditi dunia boleh dipindahkan kepada inflasi domestik secara langsung dan tidak langsung. **Kesan langsung** berlaku apabila perubahan pada harga komoditi dunia dipindahkan secara terus kepada perubahan harga barangan dan perkhidmatan akhir yang dibeli oleh pengguna.

Rajah 1

Kesan Langsung dan Tidak Langsung daripada Perubahan Harga Komoditi Dunia kepada Inflasi



* Lain-lain kos termasuk pengangkutan, utiliti, pembungkusan, logistik dan pengedaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kesan tidak langsung atau **kesan pindahan** (knock-on effect) ekoran harga komoditi dunia lebih tinggi terhadap inflasi domestik berlaku apabila harga barangan dan perkhidmatan pengguna yang lain, yang tidak berkaitan dengan komoditi dinaikkan oleh peniaga kerana kos operasi bertambah disebabkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi. Kos ini termasuk kos bahan mentah, pengangkutan, logistik dan utiliti. Tahap kesan pindahan bergantung pada beberapa faktor. Pertama, sejauh mana kenaikan kos menjejaskan margin keuntungan. Jika harga komoditi yang meningkat menyebabkan kenaikan kos yang ketara, peniaga lebih cenderung memindahkan kos untuk mengekalkan margin mereka. Kedua, struktur pasaran bagi keluaran tersebut. Dalam pasaran yang persaingannya adalah sengit, kebimbangan mengenai kehilangan bahagian pasaran mungkin

[1] Butir-butir tentang Mekanisme Harga Ditadbir Kerajaan dibentangkan dalam Rencana mengenai Penentu-penentu Inflasi di Malaysia, yang diterbitkan dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2010.

Rajah 2

Harga Komoditi Dunia pada Tahun 2008 dan 2011



Nota: Indeks Komoditi Utama IMF telah diasaskan semula kepada Januari 2007=100 bagi episod 2007-08 dan Januari 2010=100 bagi episod 2010-11.

Sumber: IMF

mengekang tahap kenaikan harga oleh peniaga. Sebaliknya, dalam pasaran yang bersifat monopolistik, atau pasaran dengan firma yang dominan, kecenderungan untuk menaikkan harga adalah lebih nyata. Ketiga, keadaan permintaan asas juga memainkan peranan. Jika permintaan lemah atau mudah terjejas oleh perubahan harga, peniaga tidak akan sewenang-wenangnya menaikkan harga bagi mengekalkan jumlah penjualan.

Tahap kesan pindahan terhadap inflasi dicerminkan pada takat kenaikan harga tersebar dalam komponen IHP. Jika kesan pindahan adalah besar, kenaikan harga dalam komponen IHP adalah meluas. Kenaikan harga yang lebih meluas juga dicerminkan pada kenaikan inflasi teras. Kenaikan harga yang lebih menyeluruh dan berterusan akan mengakibatkan bertambahnya kos sara hidup.

Dua episod peningkatan harga komoditi dunia terkini berlaku pada tahun 2008 dan 2011. Pada tahun 2008, harga komoditi dunia naik dengan mendadak dan berterusan. Antara bulan Januari 2007 hingga bulan Julai 2008, harga minyak mentah dunia meningkat lebih dua kali ganda, manakala harga makanan global naik lebih 50% dalam tempoh 19 bulan. Khususnya, kenaikan ketara dicatat dalam harga beras dunia pada bulan Mac 2008 kerana hasil tuaian yang rendah dalam negara pengeksport beras utama telah menyebabkan kekurangan bekalan dan mendorong simpanan stok secara meluas oleh sesetengah negara untuk menjamin bekalan makanan, lantas menyumbang kepada kekurangan bekalan beras dunia dan menambah lagi tekanan terhadap harga.

Namun, kesan kenaikan mendadak harga komoditi dunia terhadap inflasi domestik agak tertangguh kerana Kerajaan mengawal sesetengah harga makanan dan tenaga dalam negeri. Kadar inflasi purata sepanjang lima bulan pertama 2008 masih rendah pada 2.9%. Dalam pada itu, ekonomi serantau[2] mencatat kadar inflasi lebih tinggi pada 8.7% dalam tempoh yang sama (2007: 4.7%). Walau bagaimana, apabila kenaikan harga komoditi dunia menjadi sangat tinggi, Kerajaan telah menyemak harga beberapa barangan ditadbir termasuk produk petroleum runcit, tarif elektrik dan beras untuk mengurangkan tekanan terhadap sumber kewangan Kerajaan dalam memberikan subsidi tersebut. Selain meningkatkan perbelanjaan Kerajaan, subsidi juga merupakan sumber ketidakcekapan dalam ekonomi dan mewujudkan herotan pasaran. Oleh itu, harga dilaraskan sepanjang tiga bulan berturut-turut. Pelarasan ini agak besar, dengan harga beras tempatan dinaikkan sebanyak 15-40% pada bulan Mei, harga bahan api[3] meningkat sebanyak 40.4% secara purata pada bulan Jun dan tarif elektrik dinaikkan sebanyak 5% pada bulan Julai. Inflasi keseluruhan melonjak masing-masing kepada 7.7% dan 8.5% pada bulan Jun dan Julai. Dari segi kesan langsung, inflasi dalam kategori *beras, roti dan bijirin lain* dalam kumpulan IHP melonjak kepada 18.8% pada bulan Mei, manakala inflasi dalam kategori *pengangkutan* meningkat sebanyak 19.6% pada bulan Jun. Inflasi dalam subkategori *bekalan elektrik, gas dan bahan api lain* lebih tinggi pada 4.4% pada bulan Julai. Apabila digabungkan, kesan langsung ekoran pelarasan terhadap harga ditadbir menyumbang 40% daripada inflasi purata antara bulan Mei dan Julai 2008.

Kenaikan harga tenaga dan makanan dunia, dan pelarasan pada harga ditadbir yang dilaksanakan selepas itu juga mengakibatkan kenaikan kos bahan mentah, pengangkutan dan bekalan elektrik, yang seterusnya menambah kos operasi bagi peniaga. Susulan keadaan permintaan domestik yang memberangsangkan pada separuh pertama tahun 2008, banyak peniaga memindahkan kenaikan kos

[2] Terdiri daripada RR China, Indonesia, India, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.
[3] Merujuk kepada harga petrol RON92 dan RON97 dan diesel.

Rajah 3

Inflasi Keseluruhan, 2007 - 2011



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 4

Peratusan Komponen IHP Mengalami Tahap Inflasi yang Tertentu



Sumber: Bank Negara Malaysia

tersebut kepada pengguna dengan menaikkan harga runcit dalam tempoh tiga bulan daripada masa pelarasan harga ditadbir. Kesan pindahan ketara dicatat pada kategori IHP lain, misalnya *restoran dan hotel* dan *hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah*. Kesan pindahan yang ketara dicerminkan oleh kenaikan harga yang lebih meluas. Hampir dua pertiga daripada komponen IHP mencatat kadar inflasi lebih daripada 2% pada separuh kedua tahun 2008. Inflasi teras juga lebih tinggi pada 4% (kadar purata 1.8% bagi tempoh tahun 1999 hingga 2008).

Harga komoditi dunia pula naik lebih perlahan pada tahun 2010 dan 2011. Antara bulan Januari 2010 hingga September 2011, harga minyak mentah dan harga makanan masing-masing meningkat sebanyak 35% dan 26%. Kenaikan ketara ialah harga jagung dunia sebanyak 94% antara bulan Jun 2010 hingga September 2011 kerana gangguan bekalan dan simpanan stok yang rendah.

Oleh yang demikian, harga bahan api dan beberapa barangan makanan terkawal di Malaysia dinaikkan secara beransur-ansur sepanjang tempoh dua tahun. Pelarasan ini dilaksanakan sebagai sebahagian daripada program rasionalisasi subsidi dan jumlah setiap pelarasan juga lebih kecil berbanding tahun 2008. Harga runcit produk petroleum[4] dinaikkan sebanyak 1.3% secara purata pada bulan Jun 2010 dan 3.1% pada bulan Disember 2010. Meskipun harga runcit petrol RON97 telah diselaraskan beberapa kali pada tahun 2010 dan 2011, kesannya terhadap inflasi telah dibendung kerana penggunaan petrol RON97 secara relatif adalah kecil. Tarif elektrik juga dinaikkan secara purata sebanyak 7.1% pada bulan Jun 2011. Kesemua pelarasan harga ini membawa kesan langsung dari segi kenaikan inflasi dalam kategori *pengangkutan* dan *perumahan, air, bekalan elektrik, gas dan bahan api lain*. Disebabkan kenaikan harga kali ini lebih kecil dan beransur-ansur, kesan langsung menerusi produk petroleum dan tarif elektrik dalam IHP hanya mencakupi 19% daripada inflasi pada tahun 2011. Dari segi kategori makanan, harga jagung dunia yang lebih tinggi menyebabkan kenaikan harga makanan ternakan ayam. Oleh itu, harga ayam naik dengan ketara sebanyak 11.4% pada tahun 2011 (purata 2007- 2011: 6.7%), dan menyumbangkan 5.2% kepada inflasi keseluruhan pada tahun 2011.

Pelarasan pada harga ditadbir sepanjang tempoh ini dibuat secara berperingkat, yang dengan itu membolehkan peniaga menangani kenaikan kos dengan lebih cekap. Pelarasan ini juga sudah dijangka oleh peniaga kerana sebelum ini Kerajaan telah memaklumkan tentang jadual pelaksanaan

[4] Merujuk kepada petrol RON95 dan RON97, diesel dan gas petroleum cecair (liquefied petroleum gas, LPG).

rasionalisasi subsidi. Meskipun permintaan domestik secara relatif kukuh, dan meningkat sebanyak 8.2% pada tahun 2011, kesan pindahan adalah sederhana dan mengambil masa lebih lama, iaitu enam bulan sebelum berlaku. Kesan pindahan juga diperhatikan dalam kategori yang sama seperti pada tahun 2008, iaitu kategori *restoran dan hotel* dan *hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah*. Berbanding dengan tahun 2008, inflasi kurang meluas, dan jumlah komponen IHP yang mencatat inflasi melebihi 2% juga lebih kecil. Sementara itu, inflasi teras juga secara relatif lebih rendah pada 2.7% pada tahun 2011.

Kesan perubahan langsung dan tidak langsung kepada harga komoditi dunia yang dibincangkan di atas juga dikenali sebagai ***kesan pusingan pertama***. Kesan pusingan pertama yang ketara mungkin mencetuskan kenaikan harga yang lebih menyeluruh dan mengakibatkan kos sara hidup yang lebih tinggi. Ini berpotensi menaikkan jangkaan inflasi dan menambah tekanan kepada isi rumah untuk menuntut upah lebih tinggi. Jika sektor perniagaan memenuhi tuntutan kenaikan upah dan memindahkan kos tenaga pekerja yang lebih tinggi kepada pengguna dengan menaikkan harga barangan dan perkhidmatan, ***kesan pusingan kedua*** terhadap inflasi akan berlaku. Jika tindakan dasar tidak diambil untuk menangani kesan pusingan kedua ini, kenaikan pada harga barangan dan perkhidmatan yang seterusnya mungkin berlaku, lantas menyebabkan satu lagi pusingan kenaikan gaji dan peningkatan kadar inflasi. Ulangan kitaran ini dipanggil lingkaran upah-harga. Sekiranya lingkaran ini berlaku, inflasi akan menjadi sukar dikawal dan memerlukan belanja yang besar untuk dikawal.

Kemungkinan berlakunya kesan pusingan kedua bergantung pada jangkaan inflasi, keadaan pasaran pekerja dan kekukuhan permintaan asas dalam ekonomi. Jika jangkaan inflasi dikawal dengan baik, iaitu pengguna menganggap bahawa kenaikan harga hanya sementara, mereka akan menyesuaikan penggunaan dan perbelanjaan, misalnya dengan mengurangkan perbelanjaan buat sementara waktu terhadap barangan bukan asasi untuk menangani kenaikan kos barangan asasi, atau meminjam atau mengurangkan simpanan untuk melicinkan (to smooth consumption) penggunaan. Dalam senario ini, kemungkinan berlakunya kesan pusingan kedua terhadap inflasi adalah kecil. Walau bagaimanapun, jika jangkaan inflasi adalah tidak dikawal, pengguna akan mempercayai bahawa paras inflasi yang tinggi akan berpanjangan dan akan menuntut upah lebih tinggi untuk menampung kos sara hidup yang lebih tinggi. Dalam persekitaran permintaan yang kukuh dan bekalan buruh yang rendah, sektor perniagaan akan bersetuju dengan tuntutan upah dan akan menaikkan harga runcit bagi barangan dan perkhidmatan, lantas mencetus kesan pusingan kedua terhadap inflasi.

Meskipun inflasi lebih tinggi pada tahun 2008 dan 2011, dan terdapat beberapa tanda kenaikan meluas inflasi khususnya pada tahun 2008, tekanan bekalan nampaknya tidak mengakibatkan kesan pusingan kedua terhadap inflasi. Pertama, pertumbuhan upah secara amnya terus stabil. Oleh itu, inflasi makanan yang tinggi telah menyebabkan perbelanjaan atas pilihan sendiri (discretionary) dikurangkan kerana kuasa pembelian pengguna telah terjejas, terutamanya pada tahun 2008. Kedua, inflasi yang lebih tinggi dijangka bersifat sementara. Pertumbuhan global yang lembap pada akhir tahun 2008 dan prospek pertumbuhan global yang lebih perlahan pada separuh kedua tahun 2011 dijangka membendung kenaikan lanjut pada harga komoditi dunia. Jangkaan bahawa pertumbuhan ekonomi domestik akan perlahan juga telah berjaya mengekang inflasi domestik.

Kesimpulan

Berdasarkan pengalaman yang dilalui pada tahun 2008 dan 2011, dapat disimpulkan bahawa magnitud kenaikan harga komoditi dunia yang berbeza menghasilkan kesan yang berlainan terhadap penularan kejutan ini kepada inflasi domestik. Dengan kewujudan mekanisme harga ditadbir, penularan kenaikan harga dunia ini kepada inflasi domestik sebahagian besarnya tertangguh dan tidak menyeluruh. Kadar pelarasan pada harga ditadbir sebagai tindak balas terhadap kenaikan harga komoditi dunia merupakan penentu utama bagi kekuatan tekanan inflasi yang disebarkan melalui kesan pusingan pertama. Pelarasan terhadap harga ditadbir yang dilaksanakan secara berperingkat dapat membendung kesan pusingan pertama dengan lebih berkesan kerana peniaga dapat menguruskan kesan terhadap kos mereka dengan lebih cekap. Oleh itu, kenaikan inflasi dan kos sara hidup juga akan berlaku secara perlahan dan mengurangkan risiko berlakunya kesan pusingan kedua.

Liberalisasi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing untuk Meningkatkan Daya Saing Ekonomi Malaysia

Malaysia kekal komited untuk meliberalisasi lagi peraturan pentadbiran pertukaran asing (foreign exchange administration, FEA) bagi menyokong dan meningkatkan daya saing ekonomi negara dengan mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif untuk aktiviti perdagangan, perniagaan dan pelaburan.

Pada tahun 2011, Bank telah meneruskan usaha untuk mewujudkan persekitaran yang lebih sesuai bagi menggalakkan pengembangan keupayaan produktif sektor swasta di luar negeri. Ini adalah seiring dengan persekitaran pengawalseliaan perdagangan antarabangsa yang liberal. Liberalisasi ini mengambil kira peningkatan trend penerokaan syarikat Malaysia ke luar negeri berikutan pertumbuhan ekonomi negara sedang pesat membangun yang kukuh, terutamanya di Asia, dan integrasi serantau yang semakin meluas. Antara tahun 2001 hingga 2010, pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat pemastautin berpurata 4.3% daripada KDNK dan mencapai paras tertinggi 9.4% daripada KDNK pada tahun 2008. Pelaburan langsung di luar negeri bersih berjumlah RM215 bilion pada tempoh ini, dengan sebahagian besar daripada pelaburan ini disalurkan ke dalam bidang baharu yang mempunyai kelebihan saingan, khususnya dalam sektor minyak dan gas, perkilangan, telekomunikasi, kewangan dan insurans.

Peningkatan trend syarikat Malaysia meneroka ke luar negeri menekankan pentingnya pasaran kewangan domestik yang kukuh dan memberangsangkan untuk memenuhi permintaan terhadap penyelesaian kewangan dan perkhidmatan kewangan yang lebih pelbagai dan canggih. Pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh Bank, termasuk liberalisasi peraturan FEA, untuk menggalakkan kecairan, keluasan dan bilangan peserta dalam pasaran kewangan domestik.

Pelaburan langsung di luar negeri yang produktif

Sebagai satu daripada langkah penting untuk menyokong operasi perniagaan domestik pada peringkat global, syarikat pemastautin yang memenuhi keperluan kehematan Bank telah diberi fleksibiliti untuk membuat sebarang amaun pelaburan langsung di luar negeri. Langkah liberalisasi ini dilaksanakan secara berperingkat, dengan mengambil kira keupayaan syarikat pemastautin. Ini merupakan satu daripada teras strategik Bank ke arah mobiliti modal merentas sempadan sepenuhnya bagi tujuan produktif yang akan memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia. Melalui liberalisasi ini, pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat pemastautin yang layak tidak lagi tertakluk kepada had bersamaan RM50 juta secara agregat setahun bagi setiap kumpulan syarikat untuk pelaburan dalam aset mata wang asing.

Akses kepada pembiayaan yang kompetitif

Bagi memudahkan sektor swasta mengembangkan keupayaan produktif di luar negeri dan meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan, fleksibiliti tambahan telah diberikan kepada syarikat pemastautin untuk menguruskan sumber kewangan dalam kumpulan syarikat mereka. Langkah liberalisasi ini yang membenarkan sesebuah syarikat membuat sebarang amaun pinjaman daripada syarikat pemastautin dan bukan pemastautin yang berkaitan akan meningkatkan lagi kecekapan perniagaan.

Di samping itu, had sebanyak RM5 juta bagi pembiayaan perdagangan dalam denominasi mata wang asing yang diperoleh daripada bukan pemastautin telah dimansuhkan. Kini, pembiayaan perdagangan dalam mata wang asing akan dikira sebagai sebahagian daripada had semasa bagi peminjaman mata wang asing oleh syarikat dan individu pemastautin, yang masing-masing bersamaan dengan RM100 juta dan RM10 juta.

Pengurusan risiko yang berkesan
Memandangkan pentingnya amalan pengurusan risiko yang sesuai bagi kekukuhan kewangan pemastautin, fleksibiliti tambahan juga diberikan kepada pemastautin untuk menguruskan aset dan liabiliti melalui swap obligasi hutang ringgit atau mata wang asing kepada obligasi hutang mata wang asing lain. Liberalisasi ini akan membantu pemastautin yang mempunyai dedahan kepada urus niaga antarabangsa untuk menguruskan dedahan risiko ini.

Inovasi produk yang lebih giat
Apabila syarikat domestik berkembang dari segi saiz dan keupayaan, serta semakin bersepadu dengan pasaran global, pasaran kewangan domestik yang kukuh, memberangsangkan dan dinamik adalah sangat penting untuk menyokong pengembangan ekonomi Malaysia. Sejajar dengan ini, peraturan FEA diliberalisasikan untuk meningkatkan inovasi dalam pasaran kewangan domestik dengan menawarkan produk kewangan baharu bagi memenuhi keperluan yang pelbagai berikutan ekonomi Malaysia yang lebih maju dan bersepadu dengan ekonomi antarabangsa. Sehubungan dengan ini, skop produk yang ditawarkan oleh bank tempatan berlesen telah diperluas untuk memberikan lebih fleksibiliti dalam perdagangan mata wang asing dengan mata wang asing yang lain dengan pemastautin. Fleksibiliti juga diberikan kepada bank tempatan berlesen untuk menawarkan kontrak derivatif kadar faedah kepada bukan pemastautin bukan bank untuk sebarang tujuan. Langkah liberalisasi ini adalah sejajar dengan teras umum Pelan Sektor Kewangan yang bertujuan untuk menambahkan bilangan pelabur dan meningkatkan lagi pembangunan pasaran kewangan domestik.

Menggalakkan Operasi Pengurusan Perbendaharaan
Usaha mewujudkan ekonomi yang dinamik dan lebih bersepadu pada peringkat antarabangsa juga disokong dengan pengumuman insentif baharu dalam Bajet 2012 yang menggalakkan dan memudahkan penubuhan Pusat Pengurusan Perbendaharaan (PPP) di Malaysia oleh syarikat multinasional milik asing dan tempatan. Sebagai tambahan kepada insentif fiskal, fleksibiliti FEA juga diberikan kepada PPP untuk pengurusan sumber kewangan yang lebih berkesan. Fleksibiliti ini meliputi keupayaan untuk membuat pelaburan dan pembiayaan mata wang asing bagi menyokong keperluan syarikat yang mempunyai operasi pada peringkat antarabangsa.

Pengukuhan daya saing Malaysia
Usaha berterusan yang dilaksanakan oleh Bank dan Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan telah menyumbang kepada penambahbaikan kedudukan Malaysia dalam Global Competitiveness Report yang diterbitkan oleh World Economic Forum. Daya saing Malaysia meningkat daripada kedudukan ke-26 pada tahun 2010/2011 kepada 21 pada tahun 2011/2012. Ini antara lain disebabkan oleh keterbukaan ekonomi Malaysia dan persekitaran yang liberal kepada perdagangan antarabangsa dan pelaburan langsung asing, terutamanya bagi pergerakan modal. Persekitaran yang liberal bagi pelaburan di Malaysia juga telah menyumbang kepada Malaysia tersenarai sebagai salah satu daripada sepuluh destinasi pelaburan pilihan utama di dunia dalam *A.T. Kearney FDI Confidence Index* bagi tahun 2012.

Pengukuhan mekanisme pengawasan Bank dan kerjasama serantau, telah membolehkan Bank menggiatkan inisiatif liberalisasinya sambil memastikan manfaat yang diperoleh daripada liberalisasi ini mengatasi risikonya. Langkah liberalisasi ini disokong oleh perlindungan yang mantap untuk memastikan kestabilan monetari dan kewangan terpelihara.

Kesimpulan
Sejajar dengan keperluan pengurusan transaksi akaun semasa dan akaun kewangan merentas sempadan yang lebih fleksibel bagi menyokong ekonomi Malaysia yang semakin bersepadu pada peringkat global, pelaksanaan langkah FEA akan beralih ke arah rangka kerja pengawalseliaan yang lebih berasaskan prinsip. Ini adalah untuk meningkatkan kejelasan pengawalseliaan. Peralihan ini adalah sebahagian daripada pembaharuan yang dilaksanakan oleh Bank untuk mewujudkan persekitaran pengawalseliaan yang lebih memudahkan serta telus, yang akan menyokong Malaysia menjadi destinasi pelaburan pilihan.

Teras dasar FEA untuk meningkatkan daya saing ekonomi akan diteruskan untuk menyokong transformasi ekonomi Malaysia ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dan bernilai tambah tinggi menjelang tahun 2020. Pertimbangan penting akan diberikan ke arah mewujudkan persekitaran yang diperlukan untuk menyokong bidang yang Malaysia mempunyai kelebihan dan bagi meningkatkan lagi daya saing syarikat Malaysia. Tumpuan juga akan diberikan pada bidang yang akan meningkatkan pembangunan pasaran kewangan Malaysia serta menggalakkan integrasi ekonomi dan kewangan serantau. Dalam hal ini, perbincangan dan perundingan dengan semua pihak berkepentingan, termasuk peserta industri, akan diadakan secara berterusan untuk menggalakkan peranan sektor swasta dalam merealisasikan hasil yang dikehendaki. Liberalisasi FEA secara berperingkat akan terus diperkukuh oleh perlindungan berhemat untuk memastikan kestabilan monetari dan kewangan, yang merupakan faktor penting untuk mencapai pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

2010

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN

67 Keadaan Monetari dan Kewangan Antarabangsa

71 Keadaan Monetari Dan Kewangan Dalam Negeri

78 Pembiayaan Ekonomi

81 *Rencana: Mata Wang Malaysia Siri Baharu*

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN ANTARABANGSA

Perkembangan keadaan monetari dan kewangan antarabangsa pada amnya melalui dua fasa berbeza pada tahun 2011. Pada separuh pertama tahun itu, pasaran kewangan global menunjukkan trend meningkat ekoran sentimen positif yang didorong oleh ramalan prospek pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik. Pada masa yang sama, timbulnya tekanan inflasi dan risiko ketidakseimbangan kewangan akibat tempoh kadar faedah global yang rendah yang berpanjangan telah mendorong bank pusat dalam ekonomi sedang pesat membangun untuk menaikkan kadar faedah masing-masing. Tempoh ini berkebetulan dengan episod aliran masuk modal yang banyak dan berterusan ke dalam ekonomi tersebut. Pada separuh kedua tahun 2011, keadaan kewangan global merosot dengan nyata. Ketidaktentuan pasaran kewangan menjadi lebih ketara dalam ekonomi maju berikutan krisis hutang Eropah yang makin meruncing dan ketidakpastian fiskal yang semakin nyata di AS. Ketidakpastian juga semakin nyata berhubung dengan daya pemulihan ekonomi maju berikutan kelemahan struktur dalam ekonomi tersebut. Walaupun langkah dasar luar biasa tambahan diperkenalkan oleh pihak berkuasa ekonomi maju, kegiatan penghindaran risiko masih lagi tinggi. Penghantaran balik aset oleh pelabur Eropah telah menyebabkan aliran keluar modal daripada ekonomi sedang pesat membangun.

Pasaran kewangan global memulakan tahun 2011 dengan kukuh berikutan momentum positif sejak akhir tahun 2010

Pasaran kewangan global memulakan tahun 2011 dengan trend meningkat meskipun terdapat gangguan sementara yang disebabkan oleh kegawatan geopolitik di Timur Tengah dan Afrika Utara, serta gempa bumi di Jepun. Laporan positif mengenai aktiviti ekonomi dan keuntungan korporat yang lebih tinggi daripada jangkaan menyumbang kepada kenaikan harga ekuiti. IMF menaikkan unjurannya bagi pertumbuhan dunia kepada 4.4% pada bulan Januari 2011, daripada 4.2% pada bulan Oktober 2010. Dalam ekonomi maju, tanda-tanda pemulihan yang mampan kendiri (self-sustaining) mula kelihatan dengan kemampuan permintaan sektor swasta untuk bertahan meskipun kesan

Rajah 2.1

Indeks Pasaran Ekuiti Terpilih



Sumber : Bloomberg

Rajah 2.2

Harga Komoditi



Sumber : Bloomberg

rangsangan fiskal semakin berkurang. Keadaan kredit dalam ekonomi maju yang utama, termasuk di kawasan euro, beransur-ansur bertambah baik selepas tempoh pengetatan secara berperingkat yang berpanjangan. Dalam ekonomi sedang pesat membangun, pertumbuhan seolah-olah lebih mantap, dengan kebimbangan lebih tertumpu pada pengembangan kredit yang kukuh dan tekanan permintaan yang meningkat dalam ekonomi tersebut.

Pada masa yang sama, tekanan inflasi meningkat, terutamanya sebagai tindak balas kepada harga makanan dan harga tenaga dunia yang lebih tinggi. Kenaikan harga tenaga dunia menjelang akhir tahun 2010 menjadi lebih tinggi akibat gangguan bekalan disebabkan ketegangan geopolitik di Timur Tengah dan Afrika Utara. Bekalan makanan dunia terjejas oleh keadaan cuaca yang buruk dan simpanan stok penimbal yang rendah terutamanya bagi gandum dan jagung. Keadaan ini memberikan tekanan terhadap harga dalam ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun.
Walau bagaimanapun, pertumbuhan global pada kadar yang berbeza-beza telah menghasilkan tekanan permintaan yang tidak sekata.
Jurang hasil pengeluaran yang lebih kecil dan penggunaan kapasiti yang lebih tinggi menjadikan ekonomi sedang pesat membangun pada amnya lebih mudah menerima kesan daripada tekanan permintaan dan kesan inflasi pusingan kedua. Namun, dalam ekonomi maju, tekanan permintaan kekal lembap dengan kadar pengangguran semasa yang tinggi, paras hutang yang tinggi, pembayaran balik hutang (deleveraging) dan sentimen yang negatif.

Dengan prospek ekonomi global menunjukkan tanda-tanda yang lebih baik, bank pusat mengalihkan tumpuan dasar ke arah usaha mengurangkan secara beransur-ansur tahap dasar monetari yang akomodatif. Dalam ekonomi maju, jangkaan kenaikan kadar faedah dibuat lebih awal daripada jangkaan. Pada bulan Februari, kadar hadapan tersirat menunjukkan bahawa dasar monetari dijangka akan diketatkan oleh UK dan kawasan euro pada pertengahan tahun 2011, berbanding dengan jangkaan yang dibuat pada akhir tahun 2010 bahawa kenaikan sedemikian hanya akan berlaku pada tahun 2012. Bagi ekonomi sedang pesat membangun, kebimbangan yang meningkat mengenai inflasi menguatkan lagi keperluan untuk mengembalikan dasar kepada kedudukan yang wajar. Sebilangan besar negara termasuk RR China, Brazil dan India menaikkan kadar faedah dasar sebagai respons kepada tekanan inflasi yang lebih tinggi. Anggapan mengenai perbezaan kadar pertumbuhan dan kadar faedah yang lebih meluas dalam keadaan mudah tunai global berlebihan telah menambah daya tarikan ekonomi sedang pesat membangun sebagai destinasi bagi aliran modal. Pada bulan Jun, Institute of International Finance (IIF) menganggarkan bahawa aliran modal swasta bersih ke dalam ekonomi sedang pesat membangun boleh meningkat kepada USD1.04 trilion pada tahun 2011, daripada USD990 bilion pada tahun 2010. Berdepan dengan aliran masuk modal besar-besaran dan risiko akibat ketidakseimbangan kewangan yang timbul, negara seperti Brazil, Korea dan Indonesia bertindak balas dengan melaksanakan langkah-langkah kehematan makro dan akaun modal untuk memelihara kestabilan kewangan.

Ketidaktentuan pasaran kewangan bertambah ketara pada separuh kedua tahun 2011 kerana risiko terhadap ekonomi global semakin ketara berikutan meningkatnya krisis hutang kerajaan Eropah

Meskipun prospek pertumbuhan global adalah positif, isu utama dalam ekonomi maju masih lagi tidak dapat diselesaikan. Pertama, hutang kerajaan masih pada paras yang tinggi. Kemampanan kedudukan fiskal di AS, Jepun dan beberapa negara kawasan euro yang lebih kecil terus menjadi kebimbangan. Pada bulan April, Portugal menjadi negara ketiga di kawasan euro yang terpaksa meminta bantuan kewangan daripada EU-IMF, sambil keraguan masih berpanjangan tentang kemampuan Greece membayar hutang dan keupayaannya melaksanakan refomasi fiskal. Kedua, kedudukan institusi kewangan masih belum pulih seiring dengan ekonomi keseluruhan, dan keyakinan dalam sistem perbankan banyak negara maju pula masih belum pulih sepenuhnya. Ketiga, kadar pengangguran yang tinggi, kedudukan kewangan isi rumah yang lemah dan masalah

gadai janji legasi (legacy mortgage) di AS terus memberikan kesan negatif terhadap penggunaan.

Pada separuh kedua tahun 2011, peningkatan ketara krisis hutang kerajaan Eropah dan kebimbangan akan penularan susulannya mengakibatkan ketidaktentuan yang ketara dalam pasaran kewangan antarabangsa. Kebimbangan mengenai keupayaan Greece untuk membayar hutang dan implikasinya ke atas bank Eropah yang terdedah kepada hutang Greece menyebabkan keadaan mudah tunai menjadi lebih ketat dan mewujudkan tekanan dalam pasaran wang kawasan euro. Spread LIBOR-OIS euro, iaitu ukuran keadaan mudah tunai antara bank, meningkat 60 mata asas dari bulan Julai hingga September. Spekulasi juga timbul tentang kemungkinan Greece menamatkan penggunaan euro untuk menggunakan mata wangnya sendiri. Susulan beberapa penurunan penarafan, kadar hasil bon merentas kawasan euro meningkat dengan ketara. Di Itali, kadar hasil 10 tahun mengatasi paras kritikal 7%, yang pada amnya dianggap sebagai paras ambang apabila hutang menjadi sukar untuk dibayar balik. Selain itu, negara Eropah utama tidak terlepas daripada fenomena ini apabila *spread swap* mungkir kredit bagi Perancis meningkat lebih tinggi melebihi ekonomi sedang pesat membangun yang mempunyai penarafan lebih rendah. Kebimbangan ini diburukkan lagi oleh kebuntuan di AS terhadap had hutang (debt ceiling) dan penurunan penarafan AAA kerajaan oleh Standard and Poor's pada bulan Ogos.

Tanda-tanda pertumbuhan global yang lebih perlahan lantas mempengaruhi sentimen pelabur dan menyebabkan ketidakpastian dalam pasaran kewangan. Ancaman kemelesetan dua kali muncul kembali berikutan laporan ekonomi AS yang negatif, gangguan semasa terhadap rantaian bekalan global akibat gempa bumi di Jepun, dan kemungkinan pertumbuhan menjadi lebih perlahan ekoran penyatuan fiskal dalam ekonomi maju. Bagi ekonomi sedang pesat membangun, meskipun pertumbuhan makin diseimbangkan ke arah permintaan dalam negeri dan perdagangan antara rantau, perkembangan dalam ekonomi maju masih mempunyai kesan langsung dan tidak langsung terhadap ekonomi sedang pesat membangun menerusi pasaran kewangan dan saluran perdagangan. Tanda-tanda aktiviti ekonomi yang semakin perlahan dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun menjadi lebih nyata pada suku ketiga 2011, disebabkan oleh eksport yang makin lembap ekoran kemerosotan permintaan luaran.

Rajah 2.3

Swap Mungkir Kredit 5 tahun



Sumber: Bloomberg

Dalam tempoh ini, kegiatan penghindaran risiko bertambah ketara, manakala sentimen pasaran merosot dengan nyata. Indeks VIX, iaitu kaedah ukuran penghindaran risiko oleh pelabur meningkat ke paras yang tidak pernah dicatat sejak kejatuhan Lehman Brothers pada tahun 2008. Pelabur mengambil keluar dana daripada aset pasaran ekonomi sedang pesat membangun untuk dilaburkan dalam aset denominasi dolar AS yang lebih cair seperti Perbendaharaan AS dan logam berharga seperti emas, lalu menyebabkan kadar hasil 10 tahun Perbendaharaan AS menurun ke paras terendah dalam sejarah iaitu 1.72% manakala harga emas mencecah paras tertinggi dalam sejarah pada USD1900 setiap auns. Di samping itu, beberapa negara yang dianggap sebagai mata wang selamat (safe haven) seperti franc Switzerland mula melaksanakan langkah untuk mengehadkan penambahan nilai mata wang.

Beberapa ekonomi maju, khususnya dalam kawasan euro, yang merupakan pusat tumpuan krisis, telah terjejas dengan teruk. Langkah yang diperkenalkan untuk meningkatkan sentimen dan melegakan pasaran, seperti pengambilan hutang dan penambahan European Financial Stability Fund (EFSF) daripada €440 bilion kepada €1 trilion, pengurangan nilai hutang Greece secara sukarela oleh pelabur swasta, pemodalan

Rajah 2.4

Ukuran Turun Naik



Sumber: Bloomberg

semula bank Eropah dan bon kerajaan yang dibeli oleh ECB, hanya menghasilkan kesan yang kecil dan kelegaan sementara kepada pasaran. Meskipun penghindaran risiko oleh pelabur global berkurang dan kadar hasil bon kerajaan menurun berikutan pengumuman langkah-langkah tersebut pada sidang kemuncak EU pada 26 Oktober dan pengaturan swap terselaras oleh enam bank pusat utama pada 30 November, keadaan mudah tunai antara bank terus ketat dan turun naik kekal tinggi.

Ekonomi sedang pesat membangun tidak terlindung daripada kesan kegawatan. Sentimen pasaran telah terjejas teruk oleh perkembangan dalam ekonomi maju. Penghindaran risiko yang makin nyata dan penghantaran keluar aset oleh pelabur Eropah yang menghadapi masalah pendanaan jangka pendek telah menyebabkan aliran modal beralih arah daripada ekonomi

Rajah 2.5

LIBOR 3 Bulan Tolak OIS



Sumber: Bloomberg

sedang pesat membangun. Antara 29 Julai hingga 5 Oktober, indeks MSCI Asia (tidak termasuk Jepun) merosot sebanyak 27.2% lantas melupuskan keuntungan yang dijana sejak bulan Jun 2010. Ini seterusnya menyebabkan penyusutan nilai mata wang pasaran ekonomi sedang pesat membangun dan mengubah trend penambahan nilai pada awal tahun menjadi sebaliknya. Pendanaan dolar AS yang ketat turut menyebabkan kemerosotan dalam penawaranan kredit dolar AS daripada bank di kawasan euro kepada ekonomi sedang pesat membangun, meskipun keadaan pasaran dan kredit pada amnya masih stabil.

Berlatarkan risiko penurunan yang ketara, tumpuan dasar monetari pada bulan-bulan terakhir tahun 2011 secara amnya beralih kepada yang bersifat akomodatif. Kurangnya keupayaan untuk menggunakan dasar fiskal dalam ekonomi maju, berserta keadaan ekonomi dan kewangan yang lemah telah menuntut dasar monetari memainkan peranan sokongan yang lebih besar. Langkah dasar terdiri daripada penurunan kadar faedah oleh ECB dan Reserve Bank of Australia, komitmen oleh Federal Reserve AS untuk mengekalkan kadar faedah hampir kepada sifar sehingga pertengahan tahun 2013, dan pembelian bon tambahan oleh ECB, BOE, BOJ dan Federal Reserve AS yang bertujuan mengurangkan kadar faedah jangka panjang dan menyuntik mudah tunai secara langsung ke dalam ekonomi. Ekonomi sedang pesat membangun bagaimanapun berdepan dengan situasi tukar ganti (tradeoff) antara sektor luaran yang makin perlahan dan keadaan permintaan dalam negeri yang masih teguh. Beberapa ekonomi sedang pesat membangun seperti Brazil, Indonesia dan RR China menurunkan kadar faedah, atau mengurangkan keperluan rizab. Ekonomi lain pula menghentikan seketika proses mengembalikan dasar ke kedudukan yang wajar agar dapat menilai imbangan antara risiko dan kemungkinan berlakunya limpahan lanjut jika keadaan dalam ekonomi maju bertambah buruk.

Meskipun terdapat beberapa tanda sementara bahawa data ekonomi AS adalah lebih baik menjelang akhir tahun, imbangan risiko jelas menunjukkan trend menurun. Dalam ekonomi maju, isu semasa tentang paras hutang yang tinggi dan kelemahan institusi kewangan masih belum dapat diselesaikan, sementara keupayaan untuk mengekalkan momentum pertumbuhan tanpa sokongan dasar masih samar. Akibatnya, ekonomi sedang pesat membangun mungkin

berdepan dengan cabaran luar yang besar berikutan permintaan luaran yang lebih perlahan dan penularan kewangan (financial contagion). Dengan prospek global dibayangi oleh ketidaktentuan yang ketara, kemungkinan besar pihak berkuasa akan memperkenalkan rangsangan monetari tambahan pada masa hadapan. Mudah tunai tambahan ini berserta keadaan pasaran kewangan yang turun naik mempunyai kemungkinan besar untuk menyebabkan lonjakan dan perubahan mendadak dalam aliran modal kepada ekonomi sedang pesat membangun. Melangkah ke hadapan, persekitaran sedemikian akan terus menimbulkan cabaran dasar terhadap kestabilan kewangan dan monetari dalam ekonomi sedang pesat membangun.

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN DALAM NEGERI

Kadar Pertukaran

Seperti pada tahun sebelumnya, perkembangan ringgit pada tahun 2011 amat dipengaruhi oleh aliran dua hala pelaburan portfolio yang nyata, terutamanya disebabkan oleh faktor luaran. Berikutan perkembangan yang tidak menentu dalam pasaran kewangan antarabangsa, pergerakan ringgit pada tahun 2011 melalui dua trend yang jelas. Antara awal bulan Januari hingga Julai 2011, ringgit makin kukuh disebabkan oleh aliran masuk portfolio yang besar. Asas yang makin teguh dan sentimen pelabur yang positif terus menarik aliran modal jangka pendek sedemikian ke pasaran serantau. Namun, pada bulan Ogos dan September, penghindaran risiko yang amat ketara dan penghantaran keluar aset oleh sebilangan pelabur Eropah menyebabkan aliran portfolio bertukar arah dan menyumbang kepada penyusutan nilai kebanyakan mata wang serantau, termasuk ringgit. Suasana tenang berikutan hasil positif yang dicapai semasa sidang kemuncak EU pada bulan Oktober tidak bertahan lama, kerana aliran keluar modal dan turun naik ringgit makin nyata menjelang akhir tahun 2011 dalam keadaan kebimbangan pasaran yang belum reda berhubung dengan krisis hutang kerajaan di Eropah. Ringgit mengakhiri tahun 2011 pada RM3.1770 bagi satu dolar AS, iaitu penyusutan nilai sebanyak 2.9%.

Trend penambahan nilai yang meluas bagi ringgit pada tahun 2010 berterusan hingga separuh pertama tahun 2011 kerana gabungan faktor ``tarikan´´ serantau dan ``tolakan´´ global yang terus menarik pelabur antarabangsa ke arah aset kewangan serantau. Pertumbuhan ekonomi di rantau ini masih berdaya tahan dan mencatat kadar purata 7.9% pada separuh pertama tahun 2011 (separuh pertama tahun 2010: 10.5%)[1], didorong oleh permintaan dalam negeri dan perdagangan dalam rantau yang mampan. Tekanan kenaikan harga dalam ekonomi sedang pesat membangun pada separuh pertama tahun 2011 turut menaikkan jangkaan pelabur terhadap kenaikan kadar faedah selanjutnya dan penambahan nilai mata wang merentas rantau untuk membendung inflasi. Sementara itu, kelemahan yang berterusan dan jangkaan bahawa persekitaran kadar faedah rendah akan berpanjangan dalam ekonomi maju turut membantu menarik minat pelabur ke arah ekonomi sedang pesat membangun. Faktor ini menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap aset kewangan serantau dan menyebabkan aliran masuk portfolio bersih sebanyak RM56.4 bilion ke Malaysia pada separuh pertama tahun 2011 (separuh pertama tahun 2010: RM26.7 bilion). Berlatarkan ini, ringgit mencecah paras RM2.9385 bagi satu dolar AS pada 27 Julai 2011, yang merupakan paras paling kukuh sejak rejim apungan terurus diperkenalkan pada bulan Julai 2005.

Prestasi ringgit pada tahun 2011 dipengaruhi oleh turun naik dalam pasaran kewangan antarabangsa

Trend penambahan nilai ringgit dan mata wang serantau lain bagaimanapun bertukar menjadi trend penyusutan pada bulan Ogos dan September 2011 berikutan kegiatan penghindaran risiko oleh pelabur naik mendadak ekoran ketidakpastian yang lebih tinggi terhadap prospek pertumbuhan global dan kebimbangan yang timbul kembali mengenai krisis hutang kerajaan di Eropah. Sepanjang tempoh ini, sentimen pelabur merosot dengan ketara dan mengakibatkan aliran keluar portfolio yang banyak daripada pasaran kewangan serantau termasuk Malaysia. Pelabur mula menukar pilihan pelaburan mereka kepada aset dolar AS yang lebih cair sepanjang tempoh ketidakpastian yang ketara ini. Aliran keluar portfolio diburukkan lagi oleh penghantaran

[1] Anggaran Bank Negara Malaysia mengenai pertumbuhan negara EA-9 (RR China, China Taipei, Hong Kong SAR, Indonesia, Korea, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand)

keluar aset oleh sebilangan pelabur Eropah yang menghadapi kemungkinan kekurangan pendanaan jangka pendek di negara asal mereka. Oleh itu, mata wang serantau pada amnya menyusut nilai berbanding dengan dolar AS. Bagi Malaysia, aliran keluar suku ketiga berjumlah RM23.4 bilion, iaitu aliran keluar suku tertinggi sejak suku keempat 2008. Penyusutan nilai reda seketika pada bulan Oktober, namun ketidaktentuan masih ketara sepanjang bulan-bulan terakhir tahun 2011 apabila pasaran kewangan bertindak balas terhadap perkembangan dalam kawasan euro.

Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-7.6%), paun sterling (-2.3%), dan euro (-0.8%). Penyusutan nilai yang besar berbanding dengan yen Jepun adalah sejajar dengan trend serantau kerana mata wang Jepun pada amnya lebih kukuh. Ringgit pada amnya menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau, kecuali baht Thailand, apabila ringgit menambah nilai sebanyak 2.2%. Namun, prestasi ringgit yang lebih lemah pada tahun 2011 tidak menjejaskan seluruh prestasi ringgit yang kukuh berbanding dengan mata wang serantau pada tahun 2010. Bagi tahun 2011 secara keseluruhan, Kadar Pertukaran Efektif Nominal (Nominal Effective Exchange Rate, NEER) ringgit, iaitu pengukur prestasi ringgit berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia, menyusut sebanyak 2.8% (2010: +6.4%).

Sepanjang tempoh ketidakpastian yang amat ketara, pendirian dasar adalah untuk memastikan pergerakan ringgit adalah teratur. Memandangkan Malaysia ialah ekonomi yang kecil dan amat terbuka, langkah untuk mengelakkan pergerakan kadar pertukaran yang besar dan keterlaluan adalah penting untuk menghindari gangguan yang besar dalam pasaran yang boleh mengakibatkan herotan dalam sektor benar. Oleh itu, pergerakan mata wang yang beransur-ansur adalah penting untuk membolehkan pelarasan yang sejajar dalam ekonomi benar. Selaras dengan pendirian dasar ini, Bank akan terus memastikan supaya kenaikan mendadak

Rajah 2.6

Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia (RM) dan Mata Wang Serantau Terpilih Berbanding dengan Dolar AS



[1] Mata wang serantau: renminbi China, rupiah Indonesia, won Korea, peso Filipina, dolar Singapura, dolar Taiwan dan baht Thailand. Setiap mata wang berwajaran seimbang.

Nota: Peningkatan indeks menunjukkan penambahan nilai ringgit atau mata wang serantau terpilih berbanding dengan dolar AS

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.7

Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia (RM) Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.8

Ringkasan Prestasi Ringgit Malaysia Berbanding dengan Mata Wang Utama dan Serantau



Nota: (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang asing

Sumber: Bank Negara Malaysia

dalam aliran modal tidak menyebabkan keadaan yang tidak stabil dalam pasaran pertukaran asing. Dalam tempoh jangka sederhana hingga jangka panjang, apabila kegiatan penghindaran risiko global berkurang, aliran portfolio dijangka kembali ke dalam ekonomi sedang pesat membangun, kerana faktor asas seperti pertumbuhan positif dan kadar pulangan terbeza yang berpihak kepada ekonomi sedang pesat membangun, akan terus menarik pelabur global.

Kadar faedah, kadar hasil bon dan harga ekuiti

Kadar faedah meningkat pada tahun 2011 berikutan keputusan Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada bulan Mei 2011. Setelah mengambil kira kenaikan OPR pada tahun 2010, kadar dasar dinaikkan secara kumulatif sebanyak 100 mata asas, dan hanya membalikkan sebahagian sahaja penurunan OPR sebanyak 150 mata asas berikutan krisis kewangan tahun 2008 dalam ekonomi maju. Meskipun kos peminjaman meningkat ekoran kenaikan OPR, keadaan monetari terus akomodatif lantas memastikan persekitaran pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi.

Kadar faedah meningkat susulan OPR kembali ke paras yang wajar, namun terus menyokong aktiviti ekonomi

Kesan daripada OPR yang kembali ke paras yang wajar pada bulan Mei 2011 ke atas kadar faedah di pasaran borong dan runcit adalah pantas dan besar. Kadar pasaran wang diselaraskan dengan serta-merta ekoran kenaikan OPR pada bulan Mei; kadar antara bank semalaman purata naik daripada 2.63% pada 5 Mei 2011 kepada 2.92% pada 6 Mei 2011 dan kekal stabil sejak tarikh itu. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga meningkat. Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) dan kadar bagi swap kadar faedah (interest rate swap, IRS) meningkat seiring dengan kadar pasaran wang lain, dan terus meningkat sedikit selepas OPR kembali ke paras yang wajar pada bulan Mei lantas, mencerminkan jangkaan pasaran mengenai kenaikan OPR selanjutnya.

Rajah 2.9

Purata Wajaran Harian bagi Kadar antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.10

Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (KLIBOR)



Sumber: Bloomberg

Kadar KLIBOR dan IRS kemudiannya menjadi sederhana bermula bulan Ogos 2011 apabila jangkaan pasaran akan kenaikan OPR selanjutnya telah dikekang ekoran ketidakpastian terhadap pertumbuhan global dan implikasinya terhadap ekonomi Malaysia.

Kenaikan OPR telah menyebabkan kadar deposit runcit dinaikkan. Kadar faedah bagi deposit tetap naik antara 24 hingga 27 mata asas bagi semua tempoh matang. Pelarasan kadar deposit tetap telah dilaksanakan dengan pantas, dalam masa sepuluh hari daripada kenaikan OPR pada bulan Mei.

Berikutan kesan pindahan terus daripada peningkatan OPR terhadap kadar faedah pasaran wang, kadar pinjaman runcit turut dinaikkan untuk mencerminkan kos dana yang lebih tinggi. Kadar pinjaman tanda aras, seperti yang diukur oleh

Rajah 2.11

Kadar Deposit Tetap



Sumber: Bank Negara Malaysia

kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata meningkat sebanyak 27 mata asas kepada 6.54% pada akhir bulan Mei 2011. Berbanding dengan pelarasan terdahulu, magnitud kenaikan adalah 2 mata asas lebih tinggi daripada kenaikan OPR untuk mengambil kira juga kos pengantaraan kewangan yang lebih tinggi ekoran kenaikan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR). Semua bank perdagangan domestik menyelaraskan BLR masing-masing dalam masa lapan hari selepas kenaikan OPR.

Kesan terhadap kadar pinjaman adalah tidak sekata, dengan saiz pelarasan berbeza-beza merentas pinjaman mengikut tujuan dan sektor yang berbeza-beza. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman baharu untuk pembelian harta kediaman, sekuriti dan kegunaan peribadi masing-masing meningkat sebanyak 14, 11 dan 27 mata asas sejak dari akhir bulan April hingga akhir bulan Mei 2011. Sebaliknya, kadar pinjaman bagi pinjaman sewa beli menjadi sederhana pada tahun 2011. Namun, ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan kadar tanda aras IRS yang digunakan untuk menentukan kadar pinjaman sewa beli. Kadar pinjaman kepada sektor perniagaan juga mengalami tahap pindahan yang lebih kecil, dengan ALR pinjaman perniagaan baharu meningkat sebanyak 7 mata asas, daripada 5.34% kepada 5.41% pada tempoh yang sama. Ini adalah hasil persaingan yang sengit dalam pasaran pinjaman.

Kadar hasil MGS kekal rendah berikutan permintaan luaran yang kukuh dalam keadaan prospek pertumbuhan dalam negeri yang positif

Pada tahun 2011, pergerakan kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dipacu terutamanya oleh faktor luaran. Pada empat bulan pertama 2011, kadar hasil MGS meningkat bagi semua tempoh matang disebabkan prospek pertumbuhan lebih kukuh, tekanan inflasi yang lebih tinggi ekoran kenaikan mendadak harga komoditi dunia serta

Rajah 2.12

ALR bagi Pinjaman Baharu yang Diluluskan (purata bergerak 3 bulan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.13

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.14

Sekuriti Hutang Terkumpul Milik Bukan Pemastautin



Sumber: RENTAS, Bank Negara Malaysia

Rajah 2.15

Keluk Hasil Tanda Aras Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

jangkaan kenaikan kadar dasar. Dari bulan Januari hingga April 2011, kadar hasil MGS 5 tahun meningkat sebanyak 15 mata asas.

Dalam tempoh lapan bulan berikutnya, kadar hasil bon bagaimanapun menurun ekoran aliran masuk portfolio bukan pemastautin yang kukuh ke dalam pasaran bon. Bahagian pemegangan MGS oleh bukan pemastautin kepada jumlah MGS terkumpul meningkat daripada 28.3% pada bulan Disember 2010 kepada 36.9% pada bulan Disember 2011. Seperti pada tahun sebelumnya, MGS mendapat permintaan tinggi ekoran pencarian pulangan oleh dana portfolio antarabangsa dalam persekitaran mudah tunai yang berlebihan. Perbezaan dalam kadar pertumbuhan dan kadar faedah yang menggalakkan, jangkaan kenaikan nilai mata wang dan kedalaman pasaran bon Malaysia merupakan faktor-faktor utama yang menarik dana tersebut ke Malaysia. Jangkaan pasaran terhadap sebarang kenaikan kadar dasar pada separuh kedua tahun 2011 menurun berikutan tanda-tanda pertumbuhan global yang makin perlahan dan tekanan inflasi yang makin reda juga menyebabkan kadar hasil yang lebih rendah.

Trend menurun kadar hasil dihentikan dengan dua episod kadar hasil menaik yang bersifat sementara. Pada bulan Mei, kadar hasil jangka pendek naik seketika sebagai gerak balas terhadap kenaikan OPR, dengan MGS 1 tahun meningkat 12 mata asas dari 5 Mei hingga 11 Mei. Lonjakan kadar hasil yang singkat berlaku pada bulan September kerana penghindaran risiko global yang ketara menyebabkan peralihan dalam aliran portfolio bukan pemastautin ke arah aset lebih cair dalam denominasi dolar AS. Hasilnya, pemegangan MGS oleh bukan pemastautin merosot daripada RM100.9 bilion pada 24 Ogos kepada RM92.7 bilion pada akhir bulan September. Namun, aliran keluar portfolio hanya sementara memandangkan langkah yang diambil oleh kerajaan dalam ekonomi maju untuk meredakan pasaran dan memulihkan keyakinan telah menyebabkan aliran portfolio kembali semula ke dalam ekonomi sedang pesat membangun. Ini menyebabkan aliran masuk ke dalam pasaran bon domestik. Secara keseluruhan, bagi tahun 2011, kadar hasil MGS menurun antara 4 hingga 34 mata asas. Penurunan lebih besar telah dicatat bagi bon bertempoh lebih panjang, menyebabkan keluk kadar hasil tanda aras makin mendatar pada tahun 2011.

Keadaan pasaran PDS pada amnya tidak terjejas oleh kegawatan dalam pasaran kewangan antarabangsa

Meskipun terdapat ketidaktentuan dan tekanan dalam pasaran kewangan dan pasaran kredit antarabangsa, keadaan pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) dalam negeri

Rajah 2.16

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 Tahun dan Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.17

Indeks Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

terus memberangsangkan dan kadar hasil PDS secara amnya stabil pada tahun 2011. Kadar hasil bagi sekuriti berpenarafan AAA dan AA 5 tahun mencatat sedikit penurunan sebanyak 9 mata asas. Memandangkan saiz pemegangan bukan pemastautin kepada jumlah saiz pasaran PDS adalah kecil, kadar hasil PDS pada amnya tidak terjejas oleh aliran keluar portfolio pada separuh kedua tahun 2011. Kadar hasil bagi PDS berpenarafan lebih rendah, iaitu sekuriti berpenarafan A 5 tahun merosot sebanyak 42 mata asas apabila keadaan kredit dalam negeri makin pulih. Ini seperti dicerminkan oleh penurunan ketara dalam bilangan penarafan negatif pada tahun 2011 daripada 106 pada tahun 2010 kepada 51 pada tahun 2011.

Mudah tunai dalam pasaran PDS terus bertambah baik, dengan jumlah urus niaga dalam pasaran PDS meningkat kepada RM112.3 bilion pada tahun 2011 daripada RM89.3 bilion pada tahun 2010. Yang jelas, urus niaga pada separuh kedua tahun 2011 adalah lebih tinggi berbanding dengan separuh tahun pertama. Ini berikutan lebih banyak PDS baharu diterbitkan pada tempoh tersebut. Terbitan PDS baharu meningkat kepada RM69.6 bilion pada tahun 2011 daripada RM52.1 bilion pada tahun 2010, mencerminkan permintaan lebih tinggi terhadap pembiayaan berikutan pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan projek infrastruktur.

Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) meningkat sebanyak 0.8% pada tahun 2011 (2010: 19.3%) untuk ditutup pada 1,530.7. Harga ekuiti domestik meningkat pada separuh pertama tahun 2011 hasil daripada asas-asas domestik yang kukuh. Namun, trend peningkatan terganggu pada masa-masa tertentu oleh sentimen negatif berikutan ketegangan geopolitik yang tidak dijangka dan bencana alam di rantau lain. Gangguan terhadap rantaian bekalan yang disebabkan oleh peristiwa tersebut bagaimanapun terbukti hanya bersifat sementara dan FBM KLCI pulih lantas mencatat kenaikan 4% pada separuh pertama tahun 2011. Pada bulan Jun, FBM KLCI dinaik taraf daripada siri Pasaran Sedang Membangun Sekunder kepada siri Pasaran Pesat Membangun bagi Siri Indeks Ekuiti Global FTSE. Naik taraf tersebut terus menyokong FBM KLCI apabila ia ditutup pada kadar tertinggi yang baharu iaitu 1,594.7 pada 8 Julai 2011.

Sentimen pelabur yang berubah-ubah dan pembayaran balik hutang menyebabkan ketidaktentuan dalam pasaran ekuiti serantau

Pada separuh kedua tahun 2011, kebimbangan tentang perkembangan dalam ekonomi maju telah menjejaskan harga ekuiti domestik. Krisis hutang maksimum AS menyebabkan penarafan kerajaannya diturunkan, yakni buat kali pertama dalam sejarah, lantas mencetuskan kegiatan penghindaran risiko global secara mendadak dan penjualan ekuiti global secara besar-besaran. Ini kemudiannya disusuli oleh kemerosotan seterusnya dalam krisis hutang kerajaan di Eropah yang menambah tekanan menurun terhadap ekuiti. Ketidakpastian pelabur yang bertambah ketara ekoran perkembangan ini

Rajah 2.18

Penghindaran Risiko Global dan Turun Naik Pulangan KLCI



[1] Merujuk kepada VIX Indeks
[2] Merujuk kepada pusingan sisihan piawai 30 hari bagi pulangan harian

tergambar dalam turun naik yang nyata dalam pulangan FBM KLCI pada separuh kedua tahun 2011 berbanding dengan separuh tahun pertama. FBM KLCI mencecah paras terendahnya pada akhir bulan September sebelum pulih secara perlahan-lahan apabila pelabur memberi tindak balas positif terhadap langkah yang diambil oleh ekonomi maju untuk menstabilkan pasaran. Secara keseluruhan, FBM KLCI menurun sebanyak 3.1% pada separuh kedua tahun 2011.

Bagi tiga suku pertama 2011, harga ekuiti telah disokong oleh stok berkaitan kewangan berikutan keadaan domestik yang menggalakkan terus menyokong pertumbuhan dalam sektor ini. Suku terakhir 2011 menyaksikan saham syarikat perladangan mencatat kenaikan memberangsangkan disebabkan oleh harga komoditi dunia yang bertambah baik. Urus niaga yang tinggi dalam FBM KLCI mencerminkan minat yang berterusan dalam pasaran ekuiti domestik. Usaha berterusan pihak Kerajaan untuk meliberalisasikan beberapa sektor tertentu dan memansuhkan pegangannya dalam syarikat berkaitan kerajaan (government-linked companies, GLC) menyokong lagi minat dalam pasaran ekuiti domestik.

Rajah 2.19

KLCI dan Indeks Bursa Malaysia Mengikut Sektor



Sumber: Bloomberg

Mudah Tunai dan Agregat Monetari

Keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan lebih daripada mencukupi sepanjang tahun 2011. Mudah tunai sektor swasta berkembang kukuh lantaran aliran masuk modal yang banyak pada separuh pertama tahun 2011. Meskipun episod aliran keluar modal yang besar berlaku pada separuh kedua tahun 2011, pengembangan mudah tunai bersih dicatat bagi tahun 2011 secara keseluruhan. Berikutan itu, operasi monetari Bank Negara Malaysia tertumpu pada mengimbangi kesan aliran terhadap mudah tunai domestik dan mengekalkan keadaan monetari domestik yang agak stabil.

Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai adalah lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak 18.8% pada tahun 2011, disebabkan terutamanya oleh jumlah aliran masuk asing pada kadar yang belum pernah dialami oleh sistem kewangan Malaysia.

Bank Negara Malaysia menjalankan operasi dalam pasaran wang untuk menguruskan lebihan mudah tunai yang berpunca daripada

Rajah 2.20

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.21

Penyumbang Utama Pertumbuhan M3



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.22

Wang Secara Luas, M3



Sumber: Bank Negara Malaysia

aliran masuk. Yang menjadi kebimbangan adalah sekiranya keadaan ini tidak diurus dengan baik, lebihan mudah tunai yang terkumpul mungkin menyebabkan herotan kewangan, termasuk pemberian kredit yang berlebihan kepada sektor swasta, jangkaan risiko yang tidak tepat dan pengambilan risiko yang berlebihan; dengan kesemua faktor ini boleh menyebabkan peningkatan yang amat tinggi dalam pengambilan hutang dan ketidakjajaran harga aset. Ekoran itu, aliran masuk telah disterilisasi menerusi penggunaan pelbagai instrumen, termasuk peminjaman langsung, repo dan nota monetari Bank Negara Malaysia. SRR turut dinaikkan sebanyak tiga kali antara bulan Januari hingga Mei, daripada 1.00% kepada 4.00%, untuk mensterilkan mudah tunai bagi jangka lebih panjang.

Mudah tunai sektor swasta, seperti yang diukur oleh wang secara luas atau M3, mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 14.4% pada tahun 2011. Pemangkin utama bagi pengembangan M3 ialah aliran masuk modal yang ketara pada separuh tahun pertama. M3 juga meningkat sepanjang tahun berikutan pemberian kredit yang lebih tinggi oleh sistem perbankan. Namun, peningkatan M3 sebahagiannya dibendung oleh operasi sterilisasi Bank Negara Malaysia. Ini seperti dicerminkan oleh penguncupan item ``*pengaruh lain*´´. Aliran keluar modal pada separuh tahun kedua juga mempunyai kesan penyederhanaan terhadap pertumbuhan M3.

PEMBIAYAAN EKONOMI

Pada tahun 2011, keadaan pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi. Kos peminjaman yang berpatutan dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan membolehkan pembiayaan terus diberikan kepada semua segmen ekonomi.

Trend peningkatan dalam pembiayaan sektor swasta bermula sejak tahun 2010 sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang bertambah baik. Bagi tahun 2011 secara keseluruhan, pembiayaan bersih yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berkembang pada kadar tahunan yang lebih pantas, iaitu 12.5% (2010: 10.9%). Penggunaan swasta yang teguh, disokong oleh ekonomi domestik yang terus berdaya tahan, menyumbang kepada permintaan yang teguh terhadap pembiayaan daripada sektor perniagaan dan isi rumah.

Pembiayaan bagi penggunaan dan pelaburan menyokong ekonomi dalam negeri

Pada tahun 2011, jumlah pembiayaan yang diberikan oleh institusi kewangan dan pasaran modal kepada sektor perniagaan mencatat peningkatan ketara, dan berkembang sebanyak 11.5% (2010: 7.7%). Pembiayaan diberikan terutamanya kepada sektor *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; harta tanah; perkilangan* dan *perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel*. Peningkatan dalam pembiayaan kepada sektor perniagaan dipacu oleh jualan runcit yang bertambah baik dan kegiatan pelaburan yang

Rajah 2.23

Jumlah Pembiayaan Bersih kepada Sektor Swasta Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Terbitan PDS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.24

Jumlah Pinjaman Terkumpul Mengikut Pelanggan



Sumber: Bank Negara Malaysia

lebih tinggi berikutan permintaan dalam negeri yang kukuh. Pengembangan dalam pinjaman sistem perbankan kepada sektor perniagaan (2011: 13.5%; 2010: 9.4%) mencerminkan peningkatan meluas dalam pinjaman yang dikeluarkan untuk membiayai pelaburan dan keperluan modal kerja perniagaan, khususnya dalam sektor *perkilangan; harta tanah; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel;* dan *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi.* Meskipun permohonan pinjaman daripada sektor *perkilangan; perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel* serta *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi* lebih sederhana pada suku keempat 2011 berikutan prospek pertumbuhan global yang makin tidak pasti, permintaan keseluruhan terhadap pinjaman oleh sektor perniagaan terus kukuh.

Permintaan daripada sektor perniagaan terhadap dana daripada pasaran modal juga lebih tinggi, dengan terbitan PDS baharu berjumlah RM69.6 bilion pada tahun 2011 (2010: RM52.1 bilion). Peningkatan ini disebabkan oleh beberapa terbitan berskala besar, terutamanya oleh sektor *kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan* dan *perkhidmatan berkaitan Kerajaan dan perkhidmatan lain* untuk membiayai keperluan modal kerja dan membiayai semula hutang. Walau bagaimanapun, pembiayaan melalui pasaran ekuiti menurun kepada RM12.6 bilion (2010: RM32.1 bilion) kerana keadaan turun naik pasaran yang ketara pada peringkat global menjejaskan sentimen pasaran dalam negeri.

Permintaan terhadap pinjaman isi rumah terus mampan dengan pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 12.9% pada tahun 2011 (2010: 13.4%), dipacu terutamanya oleh pinjaman untuk *pembelian harta kediaman dan bukan kediaman* serta untuk *kegunaan peribadi*. Peningkatan pinjaman isi rumah mencerminkan perbelanjaan penggunaan isi rumah yang meningkat susulan kenaikan pendapatan yang menggalakkan, prospek pekerjaan yang positif dan sentimen pengguna yang bertambah baik. Namun, pertumbuhan pinjaman untuk *pembelian kereta penumpang* merosot kepada 6.0% pada

Rajah 2.25

Terbitan Kasar PDS Mengikut Sektor



Nota: Data tidak termasuk bon Cagamas dan terbitan pelabur asing

Sumber : Bank Negara Malaysia

tahun 2011 (2010: 7.3%) mencerminkan jualan kereta yang lebih rendah pada tahun tersebut berikutan gangguan bekalan akibat bencana alam di Jepun dan Thailand.

Meskipun paras hutang isi rumah dan pertumbuhan kredit keseluruhan kekal terurus, Bank bagaimanapun telah mengambil pendekatan awalan untuk menangani kelemahan dan risiko yang mungkin mengancam kestabilan makroekonomi. Oleh itu, Bank telah melaksanakan beberapa langkah awalan sejak akhir tahun 2010 untuk memastikan hutang isi rumah kekal pada paras yang berhemat dan bagi mengurangkan kemungkinan timbulnya risiko ketidakseimbangan kewangan. Antara langkah yang dilaksanakan ialah penetapan nisbah maksimum pinjaman kepada nilai (loan-to-value, LTV) pada 70% bagi kemudahan pinjaman perumahan ketiga dan seterusnya yang diambil oleh peminjam, langkah baharu bagi kad kredit untuk menggalakkan pengurusan kewangan yang berhemat, pengenalan Program Keupayaan Kewangan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kewangan (AKPK) untuk meningkatkan tahap celik kewangan, dan garis panduan pinjaman baharu bagi institusi kewangan untuk menggalakkan amalan pembiayaan runcit yang berhemat, bertanggungjawab dan telus.

Mata Wang Malaysia Siri Baharu

Pengenalan

Pengenalan duit syiling Malaysia siri ketiga dan wang kertas Malaysia siri keempat menandakan satu lagi pencapaian penting bagi Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa tunggal yang mengeluarkan mata wang di Malaysia. Setiap siri wang kertas dan duit syiling memaparkan ciri-ciri unik dan tersendiri negara ini. Siri wang kertas dan duit syiling terbaharu ini juga menggabungkan pelbagai inovasi dan ciri keselamatan yang lebih canggih dari segi teknologi berbanding dengan keluaran siri duit syiling dan siri wang kertas terdahulu, masing-masing pada tahun 1989 dan 1996.

Duit Syiling Malaysia Siri Ketiga

Duit syiling Malaysia siri ketiga dilancarkan pada 25 Julai 2011 dan telah berada dalam edaran sejak 16 Januari 2012. Duit syiling baharu dalam denominasi 50 sen, 20 sen, 10 sen dan 5 sen akan secara beransur-ansur menggantikan siri sedia ada yang telah berada dalam edaran sejak tahun 1989. Dengan tema 'Keunikan Malaysia', duit syiling baharu ini mencerminkan kepelbagaian dan kekayaan identiti kebangsaan Malaysia. Bahagian hadapan semua duit syiling memaparkan empat belas titik yang mewakili tiga belas buah negeri dan Wilayah Persekutuan, manakala lima garisan mendatar pula melambangkan lima prinsip Rukun Negara, kecuali duit syiling 50 sen. Garisan halus pada motif latar belakang duit syiling 50 sen baharu adalah sebahagian daripada ciri keselamatan. Motif berbeza yang dipaparkan pada bahagian belakang setiap denominasi adalah seperti yang berikut:

Denominasi	Ikon
50 sen	Sulur kacang
20 sen	Bunga Melur
10 sen	Motif Orang Asli
5 sen	*Destar Siga*



50 sen



10 sen



20 sen



5 sen

Pada amnya, duit syiling baharu ini adalah lebih kecil, lebih ringan dan lebih mesra pengguna. Duit syiling siri baharu ini diperkenalkan dalam dua warna - kuning dan perak, dengan ciri gerigi berlainan pada sisinya supaya mudah dikenali dan dibezakan. Reka bentuk ini digunakan setelah mengambil kira kesukaran yang dihadapi oleh golongan kurang upaya penglihatan.

Duit syiling siri baharu ini menggunakan teknologi penempaan terkini yang memasukkan ciri keselamatan yang lebih baik untuk mengelak daripada pemalsuan. Ciri keselamatan terkini yang dimasukkan dalam duit syiling 50 sen baharu ialah imej pendam dan tekstur berlekuk untuk menyukarkan pemalsuan dan juga bagi memudahkan pengesahan ketulenannya. Orang ramai boleh melihat angka "50" dan huruf "SEN" apabila duit syiling ini disengetkan sedikit. Pada masa yang sama, logam baharu turut digunakan untuk menjadikan duit syiling ini lebih tahan lama dengan adanya ciri perlindungan tahan haus dan tahan hakisan. Spesifikasi teknikal duit syiling siri baharu ini adalah seperti yang berikut:

Denominasi	50 sen	20 sen	10 sen	5 sen
Logam	Nikel Loyang Bersalut kuprum	Nikel Loyang	Keluli Tahan Karat	Keluli Tahan Karat
Garis pusat (mm)	22.65	20.60	18.80	17.78
Ketebalan (mm)	1.92	1.75	1.50	1.12
Berat (gram)	5.66	4.18	2.98	1.72
Bentuk	Bulat berlekuk 9	Bulat	Bulat	Bulat
Ciri gerigi	Kosong	Kasar	Halus	Kosong
Warna	Kuning	Kuning	Perak	Perak

Wang Kertas Malaysia Siri Keempat

Wang kertas Malaysia siri keempat telah dilancarkan dengan rasminya oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 21 Disember 2011. Sama seperti duit syiling Malaysia siri ketiga, siri wang kertas Malaysia terbaharu ini diilhamkan daripada ciri-ciri Malaysia yang tersendiri. Wang kertas siri ini memaparkan ekspresi tradisional berilhamkan seni dan kraf tangan tradisional, keajaiban alam semula jadi, flora dan fauna, serta ekonomi dan tradisi negara.

Bahagian hadapan kesemua denominasi wang kertas baharu ini mengekalkan potret Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Pertama, Tuanku Abdul Rahman ibni Tuanku Muhammad, serta bunga kebangsaan, iaitu bunga raya *Rosa-sinensis* (dikenali sebagai Bunga Raya dalam kalangan penduduk tempatan) dan corak tenunan tradisional iaitu songket. Motif berlainan yang dipaparkan pada bahagian belakang wang kertas adalah seperti yang berikut:

Denominasi	Ikon
RM100	Gunung Kinabalu dan pembentukan batu mercu batu kapur di lembah Gunung Api
RM50	Kelapa Sawit dan Bioteknologi
RM20	Penyu Karah dan Penyu Belimbing
RM10	Bunga *Rafflesia Azlanii*
RM5	Burung Enggang Badak
RM1	Wau Bulan



Wang kertas RM20 diperkenalkan semula dalam siri baharu ini selepas ditampilkan buat kali pertamanya dalam siri kedua pada tahun 1982. Wang kertas ini akan menjadi denominasi pengantara antara denominasi RM10 dengan RM50 untuk memudahkan urusan pembayaran. Wang kertas RM20 tidak dikeluarkan dalam wang kertas Malaysia siri ketiga.

Ciri-ciri keselamatan baharu yang dimasukkan dalam wang kertas siri baharu ini termasuklah potret tera air dengan piksel dan angka, benang kanta mikro dan petak kilat berwarna-warni. Dengan tujuan untuk membiasakan dan memudahkan orang ramai, Bank mengekalkan ciri-ciri keselamatan sedia ada yang didapati berkesan, seperti imej tanda bayang, tingkap pandang telus, benang keselamatan dengan warna berubah-ubah, tanda pandang telus, unsur cahaya pendarfluor limunan, cetakan intaglio dan cetakan huruf mikro. Wang kertas ini dicetak menggunakan substrat tahan lama supaya dapat bertahan lama dan berkualiti tinggi semasa dalam edaran. Spesifikasi teknikal bagi wang kertas baharu ini adalah seperti yang berikut:

Denominasi	Substrat	Ukuran (mm)	Warna
RM100	Kertas	150 x 69	Ungu
RM50	Kertas	145 x 69	Hijau-biru
RM20	Kertas	145 x 65	Jingga
RM10	Kertas	140 x 65	Merah
RM5	Polimer	135 x 65	Hijau
RM1	Polimer	120 x 65	Biru

Wang kertas siri baharu ini mengekalkan saiz dan warna utama yang sedia ada untuk memudahkan orang ramai menggunakannya. Bagi golongan kurang upaya penglihatan, ciri Braille juga dikekalkan.

Wang kertas Malaysia siri keempat ini akan berada dalam edaran pada separuh kedua tahun 2012. Wang kertas RM50 merupakan denominasi pertama dalam siri ini yang diperkenalkan dalam edaran setelah ia dilancarkan pada 21 Disember 2007 bersempena dengan sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Malaysia ke-50.

Kesimpulan

Mata wang lazimnya mencerminkan identiti sesebuah negara melalui paparan budayanya yang unik, khazanah alam semula jadi dan warisan sejarahnya. Selaras dengan tanggungjawabnya untuk menyediakan mata wang Malaysia berkualiti tinggi dan terus diyakini ramai, Bank Negara Malaysia telah menggunakan teknologi terkini dan spesifikasi teknikal yang lebih baik untuk memastikan mata wang Malaysia lebih tahan lama dan lebih berkualiti. Meskipun isu pemalsuan wang tidak begitu ketara, ciri-ciri keselamatan yang terkini dan lebih baik diperkenalkan dari semasa ke semasa sebagai langkah awalan untuk meningkatkan integriti mata wang kertas dan duit syiling Malaysia.

Mata wang siri baharu ini adalah sah diperlakukan dan akan berada dalam edaran bersama-sama siri terdahulu, sehingga siri terdahulu dikeluarkan kesemuanya daripada edaran secara berperingkat-peringkat.

2011

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2011

87 Dasar Monetari

91 Operasi Monetari

DASAR MONETARI

Dasar monetari pada tahun 2011 memberikan tumpuan pada usaha untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi, membendung risiko ke atas inflasi, dan mencegah ketidakseimbangan kewangan daripada berlaku. Dengan mengekalkan momentum pertumbuhan tahun 2010, ekonomi Malaysia mencapai pertumbuhan yang mampan pada separuh pertama tahun 2011. Inflasi dijangka lebih tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh faktor penawaran dan sebahagian kecil, tekanan permintaan dalam negeri. Oleh itu, dasar monetari pada separuh tahun pertama tertumpu pada keperluan untuk terus mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar dan keperluan untuk bertindak balas awal terhadap risiko ke atas kestabilan makroekonomi yang berpunca daripada aliran portfolio yang besar serta tidak menentu. Walau bagaimanapun, pada separuh tahun kedua, risiko bahawa pertumbuhan ekonomi dalam negeri akan menjadi lebih perlahan telah meningkat dengan ketara akibat kemerosotan dalam keadaan ekonomi dan kewangan global. Sementara itu, risiko bahawa inflasi akan menjadi lebih tinggi mulai sederhana. Berdasarkan imbangan risiko kepada pertumbuhan dan inflasi, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) berpandangan bahawa Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) semasa adalah pada paras yang wajar lantas mengekalkan kadar dasar untuk tempoh selanjutnya tahun itu.

Dasar monetari pada tahun 2011 terus menyokong pertumbuhan ekonomi, di samping mengurus tekanan inflasi

Pada awal tahun 2011, penunjuk ekonomi menyarankan bahawa pemulihan ekonomi global adalah berterusan, meskipun terdapat perbezaan yang ketara dalam prestasi pertumbuhan merentas rantau. Ekonomi-ekonomi maju dijangka berkembang pada kadar yang secara relatifnya lebih perlahan berbanding dengan ekonomi serantau. Krisis hutang kerajaan di Eropah terus menyebabkan ketidakpastian pasaran kewangan berpanjangan, manakala kelemahan struktur beberapa ekonomi maju terus mengekang kegiatan ekonomi. Pertumbuhan dalam ekonomi serantau bagaimanapun dijangka kekal teguh, disokong permintaan dalam negeri yang kukuh. Dalam keluaran Tinjauan Ekonomi Dunia (World Economic Outlook, WEO) bulan Januari 2011, IMF meramalkan pertumbuhan di AS, kawasan euro dan Jepun masing-masing pada kadar 3.0%, 1.5% dan 1.6% pada tahun 2011, manakala pertumbuhan di Republik Rakyat China (RR China), Ekonomi Perindustrian Baharu Asia[1] dan ekonomi ASEAN-5[2] adalah lebih tinggi, masing-masing pada 9.6%, 4.7% dan 5.5%.

Di dalam negeri, terdapat tanda-tanda positif bahawa ekonomi berada pada landasan pertumbuhan yang stabil, disokong oleh pengembangan kukuh dalam permintaan dalam negeri. Pada masa ini, penilaian yang dibuat menunjukkan penggunaan swasta akan terus disokong oleh kenaikan dalam pendapatan, memandangkan terdapatnya keadaan pasaran pekerja yang positif dan harga komoditi yang tinggi; sentimen pengguna yang menggalakkan, dan akses kepada pembiayaan yang berterusan. Pelaburan swasta dijangka mampan berikutan perbelanjaan modal dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Pelaburan awam dijangka menyumbang kepada kegiatan ekonomi, dengan sebahagiannya didorong oleh perbelanjaan modal perusahaan awam bukan kewangan (PABK). Bagi tahun 2011 KDNK dijangka kekal teguh pada kadar 5-6%.

Inflasi pada tahun 2011 dijangka lebih tinggi berbanding dengan tahun 2010. Faktor penawaran akan menjadi faktor pendorong utama inflasi pada tahun ini. Pelarasan terhadap harga ditadbir bagi produk petroleum pada bulan Disember 2010 akan menyebabkan peningkatan

[1] Merangkumi Hong Kong, Singapura, Korea Selatan dan China Taipei
[2] Merangkumi Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam

Rajah 3.1

KDNK dan Inflasi



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Statistik dan Bank Negara Malaysia

inflasi keseluruhan. Kenaikan harga tenaga dan makanan dunia dijangka memberikan tekanan ke atas kos pengeluaran firma. Bersama-sama jangkaan bahawa permintaan dalam negeri adalah kukuh, kesan pindahan (knock-on effects) dijangka menjadi lebih besar dan menyebabkan kenaikan harga yang lebih meluas ke seluruh ekonomi. Permintaan dalam negeri juga telah mula memberikan tekanan langsung terhadap inflasi. Inflasi teras telah mula naik dan dijangka terus meningkat sepanjang tahun berikutan penggunaan swasta yang kukuh, yang disokong oleh kenaikan upah yang teguh berikutan keadaan guna tenaga yang stabil. Inflasi teras telah berada dalam trend menaik sejak suku ketiga 2010, dan meningkat daripada 1.3% pada bulan September 2010 kepada 1.6% pada bulan Disember 2010. Terdapat juga tanda-tanda bahawa inflasi telah menjadi lebih meluas. Bahagian daripada kategori Indeks Harga Pengguna yang mengalami kenaikan harga melebihi 2% telah meningkat sepanjang tahun 2010, dan trend ini dijangka berterusan pada tahun 2011. Memandangkan terdapatnya tekanan permintaan tersebut, kesan inflasi pusingan kedua boleh berlaku sekiranya jangkaan inflasi berubah dan menjadi lebih tinggi dan berlaku kenaikan upah ekoran inflasi yang lebih tinggi.

Berlatarkan aktiviti ekonomi yang mampan dan tekanan ke atas inflasi yang berpunca daripada permintaan, tumpuan dasar oleh MPC sejak awal tahun 2011 adalah terhadap keperluan untuk terus mengembalikan dasar monetari kepada kedudukan yang lebih wajar untuk mengelakkan kadar faedah daripada menjadi terlalu rendah untuk tempoh yang terlalu panjang. Tempoh kadar faedah rendah yang berpanjangan dalam keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi bukan sahaja akan menyumbang kepada inflasi yang didorong permintaan bahkan akan membawa kepada ketidakseimbangan kewangan kerana ia mewujudkan insentif untuk pengambilan pinjaman dan risiko yang berlebihan dalam pencarian hasil lebih tinggi yang boleh meningkatkan lagi harga aset sambil mengurangkan insentif untuk menabung. Kecepatan dan takat kadar faedah kembali kepada kedudukan yang lebih wajar bagaimanapun memerlukan penentukuran yang betul supaya tidak mewujudkan kesan yang keterlaluan terhadap pertumbuhan ekonomi. Ekonomi masih lagi melalui tempoh pemulihan manakala ketidakpastian berhubung dengan kekukuhan penggunaan swasta dan pelaburan masih lagi wujud.

Menjelang bulan Mei 2011, terdapat lebih banyak penunjuk ekonomi yang menunjukkan bahawa ekonomi berada pada landasan pertumbuhan yang mampan. Data yang dikeluarkan pada bulan

Jadual 3.1

Tarikh Keputusan Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) dan Perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR)

Tarikh Keputusan MPC	OPR	
	Perubahan	Paras (%)
27 Jan 2011	-	2.75
11 Mac 2011	-	2.75
5 Mei 2011	+ 25 mata asas	3.00
7 Jul 2011	-	3.00
8 Sep 2011	-	3.00
11 Nov 2011	-	3.00

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.2

Kadar Pinjamin Asas (BLR) dan Kadar Pinjaman Purata (ALR) Bank Perdagangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Februari menunjukkan pertumbuhan KDNK kekal mampan pada 4.8% pada suku keempat 2010. Penunjuk yang bersifat ke hadapan dan pengukur sentimen pengguna menunjukkan prospek bagi penggunaan swasta akan terus positif. Maklum balas yang diterima daripada interaksi dan perbincangan BNM dengan pihak industri menunjukkan pertumbuhan yang mampan dalam guna tenaga dan upah, yang akan juga disokong oleh harga komoditi yang kukuh pada separuh pertama tahun 2011. Pengembangan dalam permintaan luaran pada suku pertama tahun itu juga lebih tinggi daripada jangkaan, manakala unjuran awal menunjukkan pertumbuhan KDNK kekal teguh pada suku pertama 2011. Risiko kenaikan inflasi kekal tinggi, berpunca daripada kemungkinan pelarasan subsidi bahan api dan makanan serta tarif elektrik, dan kos pengeluaran yang meningkat ekoran kenaikan kos input. Oleh itu, MPC menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas pada 5 Mei 2011 kepada 3.00%. Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) juga dinaikkan sebanyak 1 mata peratusan setiap kali pada bulan Mac, Mei dan Julai sehingga 4.00% untuk mengurangkan jumlah mudah tunai yang berlebihan dalam sistem perbankan.

Transmisi kenaikan OPR kepada kadar runcit adalah cepat dan agak besar. Institusi perbankan menaikkan kadar pinjaman asas (Base Lending Rate, BLR) dalam masa lapan hari selepas pengumuman kenaikan OPR, dan BLR pula dinaikkan sebanyak 27 mata asas kepada 6.54% pada akhir bulan Mei. Kenaikan BLR adalah 2 mata asas lebih tinggi berbanding kenaikan OPR, selepas mengambil kira anggaran

Rajah 3.3

Prospek Pertumbuhan KDNK Benar pada tahun 2011



*Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam
**Ekonomi Perindustrian Baru
Sumber: IMF, WEO Oktober 2010, Januari, April, Jun dan September 2011

Rajah 3.4

Prospek Pertumbuhan KDNK Benar pada tahun 2012



*Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam
**Ekonomi Perindustrian Baru
Sumber: IMF, WEO Oktober 2010, Januari, April, Jun dan September 2011

kos pengantaraan yang lebih tinggi ekoran kenaikan Keperluan Rizab Berkanun (SRR).

Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan global mula merosot pada separuh tahun kedua berikutan perkembangan buruk dalam ekonomi maju. Krisis hutang kerajaan di Eropah terus bertambah buruk sepanjang tahun itu sementara ketidakpastian dasar dalam ekonomi maju, terutamanya di AS dan kawasan euro, memburukkan lagi keadaan turun naik pasaran kewangan selain menjejaskan lagi keyakinan. Pasaran pekerja dalam ekonomi maju pula terus lemah. Di AS, pasaran perumahan terus lembap manakala kedudukan kewangan isi rumah masih lagi lemah. Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi maju pada tahun 2011 dijangka lebih perlahan daripada kadar yang diramalkan pada permulaan tahun itu, kecuali kawasan euro yang negara-negara utamanya terus mencatat pertumbuhan kukuh. Pertumbuhan di RR China juga dijangka sederhana, berikutan persekitaran luaran yang lebih lemah dan kesan pelaksanaan langkah-langkah yang lebih ketat terdahulu. Meskipun permintaan dalam negeri kekal mampan, pertumbuhan ekonomi serantau juga menjadi sederhana. Perubahan dalam prospek pertumbuhan global ini dicerminkan dalam semakan ke bawah yang besar terhadap unjuran pertumbuhan dunia bagi tahun 2011 dan 2012 oleh IMF dalam terbitan WEO yang dikemas kini antara bulan Jun dan September 2011. Unjuran pertumbuhan KDNK dunia juga telah diturunkan daripada 4.3% kepada 4.0% bagi tahun 2011, dan daripada 4.5% kepada 4.0% bagi tahun 2012. Semakan ini

menunjukkan pertumbuhan ekonomi global kembali lemah dan mudah terjejas akibat kejutan.

Bagi ekonomi Malaysia, kebimbangan terhadap permintaan luaran yang semakin perlahan ekoran persekitaran ekonomi global yang lebih lemah juga mula timbul pada separuh tahun kedua. Persekitaran luaran yang lebih mencabar ini telah meningkatkan risiko pertumbuhan ekonomi yang lembap. Berikutan itu, KDNK dijangka mencatat pertumbuhan pada tahap yang lebih rendah dalam julat 5-6% yang diunjurkan terdahulu. Prospek pertumbuhan keseluruhan kekal positif, disokong oleh pengembangan dalam penggunaan dan pelaburan swasta serta penggunaan awam. Keadaan guna tenaga terus menggalakkan dalam keadaan keyakinan perniagaan dan pengguna yang mampan. Walau bagaimanapun, MPC menyedari bahawa kemungkinan harga komoditi yang lebih rendah akan menjejaskan permintaan dalam negeri, khususnya isi rumah luar bandar yang pendapatan mereka telah menjadi lebih rendah.

Bagi inflasi, tekanan harga dijangka kekal tinggi tetapi lebih stabil bagi bulan-bulan 2011 seterusnya dan menjadi sederhana pada tahun 2012. Pengaruh faktor penawaran kepada inflasi dijangka menurun. Pertumbuhan global yang lebih perlahan dan penawaran komoditi yang dijangka lebih stabil akan mengurangkan tekanan ke atas harga komoditi global. Pada masa yang sama, jangkaan pelarasan ke atas harga ditadbir dijangka tidak akan menjadi kenyataan. Pengaruh faktor permintaan dalam negeri ke atas inflasi adalah kurang daripada apa yang diunjurkan pada awal tahun itu, berikutan ketidakpastian yang lebih ketara terhadap prospek pertumbuhan yang seterusnya membendung tekanan permintaan. Mengikut penilaian, inflasi dikatakan telah mencapai kemuncaknya. Inflasi harga makanan, bagaimanapun, kekal membimbangkan, sebahagian besarnya disebabkan oleh gangguan bekalan dalam negeri. Penilaian ini terbukti tepat kerana inflasi menjadi sederhana daripada 3.5% pada bulan Jun kepada 3.0% pada bulan Disember. Bagi tahun 2011 secara keseluruhan, inflasi berpurata 3.2% dan berada dalam julat unjuran Bank iaitu 2.5 - 3.5%.

Rajah 3.5

Kadar Pinjaman Nominal Purata untuk Pinjaman Baharu bagi Pelbagai Tempoh



* Januari 2008 - Oktober 2008
** Mac 2009 - Februari 2010

Sumber: Bank Negara Malaysia

Memandangkan terdapat peningkatan risiko bahawa pertumbuhan dalam negeri akan menjadi lebih perlahan dan kurangnya risiko bahawa inflasi akan meningkat, MPC berpandangan bahawa paras OPR pada 3.00% adalah wajar dan telah mengekalkan paras OPR ini untuk bulan-bulan selanjutnya pada tahun 2011. Prospek bagi ekonomi Malaysia kekal positif, kerana ekonomi dijangka terus berkembang walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Dalam persekitaran ekonomi global semasa yang tidak menentu, berserta kesan limpahan susulan ke atas ekonomi dalam negeri, akses kepada pembiayaan dan peluang perniagaan merupakan faktor paling penting dalam menentukan kemampanan pertumbuhan.

Keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi. Kos peminjaman, terutamanya dalam nilai benar, terus menggalakkan. Kadar pinjaman pula kekal di bawah paras sebelum krisis kewangan dalam negara maju pada tahun 2008. Kenaikan kumulatif sebanyak 100 mata asas dalam OPR pada tahun 2010 dan 2011 hanyalah dua pertiga daripada jumlah pengurangan sebanyak 150 mata asas yang dilaksanakan pada tahun 2008 dan 2009 untuk mengurangkan kesan daripada krisis kewangan ekonomi maju. Pada akhir bulan Disember 2011, kadar pinjaman nominal purata bagi pinjaman baharu kepada perniagaan kekal 52 mata asas di bawah paras sebelum krisis dan 11 mata asas lebih rendah bagi isi rumah. Pembiayaan sektor swasta terus mampan pada tahun 2011. Pembiayaan bersih yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berkembang pada kadar tahunan lebih pantas, iaitu 12.5% pada tahun 2011 (2010: 10.9%).

Cabaran utama kepada pengendalian dasar monetari pada tahun 2011 ialah aliran masuk

portfolio yang besar dan bersifat tidak menentu. Ekonomi sedang pesat membangun terus menerima aliran masuk portfolio bersih yang besar terutamanya pada separuh pertama tahun 2011 disebabkan perbezaan yang wujud antara prospek pertumbuhan dan kadar faedah antara ekonomi maju dengan ekonomi sedang pesat membangun dalam keadaan suntikan mudah tunai yang besar oleh bank pusat ekonomi maju. Aliran masuk modal dan penambahan mudah tunai susulan dalam sistem kewangan domestik jika tidak diurus boleh mengakibatkan ketidakseimbangan kewangan. Ia juga boleh mewujudkan risiko kepada kestabilan makroekonomi dan kewangan, khususnya dari segi kadar pertukaran yang melebihi paras lazimnya dan peningkatan dalam harga aset dan kredit yang berlebihan. Aliran portfolio yang bertukar arah secara tiba-tiba juga boleh mengakibatkan ketidakstabilan ekonomi dan kewangan.

Bagi menguruskan risiko yang timbul daripada mudah tunai yang berlebihan, MPC memutuskan untuk menaikkan SRR sebanyak 1 mata peratusan setiap kali pada bulan Mac, Mei dan Julai hingga 4.00%. Kenaikan secara berperingkat memudahkan pelarasan yang teratur oleh institusi kewangan. Pembezaan yang penting telah dibuat bagi menunjukkan bahawa SRR tidak digunakan sebagai isyarat bagi pendirian dasar monetari, tetapi sebaliknya digunakan sebagai instrumen untuk mengurus mudah tunai. Juga ditekankan ialah SRR adalah salah satu instrumen kewangan yang digunakan untuk mengurus mudah tunai dalam sistem perbankan. Selain itu, Bank juga menggunakan instrumen kewangan lain seperti peminjaman tanpa cagaran dan terbitan Nota Monetari Bank Negara Malaysia (Bank Negara Malaysia Monetary Notes, BNMN).

Bank juga melaksanakan langkah kehematan makro awalan untuk memastikan pengurusan hutang adalah berhemat, di samping menangani risiko yang mungkin wujud ekoran pengembangan kredit. Langkah-langkah baharu untuk kad kredit telah diperkenalkan untuk menggalakkan pengurusan kewangan dan hutang yang berhemat. Garis panduan baharu juga dikeluarkan kepada institusi kewangan untuk menggalakkan amalan pembiayaan runcit yang berhemat, bertanggungjawab dan telus. *(Rujuk Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2011 untuk maklumat lanjut).*

Tahun 2012 sudah pasti akan memberikan cabaran baharu kepada dasar monetari. MPC akan terus menilai dengan teliti perkembangan yang sentiasa berubah, yang mempengaruhi inflasi, pertumbuhan ekonomi dan keadaan kewangan, serta menyelaraskan keadaan monetari dengan sewajarnya untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus mampan dalam persekitaran kestabilan harga.

OPERASI MONETARI

Pada tahun 2011, pasaran wang domestik dan mudah tunai dalam sistem perbankan telah terjejas oleh perkembangan dalam pasaran kewangan antarabangsa dan aliran modal yang tidak menentu. Walau bagaimanapun, keadaan keseluruhan dalam pasaran wang domestik kekal berdaya tahan untuk menghadapi kegawatan kewangan global. Pasaran antara bank terus beroperasi dalam persekitaran mudah tunai yang berlebihan, dengan semua peserta kekal sebagai pemberi pinjaman bersih sepanjang tahun. Agregat mudah tunai lebihan meningkat daripada RM299.2 bilion pada akhir tahun 2010 kepada jumlah setinggi RM397.5 bilion pada bulan Jun 2011, sebelum menurun pada separuh tahun kedua.

Peningkatan mendadak dalam mudah tunai dalam negeri yang berlaku sebelum ini mencapai kemuncaknya pada bulan Jun 2011, sejajar dengan aliran masuk portfolio ke dalam pasaran sedang pesat membangun. Untuk menyerap mudah tunai lebihan ini, Bank telah menambah terbitan BNMN. Berikutan jumlah aliran masuk portfolio yang besar, kadar hasil urus niaga BNMN 3 bulan dan 6 bulan secara purata hanyalah 3 dan 7 mata asas

Rajah 3.6

Mudah Tunai Terkumpul yang Disimpan di Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.7

Kadar Hasil BNMN dan OPR



Sumber: Bank Negara Malaysia

di atas OPR sebelum kenaikan kadar dasar pada bulan Mei 2011. Ini berlaku walaupun terdapat jangkaan yang meluas oleh pasaran bahawa dasar monetari akan menjadi lebih ketat. Selepas kenaikan OPR, dan pada separuh tahun kedua, kadar hasil BNMN diurusniagakan di bawah OPR berikutan permintaan yang terus kukuh daripada bukan pemastautin. Bank turut menyerap mudah tunai melalui operasi repo dan peminjaman pasaran wang langsung. Di samping itu, sebagai sebahagian daripada pengurusan mudah tunai berlebihan, Bank telah membuat perubahan pada kadar SRR, dan menaikkannya secara berperingkat daripada 1.00% hingga 4.00%.

Pada bulan-bulan terakhir tahun 2011, mudah tunai lebihan dalam pasaran wang domestik berkurang akibat aliran portfolio yang bertukar arah. Namun begitu, mudah tunai secara keseluruhan kekal dalam kedudukan lebihan. Bank Negara Malaysia bertindak balas terhadap perubahan keadaan dengan mengurangkan terbitan BNMN dan peminjaman daripada pasaran wang.

Hasil daripada strategi operasi monetari yang diterima pakai sepanjang tahun, keadaan mudah tunai keseluruhan dalam pasaran wang domestik adalah stabil. Ini seperti yang dilihat pada kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) tahun 2011, yang kekal dalam julat +/- 25 mata asas daripada OPR. AOIR menyelaras kepada purata 2.97% dalam tempoh selepas kenaikan 25 mata asas dalam OPR kepada 3.00% pada bulan Mei 2011, daripada kadar purata 2.72% sebelum ini. Sepanjang tahun 2011, kadar antara bank semalaman secara relatifnya stabil dan mengikuti jejak OPR dengan rapat, dengan sisihan purata (AOIR tolak OPR) pada tiga mata asas.

Beberapa inisiatif pembangunan dilaksanakan pada tahun 2011 bagi meningkatkan kecekapan pengendalian operasi monetari dan mempelbagaikan instrumen pasaran wang. Lelongan Julat Tempoh Matang (Range Maturity Auction, RMA) beroperasi sepenuhnya pada tahun 2011 dan menjadi sebahagian daripada operasi kewangan yang lazim. RMA ialah variasi kepada instrumen tender berjangka pasaran wang, yang memberikan fleksibiliti yang lebih besar dalam menentukan julat tempoh matang bagi peminjaman tidak bercagar. Dengan RMA, Bank menawarkan jumlah tender dengan tempoh matang antara 7 hari hingga 1 tahun, tetapi memberikan fleksibiliti kepada institusi kewangan untuk memilih tempoh matang bagi peminjaman tidak bercagar dalam julat yang ditawarkan oleh Bank. RMA membolehkan mudah tunai diuruskan dengan lebih wajar dengan memberikan pilihan kepada institusi kewangan untuk meminjamkan dana ringgit mereka yang berlebihan mengikut profil liabiliti mereka. Ini telah mempertingkat pengurusan mudah tunai Bank melalui padanan yang dibuat kepada unjuran mudah tunai Bank dengan keperluan mudah tunai institusi kewangan.

Bagi pasaran wang Islam, dua instrumen baharu diperkenalkan pada tahun 2011 untuk menambah kepelbagaian instrumen pengurusan mudah tunai dalam pasaran wang Islam. Instrumen pertama ialah Nota Monetari Bank Negara Malaysia Istithmar (BNMN-Istithmar), yang menggunakan konsep *Istithmar* (pelaburan) yang merujuk kepada pelaburan portfolio yang terdiri daripada urus niaga *Ijarah* (pajakan) dan *Murabahah* (komoditi dengan tambahan kos). Instrumen monetari yang baharu ini mendapat penerimaan yang meluas oleh bank-bank Islam di Malaysia dan

Rajah 3.8

OPR dan Kadar Antara Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.9

Instrumen Dasar Monetari Terkumpul



Sumber : Bank Negara Malaysia

boleh diurusniagakan dalam pasaran sekunder. Instrumen kedua ialah Nota Monetari Bank Negara Malaysia Bai Bithaman Ajil (BNMN-BBA), yang menyerupai BNMN-i berasaskan Murabahah yang sedia ada, kerana kedua-duanya merupakan keadaan keberhutangan yang timbul daripada pembayaran tertunda bagi urus niaga jualan komoditi *Murabahah* antara penerbit dengan pelabur. BNMN-BBA, bagaimanapun tidak mempunyai ciri boleh diniagakan dalam pasaran sekunder, lantas memenuhi tafsiran Syariah yang berbeza mengenai larangan perdagangan hutang (Bay Al Dayn).

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengukuhkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan, Bank telah memulakan inisiatif untuk mewujudkan pengaturan cagaran merentas sempadan (cross-border collateral arrangements, CBCA) dengan bank pusat lain di rantau ini. Pengaturan ini akan membolehkan institusi kewangan Malaysia yang layak yang beroperasi dalam negara-negara tersebut untuk mendapatkan mudah tunai daripada bank-bank pusat berkenaan dengan mencagarkan ringgit atau sekuriti kerajaan dan bank pusat dalam denominasi ringgit. Begitu juga dengan institusi kewangan asing yang layak dari negara-negara tersebut yang beroperasi di Malaysia boleh mendapatkan mudah tunai ringgit daripada Bank Negara Malaysia dengan mencagarkan mata wang asing atau sekuriti kerajaan dan bank pusat dalam denominasi mata wang asing dengan Bank Negara Malaysia. Sehingga kini, Bank telah menandatangani CBCA dengan Pihak Berkuasa Kewangan Singapura dan Bank of Thailand. Dijangkakan bahawa lebih banyak negara di rantau ini akan menyertai inisiatif ini, yang sekali gus memperkukuh integrasi kewangan dan ekonomi serta menyokong aktiviti serantau yang semakin berkembang bagi institusi kewangan yang beroperasi di rantau ini.

2012

PROSPEK DAN DASAR PADA TAHUN 2012

97 Prospek Ekonomi Antarabangsa

100 *Rencana: Kesan Krisis Hutang Kerajaan di Eropah kepada Malaysia*

104 Ekonomi Malaysia

105 *Rencana: Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia*

115 Dasar Monetari

117 *Rencana: Kesan Penambahan Nilai Ringgit Terhadap Harga Import dan Inflasi*

122 Dasar Fiskal

PROSPEK EKONOMI ANTARABANGSA

Pemulihan ekonomi global, yang bermula pada separuh kedua tahun 2009, dijangka menjadi perlahan pada tahun 2012 sebahagian besarnya disebabkan oleh isu hutang kerajaan yang berlarutan dalam ekonomi maju. Pertumbuhan ekonomi ini akan terus dikekang oleh pengukuhan fiskal dan pengurangan hutang sektor swasta berikutan kedudukan kewangan institusi kewangan yang terjejas. Sejauh mana kadar pertumbuhan global akan menjadi sederhana bergantung sebahagian besarnya kepada perkembangan dalam krisis hutang serta bentuk dan ketepatan masa tindakan dasar yang diambil oleh penggubal dasar dalam mengembalikan keyakinan pasaran. Khususnya, berikutan hubungan Eropah dengan negara-negara lain di dunia, kesan limpahan daripada masalah hutang kerajaan di rantau itu akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun pada tahap yang berbeza-beza, melalui saluran perdagangan dan kewangan.

Pertumbuhan global dijangka menjadi sederhana pada tahun 2012 di tengah-tengah peningkatan risiko pertumbuhan yang lebih perlahan, terutamanya berpunca daripada ekonomi maju

Mencerminkan prospek pertumbuhan dan sentimen yang lebih lemah, aktiviti perdagangan global dijangka sederhana, dengan ekonomi yang lebih terbuka akan menerima kesan yang lebih besar. Selain itu, ketidaktentuan yang berterusan dalam pasaran kewangan antarabangsa akan mempunyai implikasi terhadap keadaan kredit global melalui dedahan merentas sempadan kepada bank Eropah, khususnya bank yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah. Berikutan langkah rangsangan dasar yang besar dan tidak pernah dilaksanakan sebelum ini, yang diambil semasa krisis kewangan global, pihak berkuasa fiskal dan monetari di ekonomi maju, kini hanya mempunyai keupayaan dasar yang sedikit untuk mengurangkan sepenuhnya impak daripada perkembangan yang buruk ini ke atas pertumbuhan, lantas mengukuhkan lagi jangkaan bahawa momentum pertumbuhan akan menjadi lebih perlahan pada tahun ini.

Prospek pertumbuhan **ekonomi maju** dijangka terus lembap. Sedang pemulihan dalam aktiviti sektor swasta dalam negeri dijangka berterusan pada kadar yang beransur-ansur, pertumbuhan ekonomi akan dikekang oleh kesan limpahan negatif daripada masalah hutang kerajaan di kawasan euro. Ini akan berlaku terutamanya melalui keadaan kredit yang lebih ketat untuk isi rumah dan perniagaan kerana bank mula melaksanakan aktiviti pengurangan hutang selanjutnya, yang didorong oleh ketidakpastian pasaran kewangan yang berterusan dan keperluan pengawalseliaan yang baharu. Selain itu, langkah pengukuhan fiskal akan terus menjejaskan pertumbuhan kerana pihak berkuasa cuba untuk mengekalkan atau memulihkan kredibiliti fiskal berikutan terdapat defisit dan paras hutang yang

Rajah 4.1

Pertumbuhan Dunia, Perdagangan Dunia dan Pertumbuhan Ekonomi Maju Utama (2011-2012)



a Anggaran
r Ramaian

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

tinggi. Bagi beberapa ekonomi Eropah khususnya, tekanan untuk penjimatan fiskal yang berterusan adalah lebih kuat kerana ekonomi-ekonomi ini menghadapi keperluan pembiayaan kasar yang besar pada tahun ini di tengah-tengah kadar hasil bon kerajaan yang kian meningkat. Tambahan pula, kelemahan struktur berkaitan dengan krisis yang berterusan, termasuk kedudukan kewangan institusi kewangan yang terjejas, pengangguran yang tinggi dan pasaran perumahan yang lembap, akan terus memberi tekanan terhadap prospek pertumbuhan yang lemah.

Prospek di **AS** menjurus kepada pemulihan yang sederhana dalam aktiviti ekonomi, didorong oleh pemulihan permintaan sektor swasta yang sederhana di tengah-tengah keadaan monetari yang sangat longgar. Penggunaan swasta dijangka berkembang, disokong oleh pewujudan pekerjaan dalam sektor swasta dan pelanjutan pelepasan cukai ke atas gaji pekerja dan bayaran manfaat pengangguran. Namun, pencapaian kemajuan masih lagi lembap berbanding momentum yang ada dalam pemulihan sebelumnya, kerana isu-isu struktur yang dihadapi oleh ekonomi masih belum dapat diselesaikan. Walaupun guna tenaga dijangka bertambah baik sedikit, masih terdapat kira-kira enam juta pekerja yang telah kehilangan pekerjaan dan masih belum mendapat semula pekerjaan sejak bermulanya kemelesetan. Yang ketara, pengangguran jangka panjang masih lagi pada tahap luar biasa tinggi iaitu kira-kira 40 peratus daripada mereka yang menganggur telah tidak bekerja selama lebih 10 bulan. Ini menyerlahkan cabaran yang dihadapi oleh pencari kerja untuk mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian dalam persekitaran ekonomi semasa. Sedikit kemajuan telah dicapai dalam menambah baik kedudukan kewangan isi rumah tetapi usaha untuk mengurangkan hutang dijangka berterusan kerana hutang isi rumah kekal tinggi pada 110% daripada pendapatan boleh guna (paras tertinggi pada S3 2007: 127%). Pasaran perumahan masih lembap disebabkan keadaan kredit yang ketat, pertumbuhan pendapatan yang lemah, dan sentimen yang lembap. Bekalan rumah yang tidak dihuni terus berlebihan, sebahagian besarnya didorong oleh penamatan gadai janji, yang akan terus mengekang kenaikan harga, lantas mengehadkan aktiviti pembinaan baharu. Dasar fiskal dijangka terus menjejaskan pertumbuhan kerana kesan daripada rangsangan fiskal yang dilaksanakan semasa krisis kewangan semakin berkurang dan diburukkan lagi oleh kekangan ke atas perbelanjaan budi bicara.

Dengan **kawasan euro** menjadi pusat tercetusnya krisis hutang kerajaan yang masih berlarutan, pertumbuhan di rantau itu dijangka menjadi lembap. Aktiviti ekonomi dalam ekonomi utama, termasuk Jerman dan Perancis, dijangka menjadi perlahan di tengah-tengah permintaan luar yang sederhana. Aktiviti sektor swasta dijangka dikekang oleh sentimen pengguna dan perniagaan yang lebih lemah. Keadaan pembiayaan mungkin menjadi ketat kerana bank di rantau ini mungkin mengurangkan hutang untuk memenuhi nisbah modal teras Kumpulan 1 yang baharu sebanyak 9% menjelang pertengahan tahun 2012. Bagi ekonomi kawasan euro yang mengalami isu kemampanan fiskal, iaitu Greece, Portugal, Sepanyol dan Itali, prospek pertumbuhan masih sangat lemah dengan permintaan dalam negeri terus dikekang oleh langkah-langkah penjimatan fiskal, pengangguran yang tinggi, dan pemberian pinjaman oleh bank yang lembap.

Ekonomi **Jepun** dijangka pulih daripada pertumbuhan negatif pada tahun 2011, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan pembinaan semula. Kerajaan telah meluluskan beberapa belanjawan tambahan pada tahun 2011

Rajah 4.2

Ekonomi Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

untuk memberi tumpuan pada langkah pemulihan dan pembinaan semula daripada bencana alam. Ini dilengkapi dengan kelulusan akaun khas sebanyak ¥3.8 trilion dalam Belanjawan Fiskal Tahun 2012. Namun, pertumbuhan akan dihadkan oleh permintaan global yang perlahan dan kekukuhan yang berterusan dalam nilai yen.

Memandangkan kemerosotan dalam persekitaran luaran, pertumbuhan dalam ekonomi sedang pesat membangun akan terus menjadi sederhana daripada paras tinggi yang dicapai pada tahun 2010. Selain itu, pertumbuhan permintaan dalam negeri juga dijangka menjadi perlahan. Sentimen sektor swasta yang lebih berwaspada di tengah-tengah ketidakpastian yang tinggi dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global, akan mengekangi aktiviti dalam negeri kerana firma dan pengguna mengurangkan perbelanjaan mereka. Bagi sebilangan ekonomi Asia, langkah dasar yang awal untuk mengelakkan pertumbuhan yang terlalu tinggi, pertumbuhan yang pesat dalam kredit dan kenaikan yang berlebihan dalam harga harta tanah, telah mengurangkan permintaan ke paras yang lebih mampan. Ekonomi sedang pesat membangun juga dijangka terjejas oleh suntikan jumlah mudah tunai yang besar oleh ekonomi maju dan susulan persekitaran kadar faedah rendah akibat suntikan tersebut akan terus merangsang pelabur untuk mencari pulangan hasil. Implikasinya adalah bahawa banyak ekonomi sedang pesat membangun akan terus mengalami aliran pergerakan modal yang besar serta ketidaktentuan yang ketara dalam pasaran kewangan mereka.

Dengan pertumbuhan global yang semakin perlahan, beberapa kerajaan di Asia telah memperkenalkan langkah-langkah untuk menyokong aktiviti ekonomi negara mereka. Pihak berkuasa monetari di rantau ini juga telah mengalih tumpuan dasar monetari mereka daripada menangani inflasi kepada memelihara pertumbuhan.

Di **Asia**, momentum pertumbuhan dijangka menjadi sederhana memandangkan prospek permintaan luar negeri yang lebih lemah dan juga sebahagiannya oleh kesan tertangguh daripada pengetatan dasar sebelumnya di beberapa ekonomi serantau. Kemerosotan dalam prestasi eksport yang berpunca terutamanya daripada permintaan yang lebih perlahan daripada ekonomi maju, khususnya daripada Kesatuan Eropah, yang mencakupi sebanyak 23% daripada permintaan akhir terhadap eksport Asia. Pertumbuhan eksport yang lebih perlahan dijangka mempunyai kesan buruk yang lebih besar ke atas ekonomi yang lebih terbuka, tetapi daya tahan permintaan dalam negeri akan terus menyokong pertumbuhan di rantau ini. Sokongan fiskal yang disasarkan khas di sesetengah negara serantau seperti Filipina, Indonesia dan Korea, serta perbelanjaan pembinaan semula di Thailand dijangka mengurangkan sedikit kesan kelemahan luaran.

Inflasi global dijangka menjadi sederhana sejajar dengan harga makanan dan tenaga yang lebih rendah dan aktiviti ekonomi global yang lembap. Inflasi keseluruhan dan inflasi teras dalam ekonomi maju dijangka terus lemah akibat kenaikan harga komoditi yang sederhana, kapasiti yang berlebihan, dan permintaan yang lemah dalam ekonomi tersebut. Dalam ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Asia, tekanan inflasi tolakan kos juga dijangka menjadi sederhana, dengan kadar inflasi teras yang lebih rendah dalam keadaan pertumbuhan yang lebih perlahan. Harga komoditi pada amnya dijangka menjadi sederhana, disebabkan terutamanya oleh permintaan global yang lebih rendah dan bekalan yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, terdapat risiko bahawa pergolakan politik di Timur Tengah dan Afrika Utara yang berterusan akan terus menjejaskan bekalan minyak, yang sekali gus mendorong kepada kenaikan harga minyak. Selain itu, memandangkan paras stok yang rendah di beberapa pasaran pertanian, terutamanya untuk bijirin, harga makanan terdedah kepada gangguan bekalan yang disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk. Keadaan monetari global yang longgar juga boleh mendorong kepada aktiviti spekulasi dalam komoditi, yang boleh menyebabkan kenaikan harga yang lebih tinggi.

Beberapa **risiko kepada pertumbuhan** telah muncul, yang meningkatkan dengan ketara kemungkinan keadaan ekonomi dan kewangan global menjadi lebih mencabar pada masa hadapan. Risiko daripada krisis hutang kerajaan di kawasan euro akan memberikan kesan merumitkan yang besar ke atas aktiviti ekonomi global. Kebimbangan terhadap kemampanan fiskal dan ketidakpastian ekonomi yang lain dijangka menyumbang kepada ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa yang makin ketara dan penghindaran risiko pelabur yang lebih

Kesan Krisis Hutang Kerajaan di Eropah kepada Malaysia

Pendahuluan

Krisis hutang kerajaan di Eropah menimbulkan risiko utama kepada ekonomi global, disebabkan kemungkinan krisis hutang ini akan menjadi bertambah buruk dan mungkin boleh mengakibatkan kesan limpahan yang ketara terhadap aktiviti ekonomi benar dan pasaran kewangan. Transmisi kesan krisis hutang Euro kepada ekonomi Malaysia adalah melalui dua saluran utama, iaitu saluran perdagangan dan kewangan (Rajah 1). Walaupun Malaysia berdepan dengan risiko pertumbuhan yang lebih perlahan akibat daripada kejutan luaran sedemikian, daya tahan ekonomi telah bertambah kukuh sejak beberapa tahun yang lalu. Ini disebabkan terutamanya oleh asas makroekonomi negara yang teguh, struktur ekonomi yang lebih berdaya tahan, sistem kewangan yang lebih kukuh dan maju, serta keberkesanan dan fleksibiliti dasar makroekonomi.

Rajah 1

Transmisi Krisis Hutang Kerajaan Eropah kepada Malaysia



Saluran Transmisi kepada Ekonomi Malaysia

Dari segi sektor benar, Malaysia terdedah kepada krisis Euro terutamanya melalui saluran perdagangan, dengan kemungkinan kesan limpahan seterusnya kepada pelaburan swasta dan perbelanjaan penggunaan. Pada tahun 2011, eksport langsung Malaysia ke EU[1] mencakupi bahagian yang secara relatifnya kecil sebanyak 10.4% daripada jumlah eksport (2000: 13.7% daripada jumlah eksport). Walau bagaimanapun, penilaian yang lebih lengkap mengenai pendedahan perdagangan perlu merangkumi eksport tidak langsung, khususnya eksport barangan pengantara yang diproses dan kemudiannya dieksport ke EU (Rajah 2). Berdasarkan analisis barangan pengantara dari Malaysia dieksport ke ekonomi Asia Timur (Rajah 3), dan kemudiannya diproses serta dieksport ke seluruh dunia, pendedahan tidak langsung kepada EU dianggarkan sekitar 3.8% daripada jumlah eksport Malaysia pada tahun 2011[2]. Ini menjadikan pendedahan keseluruhan Malaysia kepada EU pada kira-kira 14.2% daripada jumlah eksport[3]. Produk eksport utama ke EU terdiri daripada keluaran E&E, khususnya separa konduktor serta komputer dan alat ganti. Jenis barangan eksport, bagaimanapun, telah menjadi lebih pelbagai meliputi lebih banyak komoditi dan keluaran perkilangan berasaskan sumber seperti sarung tangan getah dan kimia dan keluaran kimia (Rajah 4). Perubahan ini akan mengurangkan keadaan mudah terjejas negara kerana eksport menjadi kurang bergantung pada hanya sesuatu keluaran tertentu.

[1] EU termasuk kesemua 27 buah negara dalam kesatuan ini.
[2] Kaedah ini menilai eksport barangan pengantara ke ekonomi EA8, yang diproses dan kemudiannya dieksport ke seluruh dunia, dengan sebahagian kecil daripada barangan tersebut menuju ke EU. Kaedah ini hanya memberikan anggaran pendedahan tidak langsung untuk tujuan analisis.
[3] Kajian-kajian lain menunjukkan keputusan yang sama. Sebagai contoh, Pula dan Peltonen (2009) mendapati bahawa berdasarkan jadual Input-Output Asia 2006 yang dikemas kini, jumlah pendedahan Malaysia kepada EU15 (kumpulan lebih kecil dari negara-negara Eropah) dianggarkan sebanyak 9%.

Rajah 2

Perkaitan Langsung dan Tidak Langsung dalam Eksport Malaysia, Contoh Ilustrasi



Rajah 3

Dedahan Eksport Malaysia ke EU



Nota: EU termasuk 27 negara dalam kesatuan;
EA8 termasuk Republik Rakyat China, Hong Kong SAR, Singapura, Korea, China Taipei, Filipina, Thailand dan Indonesia;
Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 4

Bahagian Eksport Malaysia ke EU mengikut Keluaran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Kejutan kepada perdagangan juga boleh melimpah kepada komponen permintaan yang lain. Jika keadaan sedemikian terjadi, ia akan mempunyai kesan ke atas aktiviti pengeluaran dan kadar penggunaan kapasiti, dan boleh menyebabkan sektor perniagaan menangguhkan pelaburan dalam kapasiti dan keluaran baharu. Lazimnya, industri perkilangan berorientasikan eksport yang mencakupi kira-kira 30% daripada jumlah perbelanjaan pelaburan swasta pada tahun 2011, merupakan industri yang paling mudah terjejas. Secara lebih langsung, pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) juga mungkin akan terjejas, khususnya syarikat yang mempunyai hubungan langsung dengan EU, dan juga rakan perdagangan utama Malaysia yang lain, yang turut terjejas oleh kesan krisis tersebut. Secara purata, aliran FDI bersih dari EU mencakupi kira-kira 29% daripada jumlah aliran FDI bersih ke Malaysia antara tahun 2008 hingga 2011 (Rajah 5).

Seterusnya, syarikat-syarikat mungkin mengambil langkah pengurangan kos dengan melaksanakan waktu bekerja lebih pendek, mengurangkan upah, atau memberhentikan sebilangan daripada pekerja mereka. Dengan itu, perbelanjaan penggunaan isi rumah mungkin akan terjejas oleh kehilangan pendapatan, khusus dalam kalangan pekerja sektor perkilangan berorientasikan eksport (kira-kira 12.2% daripada jumlah guna tenaga) dan dalam sektor perkhidmatan berkaitan perdagangan seperti perkhidmatan

Rajah 5

Aliran Kumulatif Pelaburan Langsung Asing Bersih Mengikut Blok Negara



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pengangkutan (4.8% daripada jumlah guna tenaga). Namun, jumlah kesan limpahan sebahagian besarnya bergantung pada saiz kejutan kepada saluran perdagangan. Walau bagaimanapun, memandangkan struktur perdagangan Malaysia adalah lebih pelbagai, sebarang kejutan kepada perdagangan keseluruhan Malaysia yang berpunca dari EU akan memberi kesan yang terhad kepada ekonomi Malaysia.

Dari segi kewangan, kesan daripada krisis hutang kerajaan di Eropah akan dipindahkan terutamanya melalui ketidakpastian dan ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran kewangan global, dan kesan pembayaran hutang (deleveraging) terutamanya oleh institusi kewangan Eropah. Disebabkan hubungan yang rapat antara pasaran dan juga antara kelas aset, ketidakpastian dalam keadaan kewangan global yang meningkat boleh menyebabkan ketidaktentuan yang ketara dalam pergerakan modal merentas sempadan. Ketidakpastian dalam pasaran kewangan bukan sahaja boleh menjejaskan keyakinan dan seterusnya perbelanjaan domestik, malah mungkin melembapkan aktiviti memperoleh dana oleh sektor perniagaan. Pada masa yang sama, kedudukan modal bank Eropah yang lemah menimbulkan kebimbangan bahawa pembayaran hutang oleh institusi yang terlibat boleh menghalang penyediaan kredit, termasuk kredit perdagangan.

Malaysia, bagaimanapun, agak terlindung daripada aktiviti pembayaran hutang oleh bank Eropah. Di Malaysia, semua bank asing merupakan syarikat subsidiari yang diperbadankan di Malaysia, dengan modal tertentu diperuntukkan khusus untuk operasi di Malaysia, mengikut keperluan undang-undang perbankan di Malaysia. Syarikat subsidiari tersebut dibiayai dari dalam negara dan mempunyai modal yang mencukupi serta tertakluk kepada penyeliaan dan pengawalan Bank Negara Malaysia yang ketat, sama seperti yang dilaksanakan kepada bank milik tempatan yang lain. Memandangkan prestasi kewangan yang kukuh dan konsisten serta pulangan mampan bank Eropah yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia, pengecilan skala operasi yang ketara bagi operasi di Malaysia akibat pembayaran hutang oleh bank induk di Eropah dijangka tidak akan berlaku. Walaupun dalam situasi yang tidak mungkin terjadi, iaitu pengunduran secara besar-besaran oleh bank Eropah daripada pasaran di Malaysia, aktiviti pengantaraan domestik akan terus disokong dengan secukupnya oleh bank milik tempatan dan bank lain yang bukan milik Eropah di Malaysia, yang mempunyai modal yang mencukupi dan kedudukan mudah tunai yang kukuh. Kupasan yang lebih terperinci mengenai kesan perkembangan luaran ke atas sistem kewangan Malaysia terkandung dalam *Bab 1: Menguruskan Penularan Akibat Perkembangan Luaran* dalam Bab 1 Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran Bank Negara Malaysia 2011.

Daya Tahan Ekonomi Malaysia

Keupayaan dan daya tahan Malaysia untuk menghadapi krisis hutang Euro dan kejutan luaran lain yang mungkin berlaku kepada rakan perdagangan utama negara, terus meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Kekuatan Malaysia boleh dikelaskan secara umum kepada empat bidang, iaitu asas makroekonomi yang kukuh, struktur ekonomi yang lebih berdaya tahan, sistem kewangan yang lebih teguh dan maju, serta keberkesanan dan fleksibiliti dasar yang lebih baik.

Ekonomi negara telah berada atas landasan pertumbuhan yang kukuh dalam persekitaran inflasi yang rendah dan stabil, manakala sistem kewangan pula kini lebih maju dengan struktur pengawalan dan penyeliaan yang lebih baik. Kedudukan luaran kekal menggalakkan, dengan lebihan akaun semasa yang berterusan dan tahap rizab antarabangsa yang tinggi yang menjadi penampan untuk menghadapi ketidaktentuan aliran kewangan global.

Tambahan pula, struktur ekonomi telah berkembang untuk menjadi lebih berdaya tahan. Perdagangan negara telah menjadi lebih pelbagai dari segi produk dan destinasi. Pergantungan Malaysia pada perdagangan negara maju termasuk EU, kini semakin kecil. Arah perdagangan negara telah beralih secara progresif kepada ekonomi serantau, mencerminkan permintaan akhir yang kukuh ekoran peningkatan kemampuan kelompok penduduk kelas pertengahan yang besar dan terus bertambah di rantau Asia. Hasilnya, hubungan perdagangan Malaysia dengan ekonomi Asia Timur mencakupi 47% daripada jumlah keluaran eksport negara pada tahun 2011 (2000: 40.2%),

melebihi perdagangan dengan ekonomi maju. Dari segi komponen keluaran, eksport Malaysia juga telah menjadi lebih pelbagai dengan pergantungan pada eksport E&E semakin berkurang, manakala bahagian eksport komoditi dan keluaran perkilangan bukan E&E pula bertambah besar. Pada masa yang sama, permintaan dalam negeri merupakan tonggak pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk beberapa tahun kebelakangan ini, khususnya perbelanjaan penggunaan isi rumah, hasil daripada peningkatan pendapatan yang kukuh dan akses yang berterusan kepada pembiayaan. Asas-asas yang kukuh ini dan struktur ekonomi yang lebih berdaya tahan telah meletakkan ekonomi negara pada kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi kejutan luaran yang mungkin berlaku ke atas ekonomi.

Sistem kewangan juga berada pada kedudukan yang lebih kukuh. Pasaran kewangan domestik adalah lebih mendalam dan meluas, dan rakan niaga juga lebih pelbagai sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Perkembangan ini bermakna kejutan kewangan seperti pergerakan aliran modal yang turun naik dengan ketara boleh diserap dengan lebih berkesan. Dengan adanya pelbagai instrumen untuk operasi monetari, ini dapat membantu meningkatkan kecekapan pengurusan mudah tunai dalam negeri. Fleksibiliti yang lebih besar dalam kadar pertukaran melalui rejim apungan terurus dan rizab luar negeri yang tinggi menyediakan fleksibiliti yang diperlukan untuk membuat pelarasan apabila berlaku kejutan luaran. Selain itu, penyeliaan yang lebih giat dan rangka kerja pengawalan yang diperkukuh telah memastikan manfaat globalisasi dan keterbukaan kewangan tidak menjejaskan kestabilan sistem kewangan domestik. Yang ketara, sistem perbankan Malaysia kekal berdaya tahan, disokong oleh penampan kewangan yang kukuh walaupun ketika Krisis Kewangan Global sedang memuncak. Dengan adanya tahap permodalan yang berhemat, struktur pendanaan berasaskan deposit ringgit yang stabil, serta pendedahan kepada rakan niaga di Eropah yang terhad, institusi perbankan Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi kejutan yang mungkin berlaku akibat persekitaran luaran yang lebih mencabar.

Yang lebih penting, tidak seperti negara-negara yang dilanda krisis, tiada ketidakseimbangan domestik yang mengekang perpindahan dorongan dasar. Inflasi adalah rendah, sementara hutang isi rumah masih pada paras yang terkawal. Pinjaman perniagaan yang terjejas pula menunjukkan trend menurun. Oleh itu, kesemua ini memberikan fleksibiliti untuk melaksanakan dasar kitaran berbalas bagi menguruskan kejutan yang berkemungkinan berlaku yang berpunca daripada persekitaran luaran.

Kesimpulan

Krisis hutang kerajaan di Eropah menimbulkan risiko utama kepada pertumbuhan dalam negeri yang lebih perlahan. Setakat ini, kesan ke atas ekonomi dalam negeri masih boleh diuruskan. Walaupun Malaysia terus menghadapi risiko daripada kemungkinan krisis hutang Euro yang bertambah buruk, ekonomi negara mempunyai penampan yang mencukupi untuk menghadapi kejutan yang berpunca daripada persekitaran luaran. Asas makroekonomi yang teguh, struktur ekonomi yang lebih berdaya tahan, sistem kewangan yang lebih kukuh dan maju, serta keupayaan pihak berkuasa untuk melaksanakan dasar yang berkesan dan cekap dijangka meletakkan Malaysia pada kedudukan yang lebih baik untuk menguruskan kejutan luaran yang mungkin berlaku ke atas ekonomi. Walau bagaimanapun, berdasarkan potensi saiz dan tahap kejutan dari Eropah, pembuat dasar akan lebih berwaspada dalam memantau dan menilai keadaan semasa. Dalam hal ini, kerjasama lebih erat diperlukan dalam kalangan pihak berkuasa serantau untuk meningkatkan sistem pengawasan dan pemantauan ke atas kejutan yang mungkin berlaku, terutamanya, daripada aliran modal yang tidak menentu ke rantau ini. Malaysia sesungguhnya bergiat aktif dalam menggalakkan pengawasan dan penyelarasan dasar dengan ekonomi serantau yang lain bagi memperkukuh mekanisme pertahanan negara dan rantau ini daripada kejutan luaran.

besar. Bagi beberapa ekonomi yang terjejas di Eropah, kebimbangan berkisar pada kos pinjaman antarabangsa yang tinggi, yang berkemungkinan menimbulkan risiko kepada kemampanan fiskal memandangkan terdapat keperluan pembiayaan semula yang besar oleh kerajaan pada tahun ini. Kedudukan kewangan bank yang terjejas dan pengurangan dalam penyediaan kredit dijangka terus menjejaskan pertumbuhan. Selain itu, komitmen pihak berkuasa fiskal terhadap defisit dan nisbah hutang yang lebih rendah dalam banyak ekonomi maju juga boleh melemahkan lagi pertumbuhan dalam ekonomi ini. Pelaksanaan pembaharuan struktur yang diperlukan akan meningkatkan fleksibiliti dan daya saing ekonomi kawasan euro, tetapi juga boleh membawa kepada pertumbuhan yang lebih rendah dalam jangka terdekat dan sederhana.

Ekonomi sedang pesat membangun menghadapi risiko kesan limpahan daripada masalah di ekonomi maju melalui saluran perdagangan dan kewangan. Selain itu, aliran modal yang bertukar arah secara tiba-tiba bukan sahaja menyebabkan keadaan kredit dalam negeri menjadi lebih ketat tetapi juga boleh menimbulkan risiko kepada kestabilan kewangan. Dari segi inflasi, risiko bahawa ekonomi sedang pesat membangun akan kembali menghadapi tekanan inflasi kerana harga makanan dan komoditi yang lebih tinggi tidak boleh diketepikan memandangkan kemungkinan berlakunya gangguan bekalan yang berkaitan dengan geopolitik dan cuaca. Selain itu, RR China dan India, dua ekonomi terbesar di rantau ini, menghadapi risiko yang boleh menyebabkan pertumbuhan yang lebih rendah pada tahun 2012. Pertumbuhan yang kurang memberangsangkan dalam ekonomi utama ini, terutamanya RR China, akan memberikan impak yang negatif ke atas rakan perdagangan di Asia.

Walaupun terdapat risiko yang ketara, terdapat tanda-tanda tentatif bahawa persekitaran ekonomi dan kewangan global bertambah baik pada awal tahun 2012, yang memberi sedikit potensi bahawa prospek pertumbuhan global adalah lebih cerah. Di AS, pemulihan yang lebih kukuh dijangka berlaku jika perkembangan positif dalam pasaran pekerja berterusan. Selain itu, dengan kemajuan yang dicapai baru-baru ini untuk mengurangkan risiko kemungkiran yang tidak teratur di Greece, sentimen pasaran mungkin terus bertambah baik jika usaha berterusan dilaksanakan bagi mengekang penularan krisis hutang kerajaan. Ini akan membolehkan pemulihan secara beransur-ansur dalam keadaan kewangan, lantas memudahkan pemulihan aktiviti ekonomi yang lebih cepat. Ekonomi sedang pesat membangun akan berpeluang mendapat manfaat daripada pemulihan yang lebih kukuh dalam permintaan daripada ekonomi maju. Bagi ekonomi Asia, persekitaran luaran yang lebih baik akan menyokong asas-asas ekonomi yang menggalakkan dalam meningkatkan prospek pertumbuhan di seluruh rantau ini.

EKONOMI MALAYSIA

Dalam persekitaran luaran yang lebih mencabar, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan yang stabil pada kadar 4-5% pada tahun 2012. Permintaan dalam negeri dijangka kekal berdaya tahan dan akan terus menjadi penyumbang utama pertumbuhan. Berikutan pengembangan yang mantap pada tahun 2011, pertumbuhan penggunaan dan pelaburan swasta dijangka menjadi sederhana pada tahun 2012, kerana pendapatan dan perbelanjaan modal dalam sektor ekonomi yang berkaitan dengan sektor luaran mungkin akan terjejas oleh pertumbuhan global yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, beberapa langkah yang diumumkan dalam Bajet 2012 dijangka menggalakkan lagi penggunaan swasta. Ini termasuk kenaikan gaji yang lebih tinggi dalam sektor awam dan bantuan kewangan sekali sahaja kepada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Pelaburan swasta akan disokong oleh pelaburan yang berterusan oleh industri berorientasikan dalam negeri dan pelaksanaan berterusan projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme, ETP). Sektor awam akan terus menyokong pertumbuhan pada tahun 2012, dengan perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK). Pelaksanaan Pakej Rangsangan Khas melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta yang diumumkan dalam Bajet 2012 juga akan terus memberi dorongan kepada aktiviti benar pada tahun ini.

Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi akan terus berkembang pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang lebih perlahan dalam permintaan global boleh

Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia

Keluaran potensi ialah paras maksimum keluaran (atau kapasiti pengeluaran) yang boleh dicapai oleh sesebuah ekonomi tanpa menyebabkan tekanan inflasi. Paras keluaran potensi, dan bersama dengan itu, jurang keluaran[1], merupakan salah satu faktor penting dalam pertimbangan dasar yang berkaitan dengan mandat teras Bank Negara Malaysia, iaitu mengekalkan inflasi pada kadar yang rendah dan stabil untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan. Apabila keluaran sebenar melebihi paras potensinya (atau dikenali sebagai jurang keluaran positif), ekonomi sedang melalui tempoh penggunaan sumber yang tinggi. Ini lazimnya membawa kepada keadaan pasaran pekerja yang ketat dan tekanan upah yang tinggi, lantas mengakibatkan kenaikan inflasi (Rajah 1). Sebaliknya, ekonomi mempunyai kapasiti lebihan apabila keluaran sebenar berada di bawah paras potensinya (jurang keluaran negatif). Keadaan ini pada amnya dikaitkan dengan pengangguran yang lebih tinggi dan tekanan inflasi yang lebih rendah.

Rajah 1

Jurang Keluaran Positif Sejajar dengan Inflasi Lebih Tinggi



Nota: Pemerhatian dari S1 1995 hingga S3 2011, tidak termasuk tempoh dengan kejutan bekalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 2

KDNK Sebenar dan Potensi



r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Sejak tahun 1995, Malaysia telah mengalami kitaran berkala (periodic cycles) jurang keluaran positif dan negatif. Yang ketara, Malaysia telah mengalami tiga episod jurang keluaran negatif yang besar, iaitu semasa Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC), meletusnya gelembung teknologi (bursting of the tech bubble) pada tahun 2001-2002 dan krisis kewangan dalam ekonomi maju baru-baru ini (Rajah 2). Dalam tempoh tersebut, kadar pengangguran adalah lebih tinggi (Rajah 3) manakala pengumpulan modal lebih rendah, kerana penguncupan permintaan dalam negeri dan luar negeri telah menyebabkan keluaran sebenar jatuh jauh di bawah kapasiti produktif ekonomi. Didapati bahawa walaupun inflasi yang lebih rendah lazimnya berlaku semasa jurang keluaran adalah negatif, namun keadaan ini hanya berlaku pada tahun 2001-2002 sahaja. Walaupun jurang keluaran adalah negatif, ekonomi mengalami inflasi yang lebih tinggi semasa AFC dan krisis baru-baru ini. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh penyusutan nilai yang besar dalam kadar pertukaran[2] ketika berlakunya AFC dan kenaikan mendadak harga komoditi dunia semasa krisis global baru-baru ini. Namun, semasa ketiga-tiga episod tersebut, jurang keluaran negatif menjadi lebih kecil apabila permintaan bertambah baik susulan pemulihan ekonomi. Dalam tempoh dua tahun, keluaran kembali kepada paras potensinya dan pengangguran pula berkurang.

[1] Jurang keluaran ialah perbezaan antara paras keluaran sebenar dengan keluaran potensi, dan secara umumnya diukur sebagai peratusan daripada keluaran potensi. Jurang keluaran positif menunjukkan bahawa keluaran sebenar melebihi keluaran potensi, manakala jurang keluaran negatif menunjukkan sebaliknya.

[2] Penyusutan nilai dalam kadar pertukaran secara amnya menjadikan harga import lebih tinggi dan boleh menyebabkan tekanan inflasi meningkat.

Rajah 3

Malaysia mengalami tiga episod apabila jurang keluaran negatif adalah besar dan kadar pengangguran meningkat pada tempoh 1995-2001



Nota: Pemerhatian dari S1 1995 hingga S3 2011
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Jadual 1

KDNK Sebenar dan Keluaran Potensi

Tempoh	KDNK Sebenar	Keluaran Potensi	Jurang Keluaran
	Perubahan tahunan (%)		(% drpd Keluaran Potensi)
1996	10.0	7.1	3.2
1997	7.3	5.8	4.6
1998	-7.4	2.7	-5.6
1999	6.1	2.5	-2.3
2000	8.9	4.3	1.9
2001	0.5	4.6	-2.1
2002	5.4	4.1	-0.9
2003	5.8	6.0	-1.0
2004	6.8	5.3	0.4
2005	5.3	5.0	0.7
2006	5.8	5.6	0.9
2007	6.5	5.4	1.9
2008	4.8	4.3	2.4
2009	-1.6	4.3	-3.5
2010	7.2	4.0	-0.5
2011a	5.1	4.6	0.0

a Anggaran

Pada tahun 2011, analisis terhadap keluaran potensi dan jurang keluaran menggambarkan tiga pemerhatian utama. Pertama, anggaran terkini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia beroperasi hampir kepada potensinya meskipun persekitaran ekonomi luaran adalah mencabar. Seiring dengan itu, keadaan pasaran pekerja adalah menggalakkan manakala inflasi pula kekal terurus. Kedua, kadar inflasi yang lebih tinggi pada 3.2% (dengan kadar purata masa lalu pada 2.9%) sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga makanan dan bahan api dunia. Ketiga, walaupun keluaran potensi meningkat pada kadar yang lebih pantas iaitu 4.6% pada tahun 2011 (2010: 4%), kadar tersebut masih di bawah paras purata tahun 2000-2010, iaitu 4.8%. Dalam hal ini, peningkatan produktiviti yang berterusan, pengembangan pelaburan swasta untuk mengekalkan pengumpulan stok modal, dan pewujudan peluang pekerjaan yang berterusan, terutamanya untuk pekerjaan berkemahiran tinggi, adalah penting untuk menghasilkan pertumbuhan keluaran potensi yang lebih tinggi.

Meskipun terdapat kebimbangan terhadap ekonomi global yang lemah, ekonomi Malaysia diunjurkan terus berkembang hampir kepada potensinya pada masa akan datang. Dalam jangka sederhana, keluaran potensi dianggarkan kembali kepada trend kadar pertumbuhannya, iaitu sekitar 5%.

menjejaskan industri berorientasikan eksport dalam sektor perkilangan serta industri berkaitan perdagangan dalam sektor perkhidmatan. Sebaliknya, prestasi industri berorientasikan dalam negeri, yang mendapat manfaat daripada keadaan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, dijangka kekal kukuh. Khususnya, sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh, disokong oleh pelaksanaan projek infrastruktur utama dan Pakej Rangsangan Khas. Pertumbuhan sektor perlombongan juga dijangka kukuh. Walau bagaimanapun, sektor pertanian dijangka mencatat pertumbuhan lebih sederhana terutamanya disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit dan getah asli yang lebih rendah, setelah mencatat prestasi yang kukuh pada tahun 2011.

Dalam keadaan persekitaran luaran yang lebih mencabar pada tahun 2012, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan stabil antara 4-5%, dengan berteraskan pengembangan permintaan dalam negeri yang mampan

Inflasi keseluruhan dijangka menjadi sederhana pada tahun 2012, berpurata antara 2.5-3.0%. Unjuran inflasi yang lebih rendah mencerminkan harga komoditi global yang sederhana dan prospek pertumbuhan global yang lebih lemah. Di dalam negeri, pertumbuhan yang lebih sederhana dalam permintaan dalam negeri juga akan mengekang tekanan harga. Dengan ketiadaan pelarasan yang ketara ke atas harga ditadbir, inflasi dalam negeri akan terus dibendung.

Dari segi sektor luaran, lebihan akaun semasa dijangka kekal besar pada RM109.5 bilion atau 12.2% daripada pendapatan negara kasar (PNK). Walaupun eksport kasar dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan pada tahun 2012, lebihan akaun perdagangan akan kekal besar. Ini disebabkan oleh jangkaan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam import kasar sejajar dengan permintaan yang lebih lemah terhadap eksport perkilangan dan pertumbuhan sederhana permintaan swasta dalam negeri. Defisit akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan juga dijangka terus kecil pada tahun 2012. Bagi akaun kewangan, aliran modal dijangka kekal tidak menentu di tengah-tengah ketidakpastian yang makin ketara.

Walaupun pertumbuhan ekonomi Malaysia mungkin akan menjadi lebih rendah pada tahun 2012, asas-asas ekonomi akan kekal kukuh, dengan kadar pengangguran dijangka terus rendah pada 3.2% daripada tenaga kerja. Kestabilan kewangan dijangka kekal teguh, disokong oleh institusi kewangan yang mempunyai modal yang mencukupi yang akan terus memberi sokongan kepada aktiviti pengantaraan kewangan dalam ekonomi dalam negeri. Dengan paras rizab yang menggalakkan dan hutang luar negeri yang agak rendah, Malaysia berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mengurus aliran modal yang turun naik dalam persekitaran semasa yang terdapat ketidaktentuan yang berterusan dalam dalam pasaran kewangan antarabangsa.

Unjuran pertumbuhan KDNK antara 4-5% pada tahun 2012 adalah berdasarkan jangkaan bahawa pertumbuhan global yang sederhana dan pelaksanaan sepenuhnya serta tepat pada masanya langkah-langkah yang diumumkan dalam Bajet 2012. Beberapa risiko masih lagi wujud. Risiko ini termasuk krisis hutang kerajaan di kawasan euro yang semakin meruncing, dan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam ekonomi rakan perdagangan utama Malaysia. Sekiranya, pertumbuhan dalam ekonomi maju menjadi lebih kukuh daripada jangkaan, terdapat beberapa kemungkinan bahawa pertumbuhan dalam negeri akan menjadi lebih baik pada tahun 2012. Perlu diberi perhatian bahawa pihak berkuasa mempunyai fleksibiliti dan alat dasar yang mencukupi untuk menyokong ekonomi dalam negeri dan mengurus cabaran antarabangsa, apabila keadaan memerlukan.

Keadaan Permintaan Dalam Negeri

Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan pada tahun 2012, dengan kadar pengembangan yang masih menggalakkan pada 6.6%. Prospek pertumbuhan global yang lebih lemah dijangka menjejaskan pendapatan dan perbelanjaan modal dalam sektor ekonomi yang berkaitan dengan sektor luaran, sekali gus mengekang momentum keseluruhan

dalam penggunaan dan pelaburan swasta. Sektor awam dijangka terus menyokong pertumbuhan, didorong oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK).

Permintaan dalam negeri akan menunjangi pertumbuhan pada tahun 2012

Penggunaan swasta akan terus kukuh pada tahun 2012. Perbelanjaan pengguna menjadi sederhana sedikit disebabkan terutamanya oleh pendapatan yang sederhana dalam sektor swasta. Keadaan pasaran pekerja secara keseluruhan dijangka menjadi lemah tetapi tidak begitu ketara, dan peluang pekerjaan akan terus diwujudkan,

Jadual 4.1

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2000=100)

	2011*a*	2012*r*	2011*a*	2012*r*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK benar (mata peratusan)	
Permintaan dalam negeri[1]	**8.2**	**6.6**	**7.2**	**6.0**
Perbelanjaan sektor swasta	8.2	6.6	5.2	4.4
Penggunaan	6.9	6.2	3.7	3.4
Pelaburan	14.4	8.3	1.6	1.0
Perbelanjaan sektor awam	8.2	6.7	2.0	1.7
Penggunaan	16.8	0.2	2.2	0.0
Pelaburan	-2.4	16.2	-0.3	1.6
Perubahan dalam stok			**-0.7**	**-1.5**
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**-14.4**	**-1.4**	**-1.4**	**-0.1**
Eksport	3.7	1.4	4.0	1.5
Import	5.4	1.6	5.4	1.6
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**5.1**	**4.0~5.0**	**5.1**	**4.0~5.0**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 4.3

KDNK Benar dan Penggunaan Swasta



a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

terutamanya dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Walau bagaimanapun, permintaan yang lebih rendah terhadap eksport, terutamanya daripada ekonomi-ekonomi maju, dijangka menjejaskan guna tenaga dan upah dalam industri berorientasikan eksport dan sektor perkhidmatan berkaitan perdagangan. Selain itu, harga getah dan minyak sawit mentah yang dijangka menjadi sederhana pada tahun ini juga mungkin menjejaskan pendapatan pekebun kecil.

Walau bagaimanapun, kenaikan gaji yang lebih tinggi untuk kakitangan awam di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang bertambah baik, dan inisiatif sokongan pendapatan sementara yang

Rajah 4.4

Penunjuk Hutang Isi Rumah



Sumber: Bank Negara Malaysia

diumumkan dalam Bajet 2012 akan memberikan sokongan kepada penggunaan swasta. Inisiatif sokongan pendapatan sementara termasuk bantuan RM500 kepada isi rumah dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,000 dan ke bawah, bantuan persekolahan RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 dan baucar buku bernilai RM200 kepada semua pelajar Malaysia di Tingkatan 6 dan institusi pengajian tinggi. Isi rumah juga terus mendapat akses kepada pasaran kredit, terutamanya untuk pembelian aset tahan lama, disokong oleh keadaan pembiayaan yang mampan dan keadaan monetari yang akomodatif.

Pelaburan swasta dijangka terus berkembang pada tahun 2012, meskipun pada kadar yang lebih sederhana. Pelaburan yang berterusan oleh industri berorientasikan dalam negeri dijangka mengurangkan unjuran pelaburan yang sederhana oleh industri berorientasikan eksport. Pelaksanaan berterusan projek di bawah ETP juga akan memperkukuh aktiviti pelaburan swasta.

Pelaburan dalam sektor perkilangan dijangka paling teruk terjejas oleh perkembangan luaran. Walaupun jumlah pelaburan yang besar telah diluluskan pada tahun 2010 dan 2011, sesetengah syarikat, terutamanya dalam subsektor berorientasikan eksport, dijangka menangguhkan rancangan pelaburan mereka berikutan ketidakpastian yang makin ketara mengenai prospek pertumbuhan global. Walau bagaimanapun, beberapa projek perbelanjaan modal akan diteruskan, khususnya dalam industri berasaskan sumber seperti keluaran logam asas dan kimia, serta dalam bidang pertumbuhan baharu yang merangkumi tenaga boleh diperbaharui dan keluaran E&E yang lebih canggih, seperti pemancar cahaya diod (light-emitting diode, LED) dan peralatan pengujian.

Dalam sektor perkhidmatan, perbelanjaan modal akan disokong oleh segmen perniagaan berorientasikan pengguna, termasuk perdagangan pengedaran dan komunikasi. Perniagaan dalam subsektor komunikasi dijangka meningkatkan kapasiti untuk rangkaian mudah alih dan penghantaran data, manakala perniagaan dalam perdagangan borong dan runcit dijangka mengembangkan lagi operasi mereka dengan saluran dagang baharu di lokasi strategik. Liberalisasi beberapa subsektor perkhidmatan di bawah ETP juga akan menyumbang kepada aktiviti pelaburan yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan.

Pelaburan dalam sektor lain juga dijangka menyokong pertumbuhan pelaburan swasta. Perbelanjaan modal dalam sektor perlombongan dijangka ditingkatkan oleh aktiviti cari gali dan pembangunan medan minyak laut dalam dan kecil, disokong oleh insentif baru-baru ini yang disasarkan untuk merangsang pelaburan dalam sektor minyak dan gas. Pelaburan sektor pembinaan juga dijangka mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek infrastruktur yang dikenal pasti dalam RMK10 dan ETP.

Penggunaan awam diunjurkan untuk mencatat pertumbuhan positif yang kecil pada tahun 2012. Ini terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan yang menjadi sederhana dengan nyatanya kerana Kerajaan dijangka meneruskan usaha pengukuhannya. Selain itu, memandangkan kenaikan gaji kakitangan awam yang lebih tinggi di bawah SSM yang ditambah baik pada tahun 2012, adalah dianggarkan Kerajaan tidak akan membuat pembayaran bonus yang selanjutnya pada tahun 2012.

Setelah menguncup dengan sedikit pada tahun 2011 disebabkan oleh pelaksanaan projek baharu RMK10 yang lebih perlahan, **pelaburan awam** dijangka berkembang dengan ketara pada tahun 2012. Pertumbuhan akan disokong oleh perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi dan pelaburan PABK dalam sektor perlombongan dan pengangkutan. Sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan diperuntukkan kepada sektor ekonomi, terutamanya untuk menambah baik sistem pengangkutan awam dan infrastruktur. Yang penting, dana akan disalurkan ke arah pengembangan kapasiti perkhidmatan Komuter KTM, pembinaan projek landasan berkembar yang sedang dijalankan, serta penyediaan air bersih dan bekalan elektrik. Perbelanjaan dalam sektor perkhidmatan sosial akan melibatkan perbelanjaan untuk pendidikan dan latihan bagi memenuhi permintaan terhadap tenaga kerja yang mahir dan berpengetahuan. Pemangkin tambahan kepada pertumbuhan pelaburan awam dijangka datang daripada pelaksanaan Pakej Rangsangan Khas melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta yang diumumkan dalam Bajet 2012. Beberapa projek

awam akan dilaksanakan di bawah inisiatif ini, seperti menaik taraf dan menyelenggara sekolah, menaik taraf hospital, program tebatan banjir, dan pembinaan perumahan awam. Sebahagian besar daripada jumlah yang diperuntukkan (RM6 bilion) akan dibelanjakan pada tahun 2012.

Perbelanjaan modal oleh PABK dalam sektor perlombongan akan memberi tumpuan pada segmen huluan dan hiliran, dalam aktiviti seperti pembangunan medan minyak dan gas yang baharu dan meningkatkan projek perolehan minyak. Dalam sektor pengangkutan, projek memanjangkan laluan Transit Aliran Ringan, penambahan pesawat dan pembinaan lapangan terbang dijangka menjadi pemacu utama pelaburan. Perbelanjaan modal dalam sektor utiliti dan komunikasi akan mencerminkan pembinaan loji jana kuasa yang baharu dan usaha berterusan untuk mengembangkan liputan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (High-Speed Broadband, HSBB).

Prospek Mengikut Sektor

Pada tahun 2012, kebanyakan sektor dijangka terus berkembang tetapi pada kadar yang lebih sederhana berikutan prospek global yang tidak pasti yang dijangka menjejaskan industri yang terdedah secara langsung kepada permintaan luaran. Ini termasuk industri berkaitan perdagangan dalam sektor perkhidmatan, dan industri berorientasikan eksport dalam sektor perkilangan. Walau bagaimanapun, prestasi industri berorientasikan dalam negeri dijangka kekal kukuh lantas mendapat manfaat daripada keadaan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Khususnya, sektor pembinaan dijangka menunjukkan prestasi yang baik, disokong oleh pelaksanaan projek infrastruktur utama. Pertumbuhan dalam sektor perlombongan dijangka bertambah kukuh, sementara sektor pertanian dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana.

Sektor **perkhidmatan** dijangka terus memacu pertumbuhan pada tahun 2012. Pertumbuhan dijangka disokong oleh subsektor berkaitan pengguna yang akan mengurangkan kesan aktiviti berkaitan perdagangan yang lebih perlahan pada tahun ini. Dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, pertumbuhan akan diterajui oleh segmen runcit, sejajar dengan trend dalam penggunaan swasta. Walau bagaimanapun, segmen subsektor perdagangan borong dijangka menjadi lebih rendah, dalam keadaan kelembapan aktiviti berkaitan perdagangan. Pertumbuhan dalam subsektor kewangan dan insurans dijangka kekal kukuh, disokong oleh aktiviti pemberian pinjaman bank. Dalam segmen insurans, pertumbuhan dijangka berpunca daripada perniagaan insurans am, berikutan jualan kenderaan bermotor yang memberangsangkan dan pelaksanaan rangka kerja perlindungan motor baharu yang akan meningkatkan kecekapan dalam sektor insurans motor dan takaful. Pertumbuhan subsektor komunikasi dijangka dapat dikekalkan, di tengah-tengah tekanan margin keuntungan berikutan persaingan yang semakin sengit dalam kalangan penyedia perkhidmatan. Pertumbuhan akan disokong oleh jangkaan pelancaran teknologi tanpa wayar yang lebih canggih, perluasan berterusan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi dan inisiatif Kerajaan untuk mempromosikan perkhidmatan jalur lebar ke seluruh negara. Pertumbuhan dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan dijangka sederhana, dalam keadaan prospek luaran yang tidak pasti.

Kebanyakan sektor dijangka terus berkembang pada tahun 2012

Sektor **perkilangan** dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan disebabkan oleh aktiviti dalam industri berorientasikan eksport yang dijangka lebih perlahan. Kelompok E&E akan terdedah kepada pertumbuhan yang kurang memberangsangkan dalam ekonomi maju kerana permintaan terhadap komputer peribadi dan separa konduktor dijangka akan terjejas. Namun begitu, ini akan diimbangi sebahagiannya oleh permintaan terhadap keluaran dalam subsegmen komunikasi, dan rantaian bekalan global E&E yang pulih kembali setelah terjejas berikutan bencana alam di Jepun. Kelompok ini juga akan disokong oleh bidang pertumbuhan baharu seperti industri tenaga boleh diperbaharui dan diod pemancar cahaya (light-emitting diode, LED). Pertumbuhan dalam kelompok keluaran berasaskan sumber juga dijangka menjadi sederhana. Walau bagaimanapun, pertumbuhan kelompok ini dijangka disokong oleh permintaan yang kukuh daripada negara

Jadual 4.2

KDNK Benar Mengikut Sektor (2000=100)

	2011*a*	2012*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	5.6	3.8
Perlombongan dan kuari	-5.7	0.6
Perkilangan	4.5	3.9
Pembinaan	3.5	6.6
Perkhidmatan	6.8	5.1
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**5.1**	**4.0 ~ 5.0**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

serantau, terutamanya bagi keluaran berasaskan sumber seperti keluaran petroleum ditapis, kimia dan keluaran kimia serta keluaran getah. Walaupun terdapat kelemahan dalam industri berorientasikan eksport, pertumbuhan dalam industri berorientasikan dalam negeri akan terus menyokong sektor perkilangan. Khususnya, prestasi kelompok berkaitan pengguna dijangka bertambah baik sejajar dengan trend dalam penggunaan swasta dan pemulihan dalam segmen automotif, yang terjejas oleh gangguan rantaian bekalan pada tahun 2011. Industri perkilangan berkaitan pembinaan dijangka bergerak seiring dengan sektor pembinaan, namun prospek untuk kelompok ini masih dikekang oleh permintaan luar negeri yang lebih lemah terhadap keluarannya.

Sektor **pembinaan** dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh, didorong oleh subsektor kejuruteraan awam. Pertumbuhan akan didorong terutamanya oleh pelancaran projek infrastruktur utama seperti laluan MRT Sungai Buloh-Kajang dan Pakej Rangsangan Khas Kerajaan. Kemajuan yang berterusan dalam projek sedia ada seperti Jambatan Kedua Pulau Pinang, landasan berkembar Ipoh-Padang Besar, KLIA 2 dan pemanjangan laluan LRT Kelana Jaya dan Ampang akan memberi sokongan kepada pertumbuhan sektor ini. Pertumbuhan dalam subsektor bukan kediaman dijangka berterusan susulan perbelanjaan sektor awam untuk hospital dan sekolah. Sebaliknya, subsektor kediaman diunjurkan berkembang pada kadar yang lebih perlahan ekoran peralihan fokus oleh pemaju daripada segmen kediaman mewah kepada pasaran perumahan umum.

Sektor **perlombongan** diunjurkan bertambah baik, mencatat kadar pertumbuhan positif pada tahun 2012. Ini mencerminkan peningkatan pengeluaran gas asli, sebahagian besarnya didorong oleh permintaan yang kukuh dari Jepun untuk penjanaan elektrik. Pengeluaran minyak mentah dijangka terus lemah berikutan telaga minyak yang semakin matang dan penangguhan dalam permulaan pengeluaran di beberapa telaga minyak yang baharu. Walau bagaimanapun, langkah seperti perolehan minyak yang lebih tinggi dan insentif cukai untuk menggalakkan pengeluaran medan minyak yang kecil dijangka menyumbang kepada pengeluaran minyak dalam jangka lebih panjang.

Pertumbuhan dalam sektor **pertanian** dijangka lebih sederhana, disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih rendah dalam pengeluaran minyak sawit dan getah asli setelah mencatat prestasi yang kukuh pada tahun 2011, selain faktor harga komoditi yang lebih sederhana. Pertumbuhan akan disokong oleh pengeluaran makanan, iaitu ikan dan ternakan ayam itik, di tengah-tengah usaha berterusan untuk meningkatkan produktiviti seperti digariskan dalam Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020.

Imbangan Pembayaran

Pertumbuhan yang perlahan serta berpanjangan dalam ekonomi global dan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan antarabangsa dijangka terus menjejaskan aktiviti perdagangan dan aliran modal di Malaysia pada tahun 2012. Eksport dan import dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, lebihan akaun semasa dijangka kekal besar pada RM109.5 bilion atau 12.2% daripada PNK, disokong oleh lebihan besar dalam akaun perdagangan yang berterusan dan defisit yang lebih kecil dalam akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan. Bagi akaun kewangan, aliran modal jangka panjang dijangka lebih rendah tetapi aliran modal jangka pendek mungkin lebih tinggi dan lebih tidak menentu di tengah-tengah ketidakpastian ekonomi global yang makin ketara.

Pertumbuhan dalam **eksport kasar** dijangka lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh prestasi

Jadual 4.3

Imbangan Pembayaran

	2011*a*	2012*r*
	RM bilion	
Barangan	149.4	155.6
Akaun perdagangan	120.3	125.6
Eksport (% perubahan tahunan)	*8.7*	*3.2*
Import (% perubahan tahunan)	*8.6*	*3.0*
Perkhidmatan	-8.4	-6.2
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**141.0**	**149.4**
Pendapatan	-22.0	-19.4
Pindahan semasa	-21.1	-20.5
Imbangan akaun semasa	**97.9**	**109.5**
% daripada PNK	***11.8***	***12.2***
Akaun modal	-0.2	
Akaun kewangan	15.5	
Imbangan akaun modal dan kewangan	**15.3**	
Kesilapan dan ketinggalan	-18.5	
antaranya:		
Penambahan nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing	*7.6*	
Imbangan keseluruhan	**94.7**	

a Awalan
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

komoditi yang lebih lemah. Eksport komoditi yang sederhana sebahagian besarnya mencerminkan kesan harga, suatu trend yang sudah tersebar luas pada suku keempat 2011. Harga eksport LNG, bagaimanapun, dijangka menjadi lebih tinggi disebabkan oleh permintaan yang mampan daripada negara pengimport utama. Eksport perkilangan akan disokong oleh eksport bukan E&E termasuk keluaran berasaskan sumber dan logam, yang sebahagian besarnya bergantung pada permintaan serantau. Walaupun permintaan terhadap keluaran E&E dijangka kekal lembap, penguncupan dalam eksport E&E dijangka lebih kecil kerana pengeluaran produk ini dijangka kembali pulih daripada asas pengeluaran yang rendah pada tahun 2011, yang sebelum ini terjejas oleh gangguan bekalan. Permintaan terhadap E&E juga akan disokong oleh kandungan separa konduktor

Jadual 4.4

Perdagangan Luar Negeri

	2011*a*	2012*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Eksport kasar	**8.7**	**3.2**
antaranya:		
Perkilangan	3.4	4.5
Pertanian	32.9	-9.3
Mineral	20.3	6.1
Import kasar	**8.6**	**3.0**
antaranya:		
Barangan modal	9.7	6.8
Barangan pengantara	5.4	2.5
Barangan penggunaan	19.0	3.7
Imbangan perdagangan	**9.4**	**4.4**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

yang semakin besar dalam pelbagai aplikasi pengguna dan perniagaan.

Lebihan akaun semasa dijangka kekal besar dengan lebihan perdagangan yang berterusan dan defisit perkhidmatan yang lebih kecil

Sejajar dengan permintaan yang lebih lemah terhadap eksport perkilangan dan aktiviti ekonomi dalam negeri yang lebih perlahan, pertumbuhan dalam **import kasar** juga dijangka lebih perlahan pada tahun 2012. Pertumbuhan import barangan pengantara dijangka menjadi sederhana kerana pengilang mengurangkan pengeluaran sejajar dengan permintaan eksport yang menurun. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam import barangan modal disebabkan terutamanya oleh pelaburan yang sederhana dalam industri berorientasikan eksport. Import barangan penggunaan akan menjadi lebih kecil akibat perbelanjaan pengguna yang lebih berhemat dan

kesan asas yang secara relatif tinggi pada tahun 2011 juga dijangka menjadi faktor penyumbang kepada trend ini.

Defisit dalam **akaun perkhidmatan** dijangka mengecil pada tahun 2012. Pembayaran bersih untuk pengangkutan dijangka menjadi lebih kecil sejajar dengan jumlah perdagangan yang lebih rendah. Perolehan perjalanan bersih akan menjadi tinggi sedikit kerana pertumbuhan yang sederhana dalam ketibaan pelancong. Aliran keluar dalam **akaun pendapatan** dijangka lebih kecil, mencerminkan pendapatan pelaburan lebih rendah yang terakru kepada pelabur langsung asing daripada pelaburan di Malaysia, terutamanya dalam sektor perkilangan, minyak dan gas serta perkhidmatan.

Aliran modal dalam akaun kewangan dijangka menjadi sederhana kerana aktiviti FDI dan DIA mungkin terjejas akibat kelembapan dan ketidakpastian global

Bagi akaun kewangan, aliran masuk kasar **FDI** dijangka menjadi sederhana pada tahun 2012. Aliran masuk FDI, yang pada mulanya lemah pada separuh kedua tahun 2011, dijangka terus menjadi sederhana pada tahun 2012, mencerminkan permintaan luar negeri yang lemah dan ketidakpastian yang meningkat dalam persekitaran ekonomi global. Walaupun projek perkilangan asing yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia adalah lebih tinggi pada tahun 2010 dan 2011 (masing-masing pada RM29.1 bilion dan RM34.1 bilion), pelaburan dalam sektor perkilangan mungkin menjadi sederhana kerana firma asing dijangka lebih berhati-hati berikutan ketidakpastian dalam ekonomi global yang makin ketara. Walau bagaimanapun, FDI dalam bidang pertumbuhan yang baharu seperti tenaga boleh diperbaharui dan keluaran E&E yang canggih, diod pemancar cahaya dan peralatan pengujian dijangka berterusan memandangkan minat global yang semakin tinggi terhadap teknologi hijau. Pelaburan asing dalam sektor minyak dan gas juga dijangka kekal kukuh, disokong oleh pertambahan insentif kerajaan untuk sektor ini. Di samping itu, liberalisasi beberapa subsektor perkhidmatan di bawah ETP juga akan menyumbang kepada aliran masuk FDI ke dalam sektor perkhidmatan.

Trend dalam **pelaburan langsung di luar negeri (direct investment abroad, DIA)** oleh syarikat Malaysia dijangka menyamai trend FDI, tetapi pada kadar yang lebih rendah. Ini terutamanya disebabkan oleh kepelbagaian profil pelaburan luar negeri dari segi aktiviti ekonomi dan destinasi pelaburan. DIA dijangka disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan serta sektor minyak dan gas, dengan tumpuan yang berterusan pada pasaran pertumbuhan tinggi di rantau ini. Walaupun dalam keadaan ekonomi global yang sangat mencabar, syarikat Malaysia dijangka terus meneroka ke luar negeri untuk memperoleh akses kepada pasaran baharu dan yang lebih besar. Dalam jangka sederhana, pengembangan serantau dan global ini akan terus menyumbang dalam mewujudkan syarikat Malaysia yang lebih berdaya saing dan bertaraf global.

Prospek Pasaran Pekerja

Keadaan pasaran pekerja dijangka menjadi lembap pada tahun 2012, berikutan aktiviti ekonomi yang lebih perlahan. Pewujudan peluang pekerjaan dijangka tertumpu dalam sektor berorientasikan dalam negeri, khususnya sektor perkhidmatan dan pembinaan, kerana permintaan dalam negeri dijangka kekal kukuh.

Keadaan pasaran pekerja dijangka lembap pada tahun 2012

Guna tenaga dalam sektor berorientasikan eksport mungkin terjejas akibat permintaan luar yang semakin lemah. Kadar pengangguran dijangka meningkat kepada 3.2% daripada tenaga kerja pada tahun 2012 (2011: 3.1%). Pertumbuhan pendapatan pada tahun 2012 akan terjejas oleh prospek ekonomi yang agak samar, yang memberi kesan kepada keputusan firma terhadap kenaikan gaji dan pembayaran bonus. Walau bagaimanapun, dasar gaji minimum yang dijangka dilaksanakan pada tahun ini akan memberi sedikit sokongan kepada pekerja berpendapatan rendah, sementara kenaikan gaji yang lebih tinggi untuk

kakitangan awam di bawah penambahbaikan Sistem Saraan Malaysia akan menyokong pendapatan sektor awam.

Prospek Inflasi

Inflasi keseluruhan dijangka menjadi sederhana pada tahun 2012, berpurata antara 2.5-3.0%. Unjuran inflasi yang lebih rendah mencerminkan harga komoditi dunia yang sederhana bagi tahun 2012 secara keseluruhan dan inflasi global yang lebih perlahan, sebahagiannya disebabkan oleh prospek pertumbuhan global yang lebih lemah. Di dalam negeri, pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana juga akan membendung tekanan harga. Tanpa sebarang pelarasan yang ketara ke atas harga ditadbir, tekanan terhadap inflasi dalam negeri akan kekal terkawal.

Harga komoditi dunia dijangka kekal tinggi pada tahun 2012. Bagi komoditi makanan, Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Food and Agriculture Organisation of the United Nations, FAO) dalam laporan Prospek Makanan edisi bulan November 2011, menjangkakan harga makanan akan kekal di bawah paras harga tertinggi bulan Februari 2011, tetapi akan kekal tinggi dan tidak menentu. Meskipun pertumbuhan ekonomi global adalah perlahan, permintaan yang tinggi terhadap makanan berprotein tinggi daripada negara-negara yang mencatat pertumbuhan yang mampan akan terus kukuh. Dari segi penawaran, walaupun terdapat jangkaan bahawa pengeluaran akan bertambah baik, terutamanya bagi bijirin, terdapat juga kebarangkalian yang lebih tinggi bahawa keadaan cuaca yang buruk boleh menjejaskan pengeluaran. Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (Intergovernmental Panel on Climate Change, IPCC) mengunjurkan kemungkinan yang tinggi akan berlakunya musim panas secara meluas di seluruh dunia. Kos input yang tinggi seperti baja dan tenaga juga akan terus memberi tekanan menaik terhadap harga makanan.

Bagi minyak mentah, harga dijangka terus tidak menentu pada tahun 2012, tetapi paras harga akan dikekang oleh pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan. Kemerosotan prospek pertumbuhan global mendorong Agensi Tenaga Antarabangsa (International Energy Agency, IEA) untuk menurunkan unjurannya bagi pertumbuhan permintaan minyak pada tahun 2012 kepada 0.8 juta tong sehari daripada unjuran awal sebanyak 1.1 juta tong sehari. Sebaliknya, walaupun sasaran pengeluaran yang lebih tinggi telah diumumkan oleh Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (Organisation of the Petroleum Exporting Countries, OPEC), ketegangan geopolitik di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara telah menimbulkan ketidakpastian berhubung dengan bekalan minyak. Ini boleh mengekalkan harga minyak pada paras yang tinggi sepanjang tahun 2012. Laporan Prospek Ekonomi Dunia (World Economic Outlook, WEO) IMF yang dikemas kini pada bulan Januari 2012 membuat unjuran bahawa minyak mentah akan diniagakan pada purata[1] USD99 setong pada tahun 2012, rendah sedikit daripada harga purata tahun 2011 pada USD104 setong.

Tekanan inflasi dalam kalangan rakan import utama Malaysia dijangka menjadi sederhana pada tahun 2012 sejajar dengan pertumbuhan global yang lebih lemah dan harga komoditi dunia yang lebih rendah. Keyakinan pengguna yang lemah, kapasiti sedia ada yang berlebihan dan tekanan permintaan yang lemah akan mengurangkan tekanan inflasi dalam ekonomi maju. Laporan WEO yang dikemas kini pada bulan Januari 2012 Januari mengunjurkan inflasi yang lebih rendah pada 1.6% bagi ekonomi maju (2011: 2.7%). Tekanan harga juga dijangka menjadi sederhana dalam ekonomi sedang pesat membangun sejajar dengan permintaan dalam negeri yang stabil dalam ekonomi ini. Ekonomi sedang pesat membangun dan yang membangun dijangka mencatat inflasi yang lebih rendah pada 6.2% pada tahun 2012 (2011: 7.2%). Tekanan harga luaran yang berkurang dijangka memberi lebih fleksibiliti kepada pengeluar untuk menjajarkan harga dengan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana.

Tekanan harga yang berpunca daripada faktor permintaan dijangka dapat dibendung sejajar dengan pertumbuhan dalam penggunaan dan pelaburan swasta yang dijangka lebih sederhana. Walau bagaimanapun, semakan kenaikan gaji sektor awam dan langkah lain yang diumumkan dalam Bajet 2012 akan terus menyokong perbelanjaan penggunaan isi rumah pada tahun 2012. Secara keseluruhan, ekonomi dijangka

[1] Harga purata minyak mentah Brent, Dubai, dan West Texas Intermediate (WTI), dengan wajaran yang sama.

beroperasi di bawah potensinya (*Rujuk Rencana Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia*). Firma-firma akan dapat menampung permintaan kerana kapasiti pengeluaran telah berkembang berikutan tahap pelaburan yang tinggi pada tahun-tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, terdapat risiko inflasi yang lebih tinggi yang berpunca daripada faktor luaran dan dalam negeri. Dari segi faktor luaran, terdapat kemungkinan berlakunya kecenderungan peningkatan dalam harga komoditi dunia. Pertama, jika pertumbuhan global lebih kukuh daripada jangkaan, peningkatan yang setara dalam permintaan global terhadap komoditi boleh memberi tekanan menaik yang ketara terhadap harga, kerana pengeluaran mungkin tidak dapat diselaraskan dengan cepat bagi memenuhi lonjakan permintaan yang di luar jangkaan. Kedua, risiko geopolitik terhadap bekalan minyak mungkin makin meningkat sekali gus menambah tekanan menaik terhadap harga minyak. Ketiga, lebihan mudah tunai yang membanjiri pasaran kewangan utama, dan seterusnya pencarian pulangan hasil yang lebih tinggi, boleh menimbulkan kesan limpahan kepada pasaran komoditi. Persekitaran kadar faedah yang rendah dan kemungkinan dolar AS menjadi lemah boleh menyebabkan pelaburan spekulatif yang lebih besar dalam komoditi, lantas mendorong kepada kenaikan harga komoditi. Walaupun terdapat risiko-risiko ini, andaian yang dominan ialah pertumbuhan global yang lebih perlahan akan membendung kenaikan harga komoditi.

Selain faktor luaran, terdapat juga risiko inflasi yang lebih tinggi yang berpunca daripada faktor penawaran dalam negeri. Kemungkinan berlakunya gangguan bekalan boleh menyebabkan harga makanan kekal tinggi. Harga sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan mungkin naik secara berterusan kerana kekurangan pekerja dan keadaan cuaca yang buruk. Harga daging akan kekal tinggi sekiranya harga jagung dunia yang lebih tinggi mendorong kepada kenaikan harga makanan ternakan. Terdapat juga kemungkinan berlakunya pelarasan ke atas harga ditadbir jika harga komoditi dunia lebih tinggi daripada jangkaan.

DASAR MONETARI

Dasar monetari pada 2012 akan terus beroperasi dalam persekitaran global yang kompleks bercirikan pertumbuhan yang lebih perlahan, ketidakpastian yang meningkat dan ketidaktentuan yang makin ketara dalam pasaran kewangan dan komoditi di dalam persekitaran mudah tunai yang tinggi dalam sistem kewangan antarabangsa. Ekonomi Malaysia memasuki tahun 2012 dengan peningkatan risiko pertumbuhan yang lebih rendah di dalam persekitaran tekanan inflasi dalam negeri yang makin lemah. Dasar monetari pada tahun 2012 akan tertumpu pada memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam persekitaran harga yang stabil. Penekanan juga akan diberi kepada usaha memastikan dasar monetari kekal wajar untuk mengelakkan pembentukan ketidakseimbangan kewangan.

Dasar monetari pada tahun 2012 akan tertumpu pada memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam persekitaran harga yang stabil

Terdapat peningkatan dalam risiko pertumbuhan global yang lebih perlahan yang berpunca daripada ketidakpastian dan kelemahan yang berterusan dalam ekonomi maju. Pertumbuhan dalam ekonomi maju terus dikekang oleh kelemahan struktur semasa, ketegangan berterusan dalam kewangan awam dan pengantaraan kewangan yang terjejas. Momentum pertumbuhan di Asia dijangka menjadi sederhana disebabkan oleh permintaan luar yang lemah daripada ekonomi maju. Jentera utama pertumbuhan di rantau ini, seperti Republik Rakyat (RR) China, juga telah menunjukkan tanda-tanda pertumbuhan yang sederhana. Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan sangat terbuka, Malaysia tidak akan terlindung daripada perkembangan luar ini, dan mungkin mengalami sedikit penyederhanaan dalam aktiviti benar, khususnya dalam industri berorientasikan eksport.

Meskipun persekitaran luar yang sangat mencabar, asas-asas yang menyokong ekonomi kekal teguh. Ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya tahan dan berkembang dalam lingkungan 4 - 5% pada tahun 2012. Permintaan dalam negeri akan terus menjadi tonggak pertumbuhan. Aktiviti ekonomi sektor swasta akan dapat dikekalkan, disokong oleh keadaan guna tenaga yang stabil dan prospek yang menggalakkan untuk sektor berorientasikan dalam negeri. Ini akan diperkukuh lagi oleh perbelanjaan dan pelaburan sektor awam melalui ETP dan inisiatif dasar yang diumumkan semasa Belanjawan 2012 seperti bantuan kewangan sekali sahaja kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana, menaik taraf sekolah, hospital dan infrastruktur asas luar bandar serta pembinaan perumahan awam.

Inflasi dijangka menjadi sederhana pada tahun 2012. Inflasi yang disebabkan oleh tekanan permintaan dijangka dapat dibendung. Dari segi tekanan penawaran, permintaan global yang perlahan dijangka mengurangkan sedikit tekanan ke atas harga antarabangsa bagi komoditi utama. Namun begitu, masih terdapat risiko inflasi yang lebih tinggi. Perkembangan geopolitik yang buruk, keadaan cuaca yang tidak menentu dan keadaan mudah tunai global yang lebih daripada mencukupi yang boleh menyebabkan pasaran komoditi semakin bercirikan pasaran kewangan boleh menyebabkan turun naik yang besar dalam harga makanan dan tenaga global serta mengekalkan harga pada paras yang tinggi. Sebahagian peningkatan dalam tekanan kos global boleh disebarkan kepada harga barangan dan perkhidmatan dalam negeri.

Pada paras semasa Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR), keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi. Ini dibuktikan dalam kadar pinjaman runcit kepada perniagaan dan isi rumah yang masih berada di bawah paras prakrisis, dan pertumbuhan pembiayaan yang mampan sebanyak 12.5% pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, sekiranya ekonomi global memasuki fasa baharu pertumbuhan yang lebih lemah sepanjang tahun 2012 dan menjejaskan prospek ekonomi Malaysia, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) di Bank Negara Malaysia mempunyai fleksibiliti untuk membuat pelarasan kepada tahap akomodatif monetari. Walau bagaimanapun, sebarang pertimbangan untuk rangsangan monetari yang selanjutnya akan dipertimbangkan dengan teliti oleh MPC berdasarkan kemungkinan risiko inflasi yang lebih tinggi, serta pembentukan ketidakseimbangan kewangan yang boleh menjejaskan kestabilan makroekonomi dan kewangan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang.

Mudah tunai dalam sistem kewangan antarabangsa telah meningkat dengan ketara pada tahun-tahun kebelakangan ini berikutan pelaksanaan dasar monetari yang lebih longgar pada kadar yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini oleh bank-bank pusat dalam ekonomi maju utama. Peralihan yang besar dalam mudah tunai ini telah menyebabkan aliran masuk dan juga aliran keluar pelaburan portfolio yang ketara ke dalam dan daripada ekonomi-ekonomi yang sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Pergerakan yang besar dalam aliran portfolio ini boleh meningkatkan ketidaktentuan dalam kadar pertukaran jangka pendek, mewujudkan risiko ke atas ekonomi dan sistem kewangan, dan mengganggu aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Lonjakan yang mendadak dalam aliran masuk juga boleh menyebabkan penambahan mudah tunai dalam sistem kewangan dalam negeri, yang membawa kepada gangguan yang akhirnya menyebabkan pertumbuhan hutang yang berlebihan dan ketidakjajaran harga aset.

Namun, Malaysia berada pada kedudukan yang kukuh untuk menguruskan cabaran-cabaran ini. Pertama, sistem kewangan yang lebih maju dan pelbagai berupaya untuk mengantara jumlah aliran modal yang besar dengan lebih baik. Kedua, rejim apungan terurus yang diterima pakai oleh Bank juga membolehkan kadar pertukaran untuk melaras dengan fleksibel terhadap keadaan yang berubah-ubah. Ketiga, Bank mempunyai rizab antarabangsa yang mencukupi bagi mengurangkan turun naik dalam pasaran pertukaran asing bagi mengelakkan pergerakan mata wang yang melampau yang boleh menyebabkan gangguan yang teruk dalam pasaran kewangan dan ekonomi secara keseluruhan. Keempat, keupayaan Bank untuk menguruskan mudah tunai dalam negeri juga telah meningkat dengan ketara, disokong oleh rangkaian instrumen yang lebih luas untuk operasi monetari, termasuk penggunaan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) yang membolehkan pensterilan mudah tunai untuk jangka yang lebih panjang. Ini telah dipertingkatkan dengan sistem

Kesan Penambahan Nilai Ringgit Terhadap Harga Import dan Inflasi

Pengenalan

Ringgit dan mata wang Asia lain secara amnya mencatat trend penambahan nilai sejak awal tahun 2009 dalam keadaan ekonomi global mulai pulih dan pasaran kewangan global bertambah baik. Dengan sentimen pasaran dan kesanggupan mengambil risiko bertambah baik berlatarkan mudah tunai global yang meningkat, aliran masuk portfolio ke Asia naik dengan ketara dan mata wang serantau menambah nilai antara 6.2% hingga 44.4% berbanding dengan dolar AS antara bulan Mac 2009 hingga Julai 2011 (Rajah 1). Pada masa yang sama, pemulihan ekonomi yang pantas di rantau ini sepanjang tahun 2010 dan 2011 sejajar dengan peningkatan tekanan inflasi secara beransur-ansur berikutan kenaikan yang berterusan dalam harga komoditi dunia dan juga permintaan dalam negeri yang semakin meningkat dalam keadaan gangguan bekalan global. Memandangkan risiko inflasi memuncak pada tempoh tersebut, persoalan yang timbul adalah sama ada penambahan nilai mata wang akan mengurangkan sebahagian daripada kesan faktor tolakan kos global terhadap inflasi apabila harga import dalam mata wang tempatan menjadi lebih rendah.

Rajah 1

Prestasi Kadar Pertukaran Mata Wang Serantau Berbanding dengan Dolar AS (Mac 2009 - Julai 2011)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Hubungan antara kadar pertukaran dengan inflasi amat rumit dan melibatkan interaksi melalui beberapa saluran penyampaian dalam ekonomi, termasuk perdagangan, permintaan dalam negeri, jangkaan isi rumah dan perniagaan, pasaran kewangan, keadaan mudah tunai dan monetari, serta kos pengeluaran. Rencana ini membincangkan peranan peningkatan kadar pertukaran dalam mengawal kos input yang diimport dan barangan penggunaan akhir, dan seterusnya harga pengguna. Secara ringkas, sejajar dengan dapatan dalam kajian berkaitan isu ini, kesan pindahan (pass-through) daripada penambahan nilai ringgit kepada harga import didapati adalah sebahagian sahaja dan tidak lengkap. Malah apa yang diperhatikan ialah kesan pindahan kepada harga pengguna adalah lebih kecil lagi. Memandangkan hubungan antara kadar pertukaran dengan inflasi adalah lemah, interpretasi tentang peranan kadar pertukaran untuk mengurangkan inflasi tolakan kos dari luar negeri perlulah dibuat dengan berhati-hati.

Transmisi perubahan kadar pertukaran kepada harga pengguna

Pada amnya, pergerakan kadar pertukaran dianggap mempunyai kesan terhadap inflasi melalui import. Impak pergerakan kadar pertukaran terhadap harga pengguna boleh diperhatikan melalui dua peringkat, iaitu daripada kesan kadar pertukaran terhadap harga import, dan seterusnya daripada harga import kepada harga pengguna. Pada peringkat pertama, perubahan dalam kadar pertukaran mungkin boleh diperhatikan melalui harga import yang dibayar oleh pengimport[1]. Tanpa pengaruh lain, hipotesis

[1] Harga ini mungkin termasuk import bahan mentah, barangan pengantaraan dan barangan akhir.

yang dibuat ialah penambahan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS seharusnya mengurangkan kos import bagi pengimport Malaysia, dengan andaian dolar AS digunakan dalam penyelesaian perdagangan. Meskipun kadar pertukaran akan menjadi pertimbangan penting, terdapat faktor lain yang boleh mempengaruhi harga import. Ini termasuk keadaan permintaan dan bekalan global, persaingan global, harga komoditi global dan kos pengeluaran negara pengeksport.

Rajah 2

Transmisi Perubahan Kadar Pertukaran Kepada Harga Pengguna Melalui Saluran Kos Pengeluaran



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada peringkat kedua, perubahan dalam harga import akan mempengaruhi kos pengeluaran keseluruhan, lantas menentukan harga akhir yang dibayar oleh pengguna. Tahap kesan pindahan daripada harga import kepada harga pengguna pada asasnya bergantung kepada peratusan input dan barangan diimport dalam pengeluaran dan pengagihan keseluruhan. Secara amnya, lebih kecil bahagian input dan barangan diimport dalam pengeluaran dan pengagihan keseluruhan, maka lebih kecil kesannya terhadap harga pengguna. Selain pertimbangan kos, faktor-faktor seperti kekukuhan permintaan dalam negeri dan tahap persaingan pasaran juga boleh mempengaruhi keputusan syarikat untuk memindahkan penjimatan kos berikutan harga import yang lebih rendah.

Di Malaysia, transmisi perubahan kadar pertukaran kepada harga pengguna adalah sebahagian sahaja dan tidak lengkap

Di Malaysia, kesan perubahan kadar pertukaran terhadap harga import dan seterusnya terhadap harga pengguna dianggar berdasarkan pemerhatian bulanan dari bulan Julai 2005 hingga pertengahan tahun 2011[2]. Anggaran kami menunjukkan bahawa pergerakan kadar pertukaran dari segi statistik adalah penting dalam mempengaruhi harga import[3]. Kenaikan nilai Kadar

[2] Model ini dibentuk berdasarkan kesan pergerakan kadar pertukaran terhadap harga pengguna disalurkan dalam dua peringkat. Pada peringkat pertama, harga import ditentukan oleh kos pengeluaran negara pengeksport, keadaan permintaan global dan Kadar Pertukaran Efektif Nominal (NEER), dengan tahap kesan pindahan kadar pertukaran ke atas harga import diberikan oleh koefisien NEER. Pada peringkat kedua, harga pengguna ditentukan oleh harga import, jurang keluaran dan inflasi terlat (lagged inflation). Koefisien harga import akan mencerminkan tahap kesan pindahan kepada harga pengguna.

[3] Barangan diimport diandaikan melalui saluran pengeluaran dan pengagihan tempatan setibanya di Malaysia. Sebagai ekonomi kecil, andaian dibuat bahawa pengimport Malaysia merupakan penerima harga; lantaran itu semua harga import ditentukan dalam mata wang asing. Ini bukan andaian yang keterlaluan kerana sebahagian besar import Malaysia didenominasikan dalam USD, EUR dan JPY pada tahun 2011.

Pertukaran Efektif Nominal (Nominal Effective Exchange Rate[4], NEER) sebanyak 10% menurunkan harga import sebanyak antara 1% hingga 3% dalam masa empat bulan. Ini menunjukkan bahawa walaupun penambahan nilai ringgit boleh menurunkan harga import, tahap kesan pindahan adalah secara relatifnya lebih rendah berbanding dengan magnitud penambahan nilai ringgit. Anggaran kami juga menunjukkan bahawa permintaan global merupakan faktor yang lebih penting dalam mempengaruhi harga import di Malaysia, dengan peningkatan sebanyak 10% dalam permintaan global akan menaikkan harga import sebanyak 1% hingga 5%. Pada peringkat kedua, kesan daripada perubahan dalam harga import ke atas harga pengguna didapati lebih rendah. Penyusutan harga import sebanyak 10% akan menurunkan inflasi domestik sebanyak 0.5% dalam masa enam bulan. Anggaran ini turut menyarankan bahawa keadaan permintaan dalam negeri memainkan peranan yang lebih penting dalam mempengaruhi harga pengguna. Dengan menggabungkan keputusan daripada peringkat 1 dan 2, hasil keputusan penyelidikan ini menunjukkan bahawa penambahan nilai ringgit sebanyak 10% hanya akan menyebabkan penurunan antara 0.05% hingga 0.15% dalam harga pengguna.

Dapatan bahawa kesan daripada penambahan nilai kadar pertukaran adalah lebih ketara terhadap harga import berbanding dengan kesan terhadap harga pengguna menunjukkan bahawa meskipun penambahan nilai ringgit boleh menurunkan harga import, pengeluar tidak semestinya memindahkan kesemua penjimatan tersebut kepada pengguna. Namun begitu, dapatan ini mengandungi pengecualian penting, iaitu bukti kesan pindahan yang rendah mencerminkan hasil purata merentas pelbagai episod yang berbeza. Tahap kesan pindahan mungkin berubah-ubah mengikut masa bergantung pada kejutan yang berbeza. Misalnya, penambahan nilai ringgit yang keterlaluan boleh mengurangkan daya saing eksport negara lantas mengurangkan pendapatan dan melemahkan permintaan dalam negeri.

Dapatan daripada data Malaysia secara amnya sejajar dengan kajian serupa yang dijalankan di tempat lain. Penambahan nilai kadar pertukaran didapati mengurangkan sebahagian sahaja kos import, malah kesan pindahan adalah lebih rendah daripada kos import kepada harga pengguna. Campa dan Goldberg (2006) mendapati bahawa indeks harga pengguna adalah kurang peka terhadap perubahan kadar pertukaran berbanding dengan harga import. Bagi negara-negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), dalam jangka panjang (kira-kira empat suku tahunan), penyusutan nilai mata wang tempatan sebanyak 10% menyebabkan purata kenaikan sebanyak 6% terhadap harga import dan kenaikan 2% dalam harga pengguna. Di Amerika Syarikat, penyusutan nilai dolar AS sebanyak 10% menyebabkan kenaikan purata 4% dalam harga import dan kenaikan 0.1% dalam harga pengguna. Ca'Zorzi, Hahn dan Sanchez (2007) juga mendapati bahawa kesan pindahan kadar pertukaran kepada harga pengguna adalah lebih rendah berbanding kesannya kepada harga import. Bagi beberapa negara Asia terpilih, kajian mendapati bahawa kesan pindahan kadar pertukaran kepada harga import adalah antara 0.12% hingga 0.78% dalam tempoh empat suku tahunan, manakala kesan pindahan kadar pertukaran kepada harga pengguna adalah antara 0.01% hingga 0.19% dalam tempoh yang sama. Kajian tersebut juga mendapati negara dengan inflasi yang rendah mengalami tahap kesan pindahan kadar pertukaran yang lebih kecil berbanding dengan negara yang mempunyai purata inflasi lebih tinggi. Mihaljek dan Klau (2008) menggunakan sampel 14 buah ekonomi sedang pesat membangun dan mendapati bahawa kesan pindahan kadar pertukaran kepada inflasi adalah di bawah 0.3% dan wujud trend yang pada amnya menurun merentas ekonomi sedang pesat membangun sejak tahun 1980-an[5]. Apa yang penting, Mihaljek dan Klau juga mendapati bahawa impak pergerakan kadar pertukaran mempunyai kesan asimetri terhadap inflasi. Penyusatan nilai kadar pertukaran didapati mempunyai kesan yang lebih ketara dan lebih besar terhadap inflasi berbanding dengan apabila berlaku penambahan nilai di Korea, Malaysia, Mexico, Poland dan Turki. Sebaliknya, penambahan nilai kadar pertukaran dilihat mempunyai kesan yang lebih ketara dan lebih besar terhadap inflasi di Filipina, Brazil dan Hungary. Negara-negara lain[6] didalam sampel, bagaimanapun, tidak menunjukkan kesan asimetri dalam pergerakkan kadar pertukaran kepada inflasi.

[4] NEER iaitu purata wajaran mata wang negara asal berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama.

[5] Penurunan tahap kesan pindahan kadar pertukaran kepada inflasi merentas ekonomi sedang pesat membangun sejak tahun 1980 sejajar dengan paras dan turun naik inflasi domestik dan harga asing yang lebih rendah.

[6] Negara-negara lain merujuk kepada Thailand, Afrika Selatan, Chile, Peru dan Republik Czech.

Ketegaran harga dan penentuan harga dalam mata wang tempatan sebagai penyebab kesan pindahan kadar pertukaran adalah sebahagian sahaja dan tidak lengkap

Terdapat beberapa penjelasan bagi kesan pindahan adalah sebahagian sahaja dan tidak lengkap daripada perubahan kadar pertukaran kepada harga pengguna. Penjelasan ini secara amnya boleh dikategorikan sebagai ketegaran dalam pelarasan harga, rantaian pengeluaran yang semakin global, kos pengagihan, penukaran margin keuntungan syarikat, penentuan harga dalam mata wang tempatan, magnitud perubahan kadar pertukaran dan faktor khusus sesebuah negara.

1. **Ketegaran dalam pelarasan harga.** Sering diperhatikan bahawa syarikat tidak melaraskan harga dengan serta-merta apabila berlaku perubahan dalam keadaan perniagaan. Yang lebih penting, pelarasan harga sering kali tidak sekata antara kenaikan harga dan penurunan harga, dengan kemungkinan bahawa penurunan harga oleh syarikat adalah lebih kecil. Oleh itu, meskipun penambahan nilai kadar pertukaran mungkin menurunkan kos import dan kos pengeluaran keseluruhan, penjimatan kos ini tidak semestinya dipindahkan kepada pengguna dalam bentuk harga yang lebih rendah. Pelbagai penjelasan dikemukakan bagi pemerhatian tersebut, termasuk kewujudan kontrak sedia ada untuk memastikan harga terus stabil, kos yang tinggi dari penyelarasan harga yang kerap dan harga sebagai petunjuk kepada kualiti dan sifat eksklusif sesuatu barangan.

2. **Rantaian pengeluaran yang semakin global.** Kini, makin banyak barangan dihasilkan melalui pelbagai peringkat pengeluaran di negara yang berlainan. Hasilnya, barangan akhir yang dikeluarkan merangkumi kos input dalam pelbagai mata wang yang tidak semestinya mencatat pergerakan yang sama. Oleh itu, penurunan kos ekoran penambahan nilai dua hala terhadap sesuatu mata wang tertentu mungkin diimbangi oleh kenaikan kos ekoran penyusutan nilai dua hala terhadap mata wang yang lain. Hasilnya, kesan daripada pergerakan kadar pertukaran terhadap harga barangan akhir pada asas bersih adalah terhad.

3. **Kos pengagihan.** Bagi sesetengah barangan yang diimport dari luar negara, kos pengeluaran mungkin mencakupi komponen kos dalam negeri yang lebih tinggi seperti pengangkutan, pemasaran, pemborongan dan peruncitan. Sebagai contoh, kajian oleh Feenstra (1998) menunjukkan anak patung Barbie yang dihantar dari Republik Rakyat China ke Amerika Syarikat hanya berharga kira-kira USD2, namun anak patung tersebut dijual pada harga kira-kira USD10[7] di Amerika Syarikat. Kos import yang secara relatifnya amat kecil dalam struktur kos keseluruhan mengurangkan kepekaan harga kepada impak daripada perubahan kadar pertukaran.

4. **Penukaran margin keuntungan syarikat.** Lazimnya, banyak barangan dan perkhidmatan didagangkan dalam pasaran persaingan tidak sempurna, lantas pengeluar boleh mengenakan harga berdasarkan margin ke atas kos. Turun naik kadar pertukaran mungkin mendorong pengeluar untuk menyelaraskan margin keuntungan dan bukannya harga, lantas mengurangkan kepekaan harga pengguna kepada perubahan kadar pertukaran.

5. **Penetapan harga dalam mata wang tempatan.** Pengeluar mungkin memutuskan untuk menyerap kesan perubahan kadar pertukaran sebagai strategi perniagaan antarabangsa. Pembezaan produk merentas sempadan, pensegmenan pasaran dan persaingan menyebabkan banyak pengeluar menentukan harga produk berdasarkan keadaan khusus dalam sesebuah pasaran. Langkah ini mengurangkan kepekaan harga import dan harga pengguna terhadap perubahan kadar pertukaran.

6. **Magnitud perubahan kadar pertukaran.** Perubahan besar pada kadar pertukaran mungkin membawa kesan lebih besar terhadap kesan pindahan kepada harga import dan harga pengguna, berbanding dengan perubahan kadar pertukaran yang lebih kecil.

[7] Sumber: "The Exchange Rate–Consumer Price Puzzle", FRBSF Economic Letter, 2006.

7. **Faktor khusus buat Malaysia.** Kesan pindahan yang rendah mungkin berpunca daripada ciri-ciri yang sedia ada pada Indeks Harga Pengguna (IHP) domestik, yang dikumpulkan berdasarkan corak perbelanjaan isi rumah biasa di Malaysia.

   a. *IHP mencakupi banyak barangan yang tidak didagangkan pada peringkat antarabangsa.* Banyak item yang dicakupi dalam pengiraan IHP tidak didagangkan pada peringkat antarabangsa. Contohnya, perkhidmatan seperti perkhidmatan mencuci kereta, gunting rambut dan perkhidmatan khusus lain ditentukan semata-mata oleh keadaan domestik dan tidak semestinya bertindak balas secara langsung kepada perkembangan luaran. Meskipun terdapat sesetengah input dalam kategori perkhidmatan adalah diimport, bahagiannya dalam kos pengeluaran keseluruhan secara relatifnya kecil. Komponen perkhidmatan mencakupi kira-kira 47.5% daripada kumpulan IHP di Malaysia.

   b. *Import barangan akhir langsung yang kecil.* Import barangan akhir langsung Malaysia hanya mencakupi 15.9% daripada kelompok IHP keseluruhan. Oleh itu, kesan langsung akibat perubahan kadar pertukaran terhadap harga pengguna lazimnya tidak ketara dan terhad kepada barangan tertentu. Harga bagi sesetengah barangan import ini, misalnya produk petroleum, juga tertakluk kepada mekanisme harga ditadbir Kerajaan, yang mengehadkan lagi kepekaan harga secara keseluruhan terhadap pergerakan kadar pertukaran. Meskipun kawalan harga dan subsidi Kerajaan terhadap produk-produk tersebut bakal dimansuhkan secara beransur-ansur dan mungkin menambah tahap kesan pindahan, impak sebenar mungkin kecil memandangkan negara-negara yang hanya mempunyai kawalan harga yang sedikit juga mengalami kesan pindahan kadar pertukaran yang rendah.

Implikasi Dasar dan Kesimpulan

Berdasarkan bukti empirikal, penambahan nilai ringgit hanya menyebabkan penurunan yang secara relatifnya kecil ke atas kos import. Pengeluar pula tidak memindahkan penjimatan kos sepenuhnya kepada pengguna. Berdasarkan ciri-ciri IHP yang kurang peka terhadap pergerakan kadar pertukaran, maka kadar pertukaran boleh dikatakan memainkan peranan yang kecil dalam mengurangkan kesan inflasi yang diimport. Meskipun dapatan ini menyamai dapatan kajian lain dalam bidang yang sama, satu pengecualian penting ialah tempoh kajian adalah semasa persekitaran inflasi secara relatifnya stabil dan penambahan nilai ringgit adalah teratur. Seperti yang dibincangkan, magnitud perubahan kadar pertukaran adalah penting dari segi menentukan kesannya terhadap harga import dan harga pengguna. Penambahan nilai mata wang yang terlalu ketara boleh menjejaskan daya saing, yang seterusnya mengurangkan pendapatan dan melemahkan permintaan dalam negeri. Sebaliknya, penyusutan nilai yang amat ketara boleh menambah tekanan inflasi terhadap harga pengguna apabila harga import yang makin tinggi tidak dapat ditampung oleh pengimport yang seterusnya memindahkan kenaikan kos import kepada pengguna. Dalam hal ini, kepentingan pelarasan dua hala yang teratur dalam mata wang perlu terus menjadi objektif dasar yang penting bagi bank pusat dalam ekonomi kecil yang terbuka.

pengawasan dan maklumat yang lebih baik. Kelima, kerjasama yang lebih rapat antara bank-bank pusat di rantau ini juga meningkatkan keupayaan Bank untuk menguruskan risiko yang berpunca daripada aliran modal.

DASAR FISKAL

Dasar fiskal pada tahun 2012 menjurus ke arah merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri dan memberi sokongan kepada pelan transformasi ekonomi. Cabaran utama untuk Kerajaan pada tahun 2012 adalah untuk terus memberi sokongan kepada permintaan dalam negeri di tengah-tengah sektor luaran yang semakin lemah di samping memastikan kedudukan fiskal kekal mampan. Dalam hal ini, penekanan yang lebih telah diberi dalam Belanjawan 2012 kepada menjana pertumbuhan melalui pelaburan dan penggunaan sektor swasta. Pelaksanaan inisiatif transformasi Kerajaan yang tepat pada masanya di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Result Areas, NKRA), Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Areas, NKEA) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (Strategic Reform Initiatives, SRI) juga merupakan tumpuan utama Kerajaan.

Jadual 4.5

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	RM bilion		Perubahan %	
	2011*a*	2012*B*	2011*a*	2012*B*
Hasil	185.4	186.9	16.1	0.8
Jumlah perbelanjaan	229.0	230.8	12.0	0.8
Perbelanjaan mengurus	*182.6*	*181.6*	*20.4*	*-0.6*
Perbelanjaan pembangunan kasar	*46.4*	*49.2*	*-12.1*	*6.1*
Terimaan balik pinjaman	1.1	0.9		
Imbangan keseluruhan	**-42.5**	**-43.0**		
% daripada KDNK	**-5.0**	**-4.7**		
Sumber pembiayaan:				
Peminjaman dalam negeri bersih	45.1	-		
Peminjaman luar negeri bersih	0.5	-		
Harta boleh jual[1] dan pelarasan	-3.1	-		

[1] Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul
a Awalan
B Bajet
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan

Sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk menggiatkan pelaburan, beberapa inisiatif utama telah digariskan dalam Belanjawan 2012. Pertama, peningkatan inisiatif perkongsian awam-swasta (public-private partnership, PPP) yang sedia ada untuk melaksanakan projek pembangunan menerusi pembiayaan sektor swasta. Bagi tujuan ini, sebanyak RM2.5 bilion diperuntukkan dalam Belanjawan 2012 di bawah Dana Mudah Cara PPP untuk membantu sektor swasta dalam memulakan pelbagai projek pemangkin. Kedua, pengenalan pelbagai insentif cukai untuk memudahkan pembangunan projek berimpak tinggi dalam sektor yang disasarkan. Insentif ini disediakan bagi projek di Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur, Wilayah Pembangunan Iskandar dan koridor serantau lain yang dijangka mempunyai kesan pengganda yang besar kepada aktiviti ekonomi. Inisiatif ketiga melibatkan menarik minat pelaburan dan penyertaan asing dalam ekonomi melalui liberalisasi yang selanjutnya ke atas 17 subsektor perkhidmatan yang membenarkan pemilikan asing sehingga 100%. Inisiatif ini dijangka meningkatkan daya saing sektor perkhidmatan dalam negeri yang telah dikenal pasti sebagai salah satu daripada pemacu utama pertumbuhan ekonomi.

Sejajar dengan inisiatif transformasi Kerajaan di bawah NKRA, Belanjawan 2012 juga menekankan kepada pembangunan modal insan yang selanjutnya dan meningkatkan pembangunan luar bandar. Kedua-dua bidang ini adalah kritikal untuk Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi yang berlandaskan asas-asas yang terangkum dan mampan. Dari segi pembangunan modal insan, keutamaan diberi kepada peningkatan kualiti pendidikan. Antara langkah-langkah yang diumumkan ialah penubuhan beberapa dana untuk menggalakkan kreativiti dan inovasi, dan pengenalan pelbagai insentif cukai untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta yang lebih besar dalam bidang yang berkaitan dengan pembinaan tenaga mahir dan meningkatkan kualiti pendidikan. Program Transformasi Luar Bandar telah diperkenalkan untuk menarik pelaburan dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan baharu di kawasan luar bandar. Program ini juga termasuk membantu usahawan kecil luar bandar bagi mencapai pasaran yang lebih luas untuk mengedarkan keluaran mereka.

Rajah 4.5

Imbangan Fiskal dan Hutang Kerajaan Persekutuan



a Awalan
B Bajet

Sumber: Kementerian Kewangan

Keutamaan juga diberi kepada pelaksanaan program untuk meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi rakyat Malaysia, terutamanya mereka yang dalam kumpulan berpendapatan rendah. Kerajaan telah menyediakan program bantuan kewangan seperti bantuan wang tunai sebanyak RM500 kepada isi rumah dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM3,000 dan memperkenalkan skim SARA 1Malaysia. Selain daripada meningkatkan kesejahteraan rakyat, langkah ini juga bertindak sebagai pemangkin untuk pertumbuhan kerana ia akan menyumbang ke arah menyokong penggunaan swasta. Memandangkan jangkaan harga komoditi global yang terus tinggi dan kesan terhadap kos sara hidup, sejumlah RM33.2 bilion telah diperuntukkan dalam pelbagai bentuk subsidi, bantuan dan insentif. Insentif telah disediakan untuk program-program yang bertujuan meningkatkan pengeluaran makanan seperti beras, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan. Di samping itu, beberapa langkah dasar untuk merangsang pemilikan rumah juga telah diumumkan.

Sebagai contoh, Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA) telah diwujudkan untuk membina rumah mampu milik dan berkualiti bagi kumpulan berpendapatan sederhana.

Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka terus mengecil daripada 5.0% pada tahun 2011 kepada 4.7% daripada KDNK pada tahun 2012. Pungutan hasil dijangka meningkat kepada RM186.9 bilion, disokong oleh pentadbiran cukai yang lebih baik dan pematuhan yang lebih tinggi dalam penyerahan dan pungutan cukai. Jumlah perbelanjaan terus kekal menyokong pertumbuhan dengan peruntukan sebanyak RM181.6 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM49.2 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan pembangunan akan disalurkan untuk projek dan program di bawah rancangan pelaksanaan kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh termasuk inisiatif transformasi di bawah NKRA, NKEA dan SRI. Kerajaan akan terus membiayai defisit fiskal daripada sumber dalam negeri, terutamanya melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan, memandangkan tabungan dalam negeri yang tinggi dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan terus menghadapi tugas mencabar untuk mengimbangi antara pengukuhan fiskal dengan keperluan untuk menyokong inisiatif untuk mentransformasikan negara menjadi ekonomi berpendapatan tinggi. Dalam jangka sederhana, Kerajaan akan terus komited untuk pengukuhan fiskal. Kejayaan pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi dan semua inisiatif pembaharuan lain dijangka akan memastikan pertumbuhan yang mampan yang akan meningkatkan hasil cukai, lantas menyumbang secara langsung kepada usaha Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan fiskalnya.

2011

TADBIR URUS, PEMBANGUNAN ORGANISASI DAN KOMUNIKASI

127 Tadbir Urus

132 Pembangunan Organisasi

134 *Rencana: Pelan Urusan Bank Negara Malaysia 2009-2011*

139 Komunikasi

143 Struktur Organisasi

Bank Negara Malaysia (Bank) telah diamanahkan dengan mandat teras untuk memelihara monetari dan kestabilan sistem kewangan, dan menyokong pertumbuhan jangka sederhana dan panjang yang mampan. Bank berjaya melaksanakan mandatnya melalui usaha yang berterusan dalam bidang tadbir urus dan pembangunan organisasi. Pada tahun 2011, Bank telah memperkukuh lagi usahanya dalam bidang tersebut bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan serta kepantasannya untuk bertindak balas terhadap cabaran pada masa hadapan.

TADBIR URUS

Lembaga Pengarah berperanan penting dalam memastikan Bank terus melaksanakan mandatnya untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan dalam persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah menjalankan pengawasan terhadap pengurusan Bank dan mengkaji semula prestasi Bank dalam melaksanakan mandat dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya. Lembaga Pengarah turut mengkaji semula peruntukan dan penggunaan sumber, kedudukan kewangan Bank, dan menyelia hal-hal pentadbiran lain yang mempengaruhi keberkesanan dan kecekapan operasi Bank. Bagi menyokong Lembaga Pengarah melaksanakan fungsi-fungsi ini, rangka kerja tadbir urus, pengawalan dan pengurusan risiko yang menyeluruh telah disediakan untuk mewujudkan infrastruktur menyokong yang sewajarnya kepada Lembaga Pengarah dalam menjalankan fungsi pengawasannya dan untuk sentiasa memaklumi Lembaga Pengarah semua perkara penting yang boleh menjejaskan Bank.

Pada tahun 2011, Lembaga Pengarah telah mengadakan dua belas mesyuarat untuk membincangkan pelbagai aspek operasi Bank. Salah satu agenda penting yang tetap dalam perbincangan Lembaga Pengarah ialah mengenai keadaan ekonomi dan kewangan, dan bagaimana perkembangan dalam dan luar negeri memberi kesan kepada ekonomi dan boleh mempengaruhi operasi Bank dalam melaksanakan mandatnya. Ini juga melibatkan perbincangan mengenai langkah-langkah dasar yang dipertimbangkan oleh Bank bagi menangani isu yang timbul. Keadaan kewangan, pengurusan rizab dan pengurusan mata wang Bank turut diperbincangkan pada setiap mesyuarat. Ini membolehkan Lembaga Pengarah sentiasa mengkaji semula prestasi Bank dalam keberkesanan mencapai matlamatnya. Perumusan dasar dan prospek risiko yang melibatkan sistem kewangan Islam dan konvensional serta sistem pembayaran juga dibawa ke perhatian Lembaga Pengarah secara berkala.

Salah satu pencapaian utama Bank pada tahun 2011 ialah penerbitan Pelan Sektor Kewangan. Dalam merumuskan Pelan ini, Lembaga Pengarah berbincang mengenai teras dasar yang akan diterima pakai yang akan membentuk pembangunan sektor kewangan untuk tempoh sepuluh tahun akan datang. Satu lagi pencapaian utama pada tahun itu ialah selesainya kaji semula menyeluruh terhadap undang-undang kawal selia yang mentadbir institusi kewangan, pasaran dan sistem pembayaran di bawah bidang kuasa Bank, yang seterusnya menghasilkan saranan untuk penggubalan undang-undang baharu yang bersepadu. Dalam mempertimbangkan saranan ini, perbincangan Lembaga Pengarah mengambil kira langkah-langkah pembaharuan kawal selia global, kehadiran entiti Malaysia merentas sempadan dan pengkonglomeratan kewangan (financial conglomeration) yang semakin meningkat, serta bagaimana undang-undang baharu ini akan melengkapi Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Pembangunan dan kesejahteraan organisasi juga diselia oleh Lembaga Pengarah. Pada tahun 2011, beberapa inisiatif telah dilaksanakan berhubung dengan dasar pengurusan modal insan bagi memastikan Bank terus mempunyai pekerja berpengetahuan yang berkemahiran tinggi untuk melaksanakan mandatnya. Dalam membincangkan inisiatif tersebut, Lembaga Pengarah mempertimbangkan inisiatif yang akan membolehkan Bank mencapai prestasi yang lebih tinggi dan pada masa yang sama memastikan kakitangan mendapat pembangunan yang berkaitan, latihan dan ganjaran yang kompetitif. Sama penting ialah

budaya organisasi melalui sokongan berterusan terhadap penambahbaikan dasar dalaman Bank berhubung dengan tadbir urus, kawalan dalaman dan pengurusan risiko.

Dalam melaksanakan fungsi pengawasannya, Lembaga Pengarah dibantu oleh tiga Jawatankuasa Lembaga iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga (Board Governance Committee, BGC), Jawatankuasa Audit Lembaga (Board Audit Committee, BAC) dan Jawatankuasa Risiko Lembaga (Board Risk Committee, BRC). Jawatankuasa Lembaga masing-masing terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah bebas dan bukan eksekutif dan ditadbir oleh undang-undang kecil yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. (Butiran mengenai tanggungjawab setiap Jawatankuasa boleh didapati dalam rencana Laporan Tahunan 2010 bertajuk *'Pelaksanaan Akta Bank Negara Malaysia 2009'*).

BGC mengkaji semula belanjawan dan pelan urusan Bank yang merangkumi penilaian kecekapannya dalam aktiviti belanjawan dan pengurusan kewangan. Antara bidang yang diperbincangkan ialah pengutamaan projek dan inisiatif Bank, serta inisiatif penjimatan kos termasuk memperhebat usaha peralihan kepada e-pembayaran. Salah satu daripada tumpuan utama BAC pada tahun 2011 ialah kajian semula hal-hal berhubung dengan fungsi audit dalaman bagi memastikan keberkesanannya dalam memberikan penilaian bebas terhadap tadbir urus, kawalan dalaman dan langkah-langkah pengurusan risiko. BAC juga memastikan tindakan pemulihan yang sewajarnya diambil bagi menangani isu yang dibangkitkan dalam laporan audit yang disediakan oleh Jabatan Audit Negara. BRC memantau rapi pengurusan risiko bagi seluruh Bank, dalam perkara yang boleh mengakibatkan kerugian kewangan, gangguan operasi, dan kegagalan untuk mencapai matlamat atau pencemaran reputasi Bank. Pada tahun 2011, BRC juga bekerjasama rapat dengan BAC untuk memastikan pelaksanaan dasar dan proses pengurusan risiko di Bank berjaya.

Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko merupakan komponen asas rangka kerja tadbir urus untuk membolehkan pelaksanaan mandat Bank yang berkesan dan cekap, dan pada masa yang sama memelihara aset dan reputasi Bank. Pada tahun 2011, Bank terus mengukuhkan rangka kerja tadbir urus pengurusan risiko untuk memastikan rangka kerja tersebut cukup mantap untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan. Bank juga melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan lagi budaya pengurusan risiko, termasuk menerapkan proses pengurusan risiko ke dalam semua inisiatif strategik, perumusan dasar dan operasi Bank.

Rangka kerja Pengurusan Risiko

Bank menerima pakai pendekatan Pengurusan Risiko Organisasi (Enterprise Risk Management, ERM) untuk menangani dengan berkesan risiko yang semakin kompleks dan saling berkait merentas fungsi-fungsi Bank yang berlainan. Rangka kerja keseluruhan ini menetapkan prinsip dan proses umum untuk memastikan pengurusan dan pengawasan risiko yang konsisten dan berkesan di Bank. Di bawah ERM, rangka kerja Pengurusan Risiko Operasi dan rangka kerja Pengurusan Risiko Kewangan direka bentuk untuk memberikan lebih kejelasan dalam menguruskan jenis risiko yang khusus. ERM juga disokong oleh dasar, piawaian, prosedur dan panduan yang lebih terperinci untuk memastikan kesalinghubungan risiko ditangani pada semua peringkat.

Struktur tadbir urus Pengurusan Risiko

Tadbir urus dan struktur pengurusan risiko Bank memberikan kebertanggungjawaban dan tanggungjawab yang jelas bagi memastikan strategi pengurusan risiko terus berkesan, dan risiko-risiko penting dikenal pasti, dinilai, dipantau, diurus dan dilaporkan dengan segera dan secukupnya.

Lembaga Pengarah dan BRC, yang berada pada peringkat atas struktur tadbir urus, mengawasi keseluruhan pengurusan risiko di Bank. Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik pengurusan risiko oleh Bank dan memastikan Bank mengenal pasti risiko utama dan mempunyai sistem, proses dan sumber yang sewajarnya untuk menguruskan risiko tersebut.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (Risk Management Committee, RMC), yang dipengerusikan oleh Gabenor, bertanggungjawab untuk mengurus risiko organisasi yang berkaitan dengan pelaksanaan mandat dan pencapaian matlamat strategik Bank. RMC juga merupakan platform bagi perbincangan yang terfokus pada isu dan kebimbangan yang berpunca daripada sebarang aspek aktiviti Bank yang boleh mendedahkan Bank kepada risiko yang besar, dan juga memastikan keberkesanan pengurusan risiko di Bank. Semua peristiwa risiko penting juga akan dimaklumkan kepada BRC dan Lembaga Pengarah. Dalam melengkapi Bank untuk

menghadapi persekitaran yang lebih mencabar, RMC juga mendorong penambahbaikan rangka kerja, amalan dan budaya pengurusan risiko Bank. Dua jawatankuasa kecil, iaitu Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kewangan, yang masing-masing diketuai oleh seorang Timbalan Gabenor yang telah dilantik, menyediakan platform penting bagi membantu RMC membuat keputusan mengenai risiko operasi dan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Jawatankuasa ini melaksanakan pengawasan yang berkesan terhadap risiko yang berhubung dengan sistem, warga kerja dan proses Bank serta risiko kewangan Bank.

Jawatankuasa Pengurusan Rizab (Reserve Management Commitee, ReMC) mengawasi risiko dan pulangan, terutamanya berkaitan dengan pengurusan rizab antarabangsa negara. ReMC menyediakan platform kajian semula yang terpusat dan holistik bagi semua risiko yang berpunca daripada pengurusan rizab antarabangsa untuk memastikan penilaian risiko yang menyeluruh dibuat ke atas semua strategi pelaburan. Ini termasuk penilaian terhadap pulangan ke atas pelaburan strategik yang diukur berasaskan pulangan terlaras risiko. Mesyuarat suku tahunan, serta laporan harian dan mingguan tentang risiko pasaran, kredit dan operasi untuk semua dedahan pelaburan dilaporkan oleh pengurus risiko kepada ahli ReMC bagi memastikan semua risiko berada dalam garis panduan pelaburan dan kesanggupan mengambil risiko yang diluluskan oleh Bank, dan keputusan pelaburan dilaksanakan dengan cara yang betul dan tepat pada masanya.

Mengukuhkan rangka kerja Pengurusan Risiko

Pelaksanaan pertahanan tiga barisan (three lines of defence) dalam pendekatan tadbir urus telah menginstitusikan amalan pengurusan risiko yang berkesan dalam Bank dan memberikan kejelasan kepada peranan, tanggungjawab dan kebertanggungjawaban semua pihak dalam organisasi.

Barisan pertahanan pertama terdiri daripada jabatan yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti, menilai, mengurangkan dan melaporkan risiko dalam bidang masing-masing. Mereka perlu benar-benar tahu risiko yang diambil dan bertanggungjawab untuk memastikan kawalan yang mencukupi disediakan. Selain itu, mereka juga mesti berupaya untuk menyelaraskan strategi pengurusan risiko masing-masing untuk memastikan keupayaan mereka melaksanakan mandat Bank dan matlamat strategik tidak terjejas.

Barisan pertahanan kedua merujuk pada fungsi pengurusan risiko dalam Bank yang memberikan pengawasan dan khidmat nasihat kepada jabatan-jabatan. Terdapat tiga bahagian utama Bank yang terlibat, yang pertama ialah Jabatan Pengurusan Strategik dan Risiko (Strategic and Risk Management Department, SRMD), yang bertanggungjawab untuk membangun dan mentadbir keseluruhan rangka kerja pengurusan risiko. SRMD juga mengkaji semula penilaian risiko yang dibuat oleh jabatan, mengenal pasti peristiwa risiko seluruh organisasi untuk dibincangkan pada mesyuarat jawatankuasa risiko yang berkaitan. Barisan kedua juga termasuk Pemilik Dasar Risiko (Risk Policy Owners, RPOs) yang menguruskan risiko rentas lintang khusus (risiko yang terhasil daripada aktiviti/ proses yang lazim kepada semua proses perniagaan lain), contohnya risiko manusia, teknologi dan undang-undang. Turut termasuk dalam barisan kedua ialah seksyen Pengurusan Risiko Perbendaharaan di Jabatan Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan yang bertanggungjawab untuk memantau dedahan risiko dan pengurusan risiko yang berkaitan dengan pengurusan rizab antarabangsa dalam bidang risiko pasaran, kredit dan operasi.

Barisan ketiga pertahanan merujuk kepada Jabatan Audit Dalaman yang memberikan jaminan dan pengesahan bebas bagi pelaksanaan dan keberkesanan amalan pengurusan risiko.

Inisiatif utama pada tahun 2011

Pelaksanaan laporan berkala risiko organisasi yang lebih tersusun menyediakan mekanisme penilaian dan pemantauan yang konsisten untuk RMC dan BRC menjalankan pengawasan mereka ke atas aktiviti-aktiviti pengambilan risiko oleh Bank. Ini juga menghasilkan pengenalpastian, penilaian dan perbincangan yang lebih berkesan terhadap risiko utama yang dihadapi oleh Bank. Pengenalpastian dan penilaian risiko yang lebih menyeluruh dan berkualiti telah dicapai melalui peningkatan kebertanggungjawaban yang ditunjukkan oleh barisan pertahanan pertama, bersama-sama dengan proses pengesahan dan khidmat nasihat yang disediakan oleh SRMD. Pada tahun 2011, hubungan antara penilaian risiko dengan hasil strategik Pelan Urusan juga lebih nyata. Pandangan daripada atas ke bawah

yang aktif meningkatkan perspektif strategik untuk pengurusan risiko yang lebih berkesan pada peringkat organisasi. Proses dan tadbir urus yang dipertingkat memberi lebih kejelasan kepada pengurusan kanan untuk menguruskan risiko secara aktif dalam sektor masing-masing.

Strategi pengurusan risiko telah menjadi lebih bersifat awalan, dengan tumpuan khas diberi kepada menangani risiko yang berkaitan dengan inisiatif baharu seperti pengeluaran mata wang kertas dan syiling baharu, selain risiko baharu yang bakal dihadapi seperti ancaman siber dan risiko keselamatan maklumat yang berpunca daripada peranti mudah alih. Risiko yang bakal dihadapi yang penting seperti kesan krisis Eropah terhadap rizab dan portfolio strategik Bank juga dibincangkan oleh RMC dan BRC.

Pelaksanaan Penilaian Kendiri Kawalan Risiko berasaskan sistem (system based Risk Control Self Assessment, eRCSA) telah memudahkan penilaian risiko secara mendatar di seluruh Bank berdasarkan peristiwa dan penyebab risiko. Dalam merumuskan Pelan Urusan Bank bagi tahun 2012-14, sektor-sektor yang lain telah melaksanakan penilaian risiko terhadap risiko persekitaran yang timbul serta risiko yang boleh menghalang pelaksanaan mandat Bank.

Tahun 2011 juga telah menyaksikan penglibatan yang lebih aktif dalam kalangan RPO dalam menguruskan risiko rentas lintang. Konsep RPO telah diperkenal untuk memastikan jabatan-jabatan yang bertanggungjawab terhadap risiko rentas lintang menguruskan risiko dengan berkesan. Penglibatan yang lebih besar daripada RPO menggalakkan pengurusan risiko rentas lintang yang lebih berkesan di Bank dan memastikan semua jenis risiko diambil kira.

Berikutan kepentingan memelihara kredibiliti dan reputasi Bank, usaha pada tahun 2011 ditumpukan pada pembentukan strategi yang berkesan untuk menguruskan risiko reputasi. Usaha-usaha yang lebih gigih telah dibuat ke arah mewujudkan peningkatan kejelasan di seluruh organisasi tentang peristiwa risiko yang boleh menjejaskan reputasi Bank. Ini membolehkan Bank menghasilkan pendekatan yang lebih sistematik dalam memahami sifat peristiwa risiko reputasi khusus dan menyalurkan sumber bagi menangani punca risiko tersebut. Satu komponen penting dalam inisiatif ini ialah perumusan Rangka Kerja Interaksi dengan Pihak Berkepentingan.

Mempertingkat infrastruktur, rangka kerja dan dasar BCM

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (Business Continuity Management, BCM) Bank kekal sebagai agenda penting dalam memastikan Bank bersedia untuk meneruskan fungsi perbankan pusat yang kritikal, selain melindungi kakitangan dan aset Bank dalam keadaan krisis.

Keadaan kesediaan dan keupayaan Bank untuk bertindak balas semasa gangguan operasi terus diperkukuh dengan penambahbaikan infrastruktur pemulihan perniagaan, khususnya dengan menaikkan taraf Pusat Pemulihan yang kini lebih berupaya untuk menempatkan operasi Bank yang kritikal sekiranya peristiwa krisis berlanjutan sehingga satu bulan. Bank juga terus menjalankan ujian, membuat latihan *call tree* dan menguji kesalinghubungan antara sistem dalam seluruh Bank sepanjang tahun 2011.

Bank juga terlibat dengan platform pemulihan bencana peringkat kebangsaan. Ini termasuk penyertaan dalam latihan pemulihan, seperti latihan siber tahunan peringkat kebangsaan, bagi memastikan kerjasama dan penyelarasan yang lebih baik dengan agensi-agensi pengawalseliaan lain serta institusi-institusi yang diselia oleh Bank. Bank memanfaatkan penglibatannya pada peringkat kebangsaan untuk meningkatkan akses kepada infrastruktur pemulihan peringkat kebangsaan bagi mengukuhkan lagi keupayaan pemulihannya. Hubungan strategik antara Bank dengan Majlis Keselamatan Negara telah dijalin bagi mengukuhkan lagi kemantapan Pelan Kesinambungan Perniagaan Bank dalam keadaan kecemasan.

Di samping itu, Rangka Kerja BCM Bank telah disemak pada tahun 2011 untuk menyelaraskannya dengan amalan BCM semasa industri. Antara penambahbaikan penting ialah pembentukan struktur tadbir urus BCM yang lebih berkesan. Skop fungsi kritikal juga diperluas, dengan mengambil kira semua matlamat utama Bank seperti yang digariskan dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009. Rangka kerja BCM yang disemak juga menginstitusikan strategi komunikasi yang lebih sistematik dalam bentuk penyelarasan dan kerjasama yang lebih rapat dengan industri kewangan dalam persiapan menghadapi potensi risiko sistemik atau gangguan operasi dalam sektor kewangan.

Menerapkan budaya Pengurusan Risiko pada semua peringkat

Sosialisasi rangka kerja Pengurusan Risiko Operasi dan Pengurusan Risiko Kewangan yang baharu memupuk pemahaman rangka kerja pengurusan risiko Bank yang konsisten. Penambahbaikan yang dibuat pada Penilaian Kendiri Kawalan Risiko (Risk Control Self Assessment, RCSA), termasuk menghubungkannya dengan hasil strategik pelan urusan dan dimudahkan lagi oleh sistem eRCSA yang baharu, telah menghasilkan komitmen dan penglibatan pegawai kanan yang lebih besar dalam barisan pertahanan pertama. Latihan penilaian risiko tahunan ini telah membolehkan jabatan-jabatan memupuk pemahaman yang lebih baik dalam kalangan kakitangan mereka terhadap risiko yang dihadapi dalam bidang masing-masing, punca-puncanya dan kawalan yang ada untuk mengurangkan risiko tersebut. Rangka kerja yang baharu ini juga telah membentuk bahasa dan taksonomi pengurusan risiko yang sama untuk digunakan di Bank, lantas memudahkan penilaian dan pelaporan risiko yang lebih konsisten. Pada peringkat organisasi, pengumpulan penilaian kendiri menyediakan platform untuk perbincangan risiko yang lebih terperinci dalam sektor dan juga seluruh organisasi.

Bagi memudahkan pematuhan kakitangan terhadap dasar dan garis panduan dalaman, SRMD telah memulakan repositori pusat untuk dasar dan garis panduan dalaman Bank. Platform ini akan menjadi pusat rujukan tunggal dan memberikan akses mudah kepada semua kakitangan, dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2012. Tumpuan yang lebih besar juga telah diberi pada pengurusan keselamatan maklumat untuk memastikan maklumat sulit dan strategik Bank dilindungi dengan secukupnya.

Prospek Pengurusan Risiko

Bank menjangkakan cabaran yang lebih besar dalam menguruskan risiko yang bersifat lebih dinamik selain membentuk budaya pengurusan risiko yang betul. Beberapa inisiatif telah dirangka untuk menghadapi cabaran ini.

Alat pengurusan risiko yang lebih bersepadu dirancang bagi memperkukuh metodologi pengurusan risiko yang boleh digunakan untuk perancangan perniagaan dan membuat keputusan. Bagi tujuan ini, strategi ERM yang lebih holistik akan dibangunkan untuk menggabung dan mempertingkat metodologi pengurusan risiko yang bersepadu. Antara keutamaan ialah penyepaduan yang lancar bagi pengurusan risiko, strategik, kewangan dan sumber. Pendekatan yang lebih berstruktur dan jelas dalam mentakrif kesanggupan mengambil risiko dan toleransi risiko juga merupakan bidang utama untuk dipertingkatkan.

Kesedaran dan budaya pengurusan risiko dijangka berkembang dengan kematangan alat penilaian risiko, dan alat tersebut dijangka diterapkan dalam operasi harian serta ketika membuat keputusan pada semua peringkat dalam Bank

Kesedaran dan budaya pengurusan risiko dijangka berkembang dengan kematangan alat penilaian risiko, dan alat tersebut dijangka diterapkan dalam operasi harian serta ketika membuat keputusan pada semua peringkat dalam Bank. Ini akan ditambah dengan usaha-usaha yang disasarkan khusus untuk meningkatkan kesedaran pengurusan risiko termasuk latihan pengurusan risiko dan sesi perbincangan dan interaksi secara berstruktur.

Di samping itu, pengurusan risiko di Bank akan terus dipantau melalui penandaarasan dengan amalan terbaik industri yang berterusan, terutamanya dengan bank-bank pusat lain. Inisiatif-inisiatif ini menjurus ke arah pembangunan metodologi pengurusan risiko yang boleh memberi sokongan padu kepada Bank dalam melaksanakan mandat dan mencapai objektif strategiknya.

Kawalan Dalaman

Jabatan Audit Dalaman (Internal Audit Department, IAD) menyediakan penilaian yang bebas dan objektif berhubung dengan langkah-langkah pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus Bank yang berkaitan dengan fungsi dan aktiviti utamanya bagi menyokong mandat Jawatankuasa Audit Lembaga (Board Audit Committee, BAC). Aktiviti audit dirancang untuk tempoh tiga tahun, dan semakan secara

berkala dilakukan bagi membolehkan pelarasan dibuat sejajar dengan perubahan aktiviti-aktiviti dan persekitaran operasi Bank. IAD sering mengadakan perbincangan dengan SRMD dan jabatan-jabatan utama lain bagi memastikan pelan audit sentiasa tertumpu pada bidang keutamaan dan risiko penting Bank.

IAD terus melaksanakan pendekatan audit secara tiga hala (three-pronged) pada tahun 2011, iaitu dengan menjalankan semakan secara menyeluruh (end-to-end review) terhadap proses teras Bank, melaksanakan penilaian secara tematik bagi aktiviti-aktiviti lazim untuk tujuan penandaarasan, serta semakan ke atas aktiviti penting yang khusus kepada jabatan dan entiti tertentu Bank. Sehubungan dengan ini, beberapa audit juga dijalankan secara serentak dan terselaras ke atas jabatan dan entiti berkaitan untuk mencapai beberapa matlamat, seperti mengenal pasti risiko yang terdapat dalam rantaian aktiviti serta proses teras Bank dan untuk mendedahkan risiko sistemik merentas jabatan-jabatan. Pengenalpastian risiko-risiko sedemikian akan membolehkan IAD menilai kecukupan amalan dan kawalan pengurusan risiko Bank adalah memadai, dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah yang menyeluruh bagi menangani risiko-risiko tersebut. Di samping itu, IAD juga menjalankan audit ke atas syarikat subsidiari dan sekutu Bank untuk memberikan penilaian yang holistik berhubung dengan risiko-risiko utama yang mungkin menjejaskan pelaksanaan mandat dan pencapaian matlamat Bank.

Untuk melengkapi aktiviti-aktiviti audit, IAD memberikan input kepada pelbagai jawatankuasa kerja, pasukan petugas, jabatan-jabatan dan entiti pihak ketiga yang berkaitan, dalam usahanya untuk memperkukuh kawalan dalaman, proses tadbir urus dan langkah-langkah pengurusan risiko yang cukup kukuh untuk mengurangkan risiko-risiko utama Bank. Di samping itu, sebagai sebahagian daripada usaha IAD untuk terus mempertingkat kualiti dan keberkesanan perkhidmatannya, maklum balas dan ulasan mengenai pengendalian dan prestasi pasukan audit telah diminta dan tindakan telah diambil untuk menangani isu-isu yang wajar berhubung dengan kualiti dan keberkesanan audit. Maklum balas dan langkah-langkah penambahbaikan juga telah dilaporkan kepada BAC dan Pengurusan Bank.

Bagi tahun 2011, IAD telah menyiapkan semua tugasan auditnya seperti yang dirancang berserta dengan tugasan tambahan (ad-hoc) yang diminta oleh BAC dan pihak Pengurusan Bank. Cadangan-cadangan yang dikemukakan pada tahun 2011, telah diterima dan dilaksanakan oleh jabatan-jabatan dan entiti-entiti berkaitan untuk memperkukuh fungsi pengurusan risiko dan kawalan dalaman bagi operasi Bank, dan dalam entiti-entiti berkenaan untuk memastikan risiko-risiko utama terus diurus secara aktif dan berkesan.

PEMBANGUNAN ORGANISASI

Menjadi Organisasi Berprestasi Tinggi

Tahun 2011 menandakan tamatnya Pelan Urusan Bank 2009-2011 ("Pelan Urusan"). Pelaksanaan Pelan Urusan ini telah menyumbang dengan ketara kepada transformasi Bank untuk menjadi sebuah organisasi yang berfokuskan strategi dan berprestasi tinggi. Lihat rencana '*Pelan Urusan Bank Negara Malaysia 2009-2011*' untuk gambaran keseluruhan dan pencapaian Pelan Urusan ini.

Bagi tahun 2011, Bank terus memberi tumpuan ke arah melaksanakan mandat teras monetari dan kestabilan kewangan yang begitu mencabar memandangkan persekitaran ekonomi dan kewangan global yang tidak menentu. Sejajar dengan matlamat yang ditetapkan dalam Pelan Urusan, pelbagai strategi terus dilaksanakan untuk mengukuhkan keberkesanan dan kecekapan Bank dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Dalam meningkatkan lagi proses membuat keputusan Bank, jawatankuasa dalaman Bank telah diperkemas serta penglibatan Bank dalam jawatankuasa luar juga telah dikaji semula dan digabungkan. Amalan pengurusan risiko telah dipertingkat melalui rangka kerja, alat serta metodologi risiko yang lebih kukuh. Selain itu, rangka kerja baharu bertujuan untuk memanfaatkan penglibatan serta komunikasi dengan pihak berkepentingan juga telah disiapkan.

Dalam menyediakan pelan urusan bagi tempoh 2012-2014, Bank telah memperbaiki proses perancangan strategik dengan mempertingkatkan alat, metodologi dan proses perancangan. Pengimbasan alam sekitar dan analisis telah diperkukuhkan bagi memahami persekitaran dalaman dan luaran semasa dan yang akan datang, serta pergerakan trend masa hadapan yang boleh dijangka untuk tempoh tiga tahun yang akan datang.

Persidangan Pengurusan Kanan 2011 yang bertemakan "Strategik. Pintar. Mampan" telah direka bentuk menjadi satu platform yang menyediakan peluang untuk berbincang mengenai imbangan keperluan memenuhi kehendak pihak berkepentingan yang semakin meningkat, sambil memelihara persekitaran kerja yang mampan. Platform ini juga merupakan satu wadah dalam mengenal pasti serta membincangkan faktor-faktor penggerak yang kritikal dalam memastikan kejayaan Bank melaksanakan mandatnya. Penceramah-penceramah terkenal juga telah dijemput untuk berkongsi pengalaman mereka dalam bidang pengurusan risiko, kepimpinan dan juga inovasi dalam mencapai prestasi yang tinggi.

Sasana Kijang sebagai pusat serantau untuk pemikiran kepimpinan dalam perbankan pusat

Bagi menggalakkan kerjasama serantau dan antarabangsa, Bank telah melancarkan Sasana Kijang, iaitu satu pusat kecemerlangan moden khusus untuk perbankan pusat dan perkhidmatan kewangan. Sasana Kijang yang menempatkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) dan Pusat Penyelidikan dan Latihan SEACEN, dilengkapi dengan kemudahan untuk mengadakan mesyuarat dan persidangan yang terkini

Pengurusan Modal Insan

Tumpuan pada modal insan

Bank meneruskan pendekatan modal insan bersepadu bagi tahun 2011 dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha membangunkan tenaga kerja yang cekap dan progresif, merangkumi beberapa aspek seperti penawaran dan permintaan tenaga mahir, pembangunan, prestasi serta ganjaran untuk warga kerjanya. Bank terus mengorak langkah yang progresif untuk menarik, menilai, membangun, memberi ganjaran serta mengekalkan tenaga mahir bagi memacu prestasi Bank.

Padanan tugas dan peranan yang lebih tinggi untuk meningkatkan prestasi

Satu inisiatif utama dalam pengurusan modal insan yang diperkenalkan dalam tahun 2011 ialah kumpulan-kumpulan kerja (job families). Pendekatan ini dilaksanakan melalui penyelarasan jawatan berdasarkan persamaan ciri-ciri seperti kompetensi, kemahiran dan pengetahuan, serta mempunyai matlamat atau proses yang sama dalam kumpulan kerja tertentu. Ini membolehkan Bank melaksanakan strategi modal insan yang lebih efektif yang merangkumi pengambilan, pembangunan, pengurusan prestasi serta pemberian ganjaran. Pendekatan kumpulan kerja ini mengiktiraf perbezaan dalam nilai sumbangan dan kebertanggungjawaban antara kumpulan kerja. Ini juga membolehkan Bank memberi ganjaran yang berpatutan kepada warga kerja dalam usaha menarik, memotivasi serta mengekalkan tenaga mahir. Fasa pertama pelaksanaan inisiatif ini telah dilancarkan pada bulan Jun 2011 untuk jawatan eksekutif tahap pertama.

Bank juga mengukuhkan rangka kerja kemajuan kerjaya bagi pakar teknikal yang membolehkan kakitangan yang mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi dan berbeza untuk terus maju dalam bidang kerjaya teknikal. Dengan ini, mereka dapat menumpukan perhatian hanya dalam bidang teknikal yang khusus, dan mempunyai penglibatan yang minimum dalam hal-hal pentadbiran, dengan pakej ganjaran yang menarik dalam usaha untuk mengekalkan mereka. Sehingga kini, rangka kerja kemajuan kerjaya bagi tiga bidang teknikal iaitu risiko, aktuari dan undang-undang telah dilaksanakan untuk memenuhi permintaan dalaman berkaitan dengan khidmat nasihat teknikal.

Untuk mengekalkan barisan kepimpinan yang mantap, penilaian tenaga mahir secara berjadual turut dilakukan bagi memudahkan kemajuan strategik dan pergerakan dalam jawatan yang penting. Usaha berterusan dijalankan dalam mewujudkan kumpulan pelapis yang mantap dan kukuh, melalui pemprofilan kepimpinan

Pelan Urusan Bank Negara Malaysia 2009 – 2011

Pengenalan

Pelan Urusan tiga tahun Bank Negara Malaysia merupakan proses pengurusan strategik yang penting, bertujuan untuk memperjelas dan memberikan fokus pada dasar dan aktiviti organisasi ke arah mencapai mandat Bank. Dalam persekitaran operasi yang berubah-ubah dan sering kali mencabar, matlamat dan pencapaian yang disasarkan perlu diperjelaskan dan dijajarkan ke seluruh organisasi bagi memastikan keberkesanan Bank dalam melaksanakan peranan dan fungsinya. Pelan Urusan juga merupakan teras utama dalam memastikan Bank merealisasikan visinya untuk menjadi bank pusat yang progresif dan berprestasi tinggi, yang beriltizam untuk mencapai tahap kecemerlangan tertinggi.

Gambaran Keseluruhan

Pelan Urusan tiga tahun lalu bagi tempoh 2009 – 2011, menggariskan lapan bidang fokus strategik, yang setiap satu daripadanya terdiri daripada hasil strategik utama yang dilengkapi dengan strategi dan pelan tindakan untuk mencapai hasil strategik tersebut. Bidang fokus strategik berkisar sekitar mandat utama Bank, iaitu memastikan kestabilan monetari dan kewangan, membangunkan sektor kewangan yang progresif, dan menggalakkan sistem pembayaran yang diyakini dan cekap. Di samping itu, keutamaan juga diberikan terhadap usaha meningkatkan kapasiti dan keupayaan dalaman Bank, khususnya dalam bidang pembangunan modal insan, amalan pengurusan risiko, pengurusan sumber kewangan, dan infrastruktur fizikal dan teknologi maklumat. Satu lagi bidang fokus utama ialah komunikasi luaran serta perbincangan dan interaksi dengan pihak berkepentingan untuk memastikan dasar dan inisiatif Bank difahami sepenuhnya dan mencapai matlamatnya.

Pelan Urusan bagi tempoh 2009 – 2011 didorong oleh hasil yang dikehendaki dan mengandungi 33 hasil strategik yang dikenal pasti sebagai keutamaan penting Bank. Bagi memastikan Pelan Urusan ini dilaksanakan dengan berkesan, proses pengurusan strategik yang mantap telah dijalankan untuk memperjelas matlamat strategik ke seluruh Bank, mewujudkan kesedaran mengenai matlamat organisasi, memberikan pemahaman yang lebih jelas mengenai saling bergantungan antara hasil dasar, dan menekankan perlunya jalinan kerjasama yang berkesan di seluruh Bank. Tambahan pula, Pelan Urusan juga membolehkan keputusan berhubung dengan peruntukan sumber yang optimum kepada bidang yang mempunyai kepentingan strategik dibuat berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Pencapaian Utama Pelan Urusan 2009 – 2011

Pada akhir tahun 2011, Bank telah mencapai hampir kesemua hasil strategiknya. Sepanjang tempoh tersebut, Bank telah mewujudkan persekitaran operasi yang kondusif melalui pelaksanaan pelbagai dasar untuk mengekalkan pertumbuhan dalam negeri dengan kestabilan harga, kestabilan kewangan dan pasaran wang domestik dan pasaran pertukaran asing yang teratur. Bank sebagai penasihat ekonomi kepada Kerajaan, turut memainkan peranan dalam merumuskan dasar makroekonomi untuk mengurangkan kesan krisis kewangan global kepada ekonomi negara. Selain itu, Bank juga memberikan pandangan tentang strategi utama bagi transformasi ekonomi Malaysia jangka panjang. Sistem kewangan negara kekal stabil dan berdaya tahan pada tahun 2011 dan terus berfungsi tanpa gangguan terhadap proses pengantaraan. Faktor penting dalam usaha ini ialah mekanisme pengawasan yang teguh dan juga rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang kukuh. Bank juga telah mengeratkan kerjasama dan penyelarasan terhadap pengawasan dan pengurusan krisis dengan bank pusat dan agensi pengawal selia lain di rantau ini. Kejayaan turut dicapai dalam usaha memperkukuh kewangan Islam pada peringkat antarabangsa, dan dalam bidang amalan pasaran dan perlindungan pengguna.

Bagi memastikan tahap keberkesanan dan kecekapan yang tinggi, Bank telah memulakan inisiatif untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan dalamannya, dengan menekankan kepada aspek tadbir urus, pengurusan risiko, pembangunan modal insan, serta komunikasi

dan perbincangan dan interaksi dengan pihak berkepentingan. Penggubalan Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang baharu melengkapi Bank dengan kapasiti yang lebih untuk melaksanakan mandatnya, yang diperkukuh oleh usaha menginstitusikan rangka kerja tadbir urus bagi memastikan kebertanggungjawaban dan ketelusan yang tinggi. Fungsi pengawasan Lembaga Pengarah Bank juga dipertingkat lagi menerusi penubuhan Jawatankuasa Risiko Lembaga dan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga yang membolehkan sekatan dan imbangan (checks and balances) dilaksanakan pada peringkat yang lebih tinggi. Amalan pengurusan risiko telah diperkukuh lagi menerusi penerapan rangka kerja Pengurusan Risiko Operasi dan Pengurusan Risiko Kewangan baharu yang merupakan komponen penting dalam proses membuat keputusan oleh Bank.

Dalam usaha berterusan untuk melahirkan tenaga kerja yang kompeten dan progresif, Bank telah memantapkan kumpulan pelapis kepimpinannya, memperkemas peranan dan fungsi tugas dengan pakej imbuhan yang menarik serta melabur dalam sistem pengurusan pengetahuan yang berkesan. Strategi komunikasi serta perbincangan dan interaksi dengan pihak berkepentingan telah membolehkan Bank mengemukakan pendapat dan pandangannya dengan cara yang lebih berkesan, dan pada masa yang sama, menerima maklum balas terhadap dasar yang dilaksanakan dan isu-isu berbangkit.

Melangkah ke Hadapan

Pelan Urusan Bank bagi tempoh 2009 – 2011 telah membina asas untuk memastikan kesinambungan dan kesediaan Bank untuk menghadapi cabaran masa hadapan dengan lebih baik bagi mencapai matlamat yang dikehendaki. Selaras dengan pelaksanaan Pelan Sektor Kewangan (Financial Sector Blueprint), tumpuan akan dijuruskan ke arah pembangunan sistem kewangan yang lebih inklusif, peningkatan integrasi Malaysia dalam sistem ekonomi dan kewangan serantau dan global serta pengekalan prestasi Bank pada tahap yang tinggi. Isu dan keutamaan kini sedang ditangani melalui Pelan Urusan 2012 – 2014 yang baharu bagi memastikan Bank meneruskan inisiatifnya ke arah menjadi organisasi yang berfokus strategik, didorong oleh hasil yang dikehendaki dan juga mampan.

bagi pengurus-pengurus yang berpotensi, yang dijalankan oleh Pusat Pemprofilan Kepimpinan (Leadership Profiling Center, LPC). Kumpulan tenaga mahir diperkukuh melalui pengambilan strategik dari luar Bank pada peringkat pengurus dan ke atas dalam situasi yang memerlukan kemahiran khusus.

Pembangunan yang disasarkan untuk lebih nilai tambah

Pembangunan tenaga mahir dan pemimpin yang disasarkan serta mempergiatkan peningkatan kerjaya terus diberi tumpuan yang lebih dalam mewujudkan barisan pengganti dan pemimpin baharu dalam Bank. Pada tahun 2011, rangka kerja pembangunan kepimpinan berstruktur telah dibangunkan untuk mengukuhkan lagi bekalan pemimpin dan membantu kakitangan secara individu untuk meningkatkan kualiti kepimpinan mereka. Rangka kerja berstruktur ini menyediakan satu set program pembangunan kepimpinan (Leadership Development Programmes, LDP) untuk meningkatkan prestasi kakitangan serta menyokong pemimpin dalam peralihan merentasi pelbagai peringkat dalam Bank. LDP menggabungkan pengalaman pembelajaran di tempat kerja, *mentoring*, bimbingan, pembelajaran di dalam bilik darjah dan pendedahan lain yang berkaitan.

Dari segi kecekapan teknikal, program pembelajaran yang telah dianjurkan pada tahun 2011 telah memberi banyak penekanan kepada pengetahuan perbankan pusat serta bidang pengajian teknikal tertentu seperti pengawalseliaan sektor kewangan, makroekonomi, sistem pembayaran serta pengawasan kewangan. Dalam memastikan pembangunan yang lebih berstruktur dan holistik, Bank juga sedang memperhalusi rangka kerja kompetensi teknikal dan hala tuju pembelajaran bagi memenuhi keperluan serta kandungan ilmu pengetahuan yang berlainan berpadanan dengan kumpulan kerja serta yang baru dilaksanakan.

Selain memperhalus rangka kerja kepimpinan dan kompetensi teknikal, reka bentuk pelbagai program pembelajaran juga telah diperkukuhkan lagi bagi menghasikan impak yang lebih besar kepada pihak berkepentingan. Penekanan yang lebih berat telah diberikan kepada mengukur keberkesanan pembelajaran khususnya dalam memindahkan pembelajaran dari bilik darjah ke tempat kerja. Sejajar dengan latihan serta kemudahan pembelajaran yang maju dan canggih yang ditawarkan di Sasana Kijang, proses penyampaian program pembelajaran juga telah ditambah baik dan diperkemas bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pembelajaran yang lebih ketara.

Pengurusan tenaga mahir

Untuk mengekalkan tenaga kerja yang berprestasi tinggi serta menguruskan warga kerja dengan berkesan berdasarkan tahap prestasi kerja yang berbeza, tahun 2011 merupakan tahun kedua pelaksanaan Program Peningkatan Prestasi. Kakitangan yang diletakkan di bawah program ini disediakan bantuan pembangunan diri yang berstruktur dengan sokongan penyelia mereka. Pengurusan pemegang biasiswa tajaan Bank terus menjadi agenda penting dalam menyediakan sumber tenaga mahir untuk Bank. Pada tahun 2011, Bank telah menganugerahkan biasiswa kepada 54 pelajar cemerlang bagi melanjutkan pengajian mereka pada peringkat pra-universiti, ijazah pertama dan pasca ijazah di universiti-universiti terpilih. Bank juga terus menyokong kakitangan yang ingin melanjutkan pengajian dengan menyediakan peluang biasiswa dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan urusan Bank.

Sebagai satu komitmen yang kukuh ke arah kecemerlangan dan pembangunan negara, serta memberi pengiktirafan kepada pelajar Malaysia yang meraih pencapaian yang unggul dan cemerlang, Bank telah memberi Anugerah Biasiswa Kijang Emas kepada tiga pelajar terpilih yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Bilangan ini telah menjadikan kesemua jumlah penerima Anugerah Biasiswa Kijang Emas kepada 35 orang sejak dilancarkan pada tahun 2004. Sebagai anugerah biasiswa Bank yang paling berprestij, penerima Anugerah ini diberi kebebasan untuk melanjutkan pengajian dalam bidang masing-masing di mana-mana universiti terkemuka di dunia. Pemegang biasiswa ini juga tidak terikat untuk berkhidmat di Bank kecuali dikehendaki berkhidmat untuk negara sejurus tamat pengajian.

Jumlah kakitangan

Dengan peranan Bank yang sentiasa berkembang, beberapa jabatan di Bank telah disusun semula dan diselaraskan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan. Jabatan-jabatan tersebut untuk memastikan tahap tenaga kerja yang optimum pada semua peringkat, satu pendekatan yang holistik telah

dipertimbangkan dengan mengambil kira faktor teknologi, penambahbaikan proses dan kompetensi kakitangan. Pada tahun 2011, jumlah kakitangan Bank meningkat sebanyak 3.8% kepada 2,838 daripada 2,734 pada tahun 2010. Kadar atrisi kekal pada 4.7%. Nisbah kakitangan eksekutif kepada bukan eksekutif kekal pada 3:2 pada tahun 2011.

Melangkah ke hadapan

Sasaran dan perbezaan yang strategik, disertai pendekatan sistematik dalam pembangunan latihan warga kerja akan menjadi satu pencapaian penting pada tahun 2012 dalam usaha menjadikan warga kerja lebih cekap dan progresif. Usaha selanjutnya dalam membangunkan kumpulan-kumpulan kerja yang merangkumi semua kakitangan Bank akan dilaksanakan bagi meningkatkan lagi daya saing.

Untuk menggalakkan tenaga kerja yang cekap dan progresif, Bank akan terus melabur dalam pembangunan tenaga kerja mahirnya. Program Pembangunan Kepimpinan (Leadership Development Program) adalah salah satu inisiatif utama. Dari sudut kecekapan operasi, beberapa tugas akan diperkemas untuk melancarkan operasi dan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan sumber manusia bagi memanfaatkan sepenuhnya potensi sumber-sumber pengetahuan dan teknologi. Bank akan terus melabur dalam pemodenan amalan modal insan dan infrastruktur sokongan IT untuk mempertingkat proses pengambilan kakitangan dan operasi sumber manusia.

Pusat Pengurusan Ilmu

Bagi menyediakan persekitaran serta peluang untuk membina rangkaian, bertukar pandangan, serta berkongsi ilmu pengetahuan, Bank telah merekayasa dan memindahkan Pusat Pengurusan Ilmu Pengetahuan (Knowledge Management Centre, KMC) ke Sasana Kijang pada bulan Julai 2011 untuk kemudahan kakitangan. KMC juga boleh diakses oleh pihak luar termasuk bank-bank pusat yang lain, para penyelidik dan para akademik. Dalam usaha untuk memertabatkannya sebagai satu pusat sumber dan penyelidikan serantau dalam bidang perbankan pusat, Kewangan Islam dan perkhidmatan kewangan, KMC terus memperoleh sumber-sumber ilmu pengetahuan, baik secara fizikal mahupun dalam talian.

Program Kerjasama Teknikal Antarabangsa

Program kerjasama teknikal antarabangsa yang dilaksanakan oleh Bank terus memberi sokongan padu kepada matlamat sasaran iaitu meningkatkan kerjasama dan perkongsian ilmu dengan bank-bank pusat serantau dan antarabangsa dan juga pihak berkuasa pengawalseliaan. Program kerjasama antarabangsa teknikal menyediakan satu platform yang kukuh untuk Malaysia berkongsi pengalaman dalam bidang perbankan pusat, serta mewujudkan peluang untuk belajar daripada bank-bank pusat dari negara-negara lain di dunia.

Pada tahun 2011, 883 peserta dari 85 negara telah mengambil bahagian dalam program kerjasama teknikal antarabangsa. Para peserta

Rajah 5.1

Program Kerjasama Teknikal: Bilangan Peserta



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.2

Program Kerjasama Teknikal: Bilangan Negara yang Menyertai



Sumber: Bank Negara Malaysia

berminat untuk menimba ilmu tentang kaedah dan sistem yang telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sistem kewangan Malaysia. Bidang-bidang yang mendapat perhatian termasuklah kewangan Islam, pembangunan organisasi, rangkuman kewangan, perlindungan pengguna serta pendidikan kewangan. Program kerjasama teknikal antarabangsa ini telah mewujudkan peluang kepada Bank untuk berinteraksi dengan bank-bank pusat dari Asia Tenggara, Asia Tengah, Asia Barat dan Afrika.

Dalam usaha untuk meningkatkan jangkauan, keluasan dan kedalaman program kerjasama teknikal, Bank telah bekerjasama dengan organisasi antarabangsa dan dalam negeri. Organisasi antarabangsa termasuk Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank Pusat Asia Tenggara (South East Asian Central Banks Research and Training Centre, SEACEN), Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank, IDB), Persekutuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI), Perbadanan Kewangan Antarabangsa (International Finance Corporation, IFC), Bank Dunia (World Bank), Kumpulan Perundingan Membantu Kemiskinan (Consultative Group to Assist the Poor, CGAP), Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (Organisation for Economic Cooperation and Development, OECD), Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank, ADB), Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Japan International Cooperation Agency, JICA) dan Kerjasama Antarabangsa Jerman (German International Cooperation, GIZ). Organisasi dalam negeri seperti Institut Kewangan Asia (Asian Institute of Finance, AIF), Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF, Pusat Antarabangsa bagi Pendidikan dalam Kewangan Islam (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF), Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance, ISRA) dan pelbagai peserta industri juga telah menyumbang kepada perkongsian idea-idea dan amalan baharu.

Minat global yang semakin meningkat dalam bidang kewangan Islam jelas dibuktikan dengan penyertaan seramai 235 peserta dari 33 negara dalam pelbagai program kewangan Islam sepanjang tahun 2011. Perkembangan yang menggalakkan ini boleh dikaitkan dengan kerjasama yang telah sekian lama terjalin antara Bank dengan Bank Pembangunan Islam, yang telah memainkan peranan penting dalam menyokong program-program yang dianjurkan di Kuala Lumpur dan Ankara, Turki. Program baharu pada tahun 2011 terdiri daripada dua Program Kewangan Islam yang dikendalikan dalam bahasa Perancis dan Rusia yang diperkenalkan untuk negara-negara Asia Tengah dan negara-negara Afrika Barat, lantas meningkatkan jangkauan kepada negara-negara yang tidak fasih berbahasa Inggeris. Ini termasuk tiga bengkel teknikal baharu yang memberi tumpuan kepada Pengurusan Mudah Tunai Islam, Pengurusan Risiko serta Pasaran Modal Islam. Program kerjasama teknikal antarabangsa telah berjaya mewujudkan satu platform yang mempertemukan pembuat dasar serta pengamal kewangan Islam dari pelbagai pelosok dunia untuk membincangkan tentang pembangunan industri perkhidmatan kewangan Islam, sekali gus menyokong terus pengantarabangsaan kewangan Islam.

Rangkuman kewangan juga merupakan satu sasaran yang penting. Matlamat untuk menyokong pembinaan kapasiti bagi pembuat dan pengamal dasar adalah untuk menyumbang kepada agenda membina sistem kewangan yang lebih terangkum bagi membolehkan semua lapisan masyarakat yang masih kurang mendapat perhatian menjalankan urus niaga kewangan, menjana pendapatan, mengumpul aset serta mendapat perlindungan kewangan ketika ditimpa musibah, sekali gus membolehkan mereka mendapat manfaat sepenuhnya daripada kemajuan ekonomi.

Sorotan program-program bagi tahun 2011 termasuk program Penasihat Rangkuman Kewangan ke-4 (Financial Inclusion Advisor, FIA). Program ini merupakan satu program yang dianjurkan di Namibia dengan kerjasama Bank Namibia dan AFI. Program lain termasuk Forum Pembuat Dasar Rangkuman Kewangan dengan kerjasama CGAP dan Rangkaian Antarabangsa OECD mengenai Pendidikan Kewangan (International Network on Financial Education, INFE) dan bengkel Pengurusan Risiko untuk Kredit Runcit dengan IFC. Dialog-dialog antarabangsa ini banyak memberi tumpuan kepada isu-isu semasa seperti perlindungan pengguna, pendidikan kewangan, perilaku pasaran yang teguh, keberkesanan penggunaan maklumat kredit untuk menggalakkan akses kepada kewangan, serta keperluan kepada agenda nasional yang koheren bagi menyokong pembangunan sistem kewangan yang lebih terangkum.

Bank juga menjalankan program-program dalam pelbagai aspek pembinaan keupayaan institusi bermula daripada pengurusan risiko organisasi serta pengauditan sehinggalah kepada tadbir urus, kepimpinan dan kewangan. Program-program ini memberi tumpuan kepada pemodenan proses dan struktur dalaman bank-bank pusat, dengan sasaran untuk mencapai peningkatan prestasi organisasi yang mampan dan lebih fleksibel untuk menangani cabaran-cabaran baharu.

Memandangkan ketidaktentuan dan cabaran yang berpunca daripada persekitaran kewangan yang lebih global, perkongsian kerjasama dan pengetahuan merentas sempadan menjadi semakin penting dalam membuat dasar yang berkesan. Pada masa hadapan, program kerjasama teknikal antarabangsa ini akan terus menyediakan platform bagi bank-bank pusat untuk menjalinkan rangkaian hubungan, bertukar-tukar pandangan, dan berkongsi pengalaman agar Bank terus berada pada kedudukan yang lebih baik bagi menghadapi cabaran masa hadapan.

Memanfaatkan Teknologi untuk Tempat Kerja Berprestasi Tinggi

Tanda aras prestasi untuk perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) meningkat pada tahun 2011 dengan pelaksanaan teknologi baharu yang mendorong pencapaian matlamat Bank.

Tahun 2011 dimulakan dengan memberikan tumpuan kepada pelaksanaan infrastruktur rangkaian bersepadu yang baharu di Sasana Kijang, Pejabat Wilayah Pulau Pinang dan Pejabat Wilayah Johor Bahru yang baru ditubuhkan. Rangkaian bersepadu ini, yang berasaskan piawaian Protokol Internet (Internet Protocol, IP), membolehkan kakitangan Bank mengakses maklumat dan aplikasi sistem dengan mudah merentas beberapa lokasi, lantas menggalakkan kerjasama yang lebih rapat dan mempertingkat kecekapan proses. Perkhidmatan ini termasuk persidangan dan penstriman video dan audio yang khusus dan berkualiti tinggi, dan sistem bersepadu bagi pengurusan bangunan dan keselamatan.

Sejajar dengan matlamat untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk mengakses dan berinteraksi dengan pihak Bank, capaian jarak jauh kepada sistem ICT yang menyokong perkhidmatan LINK telah disediakan dalam MobileLINK. Peningkatan kebolehcapaian kepada sistem khusus yang digunakan dalam MobileLINK membolehkan maklumat umum seperti biodata pelanggan, gambar dan dokumen sokongan melalui peranti pengumpulan data (data capturing devices), proses bersepadu bagi memantau pertanyaan dan aduan awam, selain penyediaan kemudahan penjanaan layan diri laporan kredit peribadi. Kecekapan proses dalaman organisasi juga telah dipertingkat lagi dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kewangan yang baharu dan portal bersepadu dan terpusat untuk kakitangan Bank mengakses perkhidmatan sumber manusia dengan mudah.

Faktor penting yang merupakan asas kepada kejayaan pelaksanaan infrastruktur ICT yang mantap, teguh dan selamat ialah pengawalseliaan dan pengurusan keselamatan yang ketat. Penilaian risiko dalaman dan luaran ICT dibuat pada setiap suku tahunan bagi memastikan maklumat dan aset ICT Bank dilindungi sepanjang masa. Selain itu, perimeter perlindungan keselamatan Bank juga dikaji semula secara berperingkat-peringkat untuk memberikan tindak balas kepada serangan lebih canggih yang menyasarkan pengguna melalui kejuruteraan sosial (social engineering) dan aplikasi mudah alih. Proses Pengurusan Kesinambungan Perniagaan bagi kemantapan dan keupayaan sistem ICT juga telah dipertingkat untuk aplikasi sistem kritikal Bank. Tahap ketersediaan yang lebih tinggi (merangkumi tiga aspek iaitu sistem, sumber manusia dan proses) terus menjadi matlamat asas yang mendorong penambahbaikan.

Melangkah ke hadapan, keutamaan adalah untuk menyediakan perkhidmatan ICT baharu yang berkecekapan tinggi dan berkeupayaan untuk bekerjasama dengan lancar bagi Bank, dan pada masa yang sama memastikan kemudahalihan sistem yang lebih cekap dan keyakinan terhadap keselamatan yang lebih akan diterapkan dalam aplikasi dan proses operasi Bank. Pelaksanaan terancang bagi sistem maklumat bersepadu yang memenuhi keperluan Bank dalam analisis statistik data kewangan, monetari dan makroekonomi yang lebih tinggi juga sedang diusahakan.

KOMUNIKASI

Fungsi komunikasi Bank terus penting dalam memupuk keyakinan, terutamanya dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global yang tidak menentu pada tahun 2011. Komunikasi yang lebih kerap diadakan tentang penilaian Bank

berhubung dengan kesan perkembangan luaran terhadap ekonomi dan sektor kewangan Malaysia serta kekukuhan asas-asas ekonomi dalam negeri dalam usaha mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi domestik.

Menyediakan penilaian komprehensif ke atas ekonomi dan sektor kewangan

Taklimat mengenai Laporan Tahunan dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran, sidang akhbar KDNK suku tahunan dan Buletin Suku Tahunan berkala, serta Buletin Statistik Bulanan membentuk platform komunikasi mutakhir Bank. Selain menyampai maklumat mengenai penilaian Bank terhadap perkembangan ekonomi dan kewangan, sesi-sesi taklimat ini juga membolehkan Bank mengumpul maklum balas daripada orang ramai serta pihak berkepentingan yang lain. Perbincangan yang terperinci dengan pihak berkepentingan utama seperti wakil daripada pelbagai sektor ekonomi, agensi penarafan, ahli ekonomi/penganalisis, pengurus dana, ahli perniagaan dan persatuan pengguna juga kerap diadakan bagi mendapatkan perspektif tambahan dalam melengkapi pemerhatian dan analisis yang dilakukan sendiri oleh Bank.

Komunikasi dasar monetari

Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS) adalah medium utama untuk menyampaikan keputusan Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank kepada orang ramai. Komunikasi tambahan pula dilaksanakan melalui penglibatan pengurusan kanan dengan industri, penganalisis, ahli ekonomi serta pihak media melalui wadah seperti temu bual media serta ulasan-ulasan di persidangan utama. Pada separuh pertama tahun 2011, komunikasi dasar monetari telah ditumpukan pada penyampaian penilaian yang menjadi asas kepada keputusan untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR). Melalui MPS dan saluran komunikasi lain, Bank menjelaskan bahawa kadar dasar telah dikembalikan ke paras wajar sebagai langkah awalan dalam membendung peningkatan ketidakseimbangan kewangan berdepan dengan persekitaran aktiviti ekonomi yang mampan dan risiko kepada inflasi. Walau bagaimanapun, pada separuh kedua tahun tersebut, tumpuan beralih ke arah memberi penjelasan kepada penilaian keputusan untuk mengekalkan kadar dasar. Persekitaran operasi telah berubah kerana terdapatnya peningkatan ketara risiko pertumbuhan ekonomi dalam negeri akan menjadi lebih rendah disebabkan oleh keadaan ekonomi dan kewangan global yang kian merosot, manakala risiko kenaikan inflasi pula berkurangan. Keputusan untuk menaikkan keperluan rizab berkanun (SRR) adalah satu langkah awalan dalam memastikan bahawa risiko yang timbul daripada pengukuhan mudah tunai dalam sistem kewangan tidak akan menyebabkan ketidakseimbangan makroekonomi dan kewangan. Keputusan-keputusan ini telah disampaikan dalam pernyataan yang berasingan dan bukan melalui MPS. Ini adalah untuk menekankan bahawa SRR merupakan instrumen dalam pengurusan mudah tunai dan bukan isyarat kepada pendirian dasar monetari. Perubahan dalam pendirian dasar monetari semata-mata dicerminkan dalam keputusan mengenai OPR.

Memperkukuh keyakinan terhadap keteguhan sektor kewangan

Pelan Sektor Kewangan (2011-2020) telah dilancarkan pada bulan Disember 2011 untuk memberikan hala tuju pembangunan masa hadapan sektor kewangan, serta peranan sektor kewangan dalam menggalakkan pengantaraan yang berkesan ke arah pencapaian ekonomi berpendapatan tinggi. Dalam penyediaan Pelan Sektor Kewangan dan strateginya, Bank telah mendapat manfaat melalui perbincangan mendalam dengan pelbagai pihak berkepentingan. Gabungan usaha daripada industri, sektor awam serta pengawal selia lain merupakan faktor penting dalam merealisasikan matlamat Pelan ini.

Usaha komunikasi juga telah dijalankan dalam menyediakan sasaran strategik bagi memperkenalkan dua langkah kehematan makro - iaitu menggalakkan amalan pembiayaan yang bertanggungjawab dan penggunaan kad kredit secara berhemat. Pelbagai sesi perbincangan dan interaksi telah diadakan dengan pihak berkepentingan utama berhubung langkah tindakan awalan ini. Mesej penting dalam sesi tersebut boleh dibezakan, iaitu pengguna yang berkemampuan akan mempunyai akses kepada pembiayaan manakala pada peringkat makro pula, langkah-langkah ini akan memastikan hutang isi rumah berada pada paras rendah dan seterusnya menyumbang bukan sahaja kepada kestabilan kewangan tetapi juga dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri.

Tahun 2011 juga menyaksikan pelbagai promosi diadakan bagi mempercepat pemindahan kepada

e-pembayaran melalui kerjasama dengan entiti utama berkaitan dengan pelan komunikasi dalam usaha memaklumi orang ramai tentang manfaat menggunakan e-pembayaran. Kerjasama ini termasuk perkongsian strategik dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, MEPS dan MyClear untuk melaksanakan strategi promosi bagi menerima pakai e-pembayaran di seluruh negara. Kerjasama juga telah dijalin dengan MEPS dan wakil institusi kewangan dalam mempromosikan perbankan mudah alih.

Sementara itu, Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 telah berjaya digubal, hasil interaksi strategik serta perbincangan dan interaksi yang komprehensif dengan semua pihak berkepentingan utama. Penerangan juga telah diberikan tentang cara Akta baharu ini dapat menyediakan persekitaran menyokong bagi aktiviti perniagaan perkhidmatan wang yang lebih moden dan profesional, dengan perlindungan yang sewajarnya untuk pengguna dan perlindungan untuk memelihara integriti industri terhadap pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganas, serta kegiatan yang menyalahi undang-undang. Pendekatan secara perundingan dengan industri pengurup dan pengiriman wang telah membuka jalan kepada peralihan yang lancar ke arah rangka kerja pengawalseliaan baharu ini.

Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu juga telah diumumkan pada bulan Mac 2011. Ini merupakan kemuncak perbincangan dan interaksi strategik dengan semua pihak berkepentingan utama dalam menangani kebimbangan serta isu-isu mereka. Dapatan daripada perbincangan ini telah membawa kepada pembentukan langkah yang berdaya maju dan berkesan yang berjaya dimasukkan dalam Rangka Kerja tersebut. Seterusnya pada bulan Januari 2012, pelarasan premium insurans motor yang pertama (selepas 30 tahun tanpa pelarasan) telah dilaksanakan.

Program jangkauan kepada orang ramai terus menjadi bahagian penting dalam agenda pembangunan Bank

Satu inisiatif utama Bank pada tahun 2011 ialah meningkatkan status dan peranan cawangannya di Pulau Pinang dan Johor Bahru kepada Pejabat Wilayah (Regional Office, RO). Ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi kehadiran Bank dan pengawasan ekonomi di bahagian utara dan selatan negara. Bagi memastikan pengurusan wang tunai yang cekap, selain menjalankan peranan cawangan sebelum ini, peranan RO telah diperluas untuk merangkumi penyediaan bantuan penyelesaian dan khidmat nasihat kepada pengguna kewangan, menjalankan pengawasan ekonomi dan kewangan, dan memacu pelaksanaan agenda Bank, termasuk menggalakkan dan meningkatkan rangkuman kewangan. Melalui perbincangan dan interaksi yang lebih mendalam dengan industri dan orang ramai, RO telah memperoleh pandangan berguna berhubung dengan perkembangan ekonomi di wilayah-wilayah tersebut yang menjadi input kepada analisis dan kajian semula dasar Bank. Pengguna kewangan dan PKS terus mendapat manfaat daripada akses kepada maklumat kewangan dan saluran mekanisme bantuan penyelesaian pengguna iaitu BNMLINK (pusat perkhidmatan pelanggan) dan BNMTELELINK (pusat perhubungan khidmat panggilan). Bilangan individu serta perniagaan yang mendapat khidmat nasihat berhubung dengan isu-isu kewangan meningkat kepada kira-kira 320,000 pada tahun 2011 (+14%). Lebih daripada 90% daripada 10,000 aduan terhadap institusi kewangan telah berjaya diselesaikan. Pengenalan perkhidmatan MobileLINK (LINK Bergerak) pada bulan Disember 2011 bertujuan untuk mendekati golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan di kawasan separa bandar dan luar bandar.

Bank terus memperhebat usaha jangkauannya dalam usaha untuk mewujudkan serta meningkatkan lagi kesedaran terhadap akses kepada pembiayaan untuk PKS dan perusahaan mikro. Pada tahun 2011, Bank telah mengadakan pelbagai taklimat dan seminar mengenai skim dan perkhidmatan yang disediakan khususnya mengenai Dana Khas, Pembiayaan Mikro dan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau. Di samping itu, sebagai ahli Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, Bank telah menjalinkan usaha kerjasama yang menyokong program jangkauan PKS seperti seminar dan pameran yang dianjurkan oleh pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan, institusi perbankan dan persatuan-persatuan perniagaan. Usaha ini sebahagiannya telah menyumbang kepada pertumbuhan kukuh pinjaman PKS dan pembiayaan mikro, masing-masing sebanyak 17.1% dan 14.3%.

Usaha juga telah dijalankan melalui pelbagai wadah untuk terus meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap penipuan kewangan supaya tidak menjadi mangsa kepada penipuan kewangan. Ini termasuk saluran yang baharu,

pantas dan berkesan seperti pesanan pantas SMS kepada kira-kira 27.2 juta pelanggan, liputan media yang meluas berhubung dengan kejayaan serbuan dan pemberitahuan berhubung dengan penipuan kewangan di laman sesawang Bank, Facebook dan Twitter Bank Negara Malaysia dan juga merupakan sebahagian daripada perkhidmatan yang diberikan oleh LINK Bergerak.

Sementara itu, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) juga memberi kaunseling kepada jumlah pelanggan yang lebih tinggi iaitu hampir kepada 32,000 individu di seluruh negara. Daripada jumlah ini, lebih daripada 50% daripada mereka diberi bantuan selanjutnya melalui program pengurusan hutang. Tambahan lagi, program yang direka khas, iaitu Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!), menyasarkan terutamanya golongan muda dan peminjam baharu bagi memperkasakan kumpulan ini dalam mengurus kewangan mereka. Program ini telah dilancarkan oleh AKPK pada awal tahun 2011. Menjelang akhir tahun 2011, kira-kira 23,000 individu telah mendapat manfaat daripada program ini. Versi Program POWER! dalam talian telah dilancarkan pada bulan November, menyasarkan komuniti dalam talian yang lebih besar supaya dapat meningkatkan kemahiran pengurusan wang peribadi dengan lebih mudah. Sebanyak 947 kes sektor perbankan dan 1,270 kes sektor insurans telah didaftarkan dengan Biro Pengantaraan Kewangan bagi tujuan penyelesaian, dengan majoriti kes berkaitan dengan perbankan Internet, kad kredit dan insurans bermotor serta insurans hayat. Walau bagaimanapun, kes yang diselesaikan pada tahun 2011 adalah lebih tinggi, iaitu 1,284 kes sektor perbankan dan 1,560 kes sektor insurans, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 2,844 kes.

Pengeluaran mata wang siri baharu

Mata wang Malaysia siri baharu telah dilancarkan pada bulan Disember 2011 oleh Perdana Menteri Malaysia. Pelancaran ini telah menarik perhatian orang ramai dan mendapat liputan media yang meluas. Bank juga telah mengadakan perbincangan dengan institusi kewangan, perniagaan dan vendor pengendali wang tunai bagi memastikan peralihan yang lancar kepada siri baharu ini apabila duit syiling dan wang kertas baharu ini berada dalam edaran pada tahun 2012.

Komunikasi dalam talian - saluran penyampaian yang semakin berkesan

Bank terus memanfaatkan teknologi laman sesawang untuk meningkatkan kehadirannya di Internet, meluaskan jangkauan serta penglibatan yang lebih dengan orang ramai. Pada tahun 2011, pengunjung laman sesawang Bank telah meningkat sebanyak 2.1 juta (+3.6%), dengan kira-kira 5.6 juta kunjungan (+2.1%) dan kira-kira 14 juta kunjungan halaman (1.6%). Yang ketara ialah peningkatan sebanyak 200% (+300,000 kunjungan) melalui peranti mudah alih. Untuk meningkatkan jumlah pengunjung ke laman sesawangnya, Bank mula berkongsi video korporat dan gambar dalam media sosial seperti YouTube dan Flickr selain menyiarkan mesej yang berkaitan melalui Facebook dan Twitter. Semua perkembangan positif ini telah diiktiraf apabila Bank telah diberikan penarafan 5 bintang dalam Penilaian Portal dan Lawan Sesawang Kerajaan Malaysia bagi tahun 2011 anjuran MAMPU.

Bank juga telah memperkenalkan laman sesawang pendidikan kewangan baharu untuk pengguna kewangan, iaitu Islamicfinanceinfo (www.islamicfinanceinfo.com.my). Laman sesawang ini memuatkan kandungan yang mudah difahami yang berkaitan dengan perbankan Islam dan Takaful seperti konsep Syariah dan produk perbankan yang terdapat dalam pasaran runcit.

Ke arah rangka kerja perbincangan dan interaksi yang lebih rapat dengan pihak berkepentingan

Dengan persekitaran operasi Bank dijangka semakin mencabar pada tahun-tahun akan datang, Bank telah memberikan keutamaan dalam meningkatkan keberkesanannya berinteraksi dengan pihak berkepentingan utama. Rangka Kerja Interaksi dengan Pihak Berkepentingan yang diperkenalkan menghuraikan tadbir urus, disiplin, metodologi serta proses sosialisasi Rangka Kerja yang bakal dilaksanakan oleh Bank. Dengan adanya Rangka Kerja ini, perbincangan dan interaksi Bank dengan pihak berkepentingan akan menjadi lebih sistematik, dinamik dan bermakna, dan dengan itu meningkatkan keupayaan Bank untuk melaksanakan mandatnya dengan berkesan.

BANK NEGARA MALAYSIA
Struktur Organisasi



*Ketua (secara pentadbiran)

Pada 1 Mac 2012

2011

PENYATA KEWANGAN TAHUNAN

150 Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2011

151 Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

152 Nota-nota bagi Penyata Kewangan

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Saya telah mengaudit penyata kewangan Bank Negara Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan penyata kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2011 dan hasil operasi untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
14 MAC 2012

PERNYATAAN PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Zeti Akhtar Aziz dan Oh Siew Nam, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan ini disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2011 dan hasil operasinya bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

ZETI AKHTAR AZIZ
PENGERUSI

12 MAC 2012
KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

OH SIEW NAM
PENGARAH

12 MAC 2012
KUALA LUMPUR

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Eugene Hon Kah Weng, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 12 Mac 2012.)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 541
ZULKIFLA MOHD DAHLIM
MALAYSIA

106, BANGUNAN LOKE YEW
1, JALAN MAHKAMAH PERSEKUTUAN
50050 KUALA LUMPUR

Bank Negara Malaysia

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2011

	Nota	2011 RM	2010 RM
ASET			
Emas dan Pertukaran Asing	3	414,432,520,031	320,774,448,194
Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa		2,672,204,523	1,453,521,555
Milikan Hak Pengeluaran Khas		6,252,997,720	6,442,516,703
Kertas Kerajaan Malaysia	4	2,017,022,067	2,285,433,098
Deposit dengan Institusi Kewangan	5	28,797,250,000	40,583,035,000
Pinjaman dan Pendahuluan	6	10,671,155,047	11,837,444,956
Aset-aset Lain	7	8,126,397,188	6,795,391,854
Jumlah Aset		**472,969,546,576**	**390,171,791,360**
LIABILITI DAN MODAL			
Mata Wang dalam Edaran		61,874,099,518	55,787,812,628
Deposit oleh: Institusi Kewangan		214,905,708,306	170,732,428,628
Kerajaan Persekutuan		10,817,830,921	14,226,350,050
Lain-lain	8	13,066,091,926	3,663,691,712
Kertas Bank Negara		107,983,490,852	100,376,801,291
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	9	6,548,320,169	6,396,555,926
Liabiliti-liabiliti Lain	10	25,844,324,400	19,273,907,766
Jumlah Liabiliti		441,039,866,092	370,457,548,001
Modal Berbayar	11	100,000,000	100,000,000
Kumpulan Wang Rizab Am	12	14,368,386,506	13,643,961,478
Rizab-rizab Lain	13	17,461,293,978	5,970,281,881
Jumlah Modal		31,929,680,484	19,714,243,359
Jumlah Liabiliti dan Modal		**472,969,546,576**	**390,171,791,360**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Bank Negara Malaysia

Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

	Nota	2011 RM	2010 RM
Jumlah Pendapatan	14	**6,071,018,517**	**7,478,425,194**
Tolak:			
Perbelanjaan Berulang	15	964,570,808	873,712,705
Perbelanjaan Pembangunan	16	382,022,681	438,819,340
Jumlah Perbelanjaan		**1,346,593,489**	**1,312,532,045**
Untung Bersih		**4,724,425,028**	**6,165,893,149**
Pengagihan Untung Bersih:			
Pindahan kepada Rizab-rizab Lain	17	2,000,000,000	4,000,000,000
Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am		724,425,028	165,893,149
Amaun belum bayar kepada Kerajaan Persekutuan		2,000,000,000	2,000,000,000
Untung Bersih		**4,724,425,028**	**6,165,893,149**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota bagi Penyata Kewangan - 31 Disember 2011

1. **Aktiviti Utama Bank**

Matlamat utama Bank adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Sehubungan dengan itu, fungsi utama Bank adalah seperti yang berikut:

(a) untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari di Malaysia;
(b) untuk mengeluarkan mata wang di Malaysia;
(c) untuk mengawal selia dan menyelia institusi kewangan yang tertakluk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank;
(d) untuk mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing;
(e) untuk mengawasi sistem pembayaran;
(f) untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif;
(g) untuk memegang dan menguruskan rizab asing Malaysia;
(h) untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara; dan
(i) untuk bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan.

2. **Dasar Perakaunan**

Dasar perakaunan utama yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan ini dihuraikan di bawah. Dasar perakaunan ini digunakan secara konsisten untuk kedua-dua tahun kewangan yang dikemukakan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1 **Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

(a) Penyata kewangan ini disediakan mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan (Financial Reporting Standards, FRS) Malaysia yang berkaitan. Seksyen 10 Akta Bank Negara Malaysia 2009 memperuntukkan bahawa, dalam penyediaan penyata kewangannya, Bank hendaklah mematuhi piawaian perakaunan setakat yang, pada pendapat Bank, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank. Dengan mengambil kira tanggungjawabnya untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari yang berkesan, Bank berpendapat bahawa penyediaan penyata kewangan ini wajar berbeza daripada FRS Malaysia dalam beberapa aspek.

(b) Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi keperluan FRS Malaysia menghendaki pihak pengurusan menggunakan anggaran dan andaian tertentu yang memberikan kesan kepada jumlah aset dan liabiliti, dan penzahiran aset dan liabiliti luar jangka yang dilaporkan pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan. Walaupun anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

2.2 **Asas Pengukuran dan Perakaunan Terakru**

Penyata kewangan ini disediakan pada asas kos sejarah perakaunan dan pada asas terakru.

2.3 **Penukaran Mata Wang Asing**

(a) Penyata kewangan disediakan mengikut nilai ringgit Malaysia, iaitu mata wang bagi persekitaran ekonomi utama tempat Bank beroperasi.

(b) Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran semasa pada tarikh lembaran imbangan. Urus niaga dalam mata wang asing pada tahun ini telah ditukar kepada ringgit Malaysia pada kadar pertukaran semasa mengikut tarikh nilai.

(c) Keuntungan atau kerugian bagi penilaian semula yang belum direalisasikan disebabkan oleh perubahan kadar pertukaran direkodkan dalam Rizab-rizab Lain.

2.4 **Sekuriti dan Pelaburan**
Sekuriti dan pelaburan dinyatakan terutamanya pada kos, dan peruntukan telah dibuat bagi penyusutan nilai pada 31 Disember 2011. Instrumen kewangan yang telah dikenal pasti sebagai Sedia Untuk Dijual direkodkan pada nilai saksama dan keuntungan atau kerugian bagi penilaian semula yang belum direalisasikan disebabkan oleh perubahan harga pasaran direkodkan dalam Rizab-rizab Lain.

2.5 **Perjanjian Belian Balik (Repo) dan Repo Berbalik**
Amaun yang dipinjam di bawah perjanjian repo dilaporkan di bawah 'Liabiliti-liabiliti Lain'. Amaun yang dipinjamkan di bawah perjanjian repo berbalik dilaporkan di bawah 'Aset-aset Lain'. Perbezaan antara amaun diterima dengan amaun dibayar di bawah perjanjian repo dan repo berbalik, masing-masing diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah dan pendapatan faedah mengikut asas garis lurus.

2.6 **Aset Tetap**
Perbelanjaan modal yang ditanggung terhadap aset tetap dikurangkan kepada nilai nominal atau dihapuskan terus pada tahun perolehan.

2.7 **Untung Bersih**
Untung bersih Bank diagihkan mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan hanya untung terealisasi diagihkan sebagai dividen.

3. **Emas dan Pertukaran Asing**

	2011 RM	2010 RM
Sekuriti Asing	359,284,482,783	275,379,932,314
Deposit Asing	15,588,170,298	13,631,359,440
Baki di Bank Pusat Lain, Bank for International Settlements (BIS) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF)	6,036,194,304	6,767,913,697
Lain-lain	33,523,672,646	24,995,242,743
	414,432,520,031	320,774,448,194

4. **Kertas Kerajaan Malaysia**
Kertas kerajaan Malaysia merujuk kepada pemegangan instrumen hutang Kerajaan.

	2011 RM	2010 RM
Sekuriti Kerajaan Malaysia	2,016,831,567	2,285,423,098
Sukuk 1Malaysia 2010	190,500	10,000
	2,017,022,067	2,285,433,098

5. **Deposit dengan Institusi Kewangan**
Deposit dengan institusi kewangan terdiri daripada deposit yang disimpan oleh Bank dengan institusi kewangan di bawah seksyen 75(i) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

6. **Pinjaman dan Pendahuluan**
Pinjaman dan pendahuluan terdiri terutamanya daripada pendahuluan yang diberikan oleh Bank kepada institusi pelaksana di bawah pelbagai skim seperti Tabung Industri Kecil dan Sederhana dan Tabung Usahawan Baharu yang bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan pertubuhan perusahaan kecil dan sederhana. Pemberian pendahuluan ini diperuntukkan terutamanya di bawah seksyen 49 dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

7. **Aset-aset Lain**
Aset-aset lain termasuk pelaburan dalam saham dan bon sebanyak RM7,790,647,218 yang diperoleh di bawah seksyen 48(1) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

8. **Deposit oleh Lain-lain**
Sebahagian besar daripada deposit ini terdiri daripada deposit institusi nasional, agensi kerajaan dan pihak berkuasa awam.

9. **Peruntukan Hak Pengeluaran Khas**
Negara-negara anggota IMF diperuntukkan Hak Pengeluaran Khas (Special Drawing Rights, SDR) mengikut bahagian yuran mereka kepada IMF. Peruntukan ini merupakan suatu liabiliti tidak aktif Bank terhadap IMF, dengan aset diterima dalam bentuk SDR daripada IMF. Jumlah bersih peruntukan terkumpul SDR ialah RM6,548,320,169 yang bersamaan dengan SDR1,346,143,721.

10. **Liabiliti-liabiliti Lain**
Sebahagian besar liabiliti-liabiliti lain termasuk simpanan oleh institusi kewangan di bawah perjanjian repo.

11. **Modal Berbayar**
Modal berbayar sebanyak RM100 juta dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

12. **Kumpulan Wang Rizab Am**

	2011 RM	2010 RM
Pada 1 Januari	13,643,961,478	13,478,068,329
Pindahan daripada Untung Bersih	724,425,028	165,893,149
Pada 31 Disember	14,368,386,506	13,643,961,478

13. **Rizab-rizab Lain**
Rizab-rizab lain terdiri daripada:

(a) **Rizab Turun Naik Kadar Pertukaran**
Rizab yang diwujudkan untuk menghadapi keuntungan atau kerugian penilaian semula pertukaran yang belum direalisasikan bagi aset dan liabiliti Bank dalam mata wang asing yang disebabkan oleh turun naik kadar pertukaran berbanding dengan ringgit Malaysia.

(b) **Rizab Penilaian Semula**
Rizab yang diwujudkan untuk menghadapi pergerakan nilai pasaran portfolio pelaburan Bank yang telah ditetapkan sebagai portfolio Sedia Untuk Dijual dan diukur pada nilai saksama.

(c) **Rizab Luar Jangka**
Rizab yang diwujudkan sebagai peruntukan bagi kerugian pada masa hadapan disebabkan oleh keadaan luaran yang tidak memuaskan yang bukan dalam kawalan Bank yang sewajarnya.

14. **Jumlah Pendapatan**
Jumlah pendapatan merangkumi hasil daripada pengurusan rizab asing termasuk faedah dan dividen, pendapatan bukan perbendaharaan, keuntungan/kerugian modal direalisasi, dan dinyatakan pada nilai bersih setelah ditolak pelunasan/akresi atas premium/diskaun, dan kos dasar monetari.

15. **Perbelanjaan Berulang**
Perbelanjaan berulang merupakan perbelanjaan yang ditanggung dalam pengurusan dan pentadbiran operasi harian Bank.

16. **Perbelanjaan Pembangunan**
Perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan yang ditanggung terutamanya bagi membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang yang dilaksanakan oleh Bank, yang selaras dengan matlamat dan fungsi utama Bank.

17. **Pindahan kepada Rizab-rizab Lain**
Pindahan ini dibuat mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

18. **Perkara Luar Jangka dan Komitmen**

18.1 **Aset Luar Jangka**
Jumlah aset luar jangka pada 31 Disember 2011 ialah RM1,400,000,000. Aset ini terdiri daripada jumlah sumbangan Bank kepada Tabung Amanah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) berjumlah RM800,000,000 dan Tabung Amanah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) berjumlah RM600,000,000 untuk membiayai aktiviti berkaitan dengan latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dalam bidang perbankan dan perkhidmatan kewangan yang dikendalikan oleh Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF dan INCEIF. Surat Ikatan Amanah memperuntukkan bahawa jumlah sumbangan tersebut akan dikembalikan kepada Bank apabila Pusat-pusat tersebut boleh berdikari pada masa hadapan.

18.2 **Liabiliti Luar Jangka**
Jumlah liabiliti luar jangka pada 31 Disember 2011 terdiri daripada yang berikut:

(a) **Keanggotaan dengan IMF**
(i) Bank mempunyai kewajipan untuk membayar IMF sebanyak RM6,099,006,711 dalam bentuk SDR atau mata wang boleh tukar lain yang merupakan bahagian belum bayar kuota Malaysia di IMF di bawah Artikel Persetujuan.
(ii) IMF baru-baru ini telah membuat kajian semula kuota negara anggotanya untuk mencerminkan perubahan dalam ekonomi global atau perubahan kedudukan ekonomi negara anggotanya. Pada 15 Disember 2010, berdasarkan Resolusi Lembaga Gabenor No. 66-2, IMF telah menerima pakai "Fourteenth General Review of Quotas and Reform of the Executive Board" dengan kuota setiap negara anggota dinaikkan. Pada 31 Disember 2011, Malaysia telah bersetuju dengan kenaikan kuotanya daripada SDR1,773,900,000, kepada SDR3,633,800,000.
(iii) Bank telah menyertai Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB), iaitu satu set pengaturan kredit antara IMF dengan negara anggotanya bagi menyediakan sumber pembiayaan tambahan kepada IMF yang bertujuan untuk memelihara kestabilan sistem monetari antarabangsa. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2011, Bank telah menyumbangkan sebanyak SDR23.4 juta (bersamaan dengan RM112.2 juta) daripada jumlah keseluruhan SDR340 juta di bawah pengaturan kredit NAB.

(b) **Pelaburan dalam Bank for International Settlements**
Pelaburan sebanyak RM58,738,874 merupakan bahagian belum dipanggil daripada 3,220 unit saham yang dipegang oleh Bank dalam BIS. Jumlah ini adalah berdasarkan nilai nominal (SDR5,000) bahagian belum dipanggil dan kadar SDR pada tarikh lembaran imbangan.

18.3 **Komitmen**
Jumlah komitmen pada 31 Disember 2011 terdiri daripada yang berikut:

(a) **Pengaturan Swap ASEAN**
Bank telah menyertai Pengaturan Swap ASEAN (ASEAN Swap Arrangement, ASA) pelbagai hala bersama-sama dengan bank pusat dan pihak berkuasa monetari ASEAN lain bagi memberikan sokongan mudah tunai mata wang asing jangka pendek kepada negara anggota yang menghadapi masalah imbangan pembayaran. Pada 31 Disember 2011, jumlah komitmen Bank adalah sebanyak USD300 juta (bersamaan dengan RM950.6 juta). Walau bagaimanapun, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, tiada sebarang permohonan untuk sokongan mudah tunai di bawah ASA daripada mana-mana negara anggota.

(b) **Pengaturan Swap Dua Hala**
Pada 7 Januari 2009 dan 2 April 2010, Bank telah memperbaharui perjanjian Pengaturan Swap Dua Hala (Bilateral Swap Arrangement, BSA) masing-masing dengan Bank of Korea dan People's Bank of China di bawah Inisiatif Chiang Mai. Di bawah perjanjian ini, sumber kewangan dalam dolar Amerika Syarikat boleh diperoleh melalui pengaturan swap dengan mata wang tempatan masing-masing. Pada 31 Disember 2011, jumlah komitmen Bank di bawah setiap BSA adalah sebanyak USD1.5 bilion (bersamaan dengan RM4.8 bilion) dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan BSA dalam tahun kewangan tersebut.

(c) **Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala**
Pada 8 Februari 2009, Bank telah menandatangani perjanjian Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala (Bilateral Currency Swap Arrangement, BCSA) dengan People's Bank of China. Pengaturan ini bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan kedua-dua negara. Pada 31 Disember 2011, jumlah komitmen Bank di bawah BCSA ialah RM40 bilion. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan BCSA.

(d) **Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai**
Bank telah menyertai pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM) yang bertujuan untuk memberikan sokongan kewangan kepada negara anggota ASEAN+3 yang menghadapi masalah imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek. Tarikh kuat kuasa Perjanjian CMIM adalah pada 24 Mac 2010. Di bawah pengaturan CMIM, negara-negara anggota yang menghadapi masalah imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek boleh mendapatkan sokongan kewangan dalam dolar Amerika Syarikat melalui pengaturan swap terhadap mata wang negara masing-masing. Pada 31 Disember 2011, jumlah komitmen Bank adalah sebanyak USD4.6 bilion (bersamaan dengan RM14.4 bilion). Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, tiada sebarang permohonan untuk sokongan mudah tunai daripada mana-mana negara anggota.

19. **Pengurusan Risiko Kewangan**

Jawatankuasa Pengurusan Rizab memantau risiko perbendaharaan dan risiko pelaburan dalam pengurusan rizab supaya berada pada paras yang sewajarnya bagi memastikan matlamat melindungi modal, mudah tunai dan pulangan tercapai. Skop bidang risiko sedemikian adalah seperti yang berikut:

(a) **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran ialah dedahan kedudukan kewangan Bank kepada pergerakan kurang menggalakkan dalam harga pasaran seperti harga ekuiti, kadar faedah dan kadar pertukaran asing. Pengurusan risiko pasaran adalah berpandukan dasar tanda aras yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, yang mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang boleh diterima. Berasaskan dasar tanda aras tersebut, 'pengambilan risiko yang lebih aktif' boleh dibuat melalui pelaburan yang melangkaui tanda aras. Tahap 'pengambilan risiko yang lebih aktif' ini diukur dan dikawal melalui had 'kesan ralat' ('tracking error' limit). Analisis kepekaan dan ujian ketahanan juga dijalankan untuk menentukan kemungkinan kerugian, yang dinilai mengikut pasaran terhadap rizab akibat turun naik dan ketidaktentuan dalam pasaran yang di luar jangkaan.

(b) **Risiko Kredit**

Risiko kredit terhadap rizab ialah risiko yang wujud apabila pihak lain yang berkenaan (counterparty), sama ada institusi kewangan yang berurusan dengan Bank atau penerbit instrumen hutang, gagal memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada Bank. Satu rangka kerja risiko kredit yang komprehensif berasaskan penarafan, yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, menentukan aktiviti dan pelaburan Bank yang dibenarkan. Bank juga mengambil kira penunjuk berasaskan pasaran dalam penilaian kredit seperti penarafan secara tidak langsung daripada pasaran swap mungkir kredit dan pergerakan harga ekuiti dan bon. Rangka kerja ini memastikan aktiviti pelaburan kekal dengan pihak lain yang berkenaan yang mempunyai kualiti kredit yang tinggi dan dalam pelaburan yang diterbitkan oleh penerbit berpenarafan tinggi.

(c) **Risiko Operasi**

Risiko operasi bagi operasi perbendaharaan ialah risiko kerugian kewangan akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Satu pangkalan data risiko operasi yang menyeluruh telah diwujudkan untuk membantu usaha mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi perbendaharaan Bank agar tindakan dapat diambil bagi menguruskan jurang yang ada dan mengurangkan kerugian kewangan.

20. **Cukai Pendapatan**

Bank dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan cukai pendapatan tambahan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 1989.

2017

TAMBAHAN

KANDUNGAN

Statistik Ekonomi dan Kewangan Utama

Sistem Kewangan

A.1	Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar Tahun 2000	MS 1
A.2	Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (2005=100)	MS 2
A.3	PNK Mengikut Agregat Permintaan	MS 3
A.4	Jurang Tabungan-Pelaburan	MS 4
A.5	Pasaran Pekerja: Penunjuk Terpilih	MS 5
A.6	Penunjuk Penggunaan Swasta	MS 6
A.7	Penunjuk Pelaburan Swasta	MS 7

Sektor Luar Negeri

A.8	Imbangan Pembayaran	MS 8
A.9	Eksport Kasar	MS 10
A.10	Eksport Komoditi Utama	MS 11
A.11	Pasaran Utama Eksport Perkilangan	MS 12
A.12	Pasaran Utama Eksport Elektronik	MS 13
A.13	Pasaran Utama Eksport Keluaran Elektrik	MS 13
A.14	Pasaran Utama Eksport Kimia dan Keluaran Kimia	MS 14
A.15	Pasaran Utama Eksport Minyak Sawit	MS 14
A.16	Pasaran Utama Eksport Getah	MS 15
A.17	Pasaran Utama Eksport Minyak Mentah	MS 16
A.18	Pasaran Utama Eksport Gas Asli Cecair	MS 16
A.19	Hutang Luar Negeri dan Khidmat Bayaran Hutang	MS 17

Penunjuk Monetari dan Kewangan

A.20	Indeks Harga Pengguna	MS 18
A.21	Indeks Harga Pengeluar	MS 18
A.22	Wang Secara Luas (M3)	MS 19
A.23	Bekalan Wang: Perubahan Tahunan dan Kadar Pertumbuhan	MS 20
A.24	Kadar Faedah (%)	MS 21
A.25	Pergerakan Ringgit	MS 22
A.26	Institusi Kredit Perumahan	MS 23
A.27	Pinjaman Perumahan Terkumpul	MS 24
A.28	Pinjaman Perumahan yang Diluluskan	MS 24
A.29	Pembiayaan Ekonomi	MS 25

Kewangan Awam

A.30	Kewangan Sektor Awam Disatukan	MS 26

Penunjuk Terpilih Ekonomi Antarabangsa

A.31	Ekonomi-ekonomi Maju Utama: Penunjuk Ekonomi Utama	MS 27
A.32	Asia Sedang Pesat Membangun: Penunjuk Ekonomi Utama	MS 28

Jadual A.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar Tahun 2000

	2007	2008	2009	2010	2011*a*	2012*r*
	RM juta					
Pertanian	38,177	39,825	40,083	40,916	43,188	44,828
Perlombongan dan kuari	42,881	41,831	39,209	39,270	37,032	37,265
Perkilangan	151,257	153,078	138,784	154,640	161,621	167,967
Pembinaan	15,707	16,365	17,329	18,220	18,856	20,095
Perkhidmatan	272,406	293,072	302,045	322,611	344,549	362,185
Tolak: FISIM[1] yang tidak diagihkan	19,607	20,412	21,897	23,171	24,804	26,219
Campur: Duti import	5,521	6,924	6,449	7,068	7,855	8,367
KDNK pada harga pembeli[2]	**506,341**	**530,683**	**522,001**	**559,554**	**588,297**	**614,488**
	Perubahan tahunan (%)					
Pertanian	1.3	4.3	0.6	2.1	5.6	3.8
Perlombongan dan kuari	2.0	-2.4	-6.3	0.2	-5.7	0.6
Perkilangan	2.8	1.2	-9.3	11.4	4.5	3.9
Pembinaan	7.3	4.2	5.9	5.1	3.5	6.6
Perkhidmatan	10.2	7.6	3.1	6.8	6.8	5.1
Tolak: FISIM[1] yang tidak diagihkan	6.7	4.1	7.3	5.8	7.0	5.7
Campur: Duti import	4.4	25.4	-6.9	9.6	11.1	6.5
KDNK pada harga pembeli	**6.5**	**4.8**	**-1.6**	**7.2**	**5.1**	**4.0~5.0**

[1] Perkhidmatan pengantaraan kewangan yang diukur secara tidak langsung
[2] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.2

Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (2005=100)

	2008	2009	2010	2011	2009	2010	2011
	Indeks				Perubahan tahunan (%)		
Industri berorientasikan eksport	**109.9**	**97.7**	**107.1**	**110.8**	**-11.1**	**9.7**	**3.4**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**107.8**	**83.2**	**97.7**	**94.2**	**-22.8**	**17.4**	**-3.6**
Elektronik	*113.5*	*85.5*	*88.1*	*77.8*	*-24.7*	*3.1*	*-11.7*
Keluaran elektrik	*96.8*	*78.8*	*116.5*	*126.3*	*-18.6*	*47.8*	*8.4*
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**111.2**	**107.4**	**113.5**	**121.9**	**-3.5**	**5.7**	**7.4**
Kimia dan keluaran kimia	107.6	105.8	117.9	128.3	-1.7	11.5	8.8
Keluaran petroleum	117.4	116.5	113.7	120.7	-0.8	-2.4	6.2
Tekstil, pakaian dan kasut	100.3	80.4	83.8	92.5	-19.8	4.2	10.4
Kayu dan keluaran kayu	91.2	76.0	84.9	79.9	-16.6	11.7	-5.9
Keluaran getah	128.2	124.3	150.2	171.0	-3.0	20.8	13.9
Pemprosesan di luar estet	115.0	112.6	110.0	119.6	-2.1	-2.3	8.7
Keluaran kertas	120.6	114.0	125.8	140.4	-5.5	10.4	11.6
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**121.5**	**114.6**	**132.5**	**144.3**	**-5.7**	**15.6**	**8.9**
Kelompok berkaitan pembinaan	**126.9**	**112.4**	**133.7**	**157.1**	**-11.4**	**18.9**	**17.6**
Keluaran berkaitan pembinaan	116.9	95.8	116.8	132.0	-18.1	21.9	13.0
Keluaran galian bukan logam	*114.9*	*99.3*	*121.7*	*148.0*	*-13.6*	*22.6*	*21.6*
Keluaran besi asas dan keluli dan logam bukan ferus	*119.3*	*91.5*	*110.9*	*112.4*	*-23.3*	*21.1*	*1.4*
Keluaran logam yang direka	146.2	144.6	166.3	205.9	-1.1	15.0	23.8
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**117.6**	**116.1**	**131.6**	**135.0**	**-1.2**	**13.4**	**2.6**
Keluaran makanan	125.8	129.8	133.8	140.1	3.2	3.1	4.7
Kelengkapan pengangkutan	116.4	102.0	132.3	131.1	-12.4	29.7	-1.0
Minuman	117.2	114.5	150.4	163.0	-2.3	31.4	8.4
Keluaran tembakau	93.5	87.5	88.2	98.6	-6.4	0.9	11.8
Lain-lain	101.7	129.1	115.4	114.0	27.0	-10.6	-1.2
Jumlah	**112.2**	**101.0**	**112.2**	**117.4**	**-10.0**	**11.1**	**4.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.3

PNK Mengikut Agregat Permintaan

	2007	2008	2009	2010	2011*a*	2012*r*
	pada Harga Semasa (RM juta)					
Penggunaan	371,436	427,068	435,313	465,504	522,514	568,577
Penggunaan swasta	*293,040*	*335,213*	*339,395*	*367,991*	*406,682*	*445,911*
Penggunaan awam	*78,396*	*91,855*	*95,918*	*97,513*	*115,832*	*122,666*
Pelaburan	138,393	145,414	137,504	155,594	171,490	198,971
Pelaburan swasta	*76,577*	*77,986*	*64,633*	*78,730*	*93,977*	*106,015*
Pelaburan awam	*61,816*	*67,428*	*72,871*	*76,864*	*77,513*	*92,956*
Perubahan dalam stok[1]	10	-1,948	-39,288	8,443	17,726	-162
Eksport barangan dan perkhidmatan	706,382	766,096	655,336	745,311	803,227	830,215
Import barangan dan perkhidmatan	574,172	594,160	508,927	608,886	662,223	680,837
KDNK pada harga pembeli	642,049	742,470	679,938	765,965	852,734	916,764
Pembayaran faktor bersih luar negeri	-13,984	-23,033	-14,640	-26,514	-22,032	-19,363
PNK	628,065	719,438	665,298	739,451	830,702	897,401
	pada Harga Malar 2000 (RM juta)					
Penggunaan	320,644	349,417	354,030	372,613	405,685	425,603
Penggunaan swasta	*255,263*	*277,540*	*279,361*	*297,604*	*318,098*	*337,863*
Penggunaan awam	*65,381*	*71,877*	*74,669*	*75,009*	*87,587*	*87,740*
Pelaburan	116,751	118,077	111,516	122,443	129,822	145,289
Pelaburan swasta	*62,813*	*62,950*	*52,264*	*61,509*	*70,364*	*76,199*
Pelaburan awam	*53,938*	*55,127*	*59,253*	*60,933*	*59,459*	*69,090*
Perubahan dalam stok[1]	-770	-5,466	-14,391	11,891	7,775	-787
Eksport barangan dan perkhidmatan	614,815	625,370	559,537	614,988	637,624	646,426
Import barangan dan perkhidmatan	545,099	556,715	488,691	562,382	592,610	602,043
KDNK pada harga pembeli	506,341	530,683	522,001	559,554	588,297	614,488
Pembayaran faktor bersih luar negeri	-23,522	-36,360	-24,565	-42,721	-47,370	-42,942
PNK	482,819	494,323	497,436	516,833	540,927	571,546

[1] Termasuk perbezaan perangkaan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.4

Jurang Tabungan-Pelaburan

	2007	2008	2009	2010	2011*a*
	RM juta				
Pembentukan modal dalam negeri kasar awam	61,816	67,428	72,871	76,864	77,513
Tabungan awam	103,841	80,880	60,767	88,309	45,010
Defisit/lebihan	42,025	13,452	-12,104	11,445	-32,503
Pembentukan modal dalam negeri kasar swasta	76,587	76,038	25,345	87,173	111,703
Tabungan swasta	136,752	193,999	149,587	163,807	242,079
Defisit/lebihan	60,165	117,961	124,242	76,634	130,376
Pembentukan modal dalam negeri kasar	138,403	143,466	98,216	164,037	189,216
(% daripada PNK)	22.0	19.9	14.8	22.2	22.8
Tabungan negara kasar	240,593	274,879	210,354	252,116	287,089
(% daripada PNK)	38.3	38.2	31.6	34.1	34.6
Imbangan akaun semasa	102,190	131,413	112,138	88,079	97,873
(% daripada PNK)	16.3	18.3	16.9	11.9	11.8

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.5

Pasaran Pekerja: Penunjuk Terpilih

	2007	2008	2009	2010	2011*a*
	(bilangan jawatan/orang)				
Kekosongan Jawatan Mengikut Industri[1]					
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	226,759	275,548	230,303	327,670	399,522
Perlombongan dan kuari	1,163	1,450	1,377	2,517	3,369
Perkilangan	275,155	327,798	695,418	693,711	689,422
Pembinaan	117,217	107,421	111,622	250,820	388,241
Perkhidmatan	204,599	346,763	507,627	512,503	778,994
Elektrik, gas dan air[(I)]	*1,477*	*2,047*	*4,367*	*8,269*	*15,091*
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran[(II)]	*66,600*	*99,317*	*162,270*	*147,303*	*185,577*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi[(III)]	*12,578*	*15,264*	*15,090*	*17,888*	*20,100*
Pengantaraan kewangan, harta tanah, penyewaan dan perkhidmatan perniagaan[(IV)]	*50,235*	*125,821*	*148,001*	*168,067*	*372,346*
Pentadbiran awam, pertahanan dan keselamatan sosial wajib	*11,287*	*11,132*	*16,128*	*20,414*	*6,897*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian	*62,422*	*93,182*	*161,771*	*150,562*	*178,983*
Tidak tersenarai pada bahagian lain	289	0	0	0	0
Jumlah kekosongan	**825,182**	**1,058,980**	**1,546,347**	**1,787,221**	**2,259,548**
Pemberhentian Pekerja Mengikut Industri					
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	255	398	278	866	172
Perlombongan dan kuari	61	89	78	30	24
Perkilangan	9,970	11,014	17,850	3,854	5,635
Pembinaan	291	199	503	262	290
Perkhidmatan	3,458	4,769	6,355	2,073	3,329
Elektrik, gas dan air	*5*	*77*	*156*	*0*	*66*
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	*1,929*	*2,052*	*1,429*	*662*	*1,322*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	*322*	*773*	*643*	*208*	*293*
Pengantaraan kewangan, harta tanah, penyewaan dan perkhidmatan perniagaan	*761*	*1,008*	*1,923*	*934*	*672*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian	*441*	*859*	*2,204*	*269*	*976*
Jumlah pemberhentian pekerja	**14,035**	**16,469**	**25,064**	**7,085**	**9,450**
Guna Tenaga Mengikut Industri[2] ('000 orang)					
Pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan	1,389.8	1,390.9	1,390.8	1,390.1	1,388.6
Perlombongan dan kuari	42.9	42.8	42.5	41.9	40.7
Perkilangan	3,296.6	3,338.2	3,209.9	3,382.1	3,499.6
Pembinaan	757.3	758.4	762.4	765.5	768.0
Perkhidmatan	5,911.4	6,046.1	6,226.5	6,376.4	6,550.7
Elektrik, gas dan air[(I)]	*96.8*	*97.6*	*97.7*	*100.4*	*101.8*
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran[(II)]	*1,957.7*	*1,984.3*	*2,140.2*	*2,242.1*	*2,349.2*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi[(III)]	*660.0*	*673.2*	*675.5*	*684.2*	*707.8*
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan[(IV)]	*789.7*	*811.9*	*825.6*	*840.9*	*853.0*
Perkhidmatan Kerajaan	*1,225.6*	*1,263.5*	*1,247.9*	*1,249.5*	*1,251.8*
Perkhidmatan lain	*1,181.6*	*1,215.6*	*1,239.6*	*1,259.3*	*1,287.0*
Jumlah guna tenaga	**11,398.0**	**11,576.5**	**11,632.1**	**11,956.0**	**12,247.5**
Kadar pengangguran[2] (% daripada tenaga kerja)	**3.2**	**3.3**	**3.7**	**3.3**	**3.1**

a Anggaran

[1] Merujuk kepada jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh majikan melalui portal JobsMalaysia (sebelum ini dikenali sebagai Bursa Buruh Elektronik)

[2] Merujuk kepada anggaran yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi

[(I)] Mulai tahun 2010, data merujuk kepada bekalan elektrik, gas, air, wap dan penyaman udara

[(II)] Mulai tahun 2010, data merujuk kepada perdagangan borong dan runcit, penginapan dan perkhidmatan makanan dan minuman

[(III)] Mulai tahun 2010, data merujuk kepada pengangkutan, penyimpanan, maklumat dan komunikasi

[(IV)] Mulai tahun 2010, data merujuk kepada pengantaraan kewangan, harta tanah, perkhidmatan profesional, saintifik, teknikal, pentadbiran dan sokongan

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia

Jadual A.6

Penunjuk Penggunaan Swasta

	2010	2011				
		S1	S2	S3	S4	Tahun
Jualan kereta penumpang ('000 unit)	543.6	142.5	123.1	137.0	132.4	535.1
Perubahan tahunan (%)	11.8	7.1	-11.3	0.3	-2.0	-1.6
Import barangan penggunaan (RM bilion)	34.5	8.8	10.1	10.8	11.4	41.0
Perubahan tahunan (%)	9.7	5.8	17.5	26.5	25.4	19.0
Pungutan cukai						
Cukai jualan (RM bilion)	8.1	1.9	2.1	2.1	2.4	8.5
Cukai perkhidmatan (RM bilion)	3.9	1.0	1.2	1.3	1.5	5.0
Wang secara kecil (M1)						
Perubahan tahunan (%)	11.7	14.0	14.5	13.3	15.1	15.1
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Kredit penggunaan (tidak termasuk kereta penumpang)						
Perubahan tahunan (%)	12.5	26.6	14.8	9.6	4.7	13.3
Perniagaan runcit, restoran dan hotel						
Perubahan tahunan (%)	16.3	9.8	1.6	21.8	22.8	13.8
Jualan runcit MRA (% perubahan tahunan)	8.4	5.1	9.1	7.0	11.5	8.1
Jumlah perbelanjaan kad kredit[1] (RM bilion)	78.0	20.6	21.2	21.8	23.2	86.8
Perubahan tahunan (%)	14.5	10.9	12.7	11.7	9.8	11.2
Indeks Sentimen Pengguna MIER	-	108.2	107.9	108.7	106.3	-
FBM KLCI	1,518.9	1,545.1	1,579.1	1,387.1	1,530.7	1,530.7
Harga komoditi						
Minyak sawit mentah (RM/tan)	2,752	3,668	3,348	3,090	3,010	3,279
Minyak mentah(USD/tong)	79.6	106.2	118.9	114.4	115.8	113.8
Getah (sen/kg)	1,070.0	1,575.9	1,405.2	1,363.6	1,121.4	1,366.5

[1] Perbelanjaan pemastautin sahaja

Jadual A.7

Penunjuk Pelaburan Swasta

	2010	2011				
		S1	S2	S3	S4	Tahun
Jualan kenderaan perdagangan ('000 unit)	61.6	15.9	15.7	16.0	17.2	64.8
Perubahan tahunan (%)	21.8	10.6	5.4	2.8	2.6	5.2
Import barangan modal (RM bilion)	73.8	17.8	19.6	20.2	23.3	80.9
Perubahan tahunan (%)	12.2	16.7	10.2	5.5	8.2	9.7
Kelulusan oleh MITI (Sektor perkilangan)						
Bilangan projek	910	194	258	182	212	846
Pelaburan modal (RM bilion)	47.2	13.5	13.8	11.3	17.4	56.1
Asing	*29.1*	*6.1*	*7.9*	*7.2*	*12.9*	*34.1*
Tempatan	*18.1*	*7.4*	*5.9*	*4.1*	*4.5*	*21.9*
Pelaburan baharu (% bahagian)	50.6	47.8	39.9	78.3	70.3	59.0
Pelaburan semula (% bahagian)	49.4	52.2	60.1	21.7	29.7	41.0
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Sektor perkilangan						
Perubahan tahunan (%)	12.0	23.5	11.7	24.2	28.7	21.9
Sektor pembinaan						
Perubahan tahunan (%)	5.5	12.0	-3.6	-4.7	17.9	5.4
Sekuriti Hutang Swasta (tidak termasuk Cagamas)						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	52.1	12.2	20.9	19.1	17.4	69.6
Aktiviti baharu	13.5	1.5	4.3	1.2	1.3	8.4
Tawaran Awam Awal (Bursa Malaysia)						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	19.8	0.5	2.9	3.2	0.7	7.4
Tinjauan Keadaan Perniagaan MIER						
Indeks Keadaan Perniagaan	-	113.3	114.0	104.5	96.6	-
Kadar Penggunaan Kapasiti	-	82.8	81.1	82.4	81.2	-
Syarikat Berstatus MSC						
Bilangan syarikat	218	35	49	60	71	215
Pelaburan yang diluluskan (RM bilion)	1.5	0.3	0.4	0.8	1.0	2.5

Jadual A.8

Imbangan Pembayaran

Butiran	2008			2009		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM juta					
Barangan[1]	**663,875**	**492,076**	**171,799**	**554,067**	**412,322**	**141,745**
Akaun perdagangan	*663,014*	*519,804*	*143,209*	*552,518*	*434,670*	*117,848*
Perkhidmatan	**102,221**	**102,084**	**137**	**101,270**	**96,606**	**4,664**
Pengangkutan	22,509	37,938	-15,429	15,518	32,551	-17,034
Perjalanan	50,961	22,451	28,510	55,589	22,886	32,704
Perkhidmatan lain	28,624	40,978	-12,354	30,015	40,414	-10,399
Urus niaga Kerajaan t.d.t.l.[2]	127	716	-589	148	755	-607
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**766,096**	**594,160**	**171,936**	**655,336**	**508,927**	**146,409**
Pendapatan	**40,335**	**63,368**	**-23,033**	**39,347**	**53,986**	**-14,639**
Pampasan pekerja	4,264	5,157	-894	3,984	5,475	-1,491
Pendapatan pelaburan[3]	36,072	58,211	-22,139	35,363	48,511	-13,148
Pindahan semasa	**1,414**	**18,904**	**-17,490**	**3,714**	**23,345**	**-19,631**
Imbangan akaun semasa	**807,845**	**676,431**	**131,414**	**698,398**	**586,258**	**112,139**
% daripada PNK			**18.3**			**16.9**
Akaun modal			**593**			**-161**
Akaun kewangan			**-119,082**			**-80,208**
Pelaburan langsung			-25,996			-22,908
Di luar negeri			*-49,920*			*-27,948*
Di Malaysia			*23,924*			*5,040*
Pelaburan portfolio			-83,193			-1,689
Derivatif kewangan			-2,029			2,453
Pelaburan lain			-7,865			-58,064
Sektor awam			*852*			*6,556*
Sektor swasta			*-8,717*			*-64,620*
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-118,489**			**-80,369**
Kesilapan dan ketinggalan			**-31,174**			**-17,939**
antaranya:						
Penambahan (+) / pengurangan (-) nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing			-5,824			10,697
Imbangan keseluruhan (lebihan + / defisit -)			**-18,250**			**13,831**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[4]						
RM juta			317,445			331,277
USD juta			91,529			96,688
Rizab sebagai bilangan bulan import tertangguh			7.6			9.7

[1] Diselaraskan untuk penilaian dan liputan bagi asas imbangan pembayaran. Import termasuk barangan ketenteraan yang tidak dimasukkan dalam data perdagangan

[2] Termasuk urus niaga tentera asing dan pertubuhan diplomatik

[3] Termasuk perolehan syarikat pelaburan langsung asing yang tidak diagihkan. Perolehan yang tidak diagihkan ini ditunjukkan sebagai perolehan yang dilaburkan semula di bawah "Pelaburan Langsung" dalam Akaun Kewangan

[4] Semua aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai juga ditunjukkan dengan sewajarnya dalam akaun Bank

a Awalan
r Ramalan
t.d.t.l. Tidak dicatat di tempat lain
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

2010			2011*a*			2012*r*		
+	-	Bersih	+	-	Bersih	+	-	Bersih
				RM juta				
640,043	**505,317**	**134,726**	**696,116**	**546,693**	**149,422**	**717,826**	**562,214**	**155,612**
638,822	*528,828*	*109,994*	*694,548*	*574,232*	*120,316*	*716,881*	*591,281*	*125,600*
105,268	**103,570**	**1,698**	**107,111**	**115,530**	**-8,418**	**112,389**	**118,623**	**-6,234**
15,095	38,248	-23,153	14,834	40,020	-25,185	18,639	43,164	-24,525
58,868	25,541	33,327	55,871	31,621	24,250	56,971	31,215	25,755
31,045	38,998	-7,953	36,136	43,155	-7,019	36,390	43,526	-7,136
260	783	-523	270	734	-464	390	719	-329
745,310	**608,887**	**136,424**	**803,227**	**662,223**	**141,004**	**830,215**	**680,837**	**149,378**
38,297	**64,811**	**-26,514**	**52,038**	**74,070**	**-22,032**	**41,985**	**61,347**	**-19,363**
3,548	5,634	-2,086	3,632	6,014	-2,382	4,059	6,026	-1,967
34,748	59,176	-24,428	48,407	68,057	-19,650	37,926	55,322	-17,396
1,855	**23,686**	**-21,831**	**4,656**	**25,755**	**-21,099**	**4,326**	**24,822**	**-20,496**
785,462	**697,383**	**88,079**	**859,922**	**762,048**	**97,873**	**872,026**	**766,492**	**109,519**
		11.9			**11.8**			**12.2**
		-165			**-151**			
		-19,827			**15,494**			
		-13,611			-12,376			
		-42,932			*-45,301*			
		29,322			*32,925*			
		48,457			30,334			
		-701			-73			
		-53,973			-2,392			
		237			*-1,300*			
		-54,211			*-1,092*			
		-19,993			**15,344**			
		-70,713			**-18,535**			
		-32,641			7,565			
		-2,628			**94,682**			
		328,649			423,331			
		106,518			133,610			
		8.6			9.6			

Jadual A.9

Eksport Kasar

	2009	2010	2011*a*	2010	2011*a*	2011*a*
	RM juta			Perubahan tahunan (%)		% bahagian
Perkilangan	**432,179**	**486,849**	**503,427**	**12.6**	**3.4**	**72.5**
antaranya:						
Elektronik, jentera dan peralatan elektrik	248,948	271,147	260,131	8.9	-4.1	37.5
Elektronik	180,743	194,412	182,149	7.6	-6.3	26.2
Separa konduktor	*93,057*	*97,975*	*107,090*	*5.3*	*9.3*	*15.4*
Kelengkapan dan komponen elektronik	*87,686*	*96,438*	*75,060*	*10.0*	*-22.2*	*10.8*
Jentera dan peralatan elektrik	68,205	76,734	77,981	12.5	1.6	11.2
Perkakas dan jentera elektrik perindustrian	*21,641*	*24,655*	*27,511*	*13.9*	*11.6*	*4.0*
Keluaran elektrik perindustrian dan komersial	*24,646*	*22,731*	*24,300*	*-7.8*	*6.9*	*3.5*
Keluaran elektrik pengguna	*18,793*	*25,804*	*22,369*	*37.3*	*-13.3*	*3.2*
Peralatan elektrik isi rumah	*3,126*	*3,544*	*3,801*	*13.4*	*7.3*	*0.5*
Kimia dan keluaran kimia	34,079	41,557	47,765	21.9	14.9	6.9
Keluaran petroleum	21,939	29,217	36,654	33.2	25.5	5.3
Keluaran logam	22,645	26,201	31,014	15.7	18.4	4.5
Kelengkapan optik dan saintifik	13,275	18,319	18,754	38.0	2.4	2.7
Keluaran getah	12,125	15,454	17,453	27.5	12.9	2.5
Tekstil, pakaian dan kasut	9,376	9,652	10,939	3.0	13.3	1.6
Keluaran kayu	7,977	8,378	8,385	5.0	0.1	1.2
Pertanian	**53,354**	**68,731**	**91,358**	**28.8**	**32.9**	**13.2**
antaranya:						
Minyak sawit	36,329	44,730	60,444	23.1	35.1	8.7
Getah	4,460	9,210	13,278	106.5	44.2	1.9
Mineral	**56,806**	**73,205**	**88,049**	**28.9**	**20.3**	**12.7**
antaranya:						
Gas asli cecair	29,018	38,742	49,963	33.5	29.0	7.2
Minyak mentah dan kondensat	25,360	30,765	31,982	21.3	4.0	4.6
Lain-lain	**10,179**	**10,037**	**11,714**	**-1.4**	**16.7**	**1.7**
Jumlah	**552,518**	**638,822**	**694,548**	**15.6**	**8.7**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.10

Eksport Komoditi Utama

	2009	2010	2011*a*	2010	2011*a*
	Jumlah dan nilai			Perubahan tahunan (%)	
Eksport komoditi (RM juta)	**110,160**	**141,937**	**179,407**	**28.8**	**26.4**
Eksport pertanian (RM juta)	**53,354**	**68,731**	**91,358**	**28.8**	**32.9**
antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan)	16,256	16,945	18,448	4.2	8.9
(RM/tan)	2,235	2,640	3,276	18.1	24.1
(RM juta)	36,329	44,730	60,444	23.1	35.1
Minyak isirong sawit					
('000 tan)	1,028	1,021	1,077	-0.6	5.5
(RM/tan)	1,599	2,494	3,571	56.0	43.2
(RM juta)	1,643	2,548	3,847	55.1	51.0
Getah					
('000 tan)	703	901	946	28.1	5.0
(sen/kilogram)	634	1,023	1,404	61.2	37.3
(RM juta)	4,460	9,210	13,278	106.5	44.2
Kayu balak					
('000 meter padu)	4,211	4,329	3,315	2.8	-23.4
(RM/meter padu)	482	495	589	2.7	19.1
(RM juta)	2,029	2,142	1,953	5.6	-8.8
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	1,688	2,152	2,085	27.5	-3.1
(RM/meter padu)	1,841	1,507	1,562	-18.1	3.6
(RM juta)	3,108	3,243	3,256	4.3	0.4
Biji koko					
('000 tan)	14.4	23.7	25.4	64.8	7.3
(RM/tan)	9,063	11,534	10,038	27.3	-13.0
(RM juta)	130	273	255	109.7	-6.6
Eksport mineral (RM juta)	**56,806**	**73,205**	**88,049**	**28.9**	**20.3**
antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat					
('000 tan)	16,412	16,373	12,506	-0.2	-23.6
(USD/tong)	58.00	76.55	110.04	32.0	43.7
(RM juta)	25,360	30,765	31,982	21.3	4.0
Gas asli cecair					
('000 tan)	22,095	22,953	24,848	3.9	8.3
(RM/tan)	1,313	1,688	2,011	28.5	19.1
(RM juta)	29,018	38,742	49,963	33.5	29.0
Timah					
('000 tan)	22.9	33.7	42.3	47.3	25.5
(RM/tan)	45,771	61,831	76,460	35.1	23.7
(RM juta)	1,047	2,084	3,234	98.9	55.2

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.11

Pasaran Utama Eksport Perkilangan

Negara	2007	2008	2009	2010	2011*a*	2007	2008	2009	2010	2011*a*
	RM juta					% bahagian				
ASEAN	**123,809**	**134,424**	**114,026**	**130,666**	**138,717**	**26.1**	**27.4**	**26.4**	**26.8**	**27.6**
Singapura	78,490	84,904	70,183	78,370	81,830	16.6	17.3	16.2	16.1	16.3
Thailand	24,991	25,643	24,148	28,285	28,492	5.3	5.2	5.6	5.8	5.7
Indonesia	12,574	16,319	13,016	15,675	18,904	2.7	3.3	3.0	3.2	3.8
Filipina	6,564	6,202	5,218	6,992	7,954	1.4	1.3	1.2	1.4	1.6
Brunei Darussalam	1,190	1,356	1,462	1,344	1,537	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3
Kesatuan Eropah	**66,971**	**63,061**	**52,612**	**58,218**	**58,180**	**14.1**	**12.8**	**12.2**	**12.0**	**11.6**
Jerman	13,393	13,574	13,739	15,408	16,082	2.8	2.8	3.2	3.2	3.2
Belanda	19,060	18,605	15,301	16,389	13,548	4.0	3.8	3.5	3.4	2.7
United Kingdom	9,219	8,587	6,657	6,801	6,578	1.9	1.7	1.5	1.4	1.3
Lain-lain	25,299	22,295	16,915	19,619	21,972	5.3	4.5	3.9	4.0	4.4
Republik Rakyat China	38,009	44,396	51,254	61,027	63,648	8.0	9.0	11.9	12.5	12.6
Amerika Syarikat	90,102	76,633	56,897	55,604	50,948	19.0	15.6	13.2	11.4	10.1
Jepun	32,574	35,944	30,204	35,596	37,697	6.9	7.3	7.0	7.3	7.5
Hong Kong SAR	26,690	26,942	28,293	31,548	30,251	5.6	5.5	6.5	6.5	6.0
Timur Tengah	18,815	23,342	20,659	21,273	22,892	4.0	4.8	4.8	4.4	4.5
Australia	12,081	14,794	13,927	13,154	13,933	2.6	3.0	3.2	2.7	2.8
India	9,172	10,119	8,319	11,508	14,198	1.9	2.1	1.9	2.4	2.8
China Taipei	11,724	10,529	10,216	13,357	13,491	2.5	2.1	2.4	2.7	2.7
Korea	10,732	10,294	9,895	12,313	12,994	2.3	2.1	2.3	2.5	2.6
Negara-negara Amerika Latin	7,156	9,172	7,362	9,063	9,806	1.5	1.9	1.7	1.9	1.9
Kanada	2,971	2,964	2,630	2,977	2,584	0.6	0.6	0.6	0.6	0.5
Negara-negara Lain	22,888	28,296	25,886	30,547	34,088	4.8	5.8	6.0	6.3	6.8
Jumlah	**473,695**	**490,908**	**432,179**	**486,849**	**503,427**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.12

Pasaran Utama Eksport Elektronik

Negara	2007	2008	2009	2010	2011*a*	2007	2008	2009	2010	2011*a*
	RM juta					% bahagian				
Republik Rakyat China	22,640	27,298	34,862	38,326	38,644	10.6	13.9	19.3	19.7	21.2
Singapura	34,326	33,859	28,049	32,027	28,301	16.1	17.3	15.5	16.5	15.5
Hong Kong SAR	17,524	17,434	20,283	22,500	21,464	8.2	8.9	11.2	11.6	11.8
Amerika Syarikat	56,406	43,365	28,170	24,605	20,384	26.4	22.1	15.6	12.7	11.2
Jepun	11,244	10,211	9,565	9,936	9,469	5.3	5.2	5.3	5.1	5.2
Thailand	9,954	9,356	9,352	9,344	8,779	4.7	4.8	5.2	4.8	4.8
Jerman	6,618	6,588	7,658	8,413	8,018	3.1	3.4	4.2	4.3	4.4
Belanda	13,535	11,225	9,493	10,264	6,086	6.3	5.7	5.3	5.3	3.3
China Taipei	5,357	4,517	5,851	6,242	5,696	2.5	2.3	3.2	3.2	3.1
Korea	4,110	3,621	3,547	4,369	5,281	1.9	1.8	2.0	2.2	2.9
Lain-lain	31,991	28,551	23,912	28,386	30,027	15.0	14.6	13.2	14.6	16.5
Jumlah	**213,704**	**196,023**	**180,743**	**194,412**	**182,149**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.13

Pasaran Utama Eksport Keluaran Elektrik

Negara	2007	2008	2009	2010	2011*a*	2007	2008	2009	2010	2011*a*
	RM juta					% bahagian				
Amerika Syarikat	15,759	14,825	12,979	12,484	11,591	21.3	18.3	19.0	16.3	14.9
Kesatuan Eropah	12,214	13,364	9,423	9,255	10,700	16.5	16.5	13.8	12.1	13.7
Jepun	5,936	7,269	6,961	9,251	9,376	8.0	9.0	10.2	12.1	12.0
Singapura	10,983	10,838	8,190	8,470	8,396	14.8	13.4	12.0	11.0	10.8
Timur Tengah	4,393	5,634	5,089	6,479	6,584	5.9	7.0	7.5	8.4	8.4
Republik Rakyat China	3,555	3,824	3,201	3,972	4,211	4.8	4.7	4.7	5.2	5.4
Thailand	2,784	2,693	2,601	3,427	3,504	3.8	3.3	3.8	4.5	4.5
Australia	2,522	3,600	4,122	4,285	3,262	3.4	4.5	6.0	5.6	4.2
Hong Kong SAR	3,287	3,410	3,110	3,278	2,907	4.4	4.2	4.6	4.3	3.7
Lain-lain	12,561	15,443	12,530	15,833	17,450	17.0	19.1	18.4	20.6	22.4
Jumlah	**73,993**	**80,899**	**68,205**	**76,734**	**77,981**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.14

Pasaran Utama Eksport Kimia dan Keluaran Kimia

Negara	2007	2008	2009	2010	2011*a*	2007	2008	2009	2010	2011*a*
	RM juta					% bahagian				
Republik Rakyat China	5,009	5,076	5,348	6,772	8,050	13.5	12.5	15.7	16.3	16.9
Indonesia	2,902	3,969	3,070	4,012	4,610	7.8	9.7	9.0	9.7	9.7
Thailand	3,389	3,658	2,764	3,295	4,185	9.1	9.0	8.1	7.9	8.8
Jepun	2,866	3,104	2,286	3,093	4,015	7.7	7.6	6.7	7.4	8.4
Singapura	3,329	3,714	3,299	3,756	3,906	9.0	9.1	9.7	9.0	8.2
India	1,874	2,194	2,011	2,490	2,831	5.0	5.4	5.9	6.0	5.9
Korea	1,550	1,293	1,230	1,420	1,710	4.2	3.2	3.6	3.4	3.6
China Taipei	1,723	1,607	1,148	1,483	1,666	4.6	3.9	3.4	3.6	3.5
Amerika Syarikat	1,512	1,567	1,166	1,339	1,543	4.1	3.8	3.4	3.2	3.2
Hong Kong SAR	2,004	1,965	1,515	1,591	1,454	5.4	4.8	4.4	3.8	3.0
Lain-lain	11,001	12,576	10,241	12,306	13,794	29.6	30.9	30.1	29.6	28.9
Jumlah	**37,159**	**40,723**	**34,079**	**41,557**	**47,765**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.15

Pasaran Utama Eksport Minyak Sawit

Negara	2007	2008	2009	2010	2011*a*	2007	2008	2009	2010	2011*a*
	'000 tan					% bahagian				
Republik Rakyat China	3,786	3,808	4,059	3,463	4,034	28.2	25.6	25.0	20.4	21.9
Kesatuan Eropah	2,097	2,010	1,694	1,809	2,069	15.6	13.5	10.4	10.7	11.2
Belanda	*1,527*	*1,333*	*1,117*	*1,133*	*1,293*	*11.4*	*8.9*	*6.9*	*6.7*	*7.0*
Itali	*126*	*165*	*151*	*188*	*212*	*0.9*	*1.1*	*0.9*	*1.1*	*1.1*
Sweden	*134*	*85*	*54*	*119*	*158*	*1.0*	*0.6*	*0.3*	*0.7*	*0.9*
Jerman	*30*	*105*	*154*	*160*	*127*	*0.2*	*0.7*	*0.9*	*0.9*	*0.7*
Lain-lain	*280*	*323*	*219*	*209*	*279*	*2.1*	*2.2*	*1.3*	*1.2*	*1.5*
Pakistan	1,062	1,291	1,764	2,134	1,851	7.9	8.7	10.9	12.6	10.0
Timur Tengah	1,212	1,257	1,364	1,864	1,775	9.0	8.4	8.4	11.0	9.6
India	515	925	1,263	1,184	1,723	3.8	6.2	7.8	7.0	9.3
Amerika Syarikat	516	1,078	866	1,032	1,045	3.8	7.2	5.3	6.1	5.7
Jepun	516	530	528	542	551	3.8	3.6	3.2	3.2	3.0
Korea	225	199	299	322	365	1.7	1.3	1.8	1.9	2.0
Bangladesh	170	254	113	171	149	1.3	1.7	0.7	1.0	0.8
China Taipei	129	128	155	154	137	1.0	0.9	1.0	0.9	0.7
Australia	121	113	126	127	122	0.9	0.8	0.8	0.8	0.7
Lain-lain	3,064	3,304	4,025	4,143	4,626	22.8	22.2	24.8	24.4	25.1
Jumlah	**13,412**	**14,894**	**16,256**	**16,945**	**18,448**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.16

Pasaran Utama Eksport Getah

Negara	2007	2008	2009	2010	2011*a*	2007	2008	2009	2010	2011*a*
	'000 tan					% bahagian				
Republik Rakyat China	371	301	272	348	409	36.4	32.9	38.7	38.6	43.2
Kesatuan Eropah	294	279	166	236	238	28.9	30.5	23.6	26.3	25.2
Jerman	*136*	*123*	*82*	*118*	*114*	*13.3*	*13.5*	*11.6*	*13.1*	*12.0*
Belanda	*17*	*21*	*19*	*27*	*23*	*1.6*	*2.3*	*2.7*	*3.0*	*2.5*
United Kingdom	*16*	*17*	*8*	*12*	*18*	*1.5*	*1.8*	*1.1*	*1.3*	*1.9*
Perancis	*43*	*32*	*18*	*22*	*16*	*4.3*	*3.5*	*2.6*	*2.4*	*1.7*
Itali	*20*	*17*	*9*	*12*	*10*	*1.9*	*1.9*	*1.3*	*1.4*	*1.1*
Sepanyol	*9*	*8*	*4*	*6*	*4*	*0.9*	*0.8*	*0.6*	*0.6*	*0.4*
Lain-lain	*54*	*61*	*26*	*40*	*52*	*5.3*	*6.7*	*3.7*	*4.4*	*5.5*
Timur Tengah	54	69	54	64	55	5.3	7.5	7.7	7.1	5.8
Iran	*27*	*40*	*32*	*39*	*28*	*2.7*	*4.4*	*4.5*	*4.3*	*2.9*
Turki	*21*	*21*	*17*	*20*	*21*	*2.1*	*2.3*	*2.4*	*2.2*	*2.3*
Lain-lain	*5*	*7*	*6*	*5*	*6*	*0.5*	*0.8*	*0.8*	*0.6*	*0.6*
Korea	61	52	47	49	44	6.0	5.6	6.7	5.4	4.6
Amerika Syarikat	53	53	28	40	34	5.2	5.8	4.0	4.4	3.6
Brazil	38	35	23	27	21	3.8	3.8	3.3	3.0	2.3
Kanada	19	12	9	9	7	1.9	1.4	1.3	1.0	0.8
Lain-lain	129	114	103	128	138	12.7	12.5	14.6	14.3	14.6
Jumlah	**1,020**	**916**	**703**	**901**	**946**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.17

Pasaran Utama Eksport Minyak Mentah

Negara	2007	2008	2009	2010	2011*a*	2007	2008	2009	2010	2011*a*
	'000 tan					% bahagian				
Australia	3,331	3,272	3,321	5,166	3,729	19.7	19.5	20.2	31.5	29.8
India	3,908	3,890	2,872	2,320	2,454	23.2	23.2	17.5	14.2	19.6
Thailand	1,435	1,579	2,767	2,262	2,042	8.5	9.4	16.9	13.8	16.3
Republik Rakyat China	240	837	1,429	1,382	944	1.4	5.0	8.7	8.4	7.5
Jepun	987	751	469	616	922	5.8	4.5	2.9	3.8	7.4
Korea	1,545	1,356	877	950	865	9.2	8.1	5.3	5.8	6.9
New Zealand	381	356	214	539	409	2.3	2.1	1.3	3.3	3.3
Filipina	872	759	561	946	297	5.2	4.5	3.4	5.8	2.4
Singapura	1,607	2,497	1,428	896	169	9.5	14.9	8.7	5.5	1.4
Indonesia	2,038	1,289	2,098	682	153	12.1	7.7	12.8	4.2	1.2
Amerika Syarikat	46	165	371	147	0	0.3	1.0	2.3	0.9	0.0
Lain-lain	491	13	5	468	524	2.9	0.1	0.0	2.9	4.2
Jumlah	**16,880**	**16,763**	**16,412**	**16,373**	**12,506**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.18

Pasaran Utama Eksport Gas Asli Cecair

Negara	2007	2008	2009	2010	2011*a*	2007	2008	2009	2010	2011*a*
	'000 tan					% bahagian				
Jepun	13,238	13,350	12,877	13,990	15,416	57.8	57.6	58.3	60.9	62.0
Korea	6,069	6,541	5,659	4,839	3,972	26.5	28.2	25.6	21.1	16.0
China Taipei	3,524	3,242	2,455	2,828	3,362	15.4	14.0	11.1	12.3	13.5
Lain-lain	72	31	1,104	1,296	2,097	0.3	0.1	5.0	5.6	8.4
Jumlah	**22,904**	**23,164**	**22,095**	**22,953**	**24,848**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.19

Hutang Luar Negeri dan Khidmat Bayaran Hutang

	2007	2008[3]	2009	2010	2011*a*
	RM juta				
Hutang jangka sederhana dan panjang:					
Peminjaman kasar	**23,844**	**26,112**	**35,844**	**53,369**	**76,629**
Kerajaan Persekutuan	*489*	*479*	*459*	*4,493*	*6,534*
PABK	*1,706*	*5,952*	*17,900*	*4,076*	*3,043*
Sektor swasta	*21,650*	*19,681*	*17,485*	*44,800*	*67,052*
Bayaran balik dan prabayaran	**25,699**	**13,015**	**36,100**	**51,520**	**77,881**
Kerajaan Persekutuan	*4,803*	*943*	*6,767*	*823*	*5,968*
PABK	*7,840*	*2,069*	*8,128*	*3,455*	*7,288*
Sektor swasta	*13,055*	*10,004*	*21,206*	*47,242*	*64,623*
Peminjaman bersih	**-1,855**	**13,097**	**-256**	**1,849**	**-1,251**
Kerajaan Persekutuan	*-4,314*	*-463*	*-6,308*	*3,670*	*565*
PABK	*-6,134*	*3,884*	*9,772*	*620*	*-4,245*
Sektor swasta	*8,594*	*9,677*	*-3,721*	*-2,441*	*2,429*
Hutang terkumpul	**132,978**	**156,594**	**155,328**	**147,660**	**153,364**
Kerajaan Persekutuan	*19,602*	*20,316*	*13,787*	*16,745*	*18,103*
PABK	*41,854*	*63,146*	*71,600*	*66,589*	*64,981*
Sektor swasta	*71,521*	*73,133*	*69,941*	*64,325*	*70,280*
Hutang jangka pendek:					
Hutang terkumpul	**54,468**	**79,689**	**77,390**	**79,447**	**103,871**
Sektor perbankan[1]	*42,134*	*72,042*	*68,527*	*67,982*	*92,299*
Sektor swasta bukan bank	*12,334*	*7,647*	*8,863*	*11,465*	*11,572*
Jumlah hutang luar negeri:	**187,445**	**236,283**	**232,717**	**227,107**	**257,235**
Jumlah hutang luar negeri (USD juta)	**56,027**	**67,409**	**67,324**	**72,828**	**80,363**
% PNK	*29.8*	*32.8*	*35.0*	*30.7*	*31.0*
Perubahan tahunan (%)	*1.6*	*26.1*	*-1.5*	*-2.4*	*13.3*
Komposisi mata wang (% bahagian)	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**
Dolar AS	*81.2*	*76.6*	*72.7*	*65.8*	*68.4*
Yen Jepun	*10.6*	*9.2*	*8.4*	*8.8*	*8.2*
Lain-lain	*8.3*	*14.2*	*18.9*	*25.4*	*23.4*
Jumlah khidmat bayaran hutang (termasuk pembayaran faedah hutang jangka pendek)	**33,155**	**19,704**	**42,288**	**56,973**	**82,897**
antaranya:					
Hutang jangka sederhana dan panjang					
Bayaran balik[2]	**25,699**	**13,015**	**36,100**	**51,520**	**77,881**
Kerajaan Persekutuan	*4,803*	*943*	*6,767*	*823*	*5,968*
PABK	*7,840*	*2,069*	*8,128*	*3,455*	*7,288*
Sektor swasta	*13,055*	*10,004*	*21,206*	*47,242*	*64,623*
Bayaran faedah	**5,126**	**5,484**	**5,718**	**4,974**	**4,516**
Kerajaan Persekutuan	*1,426*	*1,107*	*931*	*558*	*292*
PABK	*2,282*	*2,493*	*3,025*	*3,132*	*3,102*
Sektor swasta	*1,418*	*1,884*	*1,762*	*1,284*	*1,122*
Nisbah khidmat bayaran hutang (% eksport barangan dan perkhidmatan)					
Jumlah hutang	**4.7**	**2.6**	**6.5**	**7.6**	**10.3**
Hutang jangka sederhana dan panjang	4.4	2.4	6.4	7.6	10.3
Kerajaan Persekutuan	*0.9*	*0.3*	*1.2*	*0.2*	*0.8*
PABK	*1.4*	*0.6*	*1.7*	*0.9*	*1.3*
Sektor swasta	*2.0*	*1.6*	*3.5*	*6.5*	*8.2*

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

[2] Termasuk prabayaran

[3] Mulai suku pertama 2008, data hutang luar negeri Malaysia telah ditakrifkan semula untuk mengambil kira entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.20

Indeks Harga Pengguna

	Wajaran (%) (2010=100)	2008	2009	2010	2011
		Pertumbuhan tahunan (%)			
Jumlah	**100.0**	**5.4**	**0.6**	**1.7**	**3.2**
antaranya:					
Makanan dan minuman bukan alkohol	30.3	8.8	4.1	2.4	4.8
Minuman alkohol dan tembakau	2.2	7.3	6.1	4.0	4.6
Pakaian dan kasut	3.4	-0.5	-0.9	-1.4	-0.2
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	22.6	1.6	1.4	1.1	1.8
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	3.0	2.9	0.7	1.8
Kesihatan	1.3	2.2	2.3	1.6	2.7
Pengangkutan	14.9	8.8	-9.4	1.6	4.4
Komunikasi	5.7	-0.6	-0.5	-0.2	-0.3
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6	1.8	1.5	1.6	2.0
Pendidikan	1.4	2.3	2.4	1.7	2.2
Restoran dan hotel	3.2	6.6	2.9	2.0	5.9
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.3	3.3	3.8	2.7	2.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.21

Indeks Harga Pengeluar

	Wajaran (%) (2005=100)	2008	2009	2010	2011
		Pertumbuhan tahunan (%)			
Jumlah	**100.0**	**10.3**	**-7.1**	**5.6**	**9.0**
antaranya:					
Makanan	5.4	12.3	0.3	2.6	8.6
Minuman dan tembakau	0.9	1.4	1.7	-0.5	3.7
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan	5.4	11.5	-11.8	22.4	23.2
Bahan api galian, pelincir, dll.	17.4	34.5	-22.0	12.8	24.2
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	4.2	24.5	-19.5	17.9	24.4
Bahan kimia	7.0	7.3	-7.5	3.0	9.4
Barang-barang keluaran kilang	10.9	6.7	-0.5	1.8	3.2
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	42.9	0.7	1.5	1.2	-0.6
Pelbagai barang keluaran kilang	5.4	1.7	1.5	0.6	2.5
Pelbagai urus niaga dan barangan	0.5	12.4	-6.2	12.2	6.2
Pengeluaran tempatan	65.6	13.3	-10.4	7.7	12.0
Import	34.4	4.0	0.5	1.4	2.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.22

Wang Secara Luas (M3)

	Perubahan tahunan					Pada akhir
	2007	2008	2009	2010	2011	2011
	RM juta					
Wang secara luas (M3)[1]	72,436	99,127	85,439	68,791	155,838	1,241,932
Mata wang dalam edaran[2]	2,746	4,178	3,015	4,246	5,813	53,498
Deposit permintaan	24,247	11,093	14,707	18,449	28,112	204,744
Separuh wang secara luas	45,444	83,856	67,717	46,096	121,913	983,690
Deposit tetap	*10,701*	*27,969*	*23,347*	*27,038*	*72,789*	*553,155*
Deposit tabungan	*8,703*	*7,786*	*10,050*	*2,675*	*10,728*	*115,671*
NID	*-15,279*	*144*	*-8,583*	*-4,115*	*-1,239*	*17,190*
Repo	*-72,366*	*-3,046*	*898*	*655*	*-1,701*	*10*
Deposit mata wang asing	*1,570*	*16,649*	*15,283*	*1,432*	*12,736*	*68,757*
Deposit lain	*112,116*	*34,356*	*26,721*	*18,412*	*28,601*	*228,908*
Faktor Penentu M3						
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-641	33,649	25,808	-8,119	-12,037	37,060
Tuntutan terhadap Kerajaan	*-490*	*33,652*	*35,919*	*-3,116*	*5,886*	*108,756*
Tolak: Deposit Kerajaan	*151*	*3*	*10,110*	*5,003*	*17,923*	*71,696*
Tuntutan terhadap sektor swasta	53,407	94,229	50,957	84,847	116,889	1,076,413
Pinjaman	*50,926*	*76,903*	*46,481*	*91,981*	*111,793*	*974,805*
Sekuriti	*2,481*	*17,326*	*4,476*	*-7,134*	*5,096*	*101,608*
Aset asing bersih	71,166	-51,985	22,462	31,785	102,805	488,853
Bank Negara Malaysia[3]	*44,569*	*-18,265*	*7,343*	*-1,793*	*94,530*	*416,783*
Sistem perbankan	*26,597*	*-33,720*	*15,119*	*33,578*	*8,275*	*72,070*
Pengaruh lain	-51,496	23,235	-13,789	-39,722	-51,819	-360,393

[1] Tidak termasuk deposit yang disimpan sesama institusi perbankan
[2] Tidak termasuk pemegangan oleh sistem perbankan
[3] Termasuk kerugian/keuntungan penilaian semula kadar pertukaran

Jadual A.23

Bekalan Wang: Perubahan Tahunan dan Kadar Pertumbuhan

	2007		2008		2009		2010		2011	
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%
Mata wang dalam edaran	2,728	8.1	4,178	11.5	3,015	7.5	4,246	9.8	5,813	12.2
Deposit permintaan dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam	24,913	23.1	9,863	7.4	14,855	10.4	19,221	12.2	28,027	15.9
M1[1]	27,640	19.6	14,040	8.3	17,869	9.8	23,467	11.7	33,840	15.1
Deposit lain dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam[2]	41,552	7.1	92,514	14.7	68,044	9.4	47,343	6.0	120,397	14.4
Deposit dalam institusi perbankan lain[3,4]	3,244	9.9	-7,427	-20.7	-475	-1.7	-2,020	-7.2	1,601	6.2
M3[5]	72,436	9.5	99,127	11.9	85,439	9.2	68,791	6.8	155,838	14.4

[1] Terdiri daripada mata wang dalam edaran dan deposit permintaan sektor swasta

[2] Terdiri daripada deposit tabungan dan tetap, instrumen deposit boleh niaga (negotiable instruments of deposits, NID), repo dan deposit mata wang asing sektor swasta dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam

[3] Terdiri daripada deposit tetap dan repo sektor swasta dalam syarikat kewangan, bank saudagar/bank pelaburan dan syarikat diskaun. Juga termasuk deposit tabungan dalam syarikat kewangan, NID dalam syarikat kewangan dan bank saudagar/bank pelaburan, deposit mata wang asing dalam bank saudagar/bank pelaburan dan deposit panggilan dalam syarikat diskaun. Tidak termasuk deposit yang disimpan sesama institusi perbankan

[4] Penurunan besar sejak tahun 2004 mencerminkan penggabungan syarikat kewangan dengan bank perdagangan

[5] Terdiri daripada M1 ditambah deposit lain sektor swasta dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam serta deposit sektor swasta dalam institusi perbankan lain, iaitu syarikat kewangan, bank saudagar/bank pelaburan dan syarikat diskaun

Jadual A.24

Kadar Faedah (%)

	Pada akhir tahun						Pada akhir bulan pada tahun 2011											
	2005	2006	2007	2008	2009	2010	Jan.	Feb.	Mac	Apr.	Mei	Jun	Jul.	Ogos	Sept.	Okt.	Nov.	Dis.
Antara bank semalaman	3.00	3.50	3.49	3.25	1.99	2.72	2.74	2.72	2.74	2.63	2.99	2.97	2.98	2.99	2.99	2.99	3.00	2.99
Antara bank 1 minggu	3.06	3.53	3.52	3.27	2.00	2.77	2.76	2.76	2.76	2.76	3.01	3.01	3.01	3.01	3.02	3.01	3.01	3.01
Antara bank 1 bulan	3.12	3.58	3.56	3.30	2.07	2.83	2.80	2.79	2.79	2.82	3.11	3.08	3.05	3.05	3.09	3.06	3.05	3.05
Bank perdagangan																		
Deposit tetap:																		
3 bulan	3.02	3.19	3.15	3.04	2.03	2.74	2.74	2.74	2.74	2.74	3.00	2.99	3.00	3.01	3.00	2.99	2.99	2.99
12 bulan	3.70	3.73	3.70	3.50	2.50	2.97	2.97	2.98	2.98	2.98	3.23	3.23	3.23	3.24	3.22	3.22	3.22	3.22
Deposit tabungan	1.41	1.48	1.44	1.40	0.86	1.00	1.01	1.01	1.01	1.02	1.08	1.14	1.09	1.10	1.03	1.14	1.15	1.15
Kadar pinjaman asas (BLR)	6.20	6.72	6.72	6.48	5.51	6.27	6.27	6.27	6.27	6.27	6.54	6.54	6.54	6.54	6.54	6.54	6.54	6.53
Bil Perbendaharaan (91 hari)	2.96	3.37	3.41	3.02	1.97	2.83	2.82	2.84	2.83	2.82	2.97	2.92	2.94	2.99	3.00	2.97	2.98	3.00
Sekuriti Kerajaan (1 tahun)	3.30	3.55	3.53	2.89	2.12	2.85	2.84	2.89	2.94	2.92	2.99	2.96	2.91	2.94	2.99	2.90	2.82	2.82
Sekuriti Kerajaan (5 tahun)	3.73	3.70	3.78	3.00	3.79	3.39	3.48	3.50	3.65	3.54	3.56	3.50	3.49	3.38	3.40	3.35	3.30	3.23
Sekuriti hutang swasta																		
AAA																		
3-tahun	3.95	4.01	4.07	4.17	3.72	3.63	3.69	3.71	3.72	3.72	3.73	3.72	3.72	3.72	3.68	3.68	3.66	3.65
5-tahun	4.38	4.24	4.28	4.48	4.32	4.07	4.11	4.12	4.11	4.09	4.07	4.09	4.08	4.08	4.07	4.05	4.00	3.99
AA																		
3-tahun	4.36	4.38	4.39	4.95	4.50	4.34	4.35	4.36	4.37	4.35	4.35	4.35	4.32	4.34	4.30	4.31	4.29	4.29
5-tahun	4.81	4.71	4.64	5.31	5.07	4.75	4.75	4.76	4.76	4.74	4.74	4.77	4.72	4.74	4.68	4.71	4.66	4.65
A																		
3-tahun	5.94	5.91	6.06	6.90	6.80	6.90	6.94	6.97	6.98	6.85	6.72	6.68	6.59	6.65	6.58	6.61	6.57	6.57
5-tahun	6.70	6.53	6.51	7.43	7.57	7.53	7.49	7.50	7.52	7.38	7.34	7.27	7.19	7.20	7.14	7.16	7.12	7.11
BBB																		
3-tahun	9.44	9.57	9.71	10.32	10.18	10.40	10.34	10.35	10.37	10.31	10.29	10.29	10.23	10.29	10.25	10.29	10.22	10.21
5-tahun	10.41	10.51	10.72	11.36	11.32	11.43	11.42	11.45	11.46	11.37	11.38	11.41	11.31	11.35	11.36	11.28	11.23	11.24
BB & ke bawah																		
3-tahun	11.97	12.06	11.92	12.68	12.58	12.78	12.81	12.82	12.84	12.77	12.76	12.82	12.68	12.74	12.72	12.70	12.65	12.62
5-tahun	13.04	13.13	13.16	13.86	14.02	14.51	14.45	14.46	14.49	14.27	14.32	14.45	14.15	14.20	14.23	14.19	14.12	14.13

Jadual A.25

Pergerakan Ringgit

	RM berbanding dengan satu unit mata wang asing[1]			Perubahan tahunan (%)		Perubahan (%)
	2005	2010	2011	2010	2011	21 Jul.'05 - Dis. 2011
	21 Jul.[2]	Akhir Dis.				
SDR	5.5049	4.7273	4.8621	13.1	-2.8	13.2
Dolar AS	3.8000	3.0835	3.1770	11.1	-2.9	19.6
Dolar Singapura	2.2570	2.3859	2.4427	2.3	-2.3	-7.6
100 yen Jepun	3.3745	3.7869	4.0975	-2.1	-7.6	-17.6
Paun sterling	6.6270	4.7817	4.8962	15.0	-2.3	35.3
Franc Swiss	2.9588	3.2720	3.3755	1.1	-3.1	-12.3
Euro	4.6212	4.0804	4.1118	20.6	-0.8	12.4
100 baht Thai	9.0681	10.227	10.009	0.4	2.2	-9.4
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0344	0.0347	6.0	-0.9	11.5
100 won Korea	0.3665	0.2707	0.2746	8.5	-1.4	33.5
100 peso Filipina	6.8131	7.0400	7.2468	5.4	-2.9	-6.0
Renminbi China	0.4591	0.4662	0.5034	7.6	-7.4	-8.8

[1] Kadar dolar Amerika Syarikat ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Antara Bank Kuala Lumpur
Kadar bagi mata wang selain dolar Amerika Syarikat ialah kadar silang yang diperoleh daripada kadar mata wang asing tersebut berbanding dengan dolar Amerika Syarikat dan kadar RM/dolar Amerika Syarikat

[2] Ringgit bertukar daripada kadar pertukaran tetap berbanding dengan dolar Amerika Syarikat kepada apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang

Jadual A.26

Institusi Kredit Perumahan

	Tahun penubuhan	Objektif	Kadar pinjaman untuk pinjaman perumahan baru (%)		Bilangan cawangan	
			2010	2011	2010	2011
Bank perdagangan	-		4.0[1,2]	4.24[1,2]	4108[3]	4197[3]
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	1970	Menyediakan pinjaman perumahan untuk kakitangan Kerajaan	4.0[1]	4.0[1]	2	2
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	1954	Sebuah koperasi yang mengambil deposit dan menyediakan kemudahan perbankan berlandaskan prinsip Syariah	6.8[1]	7.0[1]	127	134
Malaysia Building Society Berhad	1950	Untuk menjadi institusi kewangan yang berasaskan pengguna dengan menawarkan aktiviti pinjaman harta benda dan pengambilan deposit, ke arah mewujudkan pengurusan kekayaan untuk pelanggannya	7.04 ~ 7.08	7.29 ~ 7.31	33	35
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	1958	Menyediakan pinjaman perumahan khusus untuk kakitangan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak	6.75~8.25	6.75 ~ 8.25	1	1
Bank Simpanan Nasional	1974	Untuk menggalakkan dan menggembleng simpanan terutamanya daripada penyimpan kecil serta memupuk tabiat berjimat cermat dan suka menyimpan	4.2[1]	4.5[1]	384	390
Sabah Credit Corporation	1955	Untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi rakyat Malaysia di Sabah melalui akses kepada kredit kewangan yang mudah	3.0 ~ 7.5	3.0 ~ 7.5	11	11

[1] Kadar pinjaman purata 12 bulan
[2] Tidak termasuk bank-bank Islam
[3] Termasuk bank-bank Islam

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.27

Pinjaman Perumahan Terkumpul

	2010	2011*a*	2010	2011*a*	2010	2011*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)		% bahagian	
Bank perdagangan[1]	226,963	255,849	12.9	12.7	85.3	85.4
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	26,007	31,207	-2.7	20.0	9.8	10.4
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	3,837	3,382	-8.4	-11.9	1.4	1.1
Malaysia Building Society Berhad	5,354	5,160	1.5	-3.6	2.0	1.7
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	682	652	-4.8	-4.4	0.3	0.2
Bank Simpanan Nasional	3,132	3,299	3.2	5.3	1.2	1.1
Perbadanan Pinjaman Sabah	141	0	-13.1	…	0.1	…
Jumlah	**266,116**	**299,549**	**10.3**	**12.6**	**100.0**	**100.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
… Terlalu kecil

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.28

Pinjaman Perumahan yang Diluluskan

	2010	2011*a*	2010	2011*a*	2010	2011*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)		% bahagian	
Bank perdagangan[1]	80,327	88,666	18.6	10.4	91.0	90.9
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	6,254	6,796	5.7	8.7	7.1	7.0
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	402	487	73.0	21.3	0.5	0.5
Malaysia Building Society Berhad	396	512	-76.0	29.2	0.4	0.5
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	37	52	-37.3	39.9	…	0.1
Bank Simpanan Nasional	900	1,042	12.8	15.8	1.0	1.1
Perbadanan Pinjaman Sabah	3	0	-37.0	…	…	…
Jumlah	**88,319**	**97,556**	**15.6**	**10.5**	**100.0**	**100.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
… Terlalu kecil

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.29

Pembiayaan Ekonomi

Mengikut pelanggan / Mengikut jenis pembiayaan/institusi	Perusahaan perniagaan[1]		Isi rumah	Kerajaan	Jumlah pembiayaan
	Jumlah	antaranya: PKS[2]			
	RM juta				
Perubahan Bersih dalam Pembiayaan (2010)					
Pengantara Kewangan					
Institusi Perbankan	33,787	3,031	57,933	8,058	99,778
Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)[3]	3,311	(3,480)	7,536	-	10,847
Pengantara Domestik Lain[4]	4,163	(195)	(709)	-	3,454
Pasaran Modal					
Pasaran Bon[5]	16,345	-	-	34,222	50,567
Pasaran Ekuiti	32,139	-	-	-	32,139
Pembiayaan Luar					
Pelaburan Langsung Asing	29,321	-	-	-	29,321
Pinjaman Luar[6,7]	(3,013)	-	-	(2,052)	(5,065)
Jumlah	**116,053**	**(644)**	**64,760**	**40,228**	**221,040**
Perubahan Bersih dalam Pembiayaan (2011)					
Pengantara Kewangan					
Institusi Perbankan	53,153	24,860	63,151	3,923	120,227
Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)[3]	2,164	(657)	4,570	-	6,734
Pengantara Domestik Lain[4]	9,948	(277)	5,200	-	15,148
Pasaran Modal					
Pasaran Bon[5]	27,198	-	-	45,221	72,419
Pasaran Ekuiti	12,621	-	-	-	12,621
Pembiayaan Luar					
Pelaburan Langsung Asing	32,925	-	-	-	32,925
Pinjaman Luar[6,7]	6,062	-	-	(251)	5,811
Jumlah	**144,070**	**23,926**	**72,921**	**48,893**	**265,884**

[1] Perusahaan perniagaan termasuk institusi kewangan bukan bank, entiti bukan perusahaan perniagaan tempatan dan entiti asing
[2] Diselaraskan untuk memasukkan PKS yang dikelaskan semula sebagai syarikat besar
[3] Merujuk kepada IKP di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan, 2002
[4] Pengantara domestik lain termasuk syarikat insurans, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Institusi Kredit Perumahan, syarikat pemajakan dan pemfaktoran dan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan
[5] Merujuk kepada perubahan bersih dalam sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul dan semua sekuriti Kerajaan Malaysia. Data tidak termasuk bon Cagamas dan terbitan pelabur asing. PDS termasuk stok pinjaman tidak boleh tebus, boleh tukar dan tidak dilindungi (ICULS) dan nota jangka sederhana yang diterbitkan oleh sektor korporat
[6] Berdasarkan klasifikasi baharu hutang luar yang telah ditakrifkan semula untuk mengambil kira entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin, mulai suku pertama tahun 2008
[7] Pinjaman luar Kerajaan termasuk pembiayaan kepada perusahaan awam bukan kewangan (PABK)

Jadual A.30

Kewangan Sektor Awam Disatukan

	2008	2009	2010	2011*a*	2012*r*
	RM bilion				
Hasil[1]	128.3	132.9	131.3	165.5	161.6
% pertumbuhan	*15.9*	*3.5*	*-1.1*	*26.0*	*-2.4*
Perbelanjaan mengurus	165.0	170.6	167.2	195.9	196.3
% pertumbuhan	*22.2*	*3.4*	*-2.0*	*17.2*	*0.2*
Lebihan semasa PABK[2]	119.4	98.4	124.2	76.1	121.1
Lebihan semasa	**82.7**	**60.7**	**88.4**	**45.7**	**86.4**
% daripada KDNK	***11.1***	***8.9***	***11.5***	***5.4***	***9.4***
Perbelanjaan pembangunan bersih[3]	124.4	112.2	104.4	132.5	163.8
% pertumbuhan	*29.1*	*-9.8*	*-6.9*	*26.9*	*23.6*
Sektor Kerajaan[4]	50.5	56.5	55.1	57.4	59.9
PABK	73.8	55.7	49.3	75.1	103.9
Imbangan keseluruhan	**-41.7**	**-51.5**	**-16.0**	**-86.8**	**-77.4**
% daripada KDNK	***-5.6***	***-7.6***	***-2.1***	***-10.2***	***-8.4***

[1] Tidak termasuk bayaran pindahan dalam sektor Kerajaan
[2] Merujuk kepada 30 PABK bermula dari tahun 2004 dan seterusnya
[3] Mengambil kira bayaran pindahan dan pinjaman bersih dalam sektor awam
[4] Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan dan badan berkanun
a Awalan
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK)

Jadual A.31

Ekonomi-ekonomi Maju Utama: Penunjuk Ekonomi Utama

	2007	2008	2009	2010	2011*a*	2012*r*
	Perubahan tahunan (%)					
KDNK BENAR						
Amerika Syarikat	1.9	-0.3	-3.5	3.0	1.7	1.8
Jepun	2.2	-1.0	-5.5	4.4	-0.7	1.7
Kawasan euro	3.0	0.4	-4.3	1.9	1.4	-0.5
Jerman	*3.3*	*1.1*	*-5.1*	*3.7*	*3.0*	*0.3*
United Kingdom	3.5	-1.1	-4.4	2.1	0.8	0.6
INFLASI						
Amerika Syarikat	2.9	3.8	-0.3	1.6	3.1	1.2
Jepun	0.0	1.4	-1.4	-0.7	-0.3	-0.5
Kawasan euro	2.1	3.3	0.3	1.6	2.7	1.5
Jerman	*2.3*	*2.8*	*0.2*	*1.2*	*2.5*	*1.3*
United Kingdom	2.3	3.6	2.2	3.3	4.5	2.4
	% daripada tenaga kerja					
PENGANGGURAN						
Amerika Syarikat	4.6	5.8	9.3	9.6	9.0	9.0
Jepun	3.9	4.0	5.1	5.1	4.5	4.8
Kawasan euro	7.6	7.6	9.6	10.1	10.2	9.9
Jerman	*8.7*	*7.5*	*7.8*	*7.1*	*5.9*	*6.2*
United Kingdom	5.3	5.6	7.6	7.8	8.1	7.8
	% daripada KDNK					
IMBANGAN AKAUN SEMASA						
Amerika Syarikat	-5.1	-4.7	-2.7	-3.2	-3.1	-2.1
Jepun	4.8	3.2	2.8	3.6	2.5	2.8
Kawasan euro	0.2	-0.7	0.1	0.3	0.1	0.4
Jerman	*7.5*	*6.3*	*5.6*	*5.7*	*5.0*	*4.9*
United Kingdom	-2.6	-1.6	-1.7	-3.2	-2.7	-2.3
IMBANGAN FISKAL[1]						
Amerika Syarikat	-2.7	-6.5	-12.8	-10.3	-9.6	-7.9
Jepun	-1.9	-3.4	-9.4	-8.0	-8.9	-7.7
Kawasan euro	-0.7	-2.0	-6.3	-6.0	-4.2	-3.1
Jerman	*0.3*	*0.1*	*-3.1*	*-3.3*	*-1.7*	*-1.1*
United Kingdom	-2.7	-4.9	-10.3	-10.2	-8.5	-7.0

[1] Merujuk kepada imbangan fiskal kerajaan am
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

Jadual A.32

Asia Sedang Pesat Membangun: Penunjuk Ekonomi Utama

	2007	2008	2009	2010	2011*a*	2012*r*
KDNK BENAR	Perubahan tahunan (%)					
Republik Rakyat China	14.2	9.6	9.2	10.4	9.2	8.2
Korea	5.1	2.3	0.3	6.2	3.6	4.4
China Taipei	6.0	0.7	-1.8	10.7	4.0	5.0
Singapura	8.9	1.7	-1.0	14.8	4.9	4.3
Hong Kong SAR	6.4	2.3	-2.6	7.0	5.0	4.3
Malaysia	6.5	4.8	-1.6	7.2	5.1	4.0~5.0
Thailand	5.0	2.5	-2.3	7.8	0.1	4.8
Indonesia	6.3	6.0	4.6	6.2	6.5	6.3
Filipina	6.6	4.2	1.1	7.6	3.7	4.9
INFLASI	Perubahan tahunan (%)					
Republik Rakyat China	4.8	5.9	-0.7	3.3	5.4	3.3
Korea	2.5	4.7	2.8	2.9	4.0	3.5
China Taipei	1.8	3.5	-0.9	1.0	1.4	1.8
Singapura	2.1	6.6	0.6	2.8	5.2	2.9
Hong Kong SAR[1]	2.0	4.3	0.6	2.3	5.3	4.5
Malaysia	2.0	5.4	0.6	1.7	3.2	2.5~3.0
Thailand	2.2	5.4	-0.9	3.3	3.8	4.1
Indonesia	6.6	11.1	2.8	5.1	5.4	6.5
Filipina	2.8	9.3	3.2	3.8	4.4	4.1
IMBANGAN AKAUN SEMASA	% daripada KDNK					
Republik Rakyat China	10.1	9.1	5.2	5.2	3.3	3.2
Korea	2.1	0.3	3.9	2.8	1.5	1.4
China Taipei	8.9	6.9	11.4	9.3	11.0	11.0
Singapura	27.3	14.6	19.0	22.2	19.8	18.5
Hong Kong SAR	12.3	13.7	8.6	6.2	5.4	5.5
Malaysia	15.9	17.7	16.5	11.5	11.5	11.9
Thailand	6.3	0.8	8.3	4.6	3.4	2.5
Indonesia	2.4	0.03	2.5	0.8	0.3	-0.4
Filipina	4.8	2.1	5.6	4.2	3.1	1.3
IMBANGAN FISKAL[2]	% daripada KDNK					
Republik Rakyat China	0.9	-0.4	-3.1	-2.3	-2.0	-2.0
Korea	2.3	1.6	0.02	1.7	2.1	2.4
China Taipei	-1.4	-2.2	-5.2	-4.8	-4.3	-3.3
Singapura	10.0	5.3	-0.8	5.2	3.2	3.6
Hong Kong SAR	8.2	0.1	1.6	4.5	2.7	4.2
Malaysia[3]	-3.2	-4.8	-7.0	-5.6	-5.0	-4.7
Thailand	0.2	0.1	-3.2	-2.7	-2.6	-2.9
Indonesia	-1.0	-0.003	-1.8	-1.2	-1.8	-1.3
Filipina	-1.5	-1.2	-3.7	-3.5	-2.9	-2.5

[1] Merujuk kepada indeks harga komposit
[2] Merujuk kepada imbangan fiskal kerajaan am
[3] Merujuk kepada imbangan fiskal kerajaan pusat
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pihak Berkuasa Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia